Dari segi kadar deposit tetap (FD) runcit, pelarasan kepada kadar itu dibuat oleh beberapa institusi perbankan. Pelarasan ini ditumpukan pada tempoh matang pertengahan, seperti tempoh matang 6 bulan dan 9 bulan, sementara kadar bagi tempoh matang 1 bulan dan 12 bulan kebanyakannya kekal tidak berubah pada 3.00% dan 3.70%. Tindak balas kadar faedah deposit terhadap perubahan OPR yang lebih perlahan berbanding dengan kadar pinjaman, mencerminkan keadaan mudah tunai dalam sistem kewangan terus lebih daripada mencukupi. Ini juga dicerminkan oleh nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit yang lebih rendah masing-masing pada 77.5% dan 85.8% pada akhir tahun 2005 (2004: masing-masing 78.4% dan 87.7%).

Dengan keadaan monetari yang akomodatif, terdapat pertumbuhan yang berterusan dalam pembiayaan sektor swasta pada tahun 2005. Pembiayaan kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat 8.9% pada tahun itu (2004: 5.7%), dengan pengeluaran pinjaman lebih tinggi dan dana yang diperoleh dalam

Graf 2.1
Kadar Faedah Pemberian Pinjaman: Bank Perdagangan dan Syarikat Kewangan



Jadual 2.2
Kadar Faedah dan Mudah Tunai

	2002	2003	2004	2005
	Pada akhir tempoh (%)			
Kadar Campur Tangan 3 bulan	5.0	4.5	-	-
Kadar dasar semalaman (OPR) [1]	-	-	2.70	3.00
Kadar faedah antara bank				
Semalaman	2.71	2.72	2.69	3.00
1 bulan	2.99	2.99	2.77	3.12
Kadar pinjaman asas (BLR)				
Bank perdagangan	6.39	6.00	5.98	6.20
Syarikat kewangan	7.45	6.90	6.90	7.03
Kadar purata pemberian pinjaman (ALR)				
Bank perdagangan	6.51	6.11	5.98	6.12
Syarikat kewangan	9.75	9.11	8.78	8.66
Kadar pemberian pinjaman purata berwajaran untuk pinjaman baru yang diluluskan oleh Bank Perdagangan				
Pinjaman perniagaan	6.25	5.72	5.64	5.70
antaranya: PKS	*6.84*	*6.30*	*6.20*	*6.36*
Pinjaman isi rumah[2]	4.66	4.32	4.34	4.09
Kadar deposit tetap				
Bank perdagangan				
3 bulan	3.20	3.00	3.00	3.02
12 bulan	4.00	3.70	3.70	3.70
Syarikat kewangan				
3 bulan	3.20	3.00	3.00	3.00
12 bulan	4.00	3.68	3.70	3.70
Kadar deposit tabungan				
Bank perdagangan	2.12	1.86	1.58	1.41
Syarikat kewangan	2.65	2.18	1.98	1.53
	Purata pada tempoh (%)			
Perbezaan kadar faedah nominal				
Malaysia – Amerika Syarikat	1.31	1.66	1.16	-0.77
Malaysia – Singapura	2.15	2.14	1.79	0.57
	Pada akhir tempoh (RM bilion)			
Lebihan (+) / jurang (-) sumber	76.2	106.0	134.8	155.6
Lebihan (+) / jurang (-) sumber terlaras [3]	24.6	45.9	77.0	98.6
	Pada akhir tempoh (%)			
Nisbah pinjaman deposit	84.9	80.9	78.4	77.5
Nisbah pembiayaan deposit [3]	95.1	91.7	87.7	85.8

[1] OPR menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai kadar dasar BNM bermula 26 April 2004.

[2] Tidak termasuk kad kredit.

[3] Diselaraskan untuk merangkumi pemegangan Sekuriti Hutang Swasta.

pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) lebih banyak. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul naik pada kadar tahunan 9.3% pada akhir tahun 2005 (8.6% pada akhir tahun 2004).

Aktiviti pemberian pinjaman bank terus berkembang pada tahun 2005. Permintaan terhadap kredit baru terus meningkat, walaupun secara sederhana, seperti yang dicerminkan dalam permohonan pinjaman baru yang meningkat 11.7% (2004: 20.1%). Sementara itu, nisbah kelulusan baru kepada permohonan secara relatif kekal stabil dengan kelulusan pinjaman baru berjumlah RM193.4 bilion atau kenaikan tahunan sebanyak 11.4% (2004: 13.6%). Pengeluaran pinjaman meningkat 8.4% (2004: 10.6%), mengatasi dengan nyata pembayaran balik pinjaman, dan memberi momentum untuk peningkatan pinjaman terkumpul sebanyak 8.6% pada akhir tahun 2005 (2004: 8.5%).

Trend penunjuk pinjaman menggambarkan perkembangan dalam sektor benar, dengan pertumbuhan mantap dalam penggunaan dan pelaburan swasta, dan subsektor perkhidmatan sebagai pendorong utama pertumbuhan. Pertumbuhan permintaan terhadap pinjaman baru bank dilihat dalam kebanyakan subsektor perniagaan,

Graf 2.2
Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



dengan jumlah permohonan pinjaman baru meningkat pada kadar yang lebih sederhana, iaitu 5.7% pada tahun 2005 (2004: 20%). Dari segi subsektor ekonomi, pertumbuhan permohonan pinjaman perniagaan baru yang lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh kemerosotan permohonan daripada sektor pembinaan, dan juga peningkatan yang lebih perlahan dalam permohonan daripada sektor perkilangan; sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; dan untuk pembelian harta tanah bukan kediaman. Meskipun peningkatan permohonan lebih sederhana, peningkatan kelulusan pinjaman baru adalah stabil pada 9.8%, manakala pengeluaran pinjaman meningkat 7.4% (2004: 10.5%), dengan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi atau mapan dicatat bagi kebanyakan sektor perniagaan. Khususnya, pertumbuhan dalam jumlah pengeluaran pinjaman perniagaan terutamanya adalah daripada

Jadual 2.3
Sistem Perbankan[1]: Penunjuk Pinjaman

	Pada tahun (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2001	2002	2003	2004	2005	2001	2002	2003	2004	2005
Jumlah										
Permohonan pinjaman	190.6	217.2	227.6	273.3	305.4	-8.7	14.0	4.8	20.1	11.7
Kelulusan pinjaman	125.6	137.6	152.8	173.6	193.4	-6.8	9.5	11.1	13.6	11.4
Pengeluaran pinjaman	373.5	411.6	441.5	488.2	529.3	3.5	10.2	7.3	10.6	8.4
Pembayaran balik pinjaman	365.4	402.7	430.4	461.6	489.2	5.3	10.2	6.9	7.3	6.0
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	16.1	19.8	21.6	40.1	44.2	3.9	4.6	4.8	8.5	8.6
Perusahaan perniagaan										
Permohonan pinjaman	t.d.	135.3	124.9	149.9	158.5	t.d.	t.d.	-7.7	20.0	5.7
Kelulusan pinjaman	63.5	68.5	77.3	84.9	93.2	-19.7	7.9	12.8	9.8	9.8
Pengeluaran pinjaman	270.4	282.0	303.3	335.3	360.1	0.1	4.3	7.6	10.5	7.4
Pembayaran balik pinjaman	276.8	275.8	299.5	319.8	343.7	2.8	-0.4	8.6	6.8	7.5
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	-5.6	-3.1	-5.2	5.5	6.5	-2.5	-1.4	-2.4	2.6	3.0
PKS										
Permohonan pinjaman	t.d.	48.7	44.5	54.2	59.7	t.d.	t.d.	-8.6	21.7	10.3
Kelulusan pinjaman	t.d.	30.7	25.9	31.6	35.8	t.d.	t.d.	-15.5	22.0	13.1
Pengeluaran pinjaman	t.d.	49.5	87.1	100.4	110.7	t.d.	t.d.	76.0	15.3	10.2
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	4.0	...	7.4	6.3	7.7	5.7	...	10.0	7.7	8.7
Perusahaan perniagaan lain										
Permohonan pinjaman	t.d.	86.6	80.4	95.7	98.8	t.d.	t.d.	-7.2	19.1	3.2
Kelulusan pinjaman	t.d.	37.8	51.4	53.3	57.4	t.d.	t.d.	35.8	3.7	7.8
Pengeluaran pinjaman	t.d.	232.5	216.2	234.9	249.5	t.d.	t.d.	-7.0	8.6	6.2
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	-9.6	-3.1	-12.7	-0.8	-1.2	-6.1	-2.1	-8.8	-0.6	-0.9
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	t.d.	81.9	98.4	120.2	141.9	t.d.	t.d.	20.2	22.1	18.0
Kelulusan pinjaman	59.2	66.9	72.0	86.8	97.2	11.5	13.0	7.6	20.5	12.0
Pengeluaran pinjaman	87.0	105.1	114.4	130.3	145.2	14.5	20.8	8.9	13.9	11.4
Pembayaran balik pinjaman	71.5	83.7	94.1	107.0	115.1	9.9	17.0	12.4	13.7	7.6
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	23.1	26.2	26.2	33.3	40.0	14.8	14.7	12.8	14.4	15.1

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Pertumbuhan tahunan adalah untuk pinjaman terkumpul pada akhir tempoh.
t.d. Tidak diperoleh
... Terlalu kecil

Graf 2.3
Pengeluaran Pinjaman mengikut Sektor: Nilai dan Bahagian



Jadual 2.4
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Terkumpul

	Perubahan tahunan		% bahagian daripada jumlah pada akhir tahun 2005
	2004	2005	
	RM bilion		
Pinjaman sistem perbankan kepada:			
Perusahaan perniagaan	5.5	6.5	40.4
Isi rumah	33.3	40.0	54.5
Mengikut sektor:			
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	0.4	0.1	2.0
Perlombongan dan kuari	-0.1	-0.2	0.1
Perkilangan	1.9	-2.4	10.9
Bekalan elektrik, gas dan air	0.1	-0.5	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	4.3	3.6	8.4
Sektor harta benda luas	19.7	20.5	41.0
Pembinaan	*1.2*	*-0.7*	*5.4*
Pembelian rumah kediaman	*16.4*	*16.3*	*26.7*
Pembelian rumah bukan kediaman	*2.3*	*4.0*	*6.3*
Harta tanah	*-0.2*	*1.0*	*2.6*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	-0.8	1.4	2.0
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	1.7	-0.8	5.4
Kredit penggunaan	14.6	19.4	22.1
antaranya:			
Kad kredit	*2.0*	*2.5*	*3.0*
Pembelian kereta penumpang	*10.6*	*14.4*	*15.5*
Pembelian sekuriti	-0.4	1.5	3.7
Pembelian kenderaan pengangkutan	-0.8	0.4	0.5
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	0.1	0.6	1.0
Lain-lain	-0.7	0.4	1.9
Jumlah pinjaman terkumpul[2]	**40.1**	**44.2**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam.

[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

pinjaman sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel yang meningkat pada kadar tahunan sebanyak 16.5%.

Pada tahun 2005, keadaan kewangan korporat kekal kukuh seperti yang dicerminkan oleh penunjuk keuntungan, hutang dan tabungan korporat. Perbelanjaan modal terus meningkat dan disokong oleh dana yang dijana secara dalaman dan juga pembiayaan melalui pinjaman bank dan pasaran PDS. Permohonan pinjaman baru oleh syarikat besar meningkat pada kadar lebih sederhana, iaitu 3.2% (2004: 19.1%) sementara pengeluaran pinjaman meningkat 6.2% (2004: 8.6%). Sementara itu, dalam pasaran PDS yang kos pinjamannya kekal kompetitif, dana yang diperoleh perusahaan perniagaan untuk aktiviti baru meningkat dan disalurkan terutamanya ke sektor utiliti dan pembinaan.

Berikutan usaha berterusan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS, pinjaman kepada sektor ini terus berkembang pada tahun 2005, meskipun persekitaran semakin mencabar. Permintaan pinjaman PKS terus meningkat dengan peningkatan 10.3% dalam permohonan pinjaman baru (2004: 21.7%). Apa yang penting ialah pertumbuhan ini hampir selari dengan peningkatan 13.1% dalam kelulusan pinjaman (2004: 22%). Pinjaman sebanyak RM110.7 bilion dikeluarkan kepada sektor itu. Ini merupakan pengembangan 10.2% pada asas tahunan dan mencakupi bahagian yang lebih tinggi sedikit, iaitu 30.7% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan.

Meskipun terdapat sedikit kejatuhan dalam sentimen pengguna pada suku kedua dan ketiga, penggunaan isi rumah dan aktiviti pelaburan secara am kekal

berdaya tahan, disokong oleh pendapatan yang meningkat, keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pilihan pembiayaan yang menarik. Pada tahun 2005, jualan kereta penumpang meningkat dengan ketara dan pertumbuhan jualan runcit dan import barangan penggunaan berterusan. Pelancaran model kereta baru, terutamanya kereta nasional, mendorong kenaikan pengeluaran pinjaman yang kukuh sebanyak 34.4% pada asas tahunan bagi pembelian kereta penumpang (2004: 18.8%). Pinjaman yang dikeluarkan untuk urus niaga kad kredit pula meningkat 17.6% (2004: 19.1%). Pada akhir tahun 2005, baki terkumpul bagi kad kredit berjumlah RM16.7 bilion, iaitu pertambahan sebanyak 17.3% pada asas tahunan dan mencakupi 3% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan.

Dari segi pelaburan sektor isi rumah dalam harta kediaman, pengeluaran pinjaman untuk pembelian harta kediaman merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.9% (2004: 9.1%), setelah peningkatan kukuh pada tahun sebelumnya, yang sebahagiannya didorong oleh insentif pemilikan rumah yang dilaksanakan mulai bulan Jun 2003 dan tamat pada bulan Jun 2004.

Walaupun pinjaman kepada sektor isi rumah terus meningkat, beban menjelaskan hutang pada asas agregat bagi sektor isi rumah terus mampu diurus. Kejadian mungkir pembayaran secara relatif kekal stabil. NPL sektor isi rumah sebagai peratusan daripada jumlah pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah menunjukkan trend yang stabil dan berada pada 7.5% pada akhir bulan Disember 2005 (akhir Disember 2004: 7.6%). Sementara itu, bilangan individu yang muflis berkurang 2.4% pada asas tahunan. Kedudukan kekayaan bersih sektor isi

Graf 2.4
Sistem Perbankan: Pinjaman kepada Isi Rumah (pada akhir tempoh)



Graf 2.5
Nilai Agregat Urus Niaga Kad Kredit Pemegang Kad Rakyat Malaysia



rumah juga kekal kukuh, dengan penunjuk seperti deposit dan pelaburan kewangan lain menunjukkan aset kewangan sektor isi rumah terus melebihi hutang sektor isi rumah. Faktor-faktor ini dan trend harga rumah yang agak stabil, menyokong kemapanan penggunaan dan aktiviti pelaburan sektor isi rumah. Bilangan isi rumah yang berbelanja melebihi pendapatan dan mungkin tidak berkemampuan untuk menjelaskan dan membayar semula pinjaman akibat perkembangan yang tidak diduga, kekal kecil. Amalan pemberian pinjaman berhemat dan juga akses kepada maklumat kredit menyeluruh di kalangan bank melalui Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) membawa kepada pengurusan risiko yang lebih baik dalam sektor kewangan. Ini penting dalam mengimbangi pendedahan risiko kredit. Namun begitu, sebagai langkah pencegahan awal, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit yang akan memulakan operasi pada suku pertama 2006, untuk menangani permasalahan kredit yang mungkin dihadapi oleh isi rumah.

Bekalan wang terus meningkat pada tahun 2005 selaras dengan perkembangan ekonomi dan kewangan. Wang secara luas atau M3, menunjukkan trend pertumbuhan yang secara relatif stabil pada separuh pertama 2005, yang kemudiannya menjadi sederhana sedikit menjelang penghujung tahun. Pada akhir tahun 2005, M3 meningkat pada kadar tahunan 8% (akhir 2004: 12.4%). Pembiayaan sektor swasta yang lebih tinggi pada tahun itu merupakan pendorong utama kepada pengembangan M3. Selain itu, sektor luar negeri turut menyumbang kepada pertumbuhan M3, walaupun sumbangan sektor itu tidak sebesar sumbangan pada tahun 2004. Pada bulan-bulan terakhir tahun 2005 khususnya, aset asing bersih memberikan kesan

Graf 2.6
Agregat Monetari



Jadual 2.5
Wang Secara Luas, M3

	Perubahan (RM bilion)	
	2004	2005
M3	68.0	49.7
Mata wang	2.6	1.6
Deposit permintaan	10.1	8.7
Separuh wang secara luas	55.3	39.4
Deposit tetap	*24.7*	*4.9*
Deposit tabungan	*6.1*	*1.9*
NID	*8.2*	*12.8*
Repo	*13.3*	*17.3*
Deposit mata wang asing	*3.0*	*2.5*
Faktor Penentu M3		
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-15.9	-5.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	30.6	45.4
Pinjaman	*39.8*	*45.0*
Sekuriti	*-9.2*	*0.4*
Operasi luar bersih	82.0	16.5
Bank Negara Malaysia	*75.1*	*28.3*
Sistem perbankan	*6.9*	*-11.8*
Pengaruh lain	-28.7	-6.7

penguncupan pada M3, sebahagian besarnya mencerminkan pengurangan kedudukan panjang spekulasi dalam ringgit.

Sementara itu, M1 yang merupakan pengukur bagi baki urus niaga, berkembang pada kadar tahunan 8.5% pada tahun 2005 (2004: 11.9%), yang secara kasar sejajar dengan pertumbuhan mapan aktiviti perbelanjaan.

PERKEMBANGAN KADAR PERTUKARAN MATA WANG

Pada 21 Julai 2005, Malaysia beralih daripada rejim kadar pertukaran tetap USD1 = RM3.80, kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang. Perubahan dasar ini dilakukan untuk membolehkan Malaysia bertindak balas kepada dan mendapat manfaat daripada perubahan struktur yang berlaku di rantau ini dengan lebih baik. Dengan negara serantau menjadi rakan dagangan Malaysia yang semakin penting, kepentingan tersebut dijangka terus meningkat pada masa hadapan selaras dengan usaha serantau untuk mempromosi hubungan ekonomi dan kewangan yang lebih rapat.

Menggalakkan kestabilan kadar pertukaran berbanding dengan mata wang rakan dagangan Malaysia yang utama kekal menjadi objektif utama dasar kadar pertukaran. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan amat terbuka, persekitaran kadar pertukaran yang stabil berbanding dengan rakan dagangan utama adalah penting untuk mencapai pertumbuhan yang mapan dan kestabilan harga. Di bawah sistem apungan terurus, kadar pertukaran ringgit ditentukan sebahagian besarnya oleh permintaan dan penawaran ringgit dalam pasaran pertukaran asing. Bank Negara Malaysia tidak menguruskan atau mengekalkan kadar pertukaran secara aktif pada mana-mana tahap tertentu - asas ekonomi dan keadaan pasaran menjadi penentu utama paras kadar pertukaran ringgit. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia hanya akan campur tangan untuk meminimumkan volatiliti dan untuk memastikan kadar pertukaran tidak mengalami ketidakjajaran dengan asas ekonomi negara.

Rejim kadar pertukaran ringgit dan seterusnya pergerakan dalam kadar pertukaran ringgit boleh dibahagikan kepada dua tempoh pada tahun 2005. Rejim kadar pertukaran tetap USD1 kepada RM3.80 dikekalkan dari 1 Januari – 21 Julai 2005, seperti mana yang dikekalkan sejak 2 September 1998. Dalam tempoh ini, perkembangan ringgit keseluruhannya didorong oleh pergerakan dolar AS dan penjajaran semula mata wang utama dan serantau berbanding dengan mata wang AS. Pada tahun 2005, dolar menambah nilai berbanding dengan mata wang utama ekoran jangkaan kenaikan kadar *Federal Funds* AS yang meluaskan kebezaan kadar faedah yang berpihak kepada dolar AS, dan juga jangkaan berterusan bahawa pertumbuhan ekonomi AS akan mengatasi pertumbuhan kawasan euro dan Jepun. Dolar AS turut disokong oleh permintaan mapan daripada pelabur antarabangsa terhadap aset AS. Mata wang serantau juga pada amnya terjejas oleh kebimbangan kenaikan harga minyak yang lebih tinggi akan meningkatkan kos import dan mengurangkan permintaan untuk eksport serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (11.9%), paun sterling (10.4%) dan yen Jepun

Graf 2.7
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Utama



Graf 2.8
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Serantau Terpilih



Nota: Peningkatan indeks menunjukkan peningkatan nilai mata wang tersebut berbanding ringgit.

(9.7%) disebabkan dolar AS yang kukuh. Di samping itu, ringgit menambah nilai dalam julat 0% - 7.7% berbanding dengan mata wang serantau, tetapi menyusut nilai berbanding peso Filipina (0.6%).

Dengan ringgit bertambah kukuh sejak awal tahun 2005, sebarang pengurangan nilai yang wujud akibat penyusutan nilai dolar AS pada tahun 2003 dan 2004 telah diterbalikkan dengan nyata. Oleh itu, kadar pertukaran dijangka tidak banyak berubah ketika perubahan kepada rejim yang baru. Proses penemuan harga berlaku secara teratur setelah tambatan ringgit dibebaskan dan menghasilkan kadar pertukaran yang stabil secara relatif. Dalam tempoh selepas peralihan kepada rejim apungan terurus, antara 22 Julai hingga 30 Disember 2005, ringgit bergerak bukan sahaja berbanding dengan dolar AS, malah berbanding dengan mata wang utama dan serantau yang lain. Ini mencerminkan keteguhan ekonomi dalam negeri secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, terdapat juga pengurangan yang ketara pada kedudukan panjang spekulatif (speculative long positions) dalam ringgit yang besar. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.5%), yen Jepun (4.7%), euro (3%) dan paun sterling (1.6%) bagi tempoh selepas pengenalan rejim baru sehingga hujung tahun. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai dalam julat 0.6% - 4.4% tetapi naik nilai berbanding dengan rupiah Indonesia sebanyak 0.5%.

Jadual 2.6
Pergerakan Ringgit

	RM berbanding dengan satu unit mata wang asing[1]					Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%)		
	1997	1998	2004	2005	2006	2004	2005	Akhir Jun '97- Dis. 2005	2 Sep.'98 - Dis. 2005	Akhir Dis '05- 28 Feb. '06
	Akhir Jun[2]	Sep. 2[3]	Akhir Dis.		Feb. 28					
SDR	3.5030	5.1177	5.8818	5.4020	5.3234	-4.3	8.9	-35.2	-5.3	1.5
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.7800	3.7135	0.0	0.5	-33.2	0.5	1.8
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.3258	2.2714	2.2857	-3.9	2.4	-22.3	-3.2	-0.6
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.7026	3.2229	3.1907	-4.0	14.9	-31.5	-13.9	1.0
Paun sterling	4.1989	6.3708	7.3169	6.5226	6.4643	-7.5	12.2	-35.6	-2.3	0.9
Franc Swiss	1.7368	2.6450	3.3517	2.8825	2.8106	-8.6	16.3	-39.7	-8.2	2.6
Euro[4]	–	–	5.1729	4.4867	4.4055	-7.6	15.3	–	–	1.8
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.7636	9.2049	9.4407	-1.7	6.1	5.9	1.8	-2.5
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0408	0.0385	0.0402	9.8	6.2	169.9	-7.9	-4.4
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3671	0.3739	0.3827	-13.4	-1.8	-24.0	-24.4	-2.3
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.7706	7.1254	7.1793	1.1	-5.0	34.6	23.9	-0.8
Renminbi China	0.3045	0.4594	0.4591	0.4686	0.4619	0.0	-2.0	-35.0	-2.0	1.5

[1] Kadar dolar AS ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur. Kadar bagi mata wang asing selain daripada dolar AS ialah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang asing itu berbanding dengan dolar AS dan kadar RM/dolar AS.
[2] Akhir Jun 1997 merupakan tahap sebelum Krisis Kewangan Asia.
[3] Ringgit ditetapkan pada USD1=RM3.8000 pada 2 September 1998.
[4] Euro mula diperdagangkan pada 4 Januari 1999 (EUR 1= RM4.5050).

Bagi tahun 2005 keseluruhannya, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.5%), euro (15.3%), yen Jepun (14.9%) dan paun sterling (12.2%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur, menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (6.2%), baht Thailand (6.1%) dan dolar Singapura (2.4%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina (5%), renminbi China (2%) dan won Korea (1.8%).

DASAR DAN OPERASI FISKAL

Dasar fiskal pada tahun 2005 terus tertumpu pada usaha memperkukuh lagi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan sambil menyokong pembinaan kapasiti bagi mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi. Kerajaan terus memainkan peranan menyokong sektor swasta untuk terus memperkukuh kedudukannya sebagai penggerak utama pertumbuhan. Strategi makroekonomi keseluruhan Kerajaan Persekutuan terus tertumpu pada usaha memperteguh pertumbuhan ekonomi dengan menjana sumber pertumbuhan dalam negeri, meningkatkan pembangunan sumber manusia, meningkatkan kapasiti sistem penyampaian sektor Kerajaan dan menggalakkan produktiviti yang lebih tinggi. Kesemua usaha ini, bersama-sama dengan sokongan dasar monetari, membolehkan jumlah penggunaan dan pelaburan sektor swasta mengekalkan pengembangan yang kukuh sebanyak 9.5% untuk menyumbang 5.7 mata peratusan kepada pertumbuhan ekonomi.

Meskipun perbelanjaan berkaitan petroleum lebih tinggi, disiplin fiskal yang berterusan dan perbelanjaan yang berhemat, ditambah pula dengan prestasi hasil yang menggalakkan, membawa kepada

Jadual 2.7
Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2004	2005*a*
	RM juta	
Hasil	99,397	106,304
Perbelanjaan mengurus	91,298	97,744
Akaun semasa	**8,099**	**8,560**
% daripada KDNK	**1.8**	**1.7**
Perbelanjaan pembangunan bersih	27,518	27,284
Perbelanjaan pembangunan kasar	*28,864*	*30,534*
Tolak: Terimaan balik pinjaman	*1,346*	*3,250*
Imbangan keseluruhan	**-19,419**	**-18,724**
% daripada KDNK	**-4.3**	**-3.8**

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan

Sementara dasar fiskal pada tahun 2005 terus tertumpu pada pembinaan kapasiti untuk menyokong pertumbuhan ekonomi, strategi konsolidasi fiskal Kerajaan Persekutuan terus dilaksanakan dengan defisit fiskal lebih rendah pada 3.8% daripada KDNK.

kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bertambah baik. Kerajaan Persekutuan mencatat defisit keseluruhan yang lebih kecil sebanyak RM18.7 bilion atau 3.8% daripada KDNK. Pengurangan defisit fiskal untuk tahun ketiga berturut-turut membuktikan komitmen Kerajaan yang padu terhadap dasar konsolidasi fiskal. Dengan defisit yang terurus ini, Kerajaan kini mempunyai kefleksibelan tambahan bagi menyediakan lebih sumber untuk aktiviti yang akan menyumbang kepada pengukuhan seterusnya dalam daya ketahanan ekonomi negara.

Hasil Kerajaan Persekutuan terus bertambah, sebanyak 6.9% kepada RM106.3 bilion pada tahun 2005, mencerminkan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mapan dan hasil berkaitan petroleum yang lebih tinggi. Pungutan hasil cukai yang lebih tinggi juga mencerminkan usaha bersepadu Kerajaan untuk memperluas asas cukai. Bahagian jumlah hasil kepada KDNK kekal pada paras tinggi sebanyak 21.5% (2004: 22.1%). Kedua-dua kategori hasil cukai, iaitu cukai langsung dan tidak langsung, meningkat pada tahun 2005, dan menghasilkan bahagian yang lebih besar, masing-masing sebanyak 50.4% dan 25.4% daripada jumlah hasil (2004: masing-masing 49% dan 23.5%). Perolehan daripada cukai pendapatan petroleum mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 26.9% berikutan harga minyak yang lebih tinggi. Prestasi perniagaan yang menggalakkan dan penambahbaikan sistem pungutan cukai menyumbang kepada peningkatan hasil daripada cukai pendapatan korporat. Hasil yang lebih tinggi dicapai meskipun berlaku pengiraan semula cukai korporat tahun semasa setelah mengambil kira olahan untuk bayaran balik cukai. Di samping itu, beberapa konsesi cukai dan insentif diperkenalkan pada tahun 2005 untuk meningkatkan aktiviti pelaburan swasta dan untuk mengurangkan beban cukai korporat. Pada tahun 2005, Lembaga Hasil

Graf 2.9



a Awalan

Jadual 2.8
Hasil Kerajaan Persekutuan

	2004	2005*a*	2004	2005*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)	
Hasil cukai	**72,050**	**80,594**	**11.0**	**11.9**
% daripada KDNK	**16.0**	**16.3**		
Cukai langsung	48,703	55,543	13.2	9.9
Syarikat	*24,388*	*26,381*	*1.7*	*8.2*
Petroleum	*11,479*	*14,566*	*35.6*	*26.9*
Individu	*8,977*	*8,649*	*12.4*	*-3.7*
Duti setem	*2,381*	*2,460*	*18.6*	*3.3*
Lain-lain	*1,479*	*1,487*	*160.1*	*0.6*
Cukai tidak langsung	23,347	27,051	6.7	15.9
Duti eksport	*1,600*	*2,085*	*38.4*	*30.3*
Duti import	*3,874*	*3,385*	*-1.1*	*-12.6*
Duti eksais	*6,427*	*8,641*	*27.7*	*34.5*
Cukai jualan	*6,816*	*7,709*	*-14.4*	*13.1*
Cukai perkhidmatan	*2,350*	*2,582*	*15.3*	*9.9*
Lain-lain	*2,280*	*2,648*	*29.1*	*16.2*
Hasil bukan cukai	**27,347**	**25,710**	**-1.3**	**-6.0**
Jumlah hasil	**99,397**	**106,304**	**7.3**	**6.9**
% daripada KDNK	**22.1**	**21.5**		

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan

Dalam Negeri mengambil beberapa langkah, termasuk meningkatkan perkhidmatan dan memperhebat usaha pungutan melalui penguatkuasaan yang lebih tegas. Namun begitu, pungutan cukai pendapatan individu adalah lebih rendah. Pada tahun 2005, pelepasan cukai lebih tinggi diberikan untuk membantu pembayar cukai hilang upaya, bagi meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh isi rumah dan untuk memupuk tabiat minat membaca. Bermula pada tahun 2005, Sistem Taksir Sendiri diperkenalkan kepada pembayar cukai individu sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memodenkan dan memperkemas sistem pentadbiran cukai.

Graf 2.10
Komposisi Hasil Kerajaan Persekutuan, 2005 (% bahagian)



Ringkasan Langkah-langkah Cukai Utama yang Dilaksanakan pada Tahun 2005

Cukai Pendapatan Individu
- Pelepasan cukai atas sumbangan KWSP dan premium insurans meningkat kepada RM6,000.
- Pelepasan cukai tambahan untuk warganegara yang hilang upaya dan pasangan masing-masing meningkat kepada RM6,000 dan RM3,500.
- Rebat cukai untuk pembelian komputer meningkat kepada RM500.
- Pelepasan cukai untuk pembelian buku meningkat kepada RM700.
- Pengecualian cukai atas faedah persaraan sehingga RM6,000 bagi setiap tahun perkhidmatan.

Cukai Pendapatan Syarikat
- Potongan cukai untuk zakat atas pendapatan perniagaan yang dibayar oleh syarikat.
- Pengecualian cukai atas pendapatan faedah daripada bon yang diterima oleh syarikat bukan pemastautin.
- Insentif cukai diberikan bagi menggalakkan pemodenan dan pengkomersialan sektor pertanian.
- Insentif cukai diperluas kepada syarikat yang sedia ada untuk penempatan semula aktiviti perkilangan di kawasan yang digalakkan.
- Skop insentif cukai diperluas bagi penggunaan tenaga yang diperbaharui kepada syarikat yang menjana tenaga tersebut untuk kegunaan sendiri.
- Potongan cukai dua kali diberikan kepada perbelanjaan yang ditanggung bagi mempromosikan eksport perkhidmatan profesional.

Cukai Tidak Langsung
- Duti import untuk barangan terpilih (sarung tangan pembedahan, karpet, barangan kaca, komponen separa siap untuk industri berasaskan kayu) dimansuhkan.
- Duti import atas bahan mentah terpilih untuk industri pakaian dan racun herba dikurangkan antara 5-30%.
- Pengecualian cukai 5% diberikan kepada duti import atas alat penukaran kenderaan gas asli (NGV) untuk kenderaan.
- Duti eksais atas rokok meningkat RM81 setiap 1,000 batang.
- Duti eksais atas minuman keras meningkat antara 10 sen hingga RM28 setiap liter.

Hasil Bukan Cukai
- Cukai jalan untuk motosikal dengan kapasiti enjin antara 151-250 cc dikurangkan sebanyak 50%.
- Cukai jalan untuk kereta penumpang dengan kapasiti enjin antara 1,001-1,600 cc dikurangkan sebanyak 50%, sementara kapasiti di bawah 1,000 cc, cukai jalan dikenakan sebanyak RM30 setiap tahun.
- Cukai jalan untuk gas mono dan kenderaan yang mempunyai dwibahan bakar dikurangkan masing-masing sebanyak 50% dan 25%.
- Pengecualian cukai 10% diberikan kepada cukai jalan untuk kenderaan dengan alat penukaran NGV.
- Cukai jalan bagi bas sekolah dan bas berhenti-henti dimansuhkan.

Kerajaan terus memberi tumpuan pada kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan kewangan dengan menyelaraskan langkah cukai, memperbaik pentadbiran cukai dan menggiatkan usaha pungutan. Pada tahun 2005, Kerajaan menubuhkan Panel Kajian Semula Sistem Percukaian yang terdiri daripada wakil sektor awam dan swasta untuk mengkaji semula sistem cukai. Pentadbiran cukai dipertingkatkan dengan penubuhan Tabung Bayaran Balik Cukai bagi mempercepatkan bayaran balik cukai pendapatan.

Kebanyakan sumber utama cukai tidak langsung mencatat pertumbuhan dua angka, mencerminkan permintaan agregat dalam negeri yang lebih kukuh pada tahun 2005. Perolehan duti eksais nyata lebih tinggi disebabkan permintaan yang terus tinggi terhadap kenderaan bermotor. Ini juga mencerminkan semakan menaik duti eksais atas minuman keras dan rokok buatan tempatan yang diumumkan dalam Bajet Tahun 2005 untuk menggalakkan gaya hidup yang sihat dan membendung masalah sosial. Sementara itu, harga minyak yang meningkat menyumbang kepada perolehan duti eksport yang lebih tinggi. Sejajar dengan komitmen Malaysia kepada Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), pengurangan secara beransur-ansur tarif import atas kenderaan bermotor siap dipasang (CBU) daripada negara ASEAN serta pengurangan dan pemansuhan duti atas

barangan terpilih yang diperkenalkan dalam Bajet Tahun 2005, mengakibatkan pungutan duti import yang lebih rendah pada tahun 2005.

Pungutan daripada hasil bukan cukai merosot 6% pada tahun 2005 disebabkan pendapatan pelaburan yang rendah. Namun, bahagiannya kepada jumlah hasil kekal menggalakkan pada 24% (2004: 27%).

Perbelanjaan kasar Kerajaan Persekutuan meningkat 6.8% kepada RM128.3 bilion pada tahun 2005. Teras keseluruhan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah untuk memperkukuh lagi asas ekonomi dan meningkatkan daya ketahanan sektor swasta. Dalam mengurus perbelanjaan, penekanan diberikan pada peningkatan kecekapan dan keberkesanan kos. **Perbelanjaan mengurus** adalah lebih tinggi sebanyak 7.1% atau RM6.4 bilion pada tahun 2005. Subsidi atas keluaran petroleum yang nyata lebih tinggi (RM11 bilion), yang merupakan lebih tiga kali ganda jumlah yang dicatat pada tahun 2004, adalah faktor utama kepada kenaikan perbelanjaan mengurus. Untuk membendung pertumbuhan perbelanjaan mengurus dalam julat yang munasabah, Kerajaan telah mengkaji semula dasar mengenai subsidi petroleum. Harga runcit keluaran petroleum dinaikkan sebanyak tiga kali pada tahun 2005 disebabkan harga minyak yang meningkat. Pada 1 Mac, Kerajaan meningkatkan harga diesel sebanyak 5 sen. Harga runcit petrol dinaikkan sebanyak 10 sen dan diesel sebanyak 20 sen masing-masing pada 2 Mei dan 31 Julai.

Jumlah pembayaran gaji, yang merupakan komponen terbesar perbelanjaan mengurus (26.2%) meningkat 7.6%. Pada tahun 2005, Kerajaan mengumumkan kenaikan gaji untuk Anggota Parlimen dan Menteri Kabinet dan elaun yang lebih tinggi bagi pelbagai kumpulan kakitangan awam, termasuk doktor pakar, pegawai perubatan dan doktor pelatih yang bekerja di hospital Kerajaan. Pembayaran yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan sebahagian besarnya untuk meningkatkan sistem penyampaian sektor awam dan menggalakkan budaya yang mementingkan penyelenggaraan. Sejumlah besar daripada perbelanjaan itu adalah untuk pemerolehan bekalan pejabat, pembaikan dan penyelenggaraan serta bayaran perkhidmatan profesional yang dikaitkan dengan inisiatif Kerajaan untuk menaik taraf kualiti dan kecekapan perkhidmatan awam. Pembayaran untuk geran dan pindahan kepada agensi kerajaan, badan berkanun dan kerajaan negeri diberikan untuk tujuan pembangunan dan penyelenggaraan. Meskipun paras hutang lebih tinggi, bayaran khidmat hutang dapat dibendung kerana pinjaman baru diperoleh pada kos yang lebih rendah pada tahun 2005.

Perbelanjaan pembangunan kasar meningkat 5.8% kepada RM30.5 bilion pada tahun 2005. Tumpuan perbelanjaan pembangunan adalah untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing jangka panjang, di samping terus menyokong aktiviti ekonomi. Keutamaan perbelanjaan telah dikaji semula untuk disasarkan kepada projek bersaiz kecil yang mempunyai kesan penggandaan dalam menghasilkan lebih banyak aktiviti ekonomi dalam jangka masa pendek. Khususnya, perbelanjaan disalurkan kepada aktiviti pertanian, pembinaan, perumahan dan infrastruktur di kawasan luar bandar. Pada tahun 2005, kecekapan perbelanjaan dipertingkatkan dengan memastikan manfaat sosial dan ekonomi dapat dimaksimumkan. Selain itu, lebih penekanan juga diberikan kepada penggunaan sistem tender terbuka untuk memastikan penetapan harga yang kompetitif.

Dari segi pengagihan mengikut sektor, perkhidmatan ekonomi terus menjadi komponen terbesar dalam jumlah perbelanjaan pembangunan bagi tahun kedua berturut-turut, dengan bahagiannya daripada jumlah perbelanjaan pembangunan meningkat 49% pada tahun 2005 daripada 35% pada tahun 2003. Sebahagian besar daripada pertambahan dalam perbelanjaan sektor ini disalurkan kepada subsektor perdagangan dan industri untuk menjana pertumbuhan. Perbelanjaan tertumpu pada mengukuhkan projek perusahaan kecil dan sederhana, penyelidikan perindustrian dan pembangunan teknologi serta pembangunan pelancongan. Perbelanjaan atas subsektor pengangkutan juga lebih tinggi, mencerminkan usaha bersepadu Kerajaan untuk

Jadual 2.9
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Objek

	2004	2005*p*	2004	2005*p*
	RM juta		% bahagian	
Emolumen	23,779	25,587	26.0	26.2
Bekalan dan perkhidmatan	16,633	17,984	18.2	18.4
Pembelian harta	1,764	1,603	1.9	1.6
Bayaran khidmat hutang	10,920	11,604	12.0	11.9
Pencen dan ganjaran	6,060	6,809	6.6	7.0
Subsidi	5,796	12,831	6.3	13.1
Geran dan pindahan lain[1]	21,264	20,982	23.3	21.5
Perbelanjaan lain[2]	5,082	344	5.7	0.3
Jumlah	**91,298**	**97,744**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**20.3**	**19.8**		

[1] Termasuk geran dan pindahan kepada kerajaan negeri serta agensi dan perusahaan awam.
[2] Termasuk bayaran balik, geran kepada organisasi antarabangsa, tuntutan insurans dan ganjaran serta lain-lain.
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan

Jadual 2.10
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor

	2004	2005*a*	2004	2005*a*
	RM juta		% bahagian	
Pertahanan dan keselamatan	4,133	4,803	14.3	15.7
Perkhidmatan ekonomi	11,851	14,957	41.1	49.0
Pertanian dan pembangunan luar bandar	2,881	2,495	10.0	8.2
Perdagangan dan industri	1,201	3,221	4.2	10.6
Pengangkutan	6,630	7,660	23.0	25.1
Kemudahan awam	945	1,481	3.3	4.9
Lain-lain	193	99	0.6	0.2
Perkhidmatan sosial	10,260	7,450	35.5	24.4
Pendidikan	4,316	3,736	15.0	12.2
Kesihatan	2,352	1,220	8.1	4.0
Perumahan	1,593	1,082	5.5	3.5
Lain-lain	1,999	1,412	6.9	4.7
Pentadbiran am	2,620	3,325	9.1	10.9
Jumlah	**28,864**	**30,534**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**6.4**	**6.2**		

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan

meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam dan menubuhkan rangkaian pengangkutan bersepadu nasional. Perbelanjaan untuk pembangunan sektor pertanian dan luar bandar serta kemudahan awam (seperti program jalan raya luar bandar, bekalan air dan elektrik) dibuat untuk terus memodenkan dan mengkomersialkan sektor pertanian serta meningkatkan kualiti hidup di kawasan luar bandar.

Dalam sektor perkhidmatan sosial, keutamaan terus diberikan kepada subsektor pendidikan dengan tumpuan diberikan pada pembangunan sumber manusia untuk menyokong strategi pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti. Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan pendidikan adalah lebih rendah kerana hampir kesemua projek pendidikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan telah disempurnakan menjelang tahun 2003. Perbelanjaan untuk perkhidmatan kesihatan kekal tinggi untuk memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perubatan yang berkualiti. Kerajaan juga terus melaksanakan projek perumahan untuk kakitangan awam dan golongan berpendapatan rendah. Sementara itu, perbelanjaan pentadbiran am adalah lebih tinggi untuk terus meningkat sistem penyampaian perkhidmatan dan menambah baik persekitaran pekerjaan dan perkhidmatan. Perbelanjaan yang disalurkan untuk pembelian kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi adalah bagi pelaksanaan pelbagai inisiatif di bawah projek Aplikasi Kerajaan Elektronik.

Langkah-langkah yang Diambil untuk Mengurangkan Kesan Kenaikan Harga Minyak

- **Menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif**
  - Menyediakan lebih banyak pam NGV di stesen minyak.
  - Menggalakkan penggunaan NGV, terutamanya oleh kenderaan pengangkutan jarak jauh.
  - Penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui di bawah program kecil tenaga boleh diperbaharui.
  - Membangunkan Projek jana kuasa hidroelektrik Bakun.
  - Memperkenalkan penggunaan bahan bakar "hijau" seperti biodiesel yang menggunakan minyak sawit.
- **Mengurangkan beban orang ramai**
  - Harga bahan bakar NGV ditetapkan pada separuh daripada harga petrol.
  - Pengurangan cukai jalan masing-masing sebanyak 50% dan 25% terhadap gas mono dan kenderaan dwibahan bakar.
  - Pengecualian 5% atas duti import dan 10% atas cukai jalan bagi kenderaan yang menggunakan alat penukaran NGV.
  - Cukai jalan bas sekolah dan bas berhenti-henti dimansuhkan.
  - Cukai jalan untuk kereta penumpang dengan enjin berkapasiti antara 1001-1600 cc dikurangkan sebanyak 50%, sementara kereta berkapasiti di bawah 1000 cc, cukai jalannya ialah RM30 setahun.
  - Cukai jalan untuk motosikal dengan enjin berkapasiti antara 151-250 cc dikurangkan sebanyak 50%.
  - Subsidi diesel untuk nelayan.
- **Menjimatkan penggunaan bahan bakar**
  - Langkah penjimatan tenaga diperkenalkan di pejabat-pejabat Kerajaan, seperti menutup suis lampu pada waktu makan tengah hari dan menaikkan sedikit suhu bilik.
  - Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan perkongsian kereta.
  - Mempertingkat usaha membaiki sistem pengangkutan awam, terutamanya di Lembah Klang.

Jadual 2.11
Sumber Pembiayaan Kerajaan Persekutuan

	2004	2005*a*
	RM juta	
Peminjaman dalam negeri bersih	25,650	12,700
Peminjaman kasar	*45,850*	*31,500*
Tolak: Pembayaran balik	*20,200*	*18,800*
Peminjaman luar negeri bersih	121	-3,503
Peminjaman kasar	*1,136*	*651*
Tolak: Pembayaran balik	*1,015*	*4,153*
Penerimaan khas	516	454
Aset boleh jual [2] dan pelarasan	-6,868	9,073
Jumlah	**19,419**	**18,724**

[1] Termasuk perubahan dalam baki Tabung Amanah Kerajaan.
Tanda campur (+) menunjukkan pengambilan aset boleh jual terkumpul.
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan

Jadual 2.12
Milikan Hutang Dalam Negeri Kerajaan Persekutuan

	2004	2005*a*	2004	2005*a*
	Nilai nominal dalam RM juta		% bahagian	
Bil perbendaharaan	**4,320**	**4,320**	**100.0**	**100.0**
Institusi keselamatan sosial dan insurans	17	82	0.4	1.9
Institusi perbankan	481	1,916	11.1	44.3
Lain-lain	3,822	2,323	88.5	53.8
Government Investment Issues	**9,100**	**10,100**	**100.0**	**100.0**
Institusi keselamatan sosial dan insurans	973	3,374	10.7	33.4
Institusi perbankan	6,755	4,146	74.2	41.0
Lain-lain	1,372	2,581	15.1	25.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	**154,350**	**166,050**	**100.0**	**100.0**
Institusi keselamatan sosial dan insurans	109,402	115,109	70.9	69.3
antaranya:				
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*91,426*	*96,571*	*59.2*	*58.2*
Syarikat insurans	*14,715*	*14,750*	*9.5*	*8.9*
Institusi perbankan	23,427	25,123	15.2	15.1
Lain-lain	21,520	25,817	13.9	15.5

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Dalam usaha mengurangkan kesan kenaikan harga minyak atas ekonomi dalam negeri, Kerajaan, pada tahun 2005, memperkenalkan beberapa langkah untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif bagi mengurangkan pergantungan yang berlebihan kepada bahan bakar fosil, mengurangkan beban kos atas orang ramai dan menggalakkan pemuliharaan tenaga, terutamanya oleh sektor Kerajaan. Ringkasan kepada langkah-langkah ini disenaraikan dalam rencana khas.

Sebagai langkah berhemat, Kerajaan Persekutuan sentiasa memastikan supaya hasil melebihi perbelanjaan mengurus. Memandangkan langkah fiskal berhemat telah diperteguh ekoran pungutan hasil yang lebih tinggi dan langkah mengurangkan perbelanjaan, Kerajaan mencatat lebihan akaun semasa yang lebih besar sebanyak RM8.6 bilion pada tahun 2005. Simpanan yang lebih besar, membolehkan Kerajaan mengurangkan keperluan **pembiayaan** tambahan bagi membiayai aktiviti pembangunan. Di samping itu, sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan dibiayai melalui pengeluaran aset terkumpul. Pada tahun 2005, Kerajaan mengeluarkan sebanyak RM9.1 bilion daripada aset terkumpulnya. Pembiayaan melalui terbitan sekuriti kerajaan juga dikurangkan pada tahun 2005.

Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan pada tahun 2005 berjumlah RM32.2 bilion (2004: RM47 bilion). Sejumlah besar daripada perbelanjaan (98% daripada jumlah) diperoleh daripada sumber dalam negeri tanpa meminggirkan keperluan pembiayaan sektor swasta, memandangkan terdapat mudah tunai yang berlebihan dalam ekonomi. Kerajaan memperoleh sebanyak RM27.5 bilion dengan menerbitkan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan RM4 bilion lagi melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan. Pada tahun 2005, terbitan baru sekuriti kerajaan diperoleh pada kos yang lebih rendah mencerminkan kadar hasil yang rendah. Terbitan baru sekuriti kerajaan yang mempunyai tempoh matang 3 dan 5 tahun diterbitkan pada kadar hasil purata dalam julat antara 3.155 –3.756% (2004: 3.135 – 4.546%). Bagi terbitan yang mempunyai tempoh matang antara 10 – 20 tahun, kadar hasil purata adalah dalam julat antara 4.391 – 4.837% (2004: 5.094 – 5.734% untuk tempoh matang 10 dan 15 tahun). Dari segi struktur pemilikan MGS, kumpulan wang simpanan dan pencen dan syarikat insurans terus merupakan pemegang utama.

Pinjaman luar negeri dihadkan kepada pengeluaran pinjaman projek yang telah diluluskan sebelum ini. Sebanyak RM651 juta telah dikeluarkan daripada sumber dua hala dan pelbagai hala. Pada tahun 2005, terdapat penebusan yang besar sebanyak RM4.2 bilion, mencerminkan terutamanya Bon Euro 650 juta yang matang pada bulan November.

Jadual 2.13
Penunjuk Hutang Kerajaan Persekutuan

	Dalam negeri[1]	Luar negeri[1]	Jumlah hutang[1]	Bayaran khidmat hutang			Nisbah khidmat bayaran hutang luar negeri
	(% daripada KDNK)			(% hasil)	(% daripada perbelanjaan mengurus)	(% daripada KDNK)	(% eksport barangan dan perkhidmatan)
1985	52.6	29.7	82.4	23.9	26.9	6.5	6.7
1990	58.8	20.8	79.5	23.1	27.3	5.7	3.6
2000	31.1	5.5	36.6	14.6	16.0	2.6	1.2
2001	36.3	7.3	43.6	12.1	15.1	2.9	0.5
2002	35.5	10.0	45.6	11.6	14.1	2.7	1.0
2003	38.3	9.4	47.8	11.4	14.0	2.7	1.2
2004	40.5	7.7	48.2	11.0	12.0	2.4	0.5
2005*a*	40.2	6.1	46.2	10.9	11.9	2.3	1.0

[1] Merujuk pada akhir tempoh.
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Secara keseluruhan, Kerajaan Persekutuan mencatat jumlah pinjaman bersih yang lebih kecil, iaitu RM9.2 bilion pada tahun 2005. Berikutan itu, **hutang terkumpul** Kerajaan Persekutuan meningkat sedikit sebanyak 5.6% kepada RM228.7 bilion. Namun begitu, nisbah hutang terkumpul kepada KDNK meningkat kepada 46.2% daripada KDNK pada akhir tahun 2005. Paras hutang ini kekal terurus dengan perbelanjaan khidmat hutang kekal pada tahap yang berhemat. Pengurusan hutang yang aktif juga mengurangkan pengumpulan bayaran balik pinjaman, dengan kira-kira 60% daripada hutang mempunyai baki tempoh matang melebihi tiga tahun. Kebanyakan daripada pinjaman atau kira-kira 95% diperoleh pada kadar tetap, yang mengurangkan pendedahan terhadap peningkatan dalam kadar faedah.

Berdasarkan anggaran awal, kedudukan kewangan keseluruhan bagi 30 **perusahaan awam bukan kewangan (PABK)** terus menggalakkan pada tahun 2005. Hasil PABK yang disatukan meningkat 9.6% kepada RM236.5 bilion, berikutan perolehan yang lebih tinggi oleh PABK dalam sektor perkhidmatan yang berkaitan dengan minyak dan gas serta utiliti. Kesemua sektor ini mendapat manfaat daripada aktiviti ekonomi yang meningkat dan harga minyak yang lebih tinggi serta prestasi operasi luar negeri yang lebih baik.

PABK sebagai satu kumpulan, mencatat pendapatan tertahan yang lebih tinggi sebanyak RM64.8 bilion. Ini mencerminkan langkah-langkah yang diambil oleh perusahaan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan usaha membendung kenaikan kos operasi. Perbelanjaan semasa meningkat 10.7%, sebahagian besarnya kerana harga bahan mentah dan input yang lebih tinggi, terutamanya harga minyak mentah, gas asli dan arang batu. Inisiatif mengurangkan kos telah

Graf 2.11
Hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir 2005*a* (% bahagian)



a Awalan

Jadual 2.14
Kewangan PABK yang Disatukan[1]

	2003	2004	2005*a*
	RM juta		
Hasil	155,867	215,858	236,539
Perbelajaan semasa[2]	113,900	155,137	171,732
Pendapatan tertahan	**41,967**	**60,720**	**64,807**
% daripada KDNK	**10.6**	**13.5**	**13.1**
Perbelanjaan pembangunan	40,160	24,633	39,981
Imbangan keseluruhan	**1,807**	**36,088**	**24,826**
% daripada KDNK	**0.5**	**8.0**	**5.0**

[1] Merujuk kepada 30 PABK pada tahun 2004 dan 2005; 34 pada tahun 2003.
[2] Semenjak tahun 2000, termasuk cukai dan dividend yang dibayar kepada Kerajaan.
a Anggaran
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber Kementerian Kewangan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

Jadual 2.15
Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2004	2005*a*	2006*r*
	RM bilion		
Hasil [1]	116.3	122.6	134.3
Perbelanjaan mengurus	101.6	108.4	112.5
Lebihan semasa PABK [2]	60.6	63.8	63.8
Imbangan semasa	**75.3**	**78.0**	**85.6**
% daripada KDNK	**16.7**	**15.8**	**15.8**
Perbelanjaan pembangunan bersih [3]	56.7	71.0	71.0
Sektor kerajaan [4]	*32.1*	*31.0*	*39.4*
PABK	*24.6*	*40.0*	*31.5*
Imbangan keseluruhan	**18.5**	**7.0**	**14.7**
% daripada KDNK	**4.1**	**1.4**	**2.7**

[1] Tidak termasuk bayaran pindahan antara sektor kerajaan.
[2] Merujuk kepada 30 PABK pada tahun 2004 dan 2005; 34 pada tahun 2003.
[3] Mengambil kira bayaran pindahan dan pinjaman bersih antara sektor awam.
[4] Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan kerajaan tempatan.
a Anggaran
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

dilaksanakan oleh PABK termasuk mengkaji semula proses, meningkatkan kecekapan dan prestasi, menggunakan perkhidmatan pihak ketiga, memusatkan pemerolehan, mengetatkan kawalan kredit serta pembiayaan semula dan prabayaran pinjaman.

Perbelanjaan pembangunan PABK yang lebih tinggi disalurkan ke arah pengembangan kapasiti, peningkatan produktiviti untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai serta pelaburan luar negeri yang lebih tinggi untuk meningkatkan kapasiti penjanaan hasil mereka. Sebahagian besar daripada projek pembangunan ini dijalankan oleh PABK yang lebih besar, seperti Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TM). Pada tahun 2005, PETRONAS terus melabur di peringkat antarabangsa di samping memperteguh operasi dalam negeri dalam aktiviti hiliran atau huluan yang telah mantap. Antara projek utama dalam negeri yang dijalankan oleh PETRONAS dan anak-anak syarikatnya ialah pembinaan stesen perkhidmatan baru, projek MLNG2 *debottlenecking* serta pembelian, penaikan taraf dan pengubahsuaian pelbagai kapal oleh MISC Berhad. Sementara itu, pelaburan luar negeri termasuk projek penerokaan dan pengeluaran di Mesir serta membangunkan loji pemprosesan gas di Ghotki, Pakistan.

Perbelanjaan modal TNB sebahagian besarnya tertumpu pada naik taraf dan penyambungan antara jana kuasa, transmisi dan rangkaian pengagihan. Perbelanjaan utama yang ditanggung pada tahun itu termasuk pembinaan Stesen Jana Kuasa Tuanku Jaafar Fasa 2 di Port Dickson, pemulihan Stesen Jana Kuasa Paka, pengembangan grid Pantai Timur-Barat Sabah dan projek Kawalan Penyeliaan dan Pemerolehan Data (SCADA) Fasa 2. Pada tahun 2005, TM menumpukan pada usaha pengembangan dan pemodenan infrastruktur dan rangkaian telekomunikasi dalam negeri. TM juga menambah operasi globalnya melalui pengambilalihan syarikat di Indonesia, Ghana dan Pakistan. Projek utama yang dijalankan termasuk Rangkaian Kabel Asia Pasifik 2 dan Internet Protokol Digital Subscriber Line Access Multiplexcer (IP DSLAM).

Kedudukan kewangan sektor awam yang disatukan kekal kukuh pada tahun 2005. Ia mencatat lebihan keseluruhan sebanyak RM7 bilion atau 1.4% daripada KDNK (2004: 4.1% daripada KDNK). Lebihan keseluruhan itu yang disebabkan terutamanya oleh sumbangan lebih besar PABK, khususnya PETRONAS, berikutan harga minyak yang lebih tinggi.

Prospek dan Dasar

92-98 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
99-106 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2006
106-107 Dasar Monetari pada Tahun 2006
107-109 Dasar Fiskal pada Tahun 2006
107-108 *Rencana: Langkah-langkah Penting yang Diumumkan dalam Bajet Tahun 2006*
109-113 Dasar Sektor Kewangan pada Tahun 2006

Prospek dan Dasar

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Perkembangan pada Tahun 2005

Pinjaman dan pendahuluan[2]	56.4	66.0	721.7
Sekuriti	23.6	35.0	468.0
Bil Perbendaharaan	*-3.1*	*1.3*	*1.7*
Bil Perdagangan	*-5.1*	*-1.1*	*7.3*
Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	*14.3*	*13.7*	*153.2*
Korporat	*17.4*	*19.2*	*290.8*
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	*8.0*	*10.5*	*140.8*
Ekuiti	*9.5*	*8.6*	*150.0*
Asing	*1.1*	*2.1*	*6.7*
Lain-lain	*-1.2*	*-0.1*	*8.4*
Emas dan rizab pertukaran asing	9.5	8.6	264.4
Aset lain	17.1	19.0	192.4

[1] Termasuk rizab berkanun institusi perbankan.
[2] Tidak termasuk pinjaman yang telah dijual kepada Danaharta.
a Awalan

mencakupi 5.4% daripada jumlah aset sistem kewangan pada akhir tahun 2005. Sebahagian besar daripada pertumbuhan aset itu didorong oleh dana insurans hayat (termasuk dana keluarga Takaful) yang mencakupi 82% daripada jumlah aset dana insurans. Dari segi pertumbuhan, aset dana insurans Islam meningkat pada kadar yang lebih tinggi, iaitu 14.9% berbanding dengan dana insurans konvensional yang meningkat 11.4%.

Sebahagian besar daripada sumber pembiayaan bagi sistem kewangan adalah daripada deposit yang

Graf 4.2
Sumber dan Penggunaan Dana Sistem Kewangan pada akhir tahun 2005a (% bahagian)



a Awalan

Jadual 4.3
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan[1] dengan Sistem Kewangan[2]

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2005*a*
	2004	2005*a*	
	RM bilion		
Deposit[3] dengan:			
Bank perdagangan	87.9	64.1	498.0
Syarikat kewangan	-35.4	-22.6	6.0
Bank saudagar	0.8	1.3	16.0
Bank-bank Islam	2.1	10.8	22.2
Syarikat diskaun	1.8	-2.8	9.7
Bank Simpanan Nasional	1.8	2.2	12.2
Lain-lain[4]	5.5	0.7	37.3
Jumlah	**64.6**	**53.6**	**601.5**
Deposit permintaan	10.3	9.3	97.2
Deposit tabungan	5.5	2.4	76.5
Deposit tetap	35.3	19.7	362.9
antaranya:			
Sehingga 1 tahun	*34.2*	*19.4*	*334.7*
Lebih dari 1 tahun	*1.1*	*0.3*	*28.2*
NIDs[5]	5.2	10.7	18.6
Repo[6]	8.3	11.5	46.3

1 Merujuk kepada deposit yang disimpan oleh perusahaan perniagaan (tidak termasuk PABK) dan individu.
2 Tidak termasuk kumpulan wang simpanan dan pencen, insurans, dan amanah saham.
3 Merujuk kepada deposit permintaan, tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga dan repo.
4 Termasuk institusi kewangan pembangunan, pertubuhan-pertubuhan koperasi dan institusi kredit perumahan.
5 Merujuk kepada instrumen deposit boleh niaga.
6 Merujuk kepada perjanjian belian balik.
a Awalan

disimpan dalam institusi kewangan serta sumbangan kepada dana kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans. Deposit yang digembleng sistem kewangan meningkat RM86.6 bilion atau 10.4% pada tahun 2005. Institusi perbankan kekal sebagai penggembleng deposit terbesar, dengan menyumbang 72.1% kepada jumlah peningkatan deposit pada tahun 2005 dan mencakupi 77.5% daripada jumlah deposit terkumpul yang digembleng seluruh sistem kewangan.

Dari segi pemegang deposit, individu dan perusahaan perniagaan merupakan penyumbang sejumlah besar deposit yang disimpan dalam sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Deposit yang disimpan oleh individu dalam sistem perbankan dan IKP meningkat 5.4% pada tahun 2005 (2004: 9.6%), sementara deposit yang disimpan oleh perusahaan perniagaan meningkat 15.3% (2004: 18.8%). Pada tahun 2005, pertumbuhan deposit adalah selaras dengan pertumbuhan yang berterusan dalam pendapatan negara seperti yang dicerminkan oleh pertumbuhan kukuh sebanyak 11.3% dalam KNK.

Selain daripada deposit yang disimpan dalam institusi kewangan, sumbangan kepada kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans kekal sebagai sumber kedua utama pembiayaan sistem kewangan, yang mencakupi 19.6% daripada jumlah sumber pembiayaan. Sumbangan kepada kumpulan wang simpanan dan

Graf 4.3
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan dengan Sistem Kewangan pada akhir tahun 2005a (% bahagian)



a Awalan

pencen terus meningkat 10.7% pada tahun 2005 dan dikuasai kebanyakannya oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (91.3% daripada jumlah sumbangan kepada kumpulan wang simpanan dan pencen).

Peningkatan dalam jumlah sumber sistem kewangan pada tahun 2005 disalurkan terutamanya kepada pinjaman dan pendahuluan serta pelaburan dalam sekuriti hutang dan ekuiti. Pinjaman dan pendahuluan yang diberikan oleh sistem kewangan meningkat 10.1% pada tahun 2005 dan kekal sebagai jenis aset terbesar dalam sistem kewangan (37.8% daripada jumlah aset). Institusi perbankan ialah pemberi terbesar pinjaman dan pendahuluan dengan bahagian sebanyak 77%, diikuti oleh kumpulan wang simpanan dan pencen dan IKP. Bahagian pinjaman yang diberikan oleh kumpulan wang simpanan dan pencen dan IKP telah berkembang sejak tahun 2000, mencerminkan peranan IKP yang lebih besar dalam membiayai ekonomi dan juga mempelbagaikan peruntukan aset kumpulan wang simpanan dan pencen.

Pada tahun 2005, permintaan untuk pinjaman dan pendahuluan didorong terutamanya oleh sektor isi rumah, khususnya untuk pembelian harta kediaman dan kredit penggunaan, yang kedua-duanya mencakupi 57.7% daripada peningkatan dalam jumlah pinjaman dan pendahuluan pada tahun 2005. Sementara itu, dalam sektor perniagaan, pinjaman yang diberikan kepada perusahaan kecil dan sederhana mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 8.7% pada tahun 2005 (2004: 7.7%).

Jadual 4.4
Haluan Kredit[1] kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun
	2004	2005*a*	2005*a*
	RM bilion		
Pinjaman dan pendahuluan	**55.3**	**70.6**	**683.5**
Pertanian	0.7	0.2	14.2
Perlombongan dan kuari	-0.1	-0.2	0.8
Perkilangan	2.5	-0.4	58.1
Pembinaan dan harta tanah	3.9	4.6	84.4
Pembelian harta kediaman	19.2	18.5	187.8
Perdagangan runcit dan borong, hotel dan restoran	3.2	1.6	25.7
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	0.0	3.4	18.9
Perkhidmatan perniagaan	1.6	1.2	23.3
Elektrik, gas dan bekalan air	0.7	-0.4	5.7
Kredit penggunaan	15.0	22.2	133.4
Pembelian saham	-0.4	1.6	20.5
Lain-lain	8.9	18.2	111.0
Pelaburan dalam sekuriti korporat	**15.6**	**21.2**	**289.0**
Jumlah	**71.0**	**91.8**	**972.5**

[1] Tidak termasuk kredit kepada perusahaan awam bukan kewangan.

a Awalan

Pelaburan dalam sekuriti (hutang dan ekuiti) oleh sistem kewangan terus berkembang 8.1% pada tahun 2005 (2004: 5.8%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pemegangan sekuriti oleh kumpulan wang simpanan dan pencen. Kumpulan wang simpanan dan pencen memegang masing-masing sebanyak 50.2% dan 47.7% dalam sekuriti

Graf 4.4
Jumlah Pinjaman dan Pendahuluan mengikut Institusi (% bahagian)



a Awalan

Graf 4.5
Haluan Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan pada akhir tahun 2005*a* (% bahagian)



a Awalan

hutang dan pelaburan ekuiti. Sementara itu, pemegangan sekuriti oleh institusi perbankan menurun pada tahun 2005, mencerminkan peralihan peruntukan portfolio daripada sekuriti jangka panjang kepada sekuriti jangka pendek berikutan jangkaan kadar faedah akan terus meningkat pada masa hadapan.

Kemajuan Pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan

Pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) berjalan dengan lancar dan pada 31 Disember 2005, iaitu separuh daripada tempoh 10 tahun PISK, sebanyak 49 saranan atau lebih separuh daripada saranan dengan sasaran selesai dilaksanakan sepenuhnya. Sebanyak 29 saranan lagi sedang dilaksanakan secara berterusan. Senarai saranan yang selesai dan yang sedang dilaksanakan dilampirkan dalam bahagian Tambahan.

Sepanjang tempoh separuh masa pertama PISK, kemajuan yang ketara dicapai dalam mempelbagaikan struktur kewangan termasuk usaha mengukuhkan lagi kedudukan institusi kewangan domestik untuk beroperasi dalam persekitaran yang lebih liberal. Walaupun dalam keadaan pasaran yang lebih dinyahkawalselia dan liberal, institusi perbankan domestik terus kompetitif dan berupaya mengekalkan bahagian pasaran mereka. Pada akhir Disember 2005, institusi perbankan domestik mengekalkan 81.7% daripada bahagian pasaran pinjaman kasar (pada akhir tahun 2004: 81.3%) dan 80.5% daripada bahagian pasaran jumlah deposit (pada akhir tahun 2004: 80.9%).

Tahap keuntungan institusi perbankan domestik juga terus bertambah baik, seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam pulangan atas aset dan ekuiti purata masing-masing daripada 1% dan 11.5% pada tahun 2004 kepada 1.3% dan 15.2% pada tahun 2005. Tahap produktiviti juga terus meningkat seperti yang dipamerkan oleh nisbah kos kepada pendapatan yang lebih rendah sebanyak 49% pada tahun 2005 (2004: 50%). Didorong oleh tahap keuntungan yang lebih kukuh dan penurunan dalam nisbah kos kepada pendapatan, keuntungan sebelum cukai bagi setiap RM kos pekerja institusi perbankan domestik juga meningkat daripada RM1.60 pada tahun 2004 kepada RM1.90 pada tahun 2005. Kedudukan kualiti aset juga terus bertambah baik dalam keadaan ekonomi yang menggalakkan. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun sebanyak 1.8 mata peratusan kepada 6.4% pada tahun 2005. Hasil daripada inisiatif berterusan dalam meningkatkan kapasiti dan usaha yang diambil oleh institusi perbankan domestik dalam mempertingkatkan lagi kecekapan operasi mereka, beberapa bank domestik menjadi semakin teguh dan muncul sebagai peneraju prestasi. Jurang perbezaan prestasi institusi-institusi ini berbanding institusi perbankan asing terus dapat dikurangkan dalam semua penunjuk utama prestasi.

Sama seperti industri perbankan, penanggung insurans domestik juga mencatat peningkatan prestasi yang lebih memberangsangkan. Penanggung insurans domestik mengekalkan penguasaan ketara dalam sektor insurans

am dengan bahagian pasaran premium langsung kasar sebanyak 73.5% pada tahun 2005 (2004: 72.6%). Disokong oleh peningkatan dari segi keupayaan penajajaminan dan penambahbaikan infrastruktur yang menyumbang kepada hasil penajajaminan dan keuntungan kecekapan yang lebih baik, pulangan atas ekuiti penanggung insurans domestik yang lebih besar, meningkat kepada 29.8% (2004: 20.6%). Peningkatan produktiviti yang ketara juga dicapai seperti yang ditunjukkan oleh premium kasar bagi setiap pekerja yang meningkat lebih daripada 14% kepada RM754,301 (2004: RM659,184). Dalam sektor insurans hayat pula, pertumbuhan keseluruhan perniagaan insurans hayat di sepanjang tahun 2005 agak lemah menyebabkan bahagian pasaran penanggung insurans domestik menurun sedikit kepada 34.8% pada tahun 2005 (2004: 35.8%). Namun begitu, penanggung insurans domestik mengekalkan penguasaan mereka dalam pasaran bankasurans dengan merangkumi 81.9% (2004: 82.4%) daripada jumlah premium baru yang dijana melalui institusi perbankan pada tahun 2005. Pertumbuhan pasaran bankasurans yang ketara semenjak tahun 2003 turut menyaksikan kemunculan beberapa penanggung insurans domestik di kalangan peneraju pasaran, dengan beberapa lagi penanggung insurans domestik mengukuhkan kedudukan bagi memanfaatkan peluang pertumbuhan ketara yang bakal diperoleh daripada sekutu perbankan mereka.

Industri perbankan Islam terus berkembang dalam sistem perbankan Malaysia dengan mencatat bahagian pasaran aset perbankan Islam yang semakin meningkat, merangkumi 11.3% (2004: 10.5%) daripada jumlah aset sistem perbankan pada akhir tahun 2005. Bahagian pasaran deposit dan pembiayaan juga meningkat masing-masing merangkumi 11.7% (2004: 11.2%) dan 12.1% (2004: 11.3%) daripada jumlah deposit dan pembiayaan sektor perbankan.

Sepanjang tahun 2005, pelbagai dasar baru dilaksanakan ke arah memperkukuhkan lagi sistem kewangan untuk terus menyokong keperluan ekonomi yang semakin meningkat. Langkah-langkah yang diambil bagi sektor perbankan, perkhidmatan kewangan Islam dan institusi kewangan pembangunan dibincangkan dengan terperinci dalam bab *Sistem Perbankan, Sistem Kewangan Islam* dan *Institusi Kewangan Pembangunan* Laporan Tahunan 2005. Maklumat terperinci mengenai inisiatif sektor insurans akan dimuatkan di dalam Laporan Tahunan Insurans 2005.

Landskap sektor kewangan Malaysia akan terus mengalami perubahan struktur berikutan transformasi ekonomi dan keperluan bagi institusi kewangan untuk terus mengekalkan daya saing dan daya tahan. Kemasukan pelabur dan peserta kewangan baru dijangka akan mempertingkatkan dinamisme industri kewangan dan seterusnya mendorong ke arah mencapai peningkatan prestasi yang lebih besar oleh institusi kewangan domestik. Inisiatif peningkatan kapasiti ini akan diteruskan dan dipertingkatkan di sepanjang baki tempoh Fasa 2 PISK bagi menyediakan sektor kewangan domestik untuk integrasi global selanjutnya sambil mara ke fasa ketiga PISK. Langkah-langkah liberalisasi secara berperingkat, termasuk kemungkinan memperkenalkan persaingan asing yang baru, akan disusun dengan terancang bagi menentukan ianya dapat memberikan peningkatan yang diinginkan di samping memberi peluang baru dan manfaat kepada sistem kewangan domestik sambil memelihara kestabilan sektor kewangan secara keseluruhan.

Sistem Perbankan

124-143 Pengurusan Sistem Perbankan
132-134 *Rencana: Cabaran Data dan Sistem dalam Pelaksanaan Basel II*
135-137 *Rencana: Sistem Insurans Deposit di Malaysia*
139-140 *Rencana: Penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit*
143-146 *Rencana: Langkah-langkah Perbankan yang diperkenalkan pada Tahun 2005*
147-161 Prestasi Sistem Perbankan
161-166 *Rencana: Program Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) di Malaysia*

Sistem Perbankan

PENGURUSAN SISTEM PERBANKAN

Berasaskan pencapaian pada tahun-tahun sebelumnya, kemajuan terus dicapai dalam meningkatkan kapasiti dan keupayaan institusi perbankan domestik. Peningkatan daya saing institusi perbankan domestik telah menyediakan asas bagi penerapan persaingan yang lebih sengit secara progresif melalui penyahkawalseliaan dan liberalisasi selanjutnya.

Sejajar dengan objektif untuk keteguhan dan kestabilan kewangan di samping merealisasikan matlamat untuk mara ke arah sistem kewangan yang lebih dinamik, teras utama langkah dasar pada tahun 2005 terus memberi penekanan kepada usaha peningkatan daya saing institusi perbankan domestik dan mengekalkan daya tahan sektor kewangan. Oleh yang demikian, usaha telah disasarkan ke arah meningkatkan kecekapan struktur dan operasi institusi perbankan di samping memperkenalkan rangka kerja pengawalseliaan yang lebih dinamik dan berhemat, dan dilengkapi dengan penyeliaan yang berkesan dan pengawasan yang lebih mantap. Dasar utama yang lain pada tahun 2005 termasuk memastikan akses yang berterusan kepada pembiayaan bagi semua segmen ekonomi dan pengukuhan selanjutnya dalam infrastruktur perlindungan dan pendidikan pengguna. Ini sejajar dengan haluan Fasa 2 Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi keseluruhan sektor kewangan.

Dasar pada tahun 2005 terus tertumpu pada usaha meningkatkan daya saing institusi perbankan domestik, mengukuhkan infrastruktur pendidikan dan perlindungan pengguna, serta memastikan akses yang berterusan kepada pembiayaan.

Sistem perbankan terus mengekalkan prestasi kukuh pada tahun 2005 baik dari segi kekukuhan kewangan mahupun kecekapan operasi. Sektor perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM12.4 bilion dan mengekalkan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) pada paras melebihi 13%. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) meneruskan trend menurun ke paras 4.6%, paras terendah semenjak tercetusnya krisis kewangan Asia. Kedudukan kewangan yang teguh memperkukuhkan kedudukan sistem perbankan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi secara berkesan seperti yang dilihat dalam pengembangan aktiviti pemberian pinjaman. Kelulusan pinjaman baru dan pengeluaran pinjaman meningkat, masing-masing sebanyak 11.4% dan 8.4%, sementara jumlah pinjaman terkumpul berkembang 8.6% pada tahun 2005.

Pembubaran Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) pada bulan Disember 2005 menandakan kejayaan menyempurnakan bab terakhir usaha penstrukturan semula sektor kewangan yang telah dilaksanakan untuk menangani ancaman yang timbul akibat kemelut kewangan Asia. Dengan kestabilan sistem kewangan dipulihkan sepenuhnya dan prestasi sektor perbankan yang memberangsangkan, dasar yang dilaksanakan pada tahun 2005 telah berjaya dalam meningkatkan daya tahan, kapasiti dan keberkesanan institusi perbankan untuk memenuhi keperluan ekonomi yang semakin kompetitif dan dinamik dengan berkesan.

Meningkatkan Keberkesanan Struktur dan Operasi

Struktur persekitaran sektor perbankan terus berubah pada tahun 2005. Berikutan kefleksibelan yang diberikan kepada kumpulan perbankan domestik bagi merasionalisasikan perniagaan perbankan perdagangan dan syarikat kewangannya, industri perbankan telah melalui satu transformasi yang melibatkan penggabungan perniagaan perbankan runcit dalam satu entiti tunggal. Kesemua sepuluh kumpulan perbankan telah menyempurnakan usaha perasionalan mengikut jadual bagi memanfaatkan pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta yang diberikan oleh Kerajaan yang berakhir pada 15 Januari 2006. Usaha perasionalan yang disempurnakan dengan jayanya itu membolehkan modal dan sumber kumpulan perbankan digunakan dengan lebih berkesan, yang akan meningkatkan potensi mereka untuk memenuhi kemahuan pelanggan yang semakin berbeza dan permintaan yang lebih canggih.

Transformasi keinstitusian terus berlaku dalam persekitaran kewangan Malaysia yang berubah berikutan keperluan kewangan yang semakin kompleks dan pembatasan peranan dan fungsi institusi kewangan yang semakin kabur. Satu daripada inisiatif strategik bertujuan untuk mengukuhkan lagi kapasiti dan

keupayaan kumpulan perbankan domestik dalam menyumbang ke arah transformasi ekonomi dan bagi menghadapi cabaran liberalisasi ialah pembentukan bank pelaburan yang mantap melalui penggabungan bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun. Pada masa ini, pengantara pasaran kewangan tersebut menawarkan produk dan perkhidmatan yang serupa. Integrasi tersebut akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan mereka dengan meminimumkan duplikasi sumber dan pertindanan aktiviti, menggunakan infrastruktur yang sama dan juga meraih manfaat daripada aspek sinergi dan ekonomi ikut bidangan. Ini juga akan meningkatkan lagi potensi dan keupayaan institusi kewangan domestik untuk meraih peluang perniagaan, meningkatkan kelebihan daya saing dan memperluas rangkaian aktiviti kewangan dan khidmat nasihat, dan oleh itu memperkukuh potensi mereka untuk bersaing secara berkesan dengan bank pelaburan antarabangsa.

Penubuhan bank pelaburan bertujuan untuk menjadikan pasaran modal lebih dinamik dan memberangsangkan untuk menyumbang ke arah transformasi ekonomi dan juga membolehkan peserta pasaran menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi dengan lebih baik. Berdasarkan hakikat ini, rangka kerja bagi bank pelaburan telah dirumus berlandaskan tiga prinsip utama. Pertama, rangka kerja tersebut bertujuan memperluas skop aktiviti entiti gabungan tersebut di mana bank pelaburan akan turut dibenarkan menjalankan pengurusan dana dan perniagaan amanah saham di samping aktiviti yang dijalankan berdasarkan jenis lesen yang ada sebelum rasionalisasi. Kedua, rangka kerja tersebut bertujuan untuk meningkatkan kapasiti bagi pertumbuhan dan pengembangan perniagaan melalui perasionalan industri secara menyeluruh. Akhir sekali, ia bertujuan meminimumkan beban pengawalseliaan yang mungkin timbul berikutan dua rejim pengawalseliaan. Untuk memudahkan penubuhan bank pelaburan, insentif pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta, dan kredit cukai atas kerugian terkumpul bagi institusi kewangan yang terlibat dalam perasionalan diberi kepada semua entiti yang terbabit dalam transformasi kepada bank pelaburan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Bank Negara Malaysia mengumumkan rangka kerja bagi pembentukan bank pelaburan pada bulan Mac 2005. Di bawah rangka kerja tersebut, sebuah bank pelaburan boleh dibentuk melalui beberapa pilih atur penggabungan, iaitu melalui gabungan sebuah bank saudagar dan syarikat broker saham dalam kumpulan perbankan yang sama atau gabungan dua syarikat diskaun yang berasingan dengan sebuah syarikat broker saham. Bagi membolehkan pembangunan sesebuah sistem kewangan yang lebih berdaya tahan, berdaya saing dan dinamik, rangka kerja tersebut diperluas untuk membolehkan broker universal berubah menjadi bank pelaburan, melalui pengambilalihan sebuah syarikat diskaun. Semua kumpulan kewangan diberi tempoh sehingga 30 Jun 2006 untuk menjalankan usaha perasionalan.

Rangka kerja bank pelaburan bertujuan mengukuhkan kapasiti institusi kewangan domestik untuk memanfaatkan peluang perniagaan, meningkatkan kelebihan daya saing dan meluaskan rangkaian aktiviti kewangan dan khidmat nasihat, dan oleh itu meningkatkan potensi mereka untuk bersaing dengan berkesan dengan bank pelaburan antarabangsa.

Apabila proses tersebut selesai kelak, bank pelaburan akan memegang lesen perbankan saudagar dan lesen peniaga yang masing-masing dikeluarkan menurut Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan Akta Industri Sekuriti 1983. Justeru, bank pelaburan akan dikawal selia secara bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Sehubungan dengan itu, satu pembahagian peranan yang jelas antara kedua-dua pengawal selia telah dibentuk. Bank Negara Malaysia akan bertanggungjawab atas peraturan berhemat bagi bank pelaburan demi memastikan keselamatan dan kemantapan sistem kewangan terpelihara, di samping melindungi kepentingan pendeposit. Suruhanjaya Sekuriti akan bertanggungjawab atas pengendalian urusan dan pasaran bank pelaburan untuk menggalakkan integriti pasaran dan memberi perlindungan kepada pelabur. Bagi mencapai objektif ini, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti sedang dalam proses memuktamadkan kandungan Memorandum Persefahaman yang menggariskan semua aspek tertentu dalam kerjasama dan rundingan antara kedua-dua pengawal selia. Ini bagi memastikan penyelarasan peranan dan tanggungjawab berkaitan penyeliaan dan

pengawalseliaan bank pelaburan berjalan lancar dan efisien. Selanjutnya, untuk memastikan bank pelaburan dikendali oleh tenaga kerja yang berkebolehan dan cekap, semua kakitangan yang menjalankan fungsi berkaitan urus niaga sekuriti, pengurusan dana, nasihat pelaburan dan aktiviti kontrak hadapan, mesti lulus peperiksaan yang berkaitan dan dilesenkan sebagai wakil sebelum menjalankan aktiviti tersebut, sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Pada 1 Julai 2005, Bank Negara Malaysia bersama-sama Suruhanjaya Sekuriti telah mengeluarkan *Garis Panduan mengenai Perbankan Pelaburan* yang memperincikan keperluan dan proses untuk menubuhkan bank pelaburan dan rangka kerja pengawalseliaan yang perlu dipatuhi oleh bank pelaburan dalam operasinya. Rangka kerja tersebut telah dirumus dengan mengambil kira risiko bagi entiti gabungan baru tersebut dan rangka kerja pengawalseliaan antarabangsa bagi bank pelaburan. Garis Panduan ini menetapkan dana modal minimum yang tidak terjejas oleh kerugian, pada paras RM2 bilion berasaskan setiap kumpulan, bagi bank pelaburan yang merupakan sebahagian daripada kumpulan perbankan domestik dan RM500 juta untuk bank pelaburan secara bersendirian. Bank pelaburan bersendirian tersebut perlu mematuhi keperluan dana modal minimum menjelang 31 Disember 2008. Sekiranya gagal, ia akan diberi lesen terhad yang tidak membenarkannya menjalankan aktiviti pengambilan deposit. Bank pelaburan juga akan tertakluk pada *Rangka Kerja Kecukupan Modal Bank Pelaburan* (IBCAF), yang berdasarkan rangka kerja kecukupan modal sedia ada yang diterima pakai oleh institusi perbankan. Semua bank pelaburan, kecuali bank pelaburan bersendirian yang tidak memenuhi keperluan dana modal minimum, akan dibenarkan untuk menggembleng deposit dengan saiz minimum RM500,000. Walau bagaimanapun, dalam jangka masa panjang, bank pelaburan dijangka akan memperoleh dana yang diperlukan bagi keperluan pembiayaan daripada pasaran modal. Menyedari bahawa penyertaan pelabur asing boleh menjadi pendorong ke arah meningkatkan kapasiti dan tahap kecekapan institusi domestik melalui pemindahan kemahiran, kepakaran dan pengetahuan teknikal serta menyediakan akses kepada kerjasama antarabangsa, dan seiring dengan pendekatan liberalisasi secara beransur-ansur yang dilaksanakan di Malaysia, had penyertaan bagi ekuiti asing dalam bank pelaburan ditetapkan pada tahap lebih tinggi, iaitu 49%.

Seperti yang digariskan dalam PISK, satu daripada inisiatif strategik utama ke arah meningkatkan kapasiti dan keupayaan institusi perbankan domestik ialah melalui penerapan persekitaran yang lebih kompetitif secara beransur-ansur sebagai pemangkin ke arah pembaikan prestasi. Sebagai peserta dalam sistem kewangan, institusi perbankan asing yang diperbadankan (LIFB) di Malaysia telah memberi sumbangan yang nyata kepada pembangunan dan kemantapan sektor kewangan melalui pelaburan modal, pewujudan peluang pekerjaan, pembiayaan aktiviti ekonomi dan juga pemindahan kemahiran dan teknologi. Dengan sokongan penyelidikan yang ekstensif dan rangkaian operasi antarabangsa, LIFB telah dan terus memperkenalkan model perniagaan baru, menggunakan teknologi maklumat untuk meningkatkan pengurusan risiko dan saluran penyampaian, dan menetapkan tahap bagi kualiti perkhidmatan pelanggan. Ini telah melahirkan kesan limpahan kepada institusi kewangan domestik. Kesan ini, berserta diagnosis berhubung dengan kekuatan dan kelemahan, dan bidang yang memerlukan peningkatan dalam prestasi di bawah program penandaarasan telah menghasilkan peningkatan dalam institusi perbankan domestik secara menyeluruh. Ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan tahap perkhidmatan perbankan di negara ini.

Dengan daya saing institusi perbankan domestik yang semakin kukuh, LIFB diberi lebih kefleksibelan melalui penubuhan sehingga empat cawangan tambahan. Memandangkan institusi perbankan domestik mempunyai saiz operasi yang besar di kawasan luar bandar demi memenuhi objektif sosioekonomi untuk memastikan kawasan luar bandar mempunyai akses yang mencukupi kepada perkhidmatan perbankan, dan bagi meningkatkan lagi sebaran cawangan bank ke seluruh negara, kefleksibelan yang diberi kepada LIFB tertakluk kepada nisbah yang telah ditentukan terlebih dahulu bagi cawangan tambahan di pusat perniagaan, kawasan bandar dan kawasan luar bandar.

Selaras dengan usaha meningkatkan lagi kemampuan menyediakan rangkaian produk kewangan inovatif dan perkhidmatan yang menyeluruh untuk bersaing dengan lebih berkesan dalam pasaran, institusi perbankan telah menjalin perikatan strategik dengan institusi kewangan domestik dan asing yang lain. Langkah ini telah menyumbang kepada pertumbuhan aktiviti bankasurans, pengurusan aset dan kekayaan, dan menyediakan platform untuk perdagangan dalam ekuiti asing, sekuriti berpendapatan tetap dan amanah saham. Tambahan lagi, banyak institusi perbankan telah memanfaatkan kefleksibelan yang diberi untuk menggunakan sumber luar bagi menjalankan fungsi operasi bukan teras sebagai langkah untuk meningkatkan kecekapan operasi. Fungsi penggunaan sumber luar tersebut dijalankan oleh penyedia perkhidmatan pihak ketiga atau oleh anak syarikat yang ditubuhkan khas untuk menyediakan perkhidmatan

kepada entiti dalam kumpulan perbankan. Seiring dengan trend global ke arah penggunaan sumber luar, Malaysia telah meraih manfaat daripada penubuhan pusat pemerosesan dan penggunaan sumber luar serantau yang menyediakan perkhidmatan kepada rantau ini. Ini kerana adanya persekitaran perniagaan yang sesuai, tenaga kerja yang mahir, pendedahan global yang kukuh dan kos permulaan perniagaan yang rendah di Malaysia. Sehingga kini, empat institusi perbankan asing telah menubuhkan pusat pemerosesan serantau di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM343.1 juta, sementara sebanyak 5,243 jumlah pekerjaan telah diwujudkan pada akhir bulan Disember 2005. Rakan sekutu asing yang lain termasuk entiti bukan perbankan, juga semakin menunjukkan minat untuk menubuhkan pusat penggunaan sumber luar bagi proses perniagaan di negara ini untuk menyediakan perkhidmatan kepada operasi serantau dan global mereka.

Bagi menggalakkan inovasi produk, institusi perbankan telah diberi kefleksibelan dari segi penawaran produk pelaburan berkaitan derivatif (ILD). *Garis Panduan Penawaran Produk Pelaburan Berkaitan Derivatif* yang disemak yang dikeluarkan pada bulan April 2005 membolehkan institusi perbankan merangka produk ILD bagi mana-mana kelas aset, tertakluk kepada amaun nosional agregat tidak melebihi 100% daripada modal asas. Sebelum ini, keperluan ini juga diiringi oleh had tambahan dengan amaun nosional tidak melebihi 30% daripada modal asas bagi setiap kelas aset yang diluluskan. Semakan Garis Panduan ini juga membenarkan institusi perbankan menawarkan produk ILD dalam denominasi mata wang ringgit yang dikaitkan kepada kelas aset asing. Selanjutnya, produk ILD dengan nilai pokoknya tidak dilindungi, boleh ditawarkan kepada pelabur, asalkan risiko produk tersebut dikenal pasti dengan jelas dan pelabur dimaklumkan bahawa potensi kerugian maksimum mereka terhad kepada jumlah pokok yang dilaburkan. Selain itu, tempoh kelulusan bagi produk ILD telah dipendekkan daripada 21 hari kepada 14 hari untuk membolehkan tempoh ke pasaran yang lebih singkat. Selaras dengan usaha berterusan untuk meningkatkan pertumbuhan dan jangkauan pasaran produk ILD di Malaysia, pada bulan Februari 2006, Bank Negara Malaysia telah meliberalisasikan beberapa lagi keperluan dalam Garis Panduan tersebut. Di bawah semakan terbaru itu, had amaun nosional agregat produk ILD yang ditawarkan oleh institusi perbankan telah dimansuhkan, dengan itu membolehkan institusi perbankan menawarkan produk ILD dengan lebih fleksibel. Tambahan lagi, untuk membolehkan operasi institusi perbankan menjadi lebih efisien, produk yang ditawarkan dianggap telah diluluskan apabila pengemukaan kepada Bank Negara Malaysia dibuat, tertakluk pada pematuhan semua syarat yang dinyatakan dalam Garis Panduan tersebut, yang merangkumi aspek pengurusan risiko, ciri produk, pemasaran dan klasifikasi produk, dan keperluan pendedahan dan pematuhan pengawalseliaan.

Untuk meningkatkan lagi akses pelanggan kepada pelbagai perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh bank perdagangan, kefleksibelan tambahan diberikan pada bulan Ogos 2005 bagi membolehkan bank perdagangan menjalankan perkhidmatan pemfaktoran sama ada dalam bank atau melalui entiti berasingan. Entiti berasingan itu boleh berada dalam bentuk anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya atau sebahagiannya, atau usaha sama dengan mana-mana pihak lain termasuk pihak asing.

Dalam persekitaran operasi yang semakin dinamik dan berdaya saing, sektor perbankan terus berhadapan dengan cabaran untuk meningkatkan kecekapan operasi dan amalan pengurusan risiko mereka. Ini termasuk mengurus portfolio pinjaman mereka dengan berkesan dan efisien. Untuk memberikan institusi perbankan kefleksibelan dan pilihan yang lebih baik dalam mengurus pendedahan mereka, Bank Negara Malaysia mengeluarkan *Garis Panduan untuk Penjualan/ Pembelian Pinjaman Tidak Berbayar oleh Institusi Perbankan* pada bulan Disember 2005. Berikutan pengeluaran Garis Panduan ini, institusi perbankan kini boleh terus menjual NPL mereka kepada pihak ketiga yang layak, iaitu institusi perbankan domestik, LIFB, pelabur domestik dan asing. Institusi perbankan juga dibenar membeli NPL daripada institusi perbankan lain. Dengan kefleksibelan ini, institusi perbankan diberi pilihan tambahan untuk mengurus kedudukan kewangan mereka dan memperuntukkan semula sumber ke arah memperkukuh potensi perniagaan dan untuk menjana kadar pulangan yang lebih tinggi. Ia juga membolehkan institusi perbankan menjalankan inovasi produk dengan lebih baik dan menggunakan sumber untuk pelaburan dalam pembangunan modal insan dan infrastruktur teknologi, daripada menguruskan aset bermasalah. Untuk memastikan kefleksibelan tersebut tidak mendedahkan risiko yang tidak berpatutan kepada institusi perbankan yang mengambil bahagian, sistem perbankan dan pengguna, kefleksibelan tersebut tertakluk pada syarat am tertentu dan keperluan berhemat. Satu daripada syarat am itu termasuk keperluan penjualan dan pembelian NPL oleh pelabur domestik atau asing yang bukan institusi berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, dijalankan melalui jentera tujuan khas

atau *special purpose vehicle* yang diperbadankan di Malaysia dengan penyertaan ekuiti asing dihadkan pada 49%; bertujuan untuk memupuk dan memperkembangkan industri pengurusan aset tempatan. Untuk memastikan penjualan NPL dikendalikan dengan baik, Garis Panduan tersebut juga menggariskan peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah dan pengurusan kanan, serta keperluan perundangan dan proses pengawalseliaan untuk aktiviti seperti itu.

Ketersediaan tenaga kerja dengan kecekapan yang tinggi, yang mengutamakan pelanggan, mahir teknologi, fleksibel dan tangkas dalam sektor kewangan yang sentiasa berubah semakin menjadi faktor penting dalam menentukan kejayaan sesebuah institusi dan seterusnya menyumbang ke arah pembentukan sektor kewangan yang lebih berdaya tahan dan dinamik. Oleh yang demikian, usaha mempertingkatkan sumber modal insan dan keupayaan intelektual secara berterusan adalah kritikal untuk memacu prestasi sektor kewangan, terutama industri perbankan. Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) terus memenuhi komitmennya dalam menyediakan program pembangunan kepimpinan untuk melatih pemimpin dalam sektor perkhidmatan kewangan. Pada tahun 2005, ICLIF menganjurkan dua sesi Program Pembangunan Kepimpinan Global di bawah program kepimpinan lanjutan berstruktur dan pelbagai program pembelajaran yang khusus mengenai perancangan senario dan pemikiran strategik, memimpin perubahan, kepimpinan berinovasi dan forum pengarah.

Selain itu, sebagai sebahagian daripada pelan strategik untuk merangka portfolio latihan dan pendidikan lanjutan yang bertujuan meningkat kemahiran dan menambah kecekapan di samping meningkatkan keupayaan pengurusan dan kemahiran organisasi industri perbankan bagi menghadapi cabaran masa hadapan, Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) sedang merangka *Rangka Kerja Kecekapan Industri Perbankan dan Kewangan*. Rangka kerja ini akan menyediakan asas untuk membimbing IBBM dalam merangka program teknikal yang relevan dan membantu institusi pengajian tinggi untuk menjajarkan kurikulum mereka bagi memenuhi keperluan sumber manusia industri untuk kumpulan profesional yang berbakat tinggi. Selain itu, rangka kerja tersebut mengandungi dua hasil utama iaitu kecekapan asas, yang terdiri daripada pengetahuan utama, kemahiran dan ciri-ciri sikap yang diperlukan oleh ahli perbankan dan kecekapan teknikal yang menggariskan pengetahuan teknikal, kemahiran dan ciri-ciri sikap yang diperlukan untuk tugasan penting dalam sektor perbankan utama. Dalam merumus rangka kerja itu, IBBM telah menganjur perbincangan kumpulan fokus di peringkat atasan pada bulan Disember 2005 untuk membincangkan *Rangka Kerja Kecekapan Teras* itu. Perbincangan kumpulan fokus disertai oleh ketua pegawai eksekutif institusi perbankan utama dan tokoh akademik terkemuka. Perbincangan itu menyumbang ke arah pengumpulan input dan pandangan secara holistik dan seimbang yang diperlukan untuk menghalusi *Rangka Kerja Kecekapan Teras* dan menjadi landasan untuk usaha seterusnya bagi fasa kecekapan teknikal.

Usaha berterusan untuk memastikan bekalan siswazah berkecekapan tinggi dalam industri perbankan dan kewangan telah membawa kepada pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara IBBM dengan Universiti Malaya pada 21 Julai 2005. MoU tersebut merintis jalan ke arah pembangunan dan peningkatan pengetahuan dan kemahiran siswazah yang mengambil pengkhususan dalam bidang perbankan dan kewangan melalui peningkatan program perbankan dan kewangan oleh universiti tersebut dan penempatan industri atau peluang latihan siswazah di institusi perbankan. Usaha sama strategik itu menawarkan peluang bagi kedua-dua pihak memanfaatkan kekuatan masing-masing ke arah pencapaian matlamat bersama, iaitu meningkatkan kualiti sumber manusia untuk industri perbankan.

Menggalakkan Kemantapan dan Kestabilan Sistem Perbankan

Kewujudan sistem kewangan yang mantap dan stabil adalah penting dalam mencapai pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran yang mapan. Dalam landskap kewangan dan integrasi global pasaran kewangan yang terus berkembang, adalah penting bagi sistem kewangan untuk kekal responsif dan berupaya mengurus pelbagai risiko yang bakal muncul. Oleh itu, perhatian yang sewajarnya terus diberikan ke arah memastikan bahawa elemen asas sistem kewangan yang selamat dan mantap kekal tidak berubah. Ini termasuk pewujudan rangka kerja pemantauan dan pengawasan yang komprehensif dan berkesan, peraturan berhemat dan pengawasan penyeliaan yang kukuh dan dinamik, serta infrastruktur kewangan yang efisien dan jaringan keselamatan kewangan yang boleh dipercayai.

Pada tahun 2005, usaha terus tertumpu pada pengukuhan selanjutnya pengawasan sistem perbankan. Kemampuan mengesan dan menilai kelemahan-kelemahan yang muncul adalah kritikal supaya langkah dasar yang wajar dapat dilaksanakan bagi mengelak atau membendung risiko yang muncul dengan segera. Dalam hal ini, inisiatif terus diambil ke

arah memantau dan menilai ketahanan sistem perbankan dengan menggunakan gabungan penunjuk kewangan dan makroekonomi yang relevan, maklumat kualitatif serta pengawasan di dalam dan luar premis. Sepanjang tahun 2005, pelbagai langkah diambil ke arah memantau dan menilai hubung kait antara perkembangan makroekonomi domestik dengan pasaran kewangan, prestasi sistem kewangan dan implikasinya terhadap kestabilan sistem kewangan; prestasi sektor ekonomi tertentu, termasuk sektor isi rumah dan korporat dan implikasinya terhadap keutuhan sistem perbankan, serta potensi impak perkembangan serantau dan global terhadap kedudukan kewangan sistem perbankan di Malaysia. Di samping itu, usaha untuk membangunkan keupayaan dan alat bagi rangka kerja pengawasan yang lebih komprehensif di peringkat sistem dan institusi untuk mengenal pasti, mengukur, menilai serta meramal kelemahan yang timbul sedang dijalankan. Ia termasuk merumus metodologi yang sesuai bagi model-model tersebut dan memperkemas set data yang digunakan dalam model-model tersebut. Selanjutnya, rangka kerja ujian tekanan sedang dikaji semula dan diperkemas untuk memberi panduan kepada institusi perbankan mengenai pelaksanaan ujian tekanan sebagai alat pengurusan risiko dalam institusi berkenaan. Garis panduan mengenai ujian tekanan yang disemak akan memberi kefleksibelan kepada institusi perbankan untuk membentuk atau menerima pakai ujian tekanan yang paling sesuai dan efektif bagi model perniagaan masing-masing. Dengan menggunakan parameter tetap yang diberikan untuk pelaksanaan ujian tekanan ini, institusi perbankan akan mengenal pasti faktor risiko, atau ciri-ciri yang setara dengan aktiviti mereka, skala faktor risiko dan infrastruktur pengurusan risiko mereka.

Aktiviti penyeliaan yang dilaksanakan pada tahun 2005 juga berdasarkan matlamat untuk menggalakkan kemantapan kewangan dan kestabilan sistem perbankan untuk menyokong wawasan Bank Negara Malaysia bagi mewujudkan sistem perbankan yang dinamik, kompetitif dan stabil. Pendekatan penyeliaan Bank Negara Malaysia terus tertumpu pada pengawasan yang berterusan demi memastikan keselamatan dan kemantapan institusi kewangan serta mengambil langkah awalan untuk membendung risiko yang muncul dengan segera. Perhatian diberikan kepada pengenalpastian aktiviti perniagaan institusi perbankan yang utama, menilai risiko utama dalam setiap aktiviti perniagaan yang utama dan keupayaan institusi perbankan yang berkenaan dalam mengurus risiko ini. Pendekatan komprehensif dalam menyelia kumpulan kewangan dilaksanakan bagi menilai kapasiti dan keupayaan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman sesuatu kumpulan perbankan tertentu. Syarikat induk bank dan entiti lain dalam kumpulan juga dinilai bagi memudahkan pengenalpastian yang lebih awal risiko kontagion kepada institusi perbankan dalam kumpulan tersebut. Ini disokong pula oleh maklumat yang diperoleh daripada pengawal selia yang lain, di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa, bagi memberi penilaian kumpulan kewangan yang menyeluruh.

Menyedari kepentingan sistem maklumat (SM) dalam perniagaan perbankan, khususnya dari segi pengurusan risiko, pembangunan produk dan penyampaian perkhidmatan pelanggan, adalah penting agar integriti dan keteguhan SM dikekalkan. Dalam hal ini, inisiatif penyeliaan ditumpukan bukan sahaja pada aspek keselamatan dan kawalan persekitaran SM, malahan juga tadbir urus aktiviti SM oleh lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan. Dalam kes yang kebanyakan operasi SM institusi perbankan dikendalikan oleh pembekal perkhidmatan luar, skop pemeriksaan juga diperluas kepada pembekal perkhidmatan. Ini bagi memastikan institusi perbankan mempunyai pengawasan yang mencukupi terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh pembekal perkhidmatan mereka dan piawaian yang diterima pakai oleh pembekal perkhidmatan ini sekurang-kurangnya setara, sekiranya tidak lebih tinggi daripada piawaian yang digunakan terhadap persekitaran SM dalaman institusi perbankan.

Keperluan dan piawaian minimum bagi perancangan dan pengurusan persekitaran SM dan bagi pewujudan langkah pengurusan risiko SM diperincikan dalam *Garis Panduan mengenai Pengurusan Persekitaran Sistem Maklumat* yang dikeluarkan pada bulan Mei 2004. Dalam proses melaksanakan pemeriksaan di premis pada tahun 2005, diperhatikan bahawa kebanyakan institusi perbankan sama ada telah mematuhi piawaian minimum, atau mencapai kemajuan yang ketara ke arah mematuhi piawaian minimum tersebut. Sesetengah institusi perbankan juga telah melaksanakan kawalan yang lebih ketat, selaras dengan saiz dan kerumitan persekitaran SM masing-masing. Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia turut meneruskan usahanya untuk mengukuhkan ketahanan sistem kewangan di Malaysia sekiranya berlaku sebarang perkembangan di luar jangkaan. Keperluan bagi institusi perbankan merangka *Rancangan Luar Jangka dan Penyambungan Semula Perniagaan (BRCP)* dan ujian atasnya juga ditetapkan dalam Garis Panduan tersebut.

Amalan tadbir urus korporat yang berkesan yang mempertingkatkan kebertanggungjawaban korporat merupakan unsur penting dalam pelaksanaan disiplin dan ketelusan pasaran. Sejajar dengan langkah ke arah rangka kerja pengawalseliaan 'berasaskan prinsip', tanggungjawab yang lebih besar diletakkan di atas bahu pemegang saham dan lembaga pengarah institusi perbankan bagi memastikan institusi mereka beroperasi dengan cara yang mantap dan selamat, dalam parameter yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Penerimapakaian piawaian untuk amalan tadbir urus korporat yang mantap memastikan institusi berlesen diurus dengan cara yang selamat dan mantap dengan keseimbangan yang berpatutan antara aktiviti pengambilan risiko dengan kehematan perniagaan, untuk memaksimumkan pulangan kepada pemegang saham dan pada masa yang sama, melindungi kepentingan semua pihak yang berkepentingan. Bagi membantu sektor perbankan mencapai objektif ini, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan *Garis Panduan mengenai Tadbir Urus Korporat bagi Institusi Berlesen (Pindaan BNM/GP1)* pada bulan September 2005 bagi menggantikan *Garis Panduan mengenai Jawatan Ahli Lembaga Pengarah (GP1)*. Garis Panduan yang disemak ini dirangka berdasarkan konsep asas tanggungjawab, kebertanggungjawaban dan ketelusan. Ia juga mengandungi prinsip yang luas berhubung hal-hal lembaga pengarah, pengawasan pengurusan dan audit.

Garis Panduan yang disemak ini memberi penekanan yang penting terhadap peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah bagi memastikan pimpinan yang wajar atas institusi di samping memastikan bahawa dasar dan prosedur yang diterima pakai oleh institusi perbankan adalah mantap dan berhemat serta dipatuhi di setiap peringkat organisasi pada setiap masa. Ini dicapai melalui pengawasan yang teliti dan rapi terhadap fungsi dan hal ehwal institusi berlesen, termasuk memastikan institusi mewujudkan dasar, proses dan infrastruktur pengurusan risiko yang menyeluruh di samping proses kajian semula audit dalaman yang berkesan. Lembaga pengarah juga dipertanggungjawabkan dengan tugas mewujudkan nilai, wawasan dan strategi korporat sebagai panduan bagi aktiviti institusi berlesen di samping mengetahui jenis aktiviti kewangan utama yang dijalankan oleh institusi tersebut. Peranan pengarah bebas juga diperluas untuk memastikan kebebasan dan objektiviti yang perlu kepada lembaga pengarah, memastikan sekatan dan imbangan yang berkesan serta menangani sebarang kemungkinan percanggahan kepentingan. Pendekatan dan metodologi penyeliaan yang diterima pakai, termasuk temuduga dan penilaian prestasi

Garis Panduan mengenai Tadbir Urus Korporat bagi Institusi Berlesen meletakkan penekanan yang ketara atas pengawasan oleh Lembaga Pengarah, peranan pengarah bebas dan pemisahan yang jelas antara pihak pengurusan dengan pemegang saham institusi perbankan.

setiap pengarah individu telah menyumbang ke arah tadbir urus korporat yang lebih baik. Terdapat penyertaan yang lebih aktif di kalangan para pengarah dan peningkatan dalam tahap kesedaran terhadap kehendak atas ahli lembaga pengarah dalam memantau operasi sesebuah institusi berlesen.

Ciri penting lain Garis Panduan yang disemak termasuk pemisahan yang jelas antara peranan pengerusi dengan ketua pegawai eksekutif (KPE), serta pemisahan yang jelas antara pemegang saham dengan pihak pengurusan institusi berlesen. Ia bertujuan untuk memastikan imbangan yang wajar dalam peranan, tanggungjawab, kuasa dan kebertanggungjawaban di kalangan pembuat keputusan di samping untuk tidak menghalang amalan tadbir urus korporat yang mantap. Di samping itu, bagi memastikan kepimpinan yang berkesan, piawaian sesuai dan wajar bagi pengarah dan pihak pengurusan kanan terus diperketat, dengan mengambil kira beberapa faktor termasuk kecekapan, sikap, integriti dan kejujuran seseorang individu. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan tahap kecekapan dan keupayaan lembaga pengarah secara keseluruhan bagi melaksanakan kewajipan mereka dengan berkesan dalam mengawasi dan menyumbang secara aktif kepada hala tuju strategik dan operasi keseluruhan perniagaan perbankan mereka. Memandangkan peranan timbalan KPE dan ketua pegawai kewangan adalah kritikal dalam sesebuah institusi berlesen, Garis Panduan yang disemak ini menetapkan bahawa Bank Negara Malaysia akan membantu Jawatankuasa Penamaan institusi berlesen berkenaan dengan menjalankan pemeriksaan terhad ke atas calon yang dicadangkan bagi jawatan berkenaan untuk memastikan hanya individu yang layak memegang jawatan tersebut.

Dalam usaha untuk menyampaikan dan mempertingkatkan lagi pengetahuan pengarah institusi kewangan tentang isu tadbir urus korporat, IBBM mengendalikan *Program*

Pengarah mengenai Semakan atas Garis Panduan Tadbir Urus Korporat pada bulan November 2005. Matlamat program itu adalah untuk memastikan ahli lembaga pengarah berpengetahuan mengenai matlamat dan piawaian tadbir urus korporat yang akan mempertingkatkan keberkesanan mereka dalam menjalankan kewajipan dan tanggungjawab mereka.

Dalam persediaan untuk pelaksanaan Basel II, institusi perbankan telah mengendalikan penilaian jurang yang terperinci pada tahun 2005 bagi menilai kesediaan mereka untuk menerima pakai rangka kerja kecukupan modal yang baru ini. Keputusan penilaian ini yang diserahkan kepada Bank Negara Malaysia telah memberikan kefahaman mendalam yang bernilai mengenai aspirasi dan cabaran utama yang dihadapi dalam melaksanakan Basel II. Meskipun kebanyakan institusi perbankan tidak meramal sebarang masalah besar dalam menerima pakai Kaedah Standard (*Standardised Approach*) melangkaui penambahbaikan sistem, kebanyakan mereka menekankan bahawa tahap penembusan yang rendah oleh penarafan luar akan menyekat potensi manfaat yang boleh diraih daripada Kaedah Standard ini.

Penilaian jurang diikuti oleh siri perbincangan dua hala juga digunakan oleh Bank Negara Malaysia sebagai input dalam merangka panduan penyeliaan yang terperinci. Panduan penyeliaan ini, yang akan diterbitkan pada tahun 2006, akan memperincikan reka bentuk dan bidang pengubahsuaian di bawah Kaedah Standard dan Penarafan Berasaskan Dalaman (*Internal Ratings Based*, IRB) bagi risiko kredit. Bagi Kaedah Standard, perincian dan pengubahsuaian rangka kerja akan melibatkan kajian semula parameter tertentu seperti pemetaan wajaran risiko dan potongan cagaran pengawalseliaan bagi memastikan yang ia mencerminkan pengalaman tempatan, dan menghasilkan keperluan modal yang sebanding dengan institusi perbankan di bawah pendekatan IRB yang mengambil risiko yang serupa. Di samping itu, kesesuaian melaksanakan budi bicara nasional perlu dinilai dengan menyeluruh supaya budi bicara ini tidak mengurangkan kesensitifan risiko rangka kerja ini dengan ketara.

Dalam pendekatan IRB, tumpuan diberikan pada interpretasi keperluan operasi di bawah pendekatan tersebut, dengan pertimbangan yang secukupnya diperlukan bagi menggalakkan penerimapakaian amalan terbaik global di kalangan institusi perbankan domestik. Meskipun penerimapakaian amalan terbaik global merupakan matlamat jangka panjang yang diingini, menetapkan amalan ini sebagai tanda aras minimum adalah tidak realistik, dan justeru itu, tidak menggalakkan perpindahan kepada kaedah IRB. Unsur utama dalam proses membangunkan panduan industri IRB ialah mengimbangi antara keperluan terhadap butiran teknikal yang spesifik dengan penggunaan rangka kerja berasaskan prinsip dalam bidang yang amalan pasaran masih berkembang. Panduan yang terlalu preskriptif mungkin akan menyebabkan institusi perbankan terbatas kepada keperluan yang mungkin tidak sesuai bagi model perniagaan mereka.

Kertas konsep yang akan dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2006 akan turut mempertimbangkan pelaksanaan Kaedah Indikator Asas (*Basic Indicator Approach)* dan Kaedah Standard (*Standardised Approach*) bagi risiko operasi. Hasil kaji selidik risiko operasi yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2005 mendedahkan bahawa kebanyakan institusi kewangan telah melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko operasi dan memulakan usaha pengumpulan data risiko operasi. Garis panduan mengenai amalan pengurusan risiko operasi yang mantap akan dikeluarkan pada tahun 2006 sebagai asas untuk mempertingkatkan tahap pengurusan risiko operasi dalam industri.

Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia juga turut mengadakan siri perbincangan dengan agensi penilaian kredit luaran (ECAI) tempatan dalam proses menyempurnakan kriteria bagi pengiktirafan ECAI untuk pelaksanaan Kaedah Standard. Di peringkat antarabangsa, Bank Negara Malaysia terus terlibat secara aktif dalam dialog dengan para penyelia tempatan bagi institusi perbankan asing supaya dapat memahami dengan lebih jelas pendekatan yang diambil oleh pengawal selia ini, di samping menjalin kerjasama yang lebih erat dengan mereka bagi pelaksanaan Basel II. Bank Negara Malaysia juga terlibat secara khusus dengan Kumpulan Kerja mengenai Penyeliaan Perbankan Mesyuarat Eksekutif Bank-Bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP), yang tertumpu pada isu berkaitan Basel II yang dihadapi bersama-sama oleh negara anggota, seperti pengiktirafan ECAI dan isu penyelia tempatan-penyelia tuan rumah yang berhubung dengan pengesahan model dalaman.

Sebagai tambahan kepada inisiatif yang sedang dijalankan ke arah persediaan untuk menerima pakai Basel II, usaha yang berterusan juga turut disalurkan bagi memperkukuh amalan pengurusan risiko industri. Dengan penglibatan yang lebih oleh institusi perbankan dalam aktiviti pelaburan, perdagangan dan perlindungan nilai, ia menjadi semakin penting bagi mereka untuk mengambil kira impak dan potensi kesan pergerakan dalam pasaran kewangan. Dalam hal ini dan bagi melengkapi inisiatif Basel II, pelaksanaan *Rangka Kerja Kecukupan Modal Risiko Pasaran (MRCAF)* yang

Cabaran Data dan Sistem dalam Pelaksanaan Basel II

Kompleksiti Basel II terus memberi cabaran dalam pelaksanaan piawaian kecukupan modal baru di kalangan institusi perbankan dan penyelia bank dalam sistem kewangan global. Isu dan cabaran pelaksanaan telah dibincangkan dengan meluas di kalangan institusi perbankan dan penyelia bank yang ingin saling mempelajari daripada pengetahuan dan pengalaman masing-masing. Satu bidang yang mendapat perhatian meluas ialah ketersediaan data dan sistem institusi perbankan, semakin mereka menghampiri tarikh pelaksanaan Basel II dalam bidang kuasa masing-masing. Sememangnya, kredibiliti proses pembentukan model bagi pelbagai parameter risiko dan oleh itu, pengiraan modal minimum di bawah Tonggak 1 (Pillar 1) rangka kerja baru itu banyak bergantung pada kualiti data dan reka bentuk sistem dan infrastruktur yang diwujudkan oleh institusi perbankan.

Asas kepada keperluan pengawalseliaan Basel II yang kompleks ialah harapan agar institusi perbankan mempunyai infrastruktur sistem dan pengurusan data yang mantap yang akan membolehkan proses pengurusan risiko dijalankan dengan teguh. Aspek asasnya ialah infrastruktur data yang dipertingkatkan yang akan membolehkan institusi perbankan mendapat maklumat daripada pelbagai sistem tersedia secara konsisten dan menepati masa. Ini termasuk mempunyai keupayaan untuk mendapatkan pandangan menyeluruh mengenai peminjam mereka secara individu dan berkumpulan yang membolehkan pemantauan terhadap peminjam yang berkesan dan pengsegmenan pendedahan kepada portfolio yang bersesuaian mengikut profil risiko. Walaupun kebanyakan institusi perbankan telah mengumpul maklumat mengenai pelbagai pendedahan kredit peminjam mereka, maklumat ini lazimnya tersimpan dalam sistem pangkalan data yang tidak begitu bersepadu. Justeru itu, proses mendapatkan pandangan menyeluruh peminjam dan penanggung obligasi akan terdedah kepada ralat dan ketidakcekapan seperti data yang tidak konsisten dan duplikasi data. Integrasi sistem yang diperlukan melibatkan piawaian berhubung pengenalpastian pelanggan bagi setiap peminjam dan mengenal pasti dengan tepat rangkaian antara peminjam dengan semua pihak berkaitan dengan mereka, dan pendedahan kepada pihak-pihak tersebut. Bagi mendapatkan profil risiko yang tepat berhubung pelbagai kemudahan kredit yang diberi kepada peminjam atau sekumpulan peminjam, sistem yang menyelenggarakan maklumat peminjam dan kemudahan kredit yang berkaitan perlu disepadukan sepenuhnya dengan sistem pengurusan cagaran.

Integrasi pelbagai sistem yang menyimpan maklumat berkaitan peminjam bukan hanya menyediakan asas kukuh untuk pengurusan kredit yang efektif, malah akan turut menyokong proses membuat keputusan perniagaan yang lebih efisien. Dengan keupayaan untuk memantau peminjam masing-masing yang dipertingkatkan, institusi perbankan boleh mengesan dengan lebih awal sebarang kemerosotan dalam kemampuan kredit peminjam atau pihak berkaitan dengannya. Integrasi dengan sistem pengurusan cagaran akan memudahkan pemantauan prestasi cagaran yang lebih efektif, terutamanya cagaran kewangan. Pemantauan cagaran yang berkesan akan memastikan sebarang kemerosotan nilai cagaran akan membolehkan institusi perbankan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menangani kesan peningkatan risiko tersebut. Pada peringkat peminjam, tinjauan secara menyeluruh terhadap pelanggan akan meningkatkan kemampuan institusi perbankan untuk menilai keberuntungan pelanggan, lalu memudahkan pemasaran produk baru kepada pelanggan berkenaan. Dengan peningkatan infrastruktur ini, institusi perbankan juga akan berada dalam kedudukan yang lebih selesa untuk membuat penentuan harga produk dengan lebih baik, analisis keberuntungan pelanggan dan portfolio yang lebih tepat dan pengurusan risiko portfolio yang lebih efektif. Dari perspektif strategik, maklumat seperti ini boleh juga digunakan sebagai input penting dalam perumusan strategi masa hadapan berhubung pengembangan perniagaan bank kepada segmen yang lebih membawa keuntungan.

Selain keupayaan sistem, kebolehterimaan anggaran dalaman bagi pelbagai pemacu risiko seperti Kemungkinan Berlaku Mungkir (Probability of Default, PD), Kerugian Akibat Mungkir (Loss Given Default, LGD), dan Pendedahan Sewaktu Mungkir (Exposure at Default, EAD) bagi pengiraan kecukupan modal di bawah kaedah Berdasarkan Penarafan Dalaman (Internal Ratings Based, IRB) akan bergantung kepada kualiti dan kecukupan data yang digunakan oleh institusi perbankan dalam proses membentuk model. Kekurangan data boleh menyebabkan model yang dibentuk tidak cukup mantap untuk memberi keputusan yang konsisten bagi tujuan pengiraan modal.

Kesukaran juga akan dihadapi dalam mengesahkan model tersebut jika saiz sampel peminjam mungkir, sama ada terlalu kecil atau tidak dikumpul dengan betul. Keperluan data yang meliputi satu kitaran ekonomi yang lengkap, yang pada lazimnya sekurang-kurangnya sepuluh tahun, bagi tujuan pembentukan model bagi pemacu risiko, turut menjadi cabaran kepada institusi perbankan. Sehubungan ini, pertimbangan utama bagi institusi perbankan dan penyelia di Asia adalah untuk mengendalikan kesan insiden mungkir dan kadar kerugian yang luar biasa tingginya sepanjang tempoh selepas berlakunya krisis kewangan Asia pada tahun 1997-1998. Walaupun kesan itu akan beransur-ansur hilang secara semula jadi apabila institusi perbankan mengisi pangkalan data mereka dengan data baru, institusi perbankan masih perlu mencapai persetujuan dengan penyelia mereka berhubung kaedah penyelarasan untuk menangani kesan data krisis sewaktu tempoh awal pelaksanaan Basel II. Matlamatnya adalah untuk memastikan bahawa modal pengawalseliaan tidak terkurang taksir berbanding risiko sebenar ataupun ditaksirkan secara berlebih-lebihan sehingga menyebabkan kos operasi institusi perbankan menjadi sangat tinggi.

Dalam konteks menghasilkan prestasi model yang baik, proses pengumpulan data juga adalah penting untuk menjamin kualiti data. Prosedur dan proses pengurusan data yang mantap adalah penting untuk memastikan data dikumpul secara konsisten dan ketepatannya memadai. Teras kepada perkara ini ialah perlunya bagi institusi perbankan mewujudkan kuasa dan kebertanggungjawaban yang jelas dalam memastikan kualiti data dan piawaian integriti yang tinggi sentiasa dipatuhi. Ini akan hanya boleh dicapai dalam keadaan apabila pihak pengurusan atasan dan pelbagai unit perniagaan lain dalam institusi perbankan memperakui betapa pentingnya amalan pengurusan kualiti data yang mantap.

Memandangkan keperluan data dalaman yang banyak di bawah pendekatan pengiraan keperluan modal yang lebih maju bagi risiko kredit dan operasi, terdapat kecenderungan untuk tidak mengendahkan kepentingan data luaran dalam pelaksanaan Basel II. Secara amnya, data luaran seperti kajian kemungkiran yang diterbitkan oleh institusi penaksiran kredit luaran (ECAI) dan pangkalan data kerugian kredit dan operasi luaran, boleh memberi kefahaman yang berguna dan boleh digunakan untuk memudahkan penerimapakaian pendekatan yang lebih maju. Dalam konteks membangunkan model kredit korporat khususnya, kajian mungkir dan perpindahan kredit daripada ECAI boleh memberikan input bernilai bagi tujuan menanda aras output model itu berdasarkan pengalaman ECAI dengan syarikat tempatan. Pengalaman mungkir ECAI yang lazimnya diterbitkan kepada umum mungkin berguna untuk bank mengesahkan kesesuaian output model mereka. Kajian mungkir yang diterbitkan oleh ECAI juga membantu penentu ukuran anggaran PD kepada skala penarafan dalaman. Bank yang bercadang untuk menerima pakai pendekatan IRB diberi pilihan untuk menentukan penarafan dalaman masing-masing berpandukan skala penarafan yang digunakan oleh ECAI dan kemudiannya menerima pakai anggaran PD yang berkaitan dengan skala penarafan kepada gred penarafan mereka. Namun begitu, pertimbangan penting dalam proses ini adalah bagi institusi perbankan memastikan konsistensi dan hubung kait data luaran ini kepada portfolio dalamannya, baik dari aspek definisi penarafan mahupun kriterianya.

Penarafan ECAI juga berperanan sebagai penunjuk kepada tahap relatif risiko peminjam korporat di bawah Kaedah Standard (Standardised Approach) dan oleh itu digunakan sebagai asas pengiraan modal. Walaupun ia mungkin sesuai di banyak negara maju yang mempunyai tahap penembusan penarafan yang tinggi, maklumat mungkir yang dikaitkan dengan penarafan ECAI dalam pasaran sedang berkembang boleh menjadi terlebih tinggi akibat saiz sampel yang lebih kecil bagi peminjam yang dinilai. Hasil daripada kekangan struktur ini hendaklah diambil kira oleh bank dan pengawal selia dalam pasaran sedang berkembang apabila penarafan ECAI digunakan untuk tujuan pengurusan risiko dan pengiraan modal. Dalam konteks ini, pengumpulan maklumat penarafan di kalangan ECAI serantau sepatutnya diteliti oleh penyelia serantau sebagai inisiatif jangka panjang untuk meningkatkan kredibiliti penarafan luar sebagai asas pengiraan modal di bawah Kaedah Standard.

Memandangkan infrastruktur data dan sistem yang mantap amat penting bagi kejayaan pelaksanaan Basel II, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan panduan kepada industri mengenai pengurusan kualiti data dan sistem pengurusan maklumat pada tahun 2006. Walaupun panduan tersebut akan menggariskan jangkaan penyeliaan secara meluas berkaitan integriti data dan pengurusan sistem maklumat yang efektif dalam bank, jangkaan itu akan menjadi asas bagi keperluan data lebih khusus yang akan dikeluarkan oleh Bank Negara

Malaysia bagi pelaksanaan Basel II. Khususnya, garis panduan itu akan digunakan oleh Bank Negara Malaysia dalam penilaian sebelum mengesahkan keupayaan data dan sistem bagi pelaksanaan Basel II yang efektif.

Dalam usaha membantu industri melaksanakan Basel II yang berkaitan dengan data, Bank Negara Malaysia turut meneliti inisiatif industri lain yang boleh dilaksanakan untuk mempercepat kemajuan yang boleh dicapai oleh bank. Sehubungan ini, kemungkinan untuk menggunakan infrastruktur sedia ada seperti Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) dan Sistem Pangkalan Data Maklumat Penipuan (FIDS) akan dikaji. Sistem repositori kredit pusat seperti CCRIS boleh ditingkatkan dengan mekanisme pengenalpastian kumpulan peminjam tunggal untuk memudahkan pemantauan tumpuan risiko atas peminjam dan pihak berkaitan dengannya. Maklumat itu boleh dikongsi dan digunakan oleh semua institusi perbankan sebagai penanda aras untuk memastikan maklumat peminjam dan pihak berkaitan dengannya yang dikumpul secara dalaman, adalah tepat. CCRIS juga boleh ditingkatkan lagi dengan mengumpul penarafan pelanggan korporat institusi perbankan, lantas memudahkan penyeliaan pengawasan dan penilaian kemantapan sistem penarafan dalaman di kalangan bank.

Pengumpulan data berhubung risiko kerugian operasi daripada seluruh industri juga merupakan satu lagi inisiatif yang pada pandangan Bank Negara Malaysia bakal memberi manfaat kepada industri dalam jangka masa panjang. Di Malaysia, platform sedia ada seperti FIDS, bagi pengumpulan data mengenai penipuan di peringkat industri, hanyalah satu bahagian kecil daripada data risiko kerugian operasi yang akan diperlukan oleh institusi perbankan untuk membentuk model risiko operasi. Memandangkan masa yang diambil untuk membangunkan pangkalan data risiko operasi yang berguna, kemungkinan untuk membangunkan pangkalan data kerugian operasi yang meluas di peringkat kebangsaan malah serantau perlu diteliti oleh institusi perbankan dan para penyelia bagi menyokong pembangunan pengurusan risiko operasi selanjutnya dalam rantau Asia Pasifik.

Dari perspektif pembinaan kapasiti, keperluan untuk memastikan dan menyelenggarakan kualiti data dan keupayaan sistem yang tinggi tahapnya bukan semata-mata dipertanggungjawabkan kepada institusi perbankan sahaja. Para penyelia juga perlu menilai semula infrastruktur pelaporan daripada bank yang sedia ada memandangkan banyak data yang diperlukan untuk tujuan pemantauan penyeliaan dan penilaian risiko yang lebih ketat. Walaupun terdapat keperluan untuk meningkatkan rangka kerja penyeliaan pelaporan untuk mencapai objektif ini, cabaran kepada penyelia adalah untuk meningkatkan piawaian pelaporan penyeliaan tanpa menimbulkan beban yang tidak berpatutan dan tidak perlu kepada industri perbankan. Bagi Bank Negara Malaysia, pelaburan dalam keupayaan data dan sistem akan melengkapkan usaha dan pelaburan yang berterusan dalam mewujudkan kemahiran dan kepakaran khusus untuk menilai model dalaman dan anggaran risiko institusi perbankan. Penilaian oleh pakar risiko ini akan menjadi asas utama bagi membuat pertimbangan dari aspek penyeliaan terhadap kredibiliti dan kemantapan proses pengiraan modal di bawah persekitaran Basel II.

dikeluarkan pada bulan September 2004, telah berkuat kuasa pada bulan April 2005. Ini merupakan anjakan penting ke arah menyediakan secara eksplisit modal pengawalseliaan bagi kerugian yang bakal timbul akibat aktiviti yang mendedahkan institusi perbankan kepada risiko pasaran. Lanjutan daripada ini, tahun-tahun kebelakangan ini menyaksikan peningkatan yang ketara dalam pinjaman yang diberikan oleh institusi perbankan bagi pembelian harta kediaman. Bagi memastikan peningkatan ini dilaksanakan secara berhemat dan modal yang mencukupi dikekalkan untuk menyokong peningkatan pendedahan ini, wajaran risiko yang dikenakan terhadap pinjaman perumahan yang diperoleh melalui cagaran pertama yang telah bertukar kepada tidak berbayar, telah ditingkatkan daripada 50% kepada 100%. Di samping perubahan pengawalseliaan, Bank Negara Malaysia juga menumpukan sumber penyeliaannya untuk menilai kecukupan sistem pengurusan risiko dan amalan pengendalian pasaran dalam pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah. Meskipun keperluan modal risiko pasaran telah dimasukkan ke dalam rangka kerja RWCR yang sedia ada dan wajaran risiko yang lebih tinggi bagi NPL pinjaman perumahan, tahap permodalan institusi perbankan kekal mencukupi, dengan RWCR dikekalkan jauh melebihi keperluan minimum sebanyak 8%.

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, institusi perbankan telah mula melibatkan diri dalam lebih banyak urus niaga derivatif kredit bagi melindung nilai mereka daripada risiko rakan niaga dan bagi mengurangkan keperluan modal tanpa menjejaskan hubungan perdagangan yang sedia ada dengan rakan niaga mereka. Sejajar dengan usaha untuk menggalakkan amalan pengurusan risiko yang mantap oleh institusi perbankan, Bank Negara Malaysia mengeluarkan *Garis Panduan mengenai Olahan Pengawalseliaan bagi Urus Niaga Derivatif Kredit* pada bulan September 2005 yang menetapkan peraturan berhemat dan olahan modal pengawalseliaan bagi empat jenis produk derivatif kredit umum, iaitu, swap mungkir kredit (*credit default swap*), kumpulan pertama untuk mungkir (*first-to-default basket*), swap jumlah kadar pulangan (*total rate of return swap*) dan nota berkaitan kredit (*credit-linked notes*). Olahan modal pengawalseliaan bertujuan untuk memastikan peruntukan modal yang mencukupi oleh institusi perbankan, sama ada dalam kedudukan mereka sebagai pembeli atau penjual produk derivatif kredit. Di samping itu, produk yang ditawarkan mesti tertakluk kepada kelulusan oleh Bank Negara Malaysia dan disokong oleh rangka kerja pengurusan risiko yang mantap.

Peningkatan Infrastruktur Perlindungan Pengguna dan Penggalakan Pendidikan Pengguna

Pada tahun 2005, teras inisiatif perlindungan dan pendidikan pengguna terus dihalakan ke arah pemberian kuasa kepada pengguna supaya mereka lebih bersedia untuk bertanggungjawab atas kesejahteraan mereka sendiri. Satu strategi serampang dua mata telah diterima pakai. Strategi pertama adalah untuk mengukuhkan infrastruktur pengawalseliaan perlindungan pengguna dan strategi kedua adalah untuk meningkatkan inisiatif pendidikan pengguna.

Salah satu elemen penting dalam pembinaan asas perlindungan pengguna yang efektif seperti yang digariskan dalam PISK ialah penubuhan sistem insurans deposit yang eksplisit. Kelulusan Akta Perbadanan Deposit Insurans Malaysia 2005, berikutan penyempurnaan pembangunan rangka kerja insurans deposit membolehkan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) memulakan operasi pada bulan September 2005. Pencapaian penting ini menandakan perubahan dalam pendekatan ke arah memberikan perlindungan kepada pendeposit dan ini merupakan petanda baik bagi objektif yang berterusan untuk meningkatkan keutuhan kewangan institusi perbankan melalui penggalakan amalan kewangan, perniagaan dan pengurusan risiko yang baik.

Di bawah sistem insurans deposit, perlindungan deposit yang eksplisit diberikan kepada deposit yang layak sehingga had yang ditetapkan sebanyak RM60,000 bagi setiap pendeposit, di setiap institusi ahli. Jumlah ini termasuk wang pokok dan faedah. Perlindungan yang berasingan bagi jumlah yang sama

Sistem Insurans Deposit di Malaysia

Satu daripada kemajuan penting yang dicapai pada tahun 2005 adalah kejayaan penubuhan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) pada bulan Ogos 2005. Malaysia kini turut serta bersama lebih 95 buah negara yang mempunyai sistem insurans deposit yang eksplisit. Penubuhan PIDM memperkukuhkan lagi rangka kerja perlindungan pengguna di Malaysia dan merupakan satu kemajuan penting dalam arus pembangunan sistem kewangan Malaysia menerusi peningkatan disiplin dan pengukuhan amalan pengurusan risiko di kalangan institusi anggota, sejajar dengan saranan yang digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan. Sistem insurans deposit telah dirumus dengan teliti untuk memenuhi keperluan warganegara Malaysia, dan terutamanya, untuk memberi perlindungan saksama bagi deposit konvensional dan deposit berlandaskan Islam. Sebagai komponen penting dalam jaringan keselamatan, sistem insurans deposit melengkapi peranan dan fungsi Bank Negara Malaysia dalam memelihara kestabilan kewangan keseluruhannya.

Mandat

PIDM merupakan sebuah badan berkanun bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (APIDM) dengan mandat untuk:

(i) mentadbir sistem insurans deposit;
(ii) menyedia insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit bagi setiap institusi anggota;

(iii) menyedia insentif untuk pengurusan risiko yang kukuh dalam sistem kewangan; dan
(iv) menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam melaksanakan mandat (ii) dan (iv), PIDM dikehendaki meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Keanggotaan
Keanggotaan dalam sistem insurans deposit adalah wajib bagi bank perdagangan (termasuk anak syarikat bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan (ABIK) 1989 dan institusi perbankan Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam (ABI) 1983. Institusi perbankan yang menumpukan kepada deposit borong, iaitu bank saudagar, syarikat diskaun dan bank pelaburan secara automatiknya dikecualikan daripada menganggotai sistem insurans deposit. Cawangan institusi perbankan domestik yang beroperasi di luar negara dan institusi pengambil deposit lain iaitu, institusi kewangan pembangunan, kumpulan wang simpanan dan pencen termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Tabung Haji dan persatuan koperasi turut dikecualikan daripada sistem insurans deposit.

Perlindungan
Deposit yang dilindungi di bawah sistem insurans deposit termasuk deposit simpanan, permintaan, tetap, berlandaskan Islam (deposit pelaburan am dan pelaburan khas), cek jurubank, draf bank dan arahan pembayaran lain. Deposit yang tidak dibayar di Malaysia, deposit mata wang asing, instrumen deposit boleh niaga atau deposit pembawa lain, perjanjian belian balik dan penempatan di pasaran wang tidak diinsuranskan oleh PIDM.

Deposit yang layak adalah diinsuranskan sehingga RM60,000, termasuk wang pokok dan faedah. Had ini dilaksanakan berdasarkan setiap pendeposit di setiap institusi anggota. Had berasingan diberikan untuk deposit yang dipegang bersama atau dalam bentuk amanah, dan deposit keempunyaan tunggal, perkongsian atau firma profesional.

Deposit berlandaskan Islam diberikan had perlindungan berasingan sehingga RM60,000, termasuk wang pokok dan pulangan. Had yang berasingan ini memastikan layanan yang saksama dan tiada herotan persaingan antara deposit konvensional dan deposit berlandaskan Islam.

Pembayaran balik tuntutan pendeposit
Sekiranya sesebuah institusi anggota tidak dapat menunaikan kewajipannya kepada pendeposit, PIDM dikehendaki membayar balik pendeposit sehingga RM60,000 iaitu had yang diinsuranskan, dengan secepat mungkin. Pembayaran balik kepada pendeposit dalam tempoh yang cepat adalah penting bagi memelihara keyakinan dalam sistem kewangan.

Pendanaan
Dana sistem insurans deposit dibiaya oleh premium tahunan yang dikenakan atas institusi anggota berdasarkan jumlah deposit konvensional atau deposit berlandaskan Islam yang diinsuranskan, yang dipegang oleh institusi anggota pada 31 Disember.

PIDM mewujud dan mengurus dua dana insurans deposit yang berasingan bagi deposit konvensional dan deposit berlandaskan Islam. Pelaburan bagi Dana Insurans Deposit Islam dijalankan berlandaskan prinsip Syariah.

Struktur tadbir urus
PIDM ditadbir oleh tujuh ahli Lembaga Pengarah, yang terdiri daripada:
- seorang Pengerusi;
- Gabenor Bank Negara Malaysia;

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan;
- seorang wakil daripada sektor awam; dan
- tidak lebih daripada tiga wakil yang mempunyai pengalaman dalam sektor swasta yang berkaitan dan sekurang-kurangnya seorang dengan pengalaman dalam sektor perbankan dan kewangan yang berkaitan.

Ahli Lembaga Pengarah adalah dilantik oleh Menteri Kewangan, kecuali Gabenor dan Ketua Setiausaha. Pengarah, pegawai dan kakitangan institusi perbankan yang menjadi anggota sistem insurans deposit dan pihak yang berkaitan dengan mereka tidak dibenarkan menjadi ahli Lembaga Pengarah untuk mengelakkan percanggahan kepentingan dan akses kepada maklumat sulit secara tidak adil. Lembaga Pengarah bertanggungjawab atas perjalanan urus niaga dan hal ehwal PIDM dan mempunyai kewajipan berkanun untuk bertindak demi kebaikan penanggung insurans deposit berdasarkan mandatnya.

Kerjasama dan koordinasi

Bank Negara Malaysia adalah pihak berkuasa penyeliaan dan pengawalan utama yang bertanggungjawab mengekalkan kestabilan keseluruhan sistem perbankan Malaysia manakala PIDM mentadbir sistem insurans deposit dengan cara yang menyumbang ke arah menggalakkan keyakinan orang ramai dalam sistem kewangan.

Sebagai sebahagian daripada fungsi penyeliaannya, Bank Negara Malaysia menjalankan pemeriksaan atas kekukuhan institusi kewangan dan membekalkan PIDM dengan laporan hasil pemeriksaan tersebut. Dengan itu, PIDM bergantung secara ekstensif kepada maklumat yang diberikan oleh Bank Negara Malaysia bagi menilai risiko yang dihadapinya. Bank Negara Malaysia juga boleh memaklumkan PIDM bahawa sesebuah institusi kewangan tidak lagi berdaya maju. Berdasarkan maklumat itu, PIDM dikehendaki mencari penyelesaian pada kos paling minimum bagi menangani institusi anggota yang bermasalah itu. Walau bagaimanapun, kuasa ini hanya boleh dilaksanakan setelah Bank Negara Malaysia membuat penilaian. Apabila menerima penilaian tersebut, PIDM boleh menjalankan pelbagai langkah campur tangan, termasuk mengambil alih kawalan, memohon untuk melantik seorang penerima atau mengemuka petisyen untuk menggulung institusi anggota tersebut.

Oleh itu, kerjasama dan koordinasi erat antara Bank Negara Malaysia dan PIDM adalah penting bagi memastikan bahawa kedua-dua organisasi dapat memenuhi mandat mereka secara berkesan dan efisien. Kepentingan hubungan tersebut memerlukan pemeteraian perjanjian perikatan strategik yang melibatkan kedua-dua organisasi tersebut. Perjanjian ini menggariskan dengan nyata bagaimana Bank Negara Malaysia dan PIDM akan bekerjasama dan menyelaraskan aktiviti mereka dalam memenuhi peranan dan tanggungjawab masing-masing, dengan objektif mengurangkan pertindihan yang tidak produktif dan duplikasi usaha. Perjanjian tersebut juga akan menyediakan asas bagi Bank Negara Malaysia dan PIDM menjalankan perundingan aktif dan berterusan bagi mencapai penyelesaian yang optimal.

Kesimpulan

Penubuhan sistem insurans deposit di Malaysia mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna di Malaysia. Perhatian terperinci telah diambil dalam membangunkan sistem insurans deposit itu bagi melengkapkan peranan dan fungsi Bank Negara Malaysia sebagai pengawalselia utama dalam memelihara keselamatan dan kekukuhan sistem kewangan demi kebaikan rakyat Malaysia.

disediakan untuk deposit berlandaskan Islam, akaun yang dipegang di bawah pemilikan bersama dan akaun amanah, keempunyaan tunggal dan perkongsian. Adalah dijangkakan bahawa tahap perlindungan akan memberikan perlindungan penuh sehingga 95% daripada pendeposit. Di samping berfungsi sebagai pembayar balik, di bawah keadaan tertentu yang khusus, PIDM juga akan melaksanakan resolusi institusi perbankan, jika ia diperlukan.

Satu lagi objektif utama perlindungan pengguna ialah memastikan pengguna tidak tersisih dalam menuju ke arah sektor kewangan yang lebih dipacu pasaran. Dalam pengukuhan perlindungan pengguna, usaha dihalakan

ke arah memastikan orang ramai terus mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan asas pada kos yang berpatutan. Untuk mencapai tujuan ini, pada tahun 2004 Bank Negara Malaysia memperkenalkan rangka kerja perkhidmatan perbankan asas yang memerlukan institusi perbankan menawarkan akaun simpanan asas dan akaun semasa asas kepada semua rakyat Malaysia dan pemastautin tetap. Di samping itu, pada bulan Ogos 2005 institusi perbankan diarahkan untuk menukarkan secara automatik akaun simpanan biasa sedia ada kepada akaun simpanan asas (BSA). Penukaran secara mandatori ini akan memudahkan penyertaan perbankan yang lebih luas kepada semua segmen masyarakat. Serentak dengan usaha untuk memastikan akses kewangan, penekanan juga diberikan pada usaha untuk memastikan fi dan caj perbankan adalah adil dan saksama. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, seiring dengan inovasi teknologi dan permintaan pengguna yang semakin meningkat bagi produk yang lebih inovatif, institusi perbankan telah membuat pelaburan yang banyak dalam infrastruktur perkakasan dan perisian serta pembangunan produk untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih efisien, berdaya tahan dan terjamin sejajar dengan kehendak pengguna. Untuk membiayai sebahagian daripada kos pelaburan tersebut, fi dikenakan atas produk dan perkhidmatan yang disediakan. Untuk memastikan kos yang dikenakan adil dan saksama kepada pengguna dan institusi perbankan, garis panduan yang menggariskan prinsip panduan bagi pengenaan fi dan caj atas produk dan perkhidmatan perbankan bagi individu dan industri kecil dan sederhana (PKS) dikeluarkan pada pertengahan tahun 2005. Institusi perbankan dikehendaki untuk memastikan rangka kerja fi dan caj yang sedia ada mematuhi prinsip panduan itu, dan kelulusan Bank Negara Malaysia diperlukan terlebih dahulu sebelum pelanggan boleh dikenakan fi dan caj baru.

Satu lagi komponen penting dalam rangka kerja perlindungan pengguna ialah penyediaan pengaturan keinstitusian yang bersesuaian untuk memastikan pengguna mempunyai saluran yang mencukupi untuk mendapatkan bantuan dan pembelaan apabila mereka menghadapi masalah dengan institusi kewangan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia sedang menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang akan menyediakan saluran kepada peminjam individu dan bakal peminjam untuk mendapatkan nasihat dalam menguruskan kredit mereka dan membekalkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan kewangan mereka. Di samping itu,

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) meningkatkan saluran bagi pengguna mendapatkan pembelaan dan bantuan dalam menguruskan kewangan mereka.

AKPK juga akan membantu pengguna menguruskan hutang mereka secara proaktif dengan pelan khusus pembayaran balik pinjaman. Perkhidmatan ini disediakan bagi semua hutang yang berkait dengan pinjaman perumahan, pinjaman peribadi, kad kredit, kad caj dan sewa beli yang telah diperoleh individu daripada institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Usaha untuk meningkatkan tahap celik pengguna terus ditumpukan kepada penyelesaian isu maklumat tak seimbang melalui penerbitan dan penyebaran maklumat mengenai produk dan perkhidmatan perbankan runcit menerusi program pendidikan pengguna InfoPerbankan. Program ini kini telah memasuki tahun keempat operasinya. Pada tahun 2005, dua buku kecil, *Akaun Semasa* dan *Melabur Wang Anda* telah diterbitkan. Penerbitan ini bertujuan memberikan maklumat asas dan tip mengenai akaun semasa dan pelaburan untuk individu. Di samping itu, dua panduan info, *Mencari Pinjaman Perumahan* dan *Perkhidmatan Perbankan Asas* juga diterbitkan pada tahun 2005 bagi menyediakan panduan rujukan yang cepat dan mudah untuk pengguna. Senarai semak yang mudah bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan produk dan perkhidmatan perbankan runcit juga disediakan.

Untuk terus menggalakkan akses yang lebih luas kepada maklumat yang tepat pada masanya, boleh dipercayai dan tepat serta untuk meminimumkan kos dalam carian maklumat, maklumat perbandingan mengenai kad kredit dan produk sewa beli diterbitkan dalam jadual perbandingan di laman web InfoPerbankan. Jadual ini mengandungi maklumat terkini yang berkaitan, dan menyediakan rujukan yang mudah kepada pengguna. Jadual-jadual ini juga bertujuan untuk menggalakkan ketelusan dan memacu persaingan yang lebih baik di kalangan penyedia perkhidmatan kewangan. Dengan penerbitan jadual ini, jumlah jadual yang telah diterbitkan setakat ini adalah lima buah

Penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

Satu bahagian penting strategi yang dilaksanakan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan ialah pembangunan rangka kerja perlindungan pengguna dan infrastruktur yang sesuai untuk melindungi kepentingan pengguna, sementara pada masa yang sama mempertingkatkan keupayaan kewangan pengguna untuk menyertai sistem kewangan dengan berkesan. Agenda itu merangkumi pelbagai inisiatif yang melibatkan pembangunan infrastruktur dan institusi. Ini termasuk pendidikan kewangan, khidmat nasihat, pengurusan dan pemulihan masalah kredit serta penyediaan saluran pembelaan.

Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia telah mewujudkan beberapa pengaturan keinstitusian bagi memastikan pengguna mempunyai saluran yang mencukupi untuk mendapatkan bantuan dan pembelaan, apabila mereka menghadapi masalah ketika berurusan dengan institusi kewangan. Saluran ini termasuk penubuhan unit aduan di institusi perbankan dan mekanisme bebas penyelesaian pertikaian di Biro Pengantaraan Kewangan. Di samping itu, Laman Informasi Nasihat dan Khidmat Bank Negara Malaysia telah ditubuhkan untuk bertindak sebagai titik pertemuan terpusat bagi memudahkan tindak balas yang pantas dan berkesan kepada orang ramai dalam perkara yang berkaitan dengan sektor kewangan. Pengaturan keinstitusian ini akan dilengkapi dengan penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang akan menyediakan khidmat pengurusan wang dan kaunseling kredit serta pengurusan hutang kepada individu. Pengaturan keinstitusian yang dijadualkan beroperasi pada bulan April 2006 ini bertujuan bukan hanya untuk menyediakan khidmat nasihat, tetapi juga untuk membantu individu yang menghadapi kesukaran dalam memenuhi komitmen kewangan mereka.

Penggunaan swasta dalam ekonomi Malaysia semakin kukuh semenjak beberapa tahun yang lalu, disokong oleh sentimen pengguna yang positif dan peningkatan dalam akses kepada pembiayaan bank, terutamanya dalam aspek pinjaman pengguna. Trend ini diiringi dengan peningkatan paras keberhutangan isi rumah. Dalam beberapa ekonomi yang dipacu oleh penggunaan, tahap keberhutangan isi rumah telah melebihi paras berhemat dalam julat antara 80 - 100% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, tahap keberhutangan isi rumah bagi sektor perbankan di Malaysia kekal dalam lingkungan berhemat pada paras 61.5% daripada KDNK. Kapasiti khidmat bayaran hutang yang kukuh juga dicerminkan oleh paras pinjaman tidak berbayar sektor isi rumah yang kekal stabil pada tahap di bawah 8% daripada pinjaman isi rumah terkumpul pada akhir tahun 2005, ketara lebih rendah berbanding dengan paras tertinggi, iaitu 12.2% pada akhir tahun 1998. Trend ini dijangka berterusan dengan pinjaman isi rumah terus mencatat pertumbuhan yang pesat. Walaupun amalan pemberian pinjaman dan peminjaman berhemat akan terus digalakkan menerusi usaha yang bersepadu untuk mendidik pengguna mengenai pengurusan kewangan yang bijak, namun akan terdapat kes-kes pengguna yang terjejas akibat perkembangan yang tidak diduga, atau kes-kes pengguna yang berbelanja melampaui kemampuan kewangan sehingga tidak berupaya memenuhi obligasi mereka.

Penubuhan AKPK ialah sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia bagi memastikan, secara proaktif, sektor isi rumah terus berdaya tahan dengan menyediakan saluran bagi peminjam individu dan bakal peminjam mendapatkan nasihat dan bantuan berhubung pengurusan kredit, dan pada masa yang sama, menggalakkan sistem perbankan yang teguh dan mantap dengan memudahkan usaha pembayaran balik hutang dan meminimumkan kes-kes tidak berbayar akibat daripada pengurusan hutang yang kurang cekap.

AKPK akan menyediakan khidmat kaunseling dan pendidikan kredit serta khidmat penyelesaian hutang kepada pengguna secara percuma. Kaunseling dan pendidikan kredit adalah penting memandangkan individu perlu dilengkapi dengan kemahiran dan kaedah yang betul untuk mengurus kewangan mereka bagi memantapkan kewangan jangka panjang dan mencegah masalah kewangan akibat daripada pengurusan hutang yang kurang cekap daripada berulang. AKPK juga akan, secara proaktif, membantu pengguna menguruskan hutang mereka melalui prosedur luar mahkamah berdasarkan bentuk pembayaran balik pinjaman yang dipersetujui antara pihak peminjam dan pihak pemberi pinjaman. Peminjam individu yang berkelayakan akan mendapat akses kepada bantuan menstruktur semula pinjaman-pinjaman perumahan, sewa beli, kad kredit, kad caj dan pinjaman peribadi yang diperolehi daripada institusi-institusi kewangan di bawah pengawalseliaan Bank Negara

Malaysia[1] . Kes-kes yang melibatkan pemiutang berbilang boleh dirujuk terus kepada AKPK sementara peminjam dengan pemiutang tunggal boleh merujuk kes mereka kepada AKPK apabila gagal mencapai persetujuan berhubung pelan penyelesaian dengan pemiutang mereka. Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh AKPK ialah:

Butiran Terperinci Perkhidmatan yang Ditawarkan oleh AKPK

Jenis Perkhidmatan	Penerangan
Kaunseling dan Nasihat mengenai Pengurusan Kewangan	Kaunseling dan nasihat secara bersemuka yang merangkumi belanjawan kewangan, pengurusan wang dan isu-isu kredit. Bantuan akan disediakan kepada pengguna dalam menganalisa situasi kewangan mereka dan mengenal pasti semua pilihan yang ada untuk membantu mereka kembali kepada keadaan sedia kala.
Program Pengurusan Hutang	Program pembayaran balik hutang peribadi yang direka bentuk bagi membekalkan peminjam yang layak dengan penyelesaian bagi situasi kewangan mereka. Program ini akan merangkumi kajian semula kedudukan kewangan semasa dan pewujudan pakej penyelesaian kewangan peribadi secara usaha sama dengan peminjam dan institusi perbankan. Program ini juga menyediakan kaunseling dan pendidikan yang berterusan kepada pengguna sepanjang jangka hayat program dan bertindak sebagai satu alternatif penyelesaian hutang melalui prosedur luar mahkamah berdasarkan pelan pembayaran balik yang dipersetujui oleh institusi perbankan dan peminjam.
Pendidikan Kewangan	Program pendidikan untuk pengguna, khususnya, tentang kemahiran penggunaan kredit pengguna dan kemahiran asas pengurusan wang yang betul, seperti simpanan dan belanjawan, serta petua bagaimana menggunakan kredit dengan penuh tanggungjawab dan menguruskan hutang.

AKPK akan ditadbir oleh Lembaga Pengarah yang majoritinya adalah pengarah bebas. Agensi itu akan dikendalikan oleh kaunselor bebas yang berpengalaman dalam bidang kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang. AKPK terletak di Aras 8, Maju Junction Mall, Kuala Lumpur.

Penubuhan AKPK menandakan satu lagi pencapaian penting dalam pembangunan infrastruktur perlindungan pengguna yang komprehensif dan akan menyumbangkan secara positif ke arah pembangunan sektor pengguna yang mapan. Banyak kemajuan telah dicapai dalam pembangunan dan pengukuhan rangka kerja perlindungan dan pendidikan pengguna yang bertujuan untuk menggalakkan pasaran kewangan yang adil, saksama dan telus serta konsumerisme yang aktif.

[1] Institusi itu ialah bank perdagangan, bank saudagar, bank-bank Islam dan institusi kewangan pembangunan terpilih, syarikat insurans, pengendali takaful dan pengeluar kad kredit dan kad caj.

kesemuanya. Kini, usaha sedang dijalankan untuk menyebarkan jadual tersebut dalam format salinan cetak bagi membolehkan pengguna yang tidak mempunyai akses internet mendapatkan akses kepada maklumat tersebut.

Penerbitan bahan pendidikan pengguna dilengkapi oleh program *outreach* untuk kumpulan sasar seperti wanita, pelajar kolej dan universiti serta pesara. Program *outreach* ini bertujuan untuk mendidik pengguna dalam hal-hal kewangan seperti produk dan perkhidmatan perbankan, bajet dan pengurusan kewangan. Wanita, terutamanya suri rumah, dikenal pasti sebagai antara kumpulan sasaran utama di bawah program ini memandangkan peranan penting yang mereka mainkan dalam mengurus kewangan isi rumah dan kecanggihan

mereka yang agak terhad dalam hal-hal kewangan. Program *outreach* yang disasarkan kepada pelajar kolej dan universiti pula adalah, secara proaktif, untuk menyediakan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang penting dalam menguruskan kewangan mereka sebelum mereka memasuki alam pekerjaan. Program *outreach* bagi pesara pula disasarkan untuk memberi kuasa supaya lebih bertanggungjawab dan mengawal keperluan kewangan mereka setelah bersara. Pada tahun 2005, sejumlah 25 program *outreach* telah dianjurkan merangkumi lebih daripada 4,000 peserta dalam tiga kategori ini.

Untuk meningkatkan rangkaian perhubungan dengan orang ramai dan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (Bank Negara Malaysia LINK) pada bulan Februari 2005. Bank Negara Malaysia LINK berperanan sebagai tempat rujukan sehenti bagi orang ramai mencari maklumat dan mendapatkan penjelasan mengenai isu berkaitan dasar dan operasi Bank Negara Malaysia dan sektor kewangan, dan merupakan salah satu platform pendidikan pengguna. Bank Negara Malaysia LINK menyediakan interaksi bersemuka dengan pelawat yang berkunjung termasuk individu dan PKS, mengenai pertanyaan am dan aduan orang ramai, dengan itu meningkat keberkesanan dan kecekapan dalam pencarian maklumat. Bank Negara Malaysia LINK juga menawarkan sokongan kepada Unit PKS di Bank Negara Malaysia dalam pelbagai isu yang berkaitan dengan akses kepada pembiayaan oleh PKS seperti permohonan dan penstrukturan semula pinjaman serta maklumat mengenai pelbagai dana khas yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia dan kementerian atau agensi kerajaan yang lain. Ini akan meningkatkan lagi keupayaan jangkauan Bank Negara Malaysia dalam usahanya menggalakkan pembangunan sektor PKS. Selanjutnya, Bank Negara Malaysia LINK menyediakan platform lain bagi Bank Negara Malaysia mendidik orang ramai mengenai peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna produk dan perkhidmatan kewangan, dengan tujuan meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan orang ramai yang menggunakan khidmat perbankan. Maklumat kepada orang ramai dan PKS disediakan melalui pelbagai saluran termasuk pameran, kios informasi interaktif dan buku-buku kecil. Semenjak penubuhannya, maklum balas adalah menggalakkan dengan lebih daripada 36,000 pelawat diterima sehingga akhir bulan Februari 2006. Sebahagian besar daripada pertanyaan adalah berkaitan dengan perbankan dan insurans, pembiayaan PKS, maklumat kredit, permohonan kelulusan kawalan pertukaran dalam talian, cek tak laku dan dikembalikan serta mata wang.

Bank Negara Malaysia menyertai beberapa pameran dan seminar sepanjang tahun 2005. Penyertaan ini adalah cara penting untuk memahami dan menangani keraguan orang ramai dalam hal-hal kewangan, serta menyebarkan maklumat yang diterbitkan sebelum ini. Kempen publisiti melalui iklan di akhbar utama dan stesen radio juga dijalankan untuk menggalakkan kesedaran pengguna yang lebih luas dalam program pendidikan pengguna. Pada tahun 2005, sejumlah 1.2 juta buku kecil diambil oleh orang ramai sementara laman web InfoPerbankan mencatat 14 juta pelawat, dengan jumlah pelawat meningkat kepada 31 juta semenjak pelancarannya pada tahun 2003. (2004:1.2 juta buku kecil dan 17 juta pelawat).

Bank Negara Malaysia juga menjadi tuan rumah Forum Antarabangsa Ketiga mengenai Perlindungan dan Pendidikan Pengguna Kewangan pada tahun 2005, yang telah dihadiri oleh 42 peserta daripada 34 organisasi dari seluruh dunia. Forum tersebut, yang bertema *Menggalakkan Peningkatan Pendidikan dan Perlindungan Pengguna*, bertujuan menyediakan platform kepada pengawal selia dari seluruh dunia untuk berkongsi maklumat dan pandangan, berbincang mengenai cabaran dan isu serta bekerja bersama-sama untuk membentuk piawaian amalan terbaik dalam isu perlindungan dan pendidikan pengguna.

Untuk melengkapkan langkah dasar ke arah mempertingkatkan perlindungan pengguna dan sejajar dengan permintaan pengguna yang semakin tinggi, skop aktiviti pengawalseliaan pada tahun 2005 diperluaskan untuk mengambil kira penilaian etika perlakuan institusi perbankan dalam menggalakkan amalan pasaran yang adil, standard pendedahan serta mekanisme penyelesaian pertikaian yang efektif untuk memastikan pengguna dilayan secara saksama dan mendapat akses kepada maklumat yang mencukupi dan tepat pada masanya untuk memudahkan mereka membuat keputusan yang efektif.

Memastikan Akses kepada Pembiayaan Berterusan

Sebagai penggerak utama sumber kewangan yang disalurkan daripada penyimpan kepada pelbagai segmen ekonomi, sektor perbankan terus memainkan peranan penting sebagai pengantara untuk memastikan akses berterusan kepada pembiayaan bagi semua segmen ekonomi. Sistem perbankan masih merupakan pembekal dana

terbesar dalam ekonomi, dengan peningkatan pinjaman terkumpul sebanyak 8.6% kepada RM558.1 bilion pada tahun 2005. Dengan pertumbuhan yang berterusan dalam perbelanjaan pengguna, sejumlah besar daripada peningkatan ini disalurkan kepada sektor isi rumah dan PKS, yang masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 15.1% dan 8.7% pada tahun 2005. Dengan itu, aktiviti pemberian pinjaman sepanjang tahun 2005 menyokong keperluan pelbagai sektor ekonomi, dengan kebanyakan sektor mencatat pertumbuhan yang berterusan dalam kelulusan pinjaman.

Dengan pengenalan rangka kerja kadar faedah yang baru pada bulan April 2004, institusi perbankan lebih berupaya untuk menetapkan harga produk berasaskan faedah dengan berkesan, berdasarkan kos pendanaan dan strategi perniagaan masing-masing. Sejak pengenalan rangka kerja baru, BLR yang ditetapkan oleh hampir semua institusi perbankan pada tahun 2005 dikekalkan pada paras yang sama (sebelum semakan Kadar Dasar Semalaman). Ini memperkukuh tanggapan bahawa institusi perbankan telah menawarkan kadar yang kompetitif meskipun sebelum pelaksanaan rangka kerja yang baru. Di samping itu, pemansuhan spread pemberian pinjaman maksimum sebanyak 2.5 mata peratusan di atas BLR memudahkan inovasi berterusan oleh institusi perbankan bagi memenuhi kehendak pengguna yang semakin kompleks dan sofistikated. Malahan, sesetengah institusi perbankan telah memperkenalkan produk inovatif berasaskan faedah yang baru, termasuk pinjaman peribadi tanpa cagaran kepada individu dan PKS.

Memastikan akses berterusan kepada pembiayaan bagi sektor keutamaan kekal diberi keutamaan oleh Bank Negara Malaysia. Sejajar dengan objektif menyediakan pembiayaan kepada sektor keutamaan dengan cara yang paling efisien, institusi perbankan juga mempunyai peranan yang penting. Menyedari hal ini dan keperluan untuk mengimbangi tanggungjawab sosial dengan kecekapan operasi, institusi perbankan diberi kefleksibelan untuk menetapkan sasaran mereka sendiri bagi pinjaman kepada PKS dan kumpulan berpendapatan rendah bagi pembelian harta kediaman berdasarkan kapasiti dan strategi perniagaan masing-masing. Pada tahun 2005, definisi yang digunakan bagi beberapa sektor keutamaan telah diperhalus lagi. Paras ambang bagi pembelian rumah kos rendah diturunkan dari RM180,000 kepada RM60,000, sementara definisi PKS disejajarkan dengan definisi yang digunakan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan. Untuk terus menggalakkan keusahawanan Bumiputera, sekurang-kurangnya 50% daripada sasaran yang ditetapkan oleh institusi perbankan untuk pinjaman PKS mestilah disalurkan kepada PKS Bumiputera.

Menyedari peranan PKS yang semakin penting dalam ekonomi, pelbagai usaha dijalankan untuk mempertingkatkan sumbangan PKS kepada pertumbuhan ekonomi. Di samping penyusunan semula fungsi dan struktur keinstitusian IKP, institusi perbankan telah melancarkan dua produk pembiayaan perdagangan yang baru, iaitu Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Mata Wang (*Multi Currency Trade Finance)* dan Skim Pembiayaan Pengeksport Tidak Langsung (*Indirect Exporter Financing Scheme*) untuk PKS dengan tujuan menggalakkan pembabitan PKS yang lebih dalam pasaran eksport dengan menurunkan kos pembiayaan dan menyingkirkan syarat cagaran. Risiko kredit yang berkait dengan pembiayaan jenis ini akan dikongsi bersama antara institusi perbankan terbabit dengan EXIM Bank. Seterusnya, Bank Negara Malaysia akan menubuhkan dua dana modal usaha niaga yang bernilai RM150 juta setiap satu untuk menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian, terutamanya dalam bidang perladangan dan perikanan bersepadu, serta industri berkaitan bioteknologi.

Penyempurnaan Usaha Penstrukturan Semula Sektor Kewangan

Tahun 2005 menyaksikan penyempurnaan pengaturan keinstitusian yang diwujudkan untuk memperkukuh daya tahan sektor perbankan ketika krisis kewangan Asia. Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta), institusi terakhir antara tiga institusi khusus telah menamatkan operasi pada 31 Disember 2005, selepas berjaya memenuhi mandatnya menangani masalah NPL yang dialami oleh sektor perbankan akibat krisis tersebut. Sepanjang hayat operasinya, Danaharta telah, pada dasarnya, menyelesaikan semua NPL yang diperoleh dan mengutip semula pinjaman sebanyak RM30.4 bilion, yang merupakan kadar kutipan semula pinjaman sepanjang hayat sebanyak 58%. Daripada jumlah kutipan semula, sebanyak RM26.7 bilion diterima dalam bentuk tunai sementara bakinya RM3.7 bilion dalam bentuk baki aset pemulihan yang termasuk pinjaman yang disusun semula, sekuriti, harta tanah dan aset bukan tunai yang lain. Danaharta juga berjaya menebus kesemua bon tanpa kupon dengan jumlah nilai muka sebanyak RM11.1 bilion.

Kos pengurusan Danaharta sepanjang hayat dianggarkan sebanyak RM1 bilion. Oleh itu, daripada modal benih awal sebanyak RM3 bilion yang diperuntukkan bagi

penubuhan Danaharta, aset bernilai RM2 bilion yang terdiri daripada RM1.5 bilion dalam bentuk baki aset pemulihan dan RM0.5 bilion dalam bentuk tunai, telah dikembalikan kepada pemegang sahamnya, Menteri Kewangan Diperbadankan. Dengan penutupan operasi dan pemindahan kawalan aset Danaharta kepada Menteri Kewangan Diperbadankan, Menteri Kewangan Diperbadankan telah menubuhkan subsidiari yang dimiliki penuh, Prokhas Sdn. Bhd., pada 1 Januari 2006 untuk berfungsi sebagai agen pemungut baki aset pemulihan dan untuk menukar aset ini menjadi tunai pada nilai yang sebaik mungkin.

Secara keseluruhan, kos yang ditanggung oleh Kerajaan bagi usaha penstrukturan semula sektor kewangan melalui Danaharta dan Danamodal Nasional Berhad (agensi permodalan semula) berjumlah RM12.6 bilion atau 2.5% daripada keluaran dalam negeri kasar. Ini dijangka menurun lagi berikutan pulangan jangkaan daripada baki pelaburan. Kejayaan menyempurnakan usaha penstrukturan semula sektor kewangan telah membentuk asas yang kukuh bagi usaha pembangunan pada masa hadapan untuk memastikan sektor kewangan terus berkesan dan mampu memenuhi permintaan yang berubah dalam ekonomi yang pesat berkembang.

Melangkah ke Hadapan

Dalam keadaan persekitaran kewangan yang terus berkembang dan juga keperluan pelanggan yang berubah-ubah dan semakin sofistikated, usaha akan terus ditumpukan ke arah transformasi dinamik yang berterusan bagi sistem perbankan domestik kepada sistem yang mempunyai kapasiti dan ketangkasan untuk menangani kejutan dan mampu bertahan dalam menghadapi volatiliti pasaran kewangan yang meningkat. Dengan pelaksanaan fasa kedua PISK, institusi perbankan akan menghadapi saingan yang lebih sengit baik di dalam sektor perbankan mahupun daripada institusi kewangan bukan bank dan pasaran modal. Cabaran persekitaran yang lebih liberal dan dinyahkawalselia menghendaki institusi perbankan untuk merangka dan melaksana strategi menyeluruh yang jelas, di samping usaha lebih gigih untuk mempertingkatkan kecekapan, produktiviti dan inovasi bagi memastikan kemapanan prestasi. Dalam hal ini, inisiatif dasar akan terus terpusat pada usaha mempertingkatkan dinamisme dan ketahanan sistem perbankan di samping memastikan pemeliharaan kestabilan kewangan dan perlindungan pengguna, serta pada masa yang sama memastikan pengantaraan efektif dalam sektor kewangan.

Langkah-langkah Perbankan yang Diperkenalkan pada Tahun 2005

Pada tahun 2005, beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk memperkukuh daya tahan sistem kewangan dan menggalakkan kecekapan dan daya saing industri perbankan. Di samping itu, langkah-langkah juga diambil untuk meningkatkan perlindungan pengguna dan keyakinan orang ramai dalam sektor perbankan.

Meningkatkan Keselamatan dan Kemantapan Sistem Perbankan

❏ ***Rangka Kerja Nisbah Modal Wajaran Risiko - Pindaan kepada Wajaran Risiko untuk Pinjaman Perumahan yang Dijamin oleh Gadaian Pertama***

Untuk mempertingkatkan kepekaan risiko rangka kerja kecukupan modal yang sedia ada, Bank Negara Malaysia meminda wajaran risiko bagi pinjaman perumahan tidak berbayar yang dijamin oleh gadaian pertama daripada 50% kepada 100% pada bulan Mac 2005. Pindaan itu akan memastikan institusi perbankan terus mengekalkan modal yang cukup untuk menyokong pengembangan pembiayaan bagi pembelian harta kediaman.

❏ ***Garis Panduan Sistem Broker Elektronik oleh Broker Wang Berlesen***

Garis Panduan tersebut telah dikeluarkan pada bulan Ogos 2005 untuk memastikan sistem broker elektronik yang ditawarkan oleh broker wang beroperasi dengan cara yang menggalakkan integriti dan kestabilan pasaran kewangan secara keseluruhan. Ia juga menetapkan proses, prosedur, syarat, operasi pengawalseliaan serta keperluan pengawalseliaan untuk menjalankan sistem broker elektronik.

❏ ***Garis Panduan Tadbir Urus Korporat bagi Institusi Berlesen (Semakan BNM/GP1)***

Sebagai sebahagian daripada usaha yang berterusan untuk mempertingkatkan tadbir urus korporat di kalangan institusi berlesen, *Garis Panduan Tadbir Urus Korporat bagi Institusi Berlesen* telah dikeluarkan pada bulan September 2005 untuk menggantikan *Garis Panduan Jawatan Ahli Lembaga Pengarah dalam Institusi Perbankan*. Garis Panduan itu menetapkan prinsip umum dan piawaian minimum serta keperluan

khusus tadbir urus korporat yang mantap, yang patut diterima pakai oleh institusi berlesen dan syarikat induk bank/kewangan. Garis Panduan yang disemak itu berlandaskan konsep asas tanggungjawab, akauntabiliti dan ketelusan, dengan lebih tumpuan diberikan pada peranan lembaga pengarah dan pihak pengurusan. Antara perubahan utama Garis Panduan yang disemak itu ialah:

- Pengasingan peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif;
- Pengasingan antara pemegang saham dengan pihak pengurusan;
- Mempertingkatkan peranan dan komposisi pengarah bebas. Sekurang-kurangnya satu pertiga daripada ahli lembaga pengarah hendaklah terdiri daripada pengarah bebas dan mereka dikehendaki menunjukkan elemen bebas yang jelas dalam lembaga pengarah dari segi pendapat dan tindakan;
- Penubuhan tiga jawatankuasa lembaga pengarah baru, iaitu Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko; dan
- Menghadkan bilangan Pengarah Eksekutif kepada tidak lebih daripada seorang.

❑ ***Garis Panduan Olahan Pengawalseliaan untuk Urus Niaga Derivatif Kredit***

Garis Panduan Olahan Pengawalseliaan untuk Urus Niaga Derivatif Kredit telah dikeluarkan pada bulan Oktober 2005, untuk menetapkan olahan kecukupan modal bagi urus niaga derivatif kredit yang dijalankan institusi perbankan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (BAFIA). Garis Panduan itu menetapkan olahan modal pengawalseliaan bagi empat jenis produk derivatif kredit paling lazim, iaitu swap mungkir kredit (credit default swap), kumpulan mungkir kali pertama (first-to-default basket), swap kadar pulangan seluruh (total rate of return swap) dan nota berkaitan kredit (credit-linked notes) yang dicatat sama ada dalam buku perbankan atau buku perdagangan. Institusi perbankan yang menjalankan urus niaga derivatif kredit dikehendaki mendapatkan kelulusan khusus daripada Bank Negara Malaysia dalam proses kelulusan produk seperti yang ditetapkan dalam *Garis Panduan Keperluan Kelulusan Produk Baru*, kecuali produk yang diurus niaga berasaskan templat umum yang telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Menggalakkan Persaingan dan Kecekapan dalam Sektor Perbankan

❑ ***Garis Panduan Kadar Pinjaman Asas, Kadar Pinjaman dan Kadar Deposit Institusi Perbankan***

Berkuat kuasa bulan Mac 2005, deposit tetap yang disimpan oleh syarikat atau perusahaan perniagaan besar dan bukan pemastautin adalah pada asas yang boleh dirunding tanpa mengira jumlah simpanan. Oleh itu, ia menyumbang kepada persekitaran penetapan harga yang lebih berorientasikan pasaran untuk pendeposit. Walau bagaimanapun, kategori pendeposit lain termasuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) masih layak mendapat kadar yang dipaparkan untuk deposit sehingga RM1 juta.

❑ ***Garis Panduan Penawaran Produk Pelaburan Berkait pada Derivatif (ILD)***

Sejajar dengan usaha menambah pilihan produk ILD bagi pelabur yang layak, Bank Negara Malaysia telah menambah pada senarainya, produk pelaburan yang menambah hasil yang berkait pada mata wang asing, komoditi, ekuiti dan derivatif pendapatan tetap pada bulan April 2005. Berikutan pertambahan produk tersenarai, *Garis Panduan Penawaran Produk Pelaburan Berkait pada Derivatif* telah dikeluarkan untuk menggantikan *Garis Panduan Pelaburan Berkait pada Derivatif* yang dikeluarkan pada 12 Mei 2003. Garis Panduan itu seterusnya dikemas kini pada bulan Februari 2006 dengan memasukkan perubahan berikut:

- Had agregat jumlah nosional terkumpul produk ILD yang ditawarkan kepada pelabur dihapuskan; dan
- Pendekatan 'Mendaftarkan dan Menggunakan' yang digunakan untuk mengemukakan permohonan berkaitan produk ILD, yang dengannya produk ILD dianggap diluluskan apabila dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dari segi pengurusan risiko, penzahiran, pemasaran dan jenis produk yang ditawarkan.

❑ ***Pelaburan dalam Unit Dana Amanah Harta Tanah dan Dana Amanah Saham***

Berkuat kuasa 20 Mei 2005, institusi perbankan berlesen dibenarkan untuk melabur dalam dana amanah harta tanah dan dana amanah saham, dengan syarat:

- Pelaburan itu tidak melebihi 5% daripada saiz terbitan dana itu atau 5% daripada dana modal sesebuah institusi perbankan berlesen yang mana lebih rendah;

- Nilai agregat semua pelaburan seumpama itu tidak melebihi 10% daripada dana modal sesebuah institusi perbankan berlesen; dan
- Nilai agregat pelaburan saham dan kepentingan-dalam-saham, dana amanah saham, dana amanah harta tanah dan harta tidak alih tidak melebihi 50% daripada modal asas sesebuah institusi perbankan berlesen.

❑ ***Garis Panduan Bank Pelaburan***

Menurut Seksyen 126 ABIK 1989 dan Seksyen 158 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) secara bersama mengeluarkan *Garis Panduan Bank Pelaburan* pada 1 Julai 2005. Garis Panduan itu menetapkan keperluan, proses dan rangka kerja pengawalseliaan untuk bank pelaburan.

Semua kumpulan kewangan terlibat diberikan tempoh setahun, bermula 1 Julai 2005 untuk ditukar menjadi bank pelaburan. Bagi memudahkan proses ini, Kerajaan bersetuju memberikan pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta dan kredit cukai untuk kerugian terkumpul institusi perbankan pemeroleh yang terlibat dalam perasionalan itu. Penyertaan ekuiti asing dalam bank pelaburan ditingkatkan kepada 49% untuk memudahkan pemindahan kemahiran, kepakaran dan pengetahuan teknikal yang lebih baik kepada bank-bank pelaburan.

❑ ***Garis Panduan Akses kepada Pasaran Antara Bank oleh Broker Universal***

Sebagai sebahagian daripada langkah untuk memperkukuh kapasiti dan daya saing broker universal, broker universal yang memenuhi kriteria kelayakan berikut dibenarkan mendapat akses pasaran antara bank untuk meminjam atau memberi pinjaman dana RM:

- Dana pemegang saham minimum tidak terjejas oleh kerugian sebanyak RM100 juta;
- Kedudukan modal yang kukuh mengikut ukuran nisbah kecukupan modal yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia (Bursa);
- Pengendalian memuaskan kemudahan kredit semasa yang diperoleh daripada institusi perbankan; dan
- Mematuhi peraturan berhemat dan kewangan yang ditetapkan oleh SC dan Bursa.

Garis Panduan itu juga menetapkan keperluan berhemat untuk broker universal yang ingin menyertai pasaran antara bank. Keperluan utama adalah seperti yang berikut:

- Had agregat pinjaman antara bank tidak melebihi dua kali ganda dana pemegang sahamnya, yang tidak terjejas oleh kerugian;
- Rangka kerja pengurusan risiko yang mantap dan efektif untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengurus risiko; dan
- Rangka kerja pengurusan mudah tunai yang mantap yang merangkumi strategi pengurusan dana, keupayaan untuk memadankan keperluan mudah tunai jangka masa terdekat dan jangka masa pendek dan mengekalkan kemudahan kredit yang mencukupi, aset yang mudah ditunaikan dalam menguruskan kemungkinan kekurangan dalam mudah tunai.

Broker universal juga dibenarkan meminjam sekuriti daripada Bank Negara Malaysia melalui pengaturan repo untuk meningkatkan aktiviti pembrokeran sekuriti mereka dan akan tertakluk kepada pemeriksaan oleh Bank Negara Malaysia dan SC, yang mana bersesuaian.

❑ ***Perkhidmatan Pemfaktoran yang Disediakan oleh Bank Perdagangan***

Berkuat kuasa 10 Ogos 2005, semua bank perdagangan dibenarkan menyediakan perkhidmatan pemfaktoran sama ada sebagai sebahagian daripada perniagaan perbankan perdagangannya atau melalui sebuah entiti perundangan berasingan. Entiti perundangan berasingan itu boleh berbentuk anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya atau sebahagiannya, atau usaha sama dengan pihak lain, termasuk pihak asing. Ini adalah untuk menggalakkan persaingan dan penyertaan institusi perbankan dalam bidang yang kini dijalankan oleh institusi pinggiran.

❑ ***Garis Panduan Penjualan/Pembelian Pinjaman Tidak Berbayar (NPL) oleh Institusi Perbankan***
Untuk membolehkan institusi perbankan menguruskan kunci kira-kira masing-masing dan mengagihkan semula sumber dengan lebih fleksibel bagi memperkukuh potensi dan daya saing perniagaan mereka, *Garis Panduan Penjualan/Pembelian Pinjaman Tidak Berbayar (NPL) oleh Institusi Perbankan* dikeluarkan pada bulan Disember 2005. Garis Panduan itu membenarkan institusi perbankan menjalankan penjualan langsung NPL kepada pihak ketiga yang layak, serta membeli NPL daripada institusi perbankan lain. Garis Panduan itu juga menetapkan syarat am, keperluan dan proses serta peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan institusi perbankan yang ingin menjalankan penjualan atau pembelian seperti itu. Garis Panduan itu menetapkan bahawa NPL hanya boleh dijual kepada institusi perbankan domestik atau institusi perbankan asing yang diperbadankan di Malaysia, pelabur dalam negeri atau pelabur asing melalui Jentera Tujuan Khas (Special Purpose Vehicle) dengan penyertaan ekuiti asing dihadkan pada 49%. Semua NPL yang dijual kepada pihak ketiga yang layak hendaklah mengikut asas tanpa rekursa (non-recourse basis).

❑ ***Penubuhan Cawangan Baru Bank Asing yang Diperbadankan di Malaysia***
Sejajar dengan strategi umum yang digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan, bank asing yang diperbadankan di Malaysia (LIFB) dibenarkan menubuhkan sehingga empat buah cawangan tambahan dalam tempoh satu tahun berkuat kuasa 1 Januari 2006, dan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Kefleksibelan operasi ini merupakan langkah pertama dalam pendekatan berfasa liberalisasi cawangan. Namun begitu, LIFB perlu mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia terlebih dahulu sebelum menubuhkan cawangan baru.

Meningkatkan Perlindungan Pengguna

❑ ***Pengenaan Fi dan Caj atas Produk dan Perkhidmatan Perbankan***
Sebagai sebahagian daripada langkah untuk memastikan akses kepada perkhidmatan perbankan dan memastikan fi dan caj yang dikenakan adalah adil dan saksama bagi institusi perbankan dan juga pelanggan, prinsip panduan berkaitan pengenaan fi dan caj untuk produk dan perkhidmatan perbankan telah ditetapkan. Institusi perbankan dikehendaki memastikan fi dan caj yang sedia ada mematuhi prinsip ini dan kelulusan Bank Negara Malaysia diperlukan terlebih dahulu untuk sebarang pindaan bagi menaikkan fi dan caj sedia ada atau untuk sebarang pengenaan fi dan caj baru atas individu dan/atau PKS.

❑ ***Akses kepada Pembiayaan oleh Sektor Keutamaan***
Seperti tahun-tahun yang lepas, Bank Negara Malaysia terus menumpukan pada pemberian pinjaman oleh institusi perbankan kepada sektor keutamaan, iaitu PKS, PKS bumiputera dan rumah kos rendah berharga RM60,000[1] ke bawah. Sasaran kelulusan pinjaman baru ditetapkan untuk tempoh pematuhan dari 1 Januari 2006 – 31 Disember 2007 berasaskan pelbagai faktor dengan mengambil kira kapasiti institusi berkenaan. Di samping itu, kadar faedah yang dikenakan institusi perbankan untuk pinjaman perumahan yang disalurkan di bawah Garis Panduan, iaitu rumah kos rendah berharga RM60,000[1] dan ke bawah, juga dihadkan pada BLR + 1.75%.

❑ ***Perkhidmatan Perbankan Asas***
Untuk memastikan semua pelanggan mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan, di bawah rangka kerja Perkhidmatan Perbankan Asas (BBS) semua institusi perbankan yang tidak menawarkan penukaran secara automatik untuk akaun simpanan biasa yang diberikan sebelum ini ke Akaun Simpanan Asas perlu menukarkan secara automatik semua akaun seperti itu bermula 1 September 2005.

❑ ***Jadual Perbandingan di InfoPerbankan***
Pada bulan Disember 2005, Bank Negara Malaysia meluaskan skop jadual perbandingan untuk meliputi produk runcit perbankan di laman web pendidikan penggunanya, InfoPerbankan. Jadual ini membolehkan pelanggan membuat perbandingan sebelum membuat keputusan dan merupakan sebahagian daripada usaha menggalakkan akses kepada maklumat yang lebih baik dan menggalakkan pelanggan membuat keputusan yang lebih bijak.

[1] Bagi Sabah dan Sarawak, harga belian rumah kos rendah dihadkan pada harga tidak melebihi RM72,000.

PRESTASI SISTEM PERBANKAN

Tinjauan Keseluruhan

Daya tahan sistem perbankan terus mengukuh pada tahun 2005 dalam suasana makroekonomi yang menggalakkan dengan penunjuk keteguhan kewangan utama mempamerkan trend yang memberangsangkan. Pendedahan sistem perbankan kepada sektor isi rumah masih pada tahap berhemat dan tidak menggugat keseluruhan kestabilan sistemik sistem perbankan. Perkembangan utama prestasi kewangan sistem perbankan dapat diringkaskan seperti berikut:

- Tahap permodalan kekal melebihi 13% dalam keadaan pengembangan kukuh jumlah aset dan prestasi keuntungan yang terus teguh;
- Kualiti portfolio pinjaman terus bertambah baik, didorong oleh NPL baru yang lebih rendah, pengelasan semula NPL kepada status berbayar yang lebih tinggi dan kutipan semula. Khususnya, nisbah NPL sektor perniagaan terus menurun sementara nisbah NPL sektor isi rumah secara relatif kekal stabil;
- Aktiviti pinjaman terus menggalakkan, didorong terutamanya oleh pemberian pinjaman kepada sektor runcit dalam persekitaran persaingan yang lebih sengit; dan
- Pendedahan kepada risiko pasaran terus terkawal.

Keuntungan

Sistem perbankan terus mencatat prestasi keuntungan yang kukuh pada tahun 2005 didorong oleh suasana makroekonomi dan pasaran kewangan yang menggalakkan. Keuntungan awalan sebelum cukai yang belum diaudit bagi tahun 2005 berjumlah RM12.4 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 7% di atas paras yang dicapai pada tahun sebelumnya. Mencerminkan kepelbagaian portfolio perniagaan institusi perbankan, pertumbuhan dalam keuntungan telah didorong terutamanya oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti pemberian pinjaman dan pembiayaan, jualan produk pengurusan kekayaan, perkhidmatan kiriman wang dan aktiviti perdagangan dan pelaburan. Keuntungan lebih tinggi tersebut dicapai ketika institusi perbankan terus berusaha mengukuhkan lagi kedudukan kewangan mereka. Hasilnya, pulangan atas ekuiti purata meningkat kepada 16.9%. Di samping itu, pulangan atas aset purata pula kekal pada tahap 1.4% berikutan pengembangan setara dalam jumlah aset pada tahun itu.

Keuntungan operasi kasar bagi tahun 2005 meningkat 6.2% kepada RM13.1 bilion hasil daripada pendapatan yang lebih tinggi yang dijana daripada aktiviti berasaskan faedah dan fi. Meskipun terdapat persaingan dalam pemberian pinjaman, pendapatan faedah bersih meningkat 7.6% didorong terutamanya oleh pertumbuhan dalam pendapatan faedah daripada aktiviti pinjaman dan pembiayaan (+RM1.3 bilion atau 4%), berserta juga pendapatan bersih yang lebih tinggi daripada aktiviti pinjaman antara bank. Walau bagaimanapun, pertumbuhan tersebut disederhanakan oleh peningkatan perbelanjaan faedah atas deposit (+RM0.9 bilion atau 6.2%) sejajar dengan jumlah deposit yang lebih tinggi yang diterima daripada pelanggan pada tahun 2005. Selaras dengan pengembangan kukuh dalam aktiviti pemberian pinjaman yang didorong terutamanya oleh segmen

Jadual 5.1
Sistem Perbankan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar			
	2004	2005a	Perubahan tahunan	
	RM juta			%
Pendapatan faedah[2]	40,755	43,757	3,002	7.4
Tolak: Perbelanjaan faedah	20,591	22,057	1,466	7.1
Pendapatan faedah bersih	20,164	21,701	1,536	7.6
Campur: Pendapatan berasaskan fi	4,229	4,684	455	10.7
Tolak: Kos kakitangan	5,662	6,309	647	11.4
Kos overhed	6,427	7,008	581	9.0
Keuntungan operasi kasar	12,305	13,068	763	6.2
Tolak: Peruntukan hutang lapuk dan ragu, dan lain-lain	4,587	5,476	889	19.4
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	7,718	7,592	-125	-1.6
Campur: Pendapatan lain	3,852	4,788	936	24.3
Untung sebelum cukai	11,569	12,380	811	7.0
Antaranya:				
Bank perdagangan[3]	10,679	11,006	328	3.1
Bank saudagar	814	1,340	526	64.6
Bank-bank Islam	76	34	-43	-56.1
Pulangan ke atas aset (%)	1.4	1.4		
Pulangan ke atas ekuiti (%)	16.3	16.9		
Kos ke atas pendapatan[4] (%)	49.6	50.5		

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Faedah ke atas pinjaman tidak berbayar tidak lagi diakru mulai Januari 2005.
[3] Termasuk syarikat kewangan.
[4] Hanya mengambil kira kos kakitangan, kos overhed, pendapatan faedah bersih dan pendapatan berdasarkan fi.
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Jadual 5.2
Kadar Pemberian Pinjaman Purata Wajaran untuk Pinjaman Baru

	Bank perdagangan	
	Purata bagi Disember (% setahun)	
	2004	2005
Pinjaman perniagaan	5.64	5.70
antaranya: PKS	*6.20*	*6.36*
Pinjaman isi rumah[1]	4.34	4.09
antaranya:		
Pembelian harta kediaman	*3.08*	*3.15*
Pembelian kereta penumpang	*6.53*	*4.34*

[1] Tidak termasuk kad kredit.

runcit, pendapatan faedah sebagai peratusan daripada aset berkaitan faedah meningkat 11 mata asas kepada 5.35 mata peratusan.

Persaingan dalam pasaran pemberian pinjaman, khususnya dalam segmen runcit yang terus meningkat, mendorong penurunan dalam kadar pinjaman purata sepanjang tahun 2005. Kadar pinjaman purata bagi pinjaman baru kepada pengguna (tidak termasuk kad kredit) adalah sebanyak 4.09% setahun pada bulan Disember 2005 (4.34% setahun pada bulan Disember 2004). Kadar pinjaman purata bagi pinjaman baru kereta penumpang mencatat penurunan paling ketara, menurun 219 mata asas daripada 6.53% setahun pada bulan Disember 2004 kepada 4.34% setahun pada bulan Disember 2005. Justeru itu, margin faedah kasar institusi perbankan (iaitu perbezaan antara pendapatan faedah dengan perbelanjaan faedah, dinyatakan sebagai peratusan daripada jumlah aset berasaskan faedah) hampir tidak berubah pada 2.65 mata peratusan. Perkembangan ini sebahagiannya disebabkan oleh kadar pinjaman asas institusi perbankan yang lebih tinggi berikutan peningkatan Kadar Dasar Semalaman Bank Negara Malaysia pada bulan November 2005 yang menyaksikan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3 bulan naik 40 mata asas kepada 3.20% setahun pada akhir bulan Disember 2005.

Pendapatan yang dijana daripada aktiviti berasaskan fi mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 10.7% pada tahun 2005 berikutan jualan produk pengurusan kekayaan seperti amanah saham dan bankasurans yang lebih tinggi, dan peningkatan dalam perkhidmatan kiriman wang oleh institusi perbankan. Fi yang lebih tinggi juga telah diterima daripada aktiviti berkaitan perdagangan seperti jaminan dan komisen daripada terbitan penerimaan jurubank berikutan pertumbuhan dalam pemberian pinjaman. Sementara itu, peningkatan penggunaan kad bagi pembelian barangan dan urus niaga lain juga menyumbang kepada pendapatan fi yang lebih tinggi bagi institusi perbankan. Pada keseluruhan tahun 2005, pendapatan berasaskan fi bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan secara sekumpulan mencatat peningkatan sebanyak 11.1% untuk mencakupi 17.3% daripada pendapatan operasi kasar.

Pendapatan yang diperoleh bank saudagar daripada aktiviti berasaskan fi sebaliknya mencatat penurunan kecil sebanyak 0.4% kepada RM0.3 bilion. Walaupun pendapatan yang dijana daripada pemberian pinjaman dan pembiayaan meningkat, ianya disederhanakan oleh pendapatan daripada perkhidmatan nasihat korporat yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, pendapatan berasaskan fi kekal sebagai penyumbang utama kepada pendapatan operasi bank saudagar, mencakupi 44.7% daripada jumlah pendapatan pada tahun 2005. Dengan penubuhan bank pelaburan, persaingan dalam aktiviti berasaskan fi dijangka akan lebih sengit, dan akan menambah tekanan atas kemapanan pendapatan bank-bank saudagar. Sementara itu, pendapatan yang dijana daripada aktiviti urus niaga dan pelaburan mencatat peningkatan yang ketara sebanyak 116.6%.

Walaupun sistem perbankan terus melaburkan jumlah yang besar dalam bentuk kos kakitangan, dan pembaikan sistem teknologi maklumat dan proses perniagaan pada tahun 2005, nisbah kos kakitangan dan overhed kepada pendapatan operasi kasar hanya meningkat dengan sedikit kepada 50.5%. Pelaburan seperti ini perlu untuk meningkatkan prospek pengembangan perniagaan, mengekalkan bakat sedia ada dan bagi menarik kemahiran baru ke dalam industri berikutan mobiliti pekerja yang meningkat. Pelaburan dalam pemerolehan dan pembangunan kemahiran bertujuan meningkatkan produktiviti dan keuntungan institusi perbankan. Institusi perbankan telah dapat menjana keuntungan operasi sebanyak RM2.10 untuk setiap ringgit yang dibelanjakan atas kakitangan. Sementara itu, peningkatan overhed mencerminkan strategi pemasaran dan jualan yang agresif yang dilaksanakan oleh beberapa institusi perbankan. Secara keseluruhannya, perbelanjaan untuk pemasaran, pentadbiran dan perbelanjaan am lain mencakupi 60.2% daripada jumlah overhed perbelanjaan berbanding dengan 57.7% pada tahun 2004.

Persekitaran perniagaan dan operasi berserta kedudukan kewangan yang menggalakkan dalam suasana prospek ekonomi yang memberangsangkan telah memberi perangsang kepada institusi perbankan untuk terus berusaha melaksanakan strategi

memperkukuhkan kedudukan kewangan mereka. Pada tahun 2005, sektor perbankan memperuntukkan sebanyak RM11.4 bilion bagi peruntukan hutang lapuk dan ragu yang terdiri daripada peruntukan khas sebanyak RM9.7 bilion (+9.8%) dan hapus kira sebanyak RM0.3 bilion (+216.4%). Sejajar dengan jumlah peruntukan yang lebih tinggi ini, margin faedah bersih (perbezaan pendapatan faedah dan perbelanjaan faedah tolak overhed dan peruntukan hutang lapuk dan ragu sebagai peratusan aset berkaitan faedah) menunjukkan penurunan yang kecil sebanyak tujuh mata asas kepada 0.37 mata peratusan pada tahun 2005. Pengukuhan kedudukan kewangan institusi perbankan ekoran langkah proaktif ini telah meletakkan sektor perbankan pada kedudukan yang lebih baik untuk terus menyokong pembangunan dan aktiviti ekonomi pada masa hadapan.

Aktiviti Pemberian Pinjaman

Aktiviti pemberian pinjaman sistem perbankan terus kukuh pada tahun 2005 disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang mapan dan keutuhan permintaan pembiayaan sektor perusahaan perniagaan dan sektor isi rumah. Daya tahan yang lebih kukuh dalam suasana prestasi kewangan yang menggalakkan dan kualiti aset yang bertambah baik membolehkan sistem perbankan untuk terus memenuhi keperluan pembiayaan sektor perniagaan dan isi rumah yang meningkat dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan aktiviti perniagaan dan penggunaan swasta. Kadar pinjaman pasaran kekal kompetitif dengan kadar bagi pinjaman baru yang diluluskan oleh bank perdagangan berada dalam lingkungan 5.62% hingga 6.23% setahun dan lingkungan 6.23% hingga 7.39% setahun bagi syarikat kewangan.

Permintaan terhadap pembiayaan terus mencatat trend menaik dengan permohonan pinjaman yang diterima institusi perbankan bertambah 11.7% kepada RM305.4 bilion pada tahun 2005. Kelulusan pinjaman baru secara relatif kekal stabil dengan pinjaman baru yang diluluskan berkembang 11.4% kepada RM193.4 bilion kepada lebih daripada 3 juta permohonan. Secara purata, pinjaman baru yang diluluskan setiap bulan pada tahun 2005 berjumlah RM16.1 bilion berbanding dengan RM14.5 bilion pada tahun sebelumnya. Dengan aktiviti sektor swasta terus berkembang, jumlah pengeluaran pinjaman naik 8.4% kepada RM529.3 bilion, terutamanya oleh sektor perkilangan yang mencakupi 24% (RM127 bilion) daripada jumlah pengeluaran pinjaman. Sementara itu, pinjaman yang belum digunakan pula meningkat 7.9% kepada RM170.9 bilion, lebih rendah berbanding dengan peningkatan sebanyak 16.7% pada tahun lepas, disebabkan terutamanya oleh kemudahan kad kredit yang tidak digunakan. Ekoran jumlah pengeluaran pinjaman melebihi jumlah pembayaran balik, jumlah pinjaman terkumpul meningkat dengan ketara pada kadar tahunan 8.6% kepada RM558.1 bilion pada akhir tahun 2005. Jumlah pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh institusi perbankan meningkat 8.5% pada tahun 2005 berbanding dengan penurunan 3.1% pada tahun 2004. Hasilnya, pembiayaan agregat oleh sektor perbankan untuk menyokong aktiviti ekonomi meningkat 8.6%.

Jadual 5.3
Sistem Perbankan[1]: Aktiviti Pembiayaan

	Bagi tahun		Pertumbuhan tahunan (%)
	2004	2005	
	RM bilion		
Kelulusan pinjaman	173.6	193.4	11.4
Pengeluaran pinjaman	488.2	529.3	8.4
Pembayaran balik pinjaman	461.6	489.2	6.0
	Pada akhir tahun		Pertumbuhan tahunan (%)
	2004	2005	
	RM bilion		
Jumlah pinjaman terkumpul	513.9	558.1	8.6
Jumlah pembiayaan oleh sistem perbankan[2]	547.0	594.0	8.6
Jumlah pembiayaan untuk ekonomi[3]	671.5	733.6	9.3

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan dicampur sekuriti hutang swasta yang dipegang oleh sistem perbankan.
[3] Jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan dicampur sekuriti hutang swasta terkumpul.

Kedudukan yang lebih mantap membolehkan sektor perbankan terus memenuhi keperluan pembiayaan sektor perniagaan dan isi rumah yang meningkat, dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan aktiviti perniagaan dan penggunaan swasta.

Pemberian pinjaman kepada isi rumah

Jumlah pinjaman terkumpul isi rumah bertambah 15.1% pada tahun 2005 kepada RM304.4 bilion untuk mencakupi 54.5% daripada portfolio pinjaman

terkumpul sistem perbankan. Pasaran buruh yang stabil, peningkatan pendapatan boleh guna, dan pilihan pembiayaan yang menarik telah menyumbang kepada perbelanjaan pengguna yang lebih kukuh, dengan itu merangsang permintaan terhadap pembiayaan baru seperti dicerminkan oleh kenaikan 18% dalam permohonan pinjaman daripada individu atau 46.5% daripada jumlah permohonan pinjaman yang diterima sektor perbankan. Jumlah pinjaman yang diluluskan pula bertambah 12% kepada RM97.2 bilion, atau 50.3% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan oleh sistem perbankan pada tahun 2005. Sementara itu, pengeluaran pinjaman turut meningkat 11.4% kepada RM145.2 bilion, atau 27.4% daripada jumlah pengeluaran pinjaman dalam sistem perbankan. Pinjaman yang belum digunakan oleh sektor ini bertambah 17.2% kepada RM79.5 bilion, mencakupi 46.5% daripada jumlah pinjaman yang belum digunakan dalam sistem perbankan. Pertambahan dalam jumlah pinjaman yang belum digunakan disebabkan terutamanya oleh pertambahan kemudahan kad kredit yang tidak digunakan, berikutan pengeluaran kad kredit yang meningkat di samping kelulusan had kredit yang lebih tinggi oleh institusi perbankan kepada pemegang kad.

[Analisis terperinci mengenai pemberian pinjaman kepada isi rumah terdapat dalam subtajuk "Pendedahan kepada Sektor Isi Rumah" dalam bab ini.]

Pemberian pinjaman kepada perusahaan perniagaan

Pemberian pinjaman kepada perusahaan perniagaan kekal tinggi pada tahun 2005 mencerminkan pelaburan sektor swasta dan aktiviti perniagaan yang lebih kukuh. Permintaan terhadap pembiayaan baru oleh perusahaan perniagaan bertambah pada kadar yang lebih sederhana, iaitu 5.7% kepada RM158.5 bilion pada tahun 2005 (2004: 20%). Pertumbuhan bagi pinjaman baru yang lebih perlahan kepada perusahaan perniagaan disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam permohonan pinjaman daripada sektor pembinaan, dan juga peningkatan yang lebih kecil dalam permohonan daripada sektor perkilangan, dan sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel. Meskipun peningkatan permohonan pinjaman lebih sederhana, pertumbuhan dalam kelulusan pinjaman baru adalah stabil. Jumlah pinjaman yang diluluskan meningkat 9.8% kepada RM93.2 bilion, mencakupi 48.2% daripada jumlah kelulusan dalam sistem perbankan. Kelulusan pinjaman kepada perniagaan adalah menyeluruh, dengan 50.2% atau RM46.8 bilion kelulusan pinjaman baru disalurkan kepada sektor perkilangan, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel, dan pembinaan. Kelulusan pinjaman bagi sektor pertanian pula mencatat pertumbuhan yang nyata sebanyak 80% kepada RM5.2 bilion.

Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan bertambah 7.4% kepada RM360.1 bilion, mencakupi 68% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan. Sebanyak 72.3% daripada jumlah itu atau RM260.2 bilion disalurkan kepada sektor perkilangan, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel, kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, memandangkan sektor perkhidmatan dan perkilangan terus mendapat manfaat daripada perbelanjaan pengguna yang kukuh dan eksport barangan perkilangan yang lebih tinggi. Secara relatif, pengeluaran pinjaman adalah lebih tinggi berbanding dengan pembayaran balik dan berikutan itu, jumlah pinjaman terkumpul sektor perusahaan perniagaan bertambah 2.9% kepada RM225.6 bilion pada akhir tahun 2005. Jumlah pinjaman yang belum digunakan pula meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.2% kepada RM87.4 bilion.

Pemberian pinjaman kepada PKS

Sektor perbankan terus menyokong keperluan pembiayaan PKS, dengan pemberian pinjaman kepada PKS terus menerajui pertumbuhan pinjaman kepada perniagaan. Jumlah pinjaman terkumpul PKS bertambah dengan nyata sebanyak 8.7% kepada RM96 bilion pada akhir tahun 2005, untuk mencakupi 42.6% daripada pinjaman kepada perniagaan atau 17.2% daripada jumlah pinjaman terkumpul. Sebagai mencerminkan keperluan pembiayaan PKS yang semakin meningkat, sistem perbankan menerima permohonan pinjaman daripada lebih 100,000 PKS yang bernilai RM59.7 bilion, iaitu peningkatan 10.3% daripada tahun sebelumnya. Faktor seperti perkembangan dalam analisis kredit, peralatan dan metodologi penilaian, akses yang meluas kepada maklumat semasa pelanggan dan liberalisasi rangka kerja penentuan harga telah memudahkan proses peruntukan pembiayaan yang lebih besar kepada PKS. Pada tahun 2005, pinjaman baru sebanyak RM35.8 bilion diluluskan kepada lebih daripada 85,000 PKS, pada kadar pinjaman purata antara 5.72% hingga 6.43% setahun oleh bank perdagangan. Kadar kelulusan adalah lebih tinggi pada 59.9%, manakala permohonan yang ditolak kekal rendah, mencakupi 18.5% daripada jumlah permohonan yang diterima daripada PKS. Pengeluaran pinjaman juga bertambah. Pada tahun 2005, RM110.7 bilion pinjaman dikeluarkan kepada PKS, iaitu kenaikan 10.2% berbanding dengan tahun 2004. Jumlah itu mencakupi 30.7% daripada jumlah pengeluaran kepada sektor perusahaan perniagaan. Pemberian pinjaman kepada PKS mengikut

sektor pada umumnya lebih menyeluruh, dengan hampir dua pertiga daripadanya disalurkan kepada sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, perkilangan dan pembinaan. Ini mencerminkan fokus perniagaan oleh kebanyakan PKS.

Dengan inisiatif untuk membina keupayaan PKS yang telah pun berada dalam perancangan, langkah untuk memudahkan akses kepada pembiayaan, seperti penubuhan SME Bank, pensekuritian pinjaman PKS, pengenalan produk pembiayaan perdagangan yang baru bagi PKS, dan juga penubuhan SME Portal akan terus meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS. Ini akan menggalakkan lagi pemberian pinjaman oleh institusi perbankan kepada PKS. Sebagai respons kepada permintaan kukuh terhadap tabung khas PKS yang diperuntukkan oleh Bank Negara Malaysia, Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 dan Tabung Usahawan Baru 2 masing-masing ditambah lagi sebanyak RM250 juta dan RM350 juta. Secara agregat, Bank Negara Malaysia memperuntukkan sebanyak RM8.9 bilion bagi tabung khas untuk PKS dan daripada jumlah ini, sebanyak RM11.2 bilion telah diluluskan sehingga akhir tahun 2005.

Pembiayaan melalui pasaran bon

Pasaran bon mengekalkan momentum pertumbuhannya pada tahun 2005. Sebanyak RM35.7 bilion sekuriti hutang swasta diterbitkan atau peningkatan sebanyak 27.1% berbanding dengan tahun 2004, terutamanya oleh sektor utiliti, pembinaan dan kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, yang mencakupi 74.3% daripada jumlah terbitan. Hasilnya, jumlah sekuriti hutang swasta terkumpul dalam pasaran meningkat 11.4% kepada RM175.6 bilion pada akhir tahun 2005. Secara keseluruhan, jumlah pembiayaan yang disalur kepada ekonomi, yang merangkumi pemberian pinjaman oleh institusi perbankan, bertambah 9.3% kepada RM733.6 bilion.

Kualiti Aset

Selaras dengan prestasi ekonomi yang mapan, kualiti pinjaman sistem perbankan terus bertambah baik pada tahun 2005, dengan pinjaman tidak berbayar (NPL) menurun kepada paras terendah sejak krisis kewangan Asia. Peningkatan kualiti aset pada tahun 2005 berpunca terutamanya daripada klasifikasi semula NPL yang lebih tinggi kepada status berbayar dan hapus kira.

NPL bersih sistem perbankan berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun sebanyak 14.6% kepada RM31.3 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM36.7 bilion), manakala NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun kepada RM24.7 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM28.6 bilion). Oleh itu, nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun sebanyak 1.7 mata peratusan kepada 5.8% (akhir tahun 2004: 7.5%). Berdasarkan klasifikasi 6 bulan pula, nisbah NPL bersih menurun sebanyak 1.2 mata peratusan kepada 4.6% (akhir tahun 2004: 5.8%). Perlindungan kerugian pinjaman sistem perbankan juga bertambah baik dengan penurunan paras NPL di samping amalan dasar peruntukan yang lebih berhemat oleh institusi perbankan. Pada akhir tahun 2005, nisbah perlindungan kerugian pinjaman sistem perbankan meningkat kepada 59.2% berdasarkan klasifikasi 3 bulan dan 65.4% berdasarkan klasifikasi 6 bulan (akhir tahun 2004: masing-masing 54.9% dan 60.1%). Pada tahun itu,

Graf 5.1
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar Bersih



[1] Termasuk bank-bank Islam.

Graf 5.2
Sistem Perbankan[1] : Profil Pinjaman Tertunggak



[1] Termasuk bank-bank Islam.

Jadual 5.4
Sistem Perbankan: Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk

	Pada akhir tahun			
	2004		2005	
	Klasifikasi			
	3 bulan	6 bulan	3 bulan	6 bulan
	RM juta			
Sistem perbankan				
Pinjaman tidak berbayar	60,379.8	50,711.5	53,558.4	45,196.1
Faedah tergantung	8,469.4	8,105.6	7,332.6	7,108.8
Peruntukan khas	15,242.3	14,015.9	14,915.0	13,429.3
Peruntukan am	9,488.7	8,367.5	9,459.4	9,016.2
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[1]	7.5	5.8	5.8	4.6
Jumlah peruntukan/Pinjaman tidak berbayar (%)	54.9	60.1	59.2	65.4
Bank perdagangan[2]				
Pinjaman tidak berbayar	55,730.3	46,774.8	48,818.4	41,140.5
Faedah tergantung	7,880.2	7,537.2	6,696.8	6,488.8
Peruntukan khas	14,289.8	13,094.8	13,864.0	12,416.6
Peruntukan am	9,089.6	7,968.3	8,913.5	8,470.2
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[1]	7.1	5.5	5.5	4.4
Jumlah peruntukan/Pinjaman tidak berbayar (%)	56.1	61.1	60.4	66.5
Bank saudagar				
Pinjaman tidak berbayar	2,496.8	2,268.0	1,782.8	1,735.1
Faedah tergantung	373.8	364.4	356.2	355.6
Peruntukan khas	455.4	457.5	463.5	464.6
Peruntukan am	235.8	235.9	192.9	193.0
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[1]	19.4	16.8	12.1	11.5
Jumlah peruntukan/Pinjaman tidak berbayar (%)	42.7	46.6	56.8	58.4
Bank-bank Islam				
Pinjaman tidak berbayar	2,152.7	1,668.7	2,957.1	2,320.5
Faedah tergantung	215.3	204.1	279.6	264.4
Peruntukan khas	497.2	463.6	587.6	548.1
Peruntukan am	163.4	163.4	353.0	353.0
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[1]	13.4	9.3	10.5	7.6
Jumlah peruntukan/Pinjaman tidak berbayar (%)	40.7	49.8	41.3	50.2

[1] Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih = (Pinjaman tidak berbayar tolak faedah tergantung tolak peruntukan khas) / (Jumlah pinjaman tolak faedah tergantung tolak peruntukan khas) x 100%.
[2] Termasuk syarikat kewangan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

beberapa institusi perbankan telah menerima pakai dasar klasifikasi 3 bulan. Hasilnya, pada akhir tahun 2005, institusi perbankan yang menguasai bahagian pasaran sebanyak 95.6% daripada jumlah pinjaman dalam sistem perbankan telah menerima pakai dasar klasifikasi 3 bulan.

Pada tahun 2005, penurunan NPL adalah juga disebabkan oleh kadar pengelasan semula NPL kepada status berbayar yang lebih tinggi (+30.2%) berikutan peningkatan keseluruhan kemampuan peminjam untuk membayar balik pinjaman, dan hapus kira pinjaman (+3.1%). Klasifikasi baru pinjaman sebagai NPL meningkat 5.6% terutamanya disebabkan oleh dasar klasifikasi NPL yang lebih ketat oleh beberapa institusi perbankan. Namun, peningkatan ini adalah kecil berbanding dengan peningkatan kualiti aset keseluruhan sistem perbankan. Pinjaman tertunggak (tidak termasuk NPL) antara satu hingga tiga bulan juga menurun 3.5% pada tahun 2005, mencakupi sebanyak 6.5% daripada jumlah pinjaman. Oleh itu, risiko yang timbul daripada NPL yang baru dalam sistem perbankan terus terkawal.

Pengurangan keseluruhan NPL sistem perbankan terutamanya menggambarkan peningkatan dalam kualiti pinjaman sektor perniagaan. Dengan sokongan permintaan luar negeri yang kukuh dan peningkatan permintaan dalam negeri yang mapan, keupayaan pembayaran balik sektor perniagaan bertambah baik

Jadual 5.5
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar mengikut Sektor

	Pada akhir tahun				
	Pinjaman tidak berbayar mengikut sektor		Perubahan	Sebagai peratus daripada jumlah pinjaman kepada sektor	
	2004	2005		2004	2005
	RM juta		%		
Perusahaan perniagaan	**34,907.0**	**29,383.3**	**-15.8**	**13.7**	**11.2**
antaranya pinjaman kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	***10,589.1***	***10,191.9***	***-3.8***	***12.0***	***10.6***
Isi rumah	**19,047.6**	**21,468.6**	**12.7**	**7.6**	**7.5**
Lain-lain	**1,110.0**	**1,347.1**	**21.4**	**11.0**	**12.8**
Jumlah	***55,064.7***	***52,199.0***	***-5.2***	***10.7***	***9.4***
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	679.7	601.6	-11.5	6.2	5.5
Perlombongan dan kuari	90.3	123.7	37.0	9.1	15.3
Perkilangan	8,705.4	6,550.1	-24.8	13.8	10.8
Bekalan elektrik, gas dan air	1,296.6	1,221.2	-5.8	25.0	26.4
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	4,356.7	3,603.3	-17.3	10.0	7.7
Perdagangan borong	*1,635.8*	*1,420.0*	*-13.2*	*6.4*	*5.2*
Perdagangan runcit	*1,252.9*	*1,123.8*	*-10.3*	*9.6*	*7.6*
Restoran dan hotel	*1,468.0*	*1,059.6*	*-27.8*	*30.4*	*21.7*
Sektor harta benda yang luas	26,726.6	26,885.6	0.6	12.8	11.7
Pembinaan	*7,286.2*	*6,126.4*	*-15.9*	*23.7*	*20.4*
Pembelian harta kediaman	*11,852.7*	*14,006.8*	*18.2*	*8.9*	*9.4*
Pembelian harta bukan kediaman	*4,432.1*	*4,125.1*	*-6.9*	*14.2*	*11.7*
Harta tanah	*3,155.6*	*2,627.3*	*-16.7*	*23.0*	*17.9*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	778.0	639.6	-17.8	7.8	5.6
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	1,882.9	1,778.3	-5.6	6.1	5.9
Kredit penggunaan	2,579.4	2,698.1	4.6	8.1	7.3
Kegunaan persendirian	*1,878.4*	*1,923.1*	*2.4*	*10.9*	*9.7*
Kad kredit	*663.9*	*743.7*	*12.0*	*4.7*	*4.5*
Pembelian barangan pengguna	*37.0*	*31.2*	*-15.6*	*11.8*	*11.4*
Pembelian sekuriti	2,896.6	2,425.6	-16.3	14.9	11.6
Pembelian kenderaan pengangkutan[2]	3,167.3	3,550.9	12.1	4.3	4.0
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	795.3	773.8	-2.7	15.6	13.5

[1] Termasuk bank-bank Islam.

[2] Termasuk kereta penumpang.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

pada tahun 2005. NPL bagi sektor perniagaan menunjukkan penurunan yang ketara sebanyak 15.8% kepada RM29.4 bilion, mencakupi 11.2% daripada jumlah pinjaman perniagaan pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: 13.7%). Ini terutamanya disebabkan oleh penurunan NPL bagi sektor perkilangan, pengedaran (perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel) dan pembinaan. NPL bagi sektor perkilangan menunjukkan penurunan yang terbesar sebanyak 24.8% dan mencakupi 10.8% daripada pinjaman kepada sektor perkilangan pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: 13.8%). Nisbah NPL bagi sektor pengedaran dan pembinaan masing-masing menurun kepada 7.7% dan 20.4% (akhir tahun 2004: masing-masing 10% dan 23.7%).

Sejajar dengan NPL yang bertambah baik bagi sektor perniagaan, NPL bagi PKS juga menurun sebanyak 3.8% pada tahun 2005. Pada akhir tahun 2005, NPL bagi PKS menurun kepada RM10.2 bilion, mencakupi 10.6% daripada pinjaman PKS (akhir tahun 2004: 12%). Adalah diperhatikan bahawa kualiti aset yang bertambah baik bagi pinjaman PKS adalah dalam sektor yang sama seperti keseluruhan sektor perniagaan, dengan NPL bagi PKS dalam sektor perkilangan mencatat penurunan terbesar. NPL bagi PKS dalam sektor perkilangan menurun 12.7%, iaitu mencakupi 11.6% daripada pinjaman PKS dalam sektor ini. Ini sebahagiannya disebabkan oleh penambahbaikan dalam analisis kredit, peralatan dan metodologi penilaian kredit institusi perbankan, dan peningkatan akses kepada maklumat pelanggan semasa.

[Sila rujuk seksyen mengenai "Pendedahan kepada Sektor Isi Rumah" untuk analisis tentang pendedahan sektor perbankan kepada sektor isi rumah.]

Dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang mapan pada tahun 2006, bersama-sama dengan penambahbaikan yang berterusan dalam infrastruktur

pengurusan risiko dan amalan institusi perbankan, trend menurun NPL dalam sistem perbankan dijangka berterusan pada tahun 2006.

Pendedahan kepada Sektor Isi Rumah

Di sebalik ketidakpastian dalam persekitaran global, tahap keyakinan pengguna kekal tinggi sepanjang tahun 2005. Penggunaan swasta kukuh dengan paras pendapatan tinggi yang berterusan, keadaan pasaran pekerja yang stabil, keadaan perniagaan yang bertambah baik dan peningkatan dalam produktiviti. Peminjaman oleh isi rumah terus teguh seperti yang dicerminkan oleh peningkatan dalam nisbah hutang isi rumah daripada sektor perbankan kepada KDNK kepada 61.5% pada akhir tahun 2005, berbanding dengan 45.3% pada tahun 2000. Nisbah keupayaan bayaran hutang pengguna juga meningkat daripada 29.9% pada tahun 2000 kepada 38.8% pada tahun 2005. Namun begitu, paras keberhutangan isi rumah sepertimana yang diukur menerusi nisbah purata hutang kepada pendapatan boleh guna kekal pada tahap yang terurus, setimpal dengan kapasiti sektor tersebut.

Permintaan terhadap pembiayaan kekal kukuh pada tahun 2005 seperti yang dicerminkan oleh peningkatan sebanyak 18% dalam permohonan pinjaman daripada sektor itu. Pinjaman yang diluluskan meningkat 12% kepada RM97.2 bilion, sementara pengeluaran pinjaman mencatat peningkatan sebanyak 11.4% kepada RM145.2 bilion. Akibatnya, pinjaman terkumpul isi rumah meningkat 15.1% kepada RM304.4 bilion, mencakupi 54.5% daripada pinjaman terkumpul sistem perbankan pada akhir tahun 2005. Aktiviti pemberian pinjaman dalam sektor ini tertumpu pada pembiayaan gadai janji, pembelian kereta penumpang dan kad kredit.

Permintaan terhadap pinjaman bagi pembelian harta kediaman adalah sederhana pada tahun 2005, disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih rendah terhadap pembelian harta tanah berkos sederhana hingga ke harta tanah berkos lebih rendah, dengan pinjaman yang diluluskan bagi pembelian harta kediaman meningkat 2.5% kepada RM36.6 bilion. Namun begitu, pinjaman terkumpul kepada sektor ini meningkat 12.5% (akhir tahun 2004: 14.2%), mencerminkan pengeluaran pinjaman yang kekal tinggi pada tahun 2005. NPL dalam sektor ini meningkat 18.2% untuk mencakupi 9.4% daripada pinjaman kepada sektor ini (akhir tahun 2004: 8.9%). Purata kadar faedah pinjaman yang dicaj oleh bank perdagangan bagi pinjaman ini kekal kompetitif, pada kadar antara 2.69% hingga 3.15% setahun.

Paras keberhutangan isi rumah sepertimana yang diukur menerusi nisbah purata hutang kepada pendapatan boleh guna, kekal pada tahap yang terurus, setimpal dengan kapasiti sektor tersebut.

Aktiviti promosi yang agresif oleh para peniaga dan pembuat kereta serta pelancaran model baru yang menarik pada harga yang kompetitif terus meningkatkan permintaan pengguna terhadap kenderaan bermotor pada tahun 2005. Permohonan pinjaman untuk membiayai pembelian kereta penumpang meningkat 34.4% kepada RM54.5 bilion, sementara kelulusan pinjaman meningkat 26.1% kepada RM38.3 bilion pada tahun itu. Justeru, pinjaman terkumpul kepada sektor ini mencatat peningkatan yang kukuh sebanyak 19.9% kepada RM86.2 bilion pada akhir tahun 2005. Dari segi kualiti aset, berbanding dengan peningkatan dalam pinjaman, pertumbuhan dalam NPL bagi sektor ini adalah sederhana, mencakupi 4% daripada jumlah pinjaman kepada sektor ini (akhir tahun 2004: 4.3%).

Sebanyak 2.6 juta kad kredit baru dikeluarkan pada tahun 2005, menjadikan jumlah bilangan kad kredit dalam edaran kepada lebih kurang 8 juta dengan had yang diluluskan sebanyak RM57.1 bilion. Promosi untuk membeli barangan pengguna dengan menggunakan kad kredit, berserta promosi caj tahunan yang kompetitif menyumbang kepada pertumbuhan kad kredit yang lebih kukuh pada tahun 2005. Had kredit bagi kad kredit baru meningkat 7.3% kepada RM12.6 bilion, sementara penggunaan kemudahan kad kredit kekal kukuh dengan jumlah pengeluaran pinjaman meningkat 17.6% kepada RM42.7 bilion. Namun begitu, baki terkumpul kad kredit kekal sebahagian kecil daripada pinjaman terkumpul sistem perbankan. Sementara jumlah pinjaman terkumpul bagi kad kredit meningkat dari tahun sebelumnya, jumlah baki pusingan kekal tidak berubah berbanding dengan tahun 2004, mencakupi lebih kurang 40% daripada pinjaman terkumpul kad kredit, yang menunjukkan bahawa 60% daripada pengguna kad membayar balik pinjaman kad kredit mereka sepenuhnya. NPL kad kredit mencakupi 4.5% daripada jumlah pinjaman kad kredit dan 1.4% daripada jumlah NPL dalam sistem perbankan pada akhir tahun 2005.

Walaupun peningkatan dalam infrastruktur pengurusan risiko dan kemampuan sistem perbankan telah memperkukuh kapasiti mereka untuk mengurus risiko yang berpunca daripada pendedahan mereka kepada sektor isi rumah, isu yang timbul ialah mengenai kemampuan sektor isi rumah mengurus hutang mereka. Oleh itu, Bank Negara Malaysia telah mengambil beberapa langkah awal seperti berikut bagi memastikan kemapanan sektor isi rumah:

- Menjalankan usaha-usaha yang terancang untuk mendidik pengguna mengenai pengurusan kewangan untuk membolehkan mereka membuat keputusan yang bijak dan mengurus risiko kewangan secara proaktif dan membina. Ini merupakan sebahagian daripada program pendidikan pengguna yang komprehensif yang dimulakan pada tahun 2003; dan
- Menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk menyediakan bantuan dalam bentuk perkhidmatan khidmat nasihat profesional dan pengurusan hutang kepada individu yang menghadapi masalah hutang yang melibatkan beberapa institusi kewangan yang di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. AKPK dijangka mula beroperasi pada 1 April 2006.

Di peringkat penyeliaan, Bank Negara Malaysia juga telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan pendedahan institusi perbankan kepada sektor isi rumah tidak mendatangkan risiko yang berlebihan kepada kestabilan sektor kewangan, seperti yang berikut:

- Meningkatkan wajaran risiko bagi NPL gadai janji daripada 50% kepada 100% bagi tujuan kecukupan modal; dan
- Menjalankan pemeriksaan bertema atas institusi perbankan individu, dengan memfokuskan pada kecukupan dan keteguhan amalan pengurusan risiko mereka terhadap pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah.

Pengurusan Mudah Tunai

Sistem perbankan terus beroperasi dalam persekitaran mudah tunai yang tinggi pada tahun 2005. Ini disebabkan terutamanya oleh lebihan akaun semasa yang besar, pelaburan langsung asing yang berkekalan sepanjang tahun dan aliran masuk dana portfolio, yang terus menghasilkan pertambahan dalam rizab antarabangsa daripada RM253.5 bilion pada akhir tahun 2004 kepada RM266.4 bilion pada akhir tahun 2005. Bagi menyerap mudah tunai berlebihan, Bank Negara Malaysia meneruskan langkah pengurusan mudah tunai secara aktif melalui operasi pasaran wang

Graf 5.3
Mudah Tunai Sistem Perbankan[1] pada tahun 2005



[1] Termasuk bank-bank Islam.

Jadual 5.6
Sistem Perbankan: Unjuran Mudah Tunai pada 31 Disember 2005

	Ketidakpadanan kumulatif (RM bilion)		Penimbal sebagai % jumlah deposit	
	1 minggu	1 bulan	1 minggu	1 bulan
Bank perdagangan[1]	51.7	66.6	10.2	13.1
Bank saudagar	8.0	7.3	45.6	41.6
Bank-bank Islam	7.7	6.7	24.1	21.2
Sistem perbankan	**67.4**	**80.7**	**12.1**	**14.5**

[1] Termasuk syarikat kewangan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

dalam bentuk pinjaman langsung, repo dan terbitan Bil Bank Negara dan Nota Boleh Niaga. Bagi 11 bulan pertama tahun 2005, purata wajaran kadar antara bank semalaman stabil pada paras 2.70% sementara purata wajaran kadar antara bank satu minggu naik turun dalam julat yang sempit antara 2.71% hingga 2.74% setahun. Ekoran daripada peningkatan kadar semalaman sebanyak 30 mata asas kepada 3.0% pada akhir November 2005, purata wajaran kadar antara bank semalaman dan satu minggu masing-masing lebih tinggi pada akhir tahun 2005 iaitu pada 3.0% dan 3.04% setahun. Jumlah operasi pasaran wang terkumpul oleh Bank Negara Malaysia dalam bentuk pinjaman langsung bersih, repo dan terbitan kertas Bank Negara Malaysia ialah RM119.9 bilion pada akhir tahun 2005, berbanding dengan RM142.6 bilion pada akhir tahun 2004.

Sepanjang tahun 2005, sistem perbankan, secara keseluruhannya, mengunjurkan mudah tunai yang mencukupi bagi memenuhi sebarang pengeluaran di

luar jangka sehingga tempoh satu bulan. Pada akhir tahun 2005, lebihan mudah tunai kumulatif sistem perbankan diunjurkan sebanyak RM67.4 bilion bagi memenuhi permintaan mudah tunai yang dianggarkan sehingga satu minggu dan lebihan sebanyak RM80.7 bilion bagi memenuhi permintaan sehingga satu bulan. Sebagai satu kumpulan, bank perdagangan, bank saudagar dan bank-bank Islam, mengunjurkan lebihan yang besar dalam tempoh satu bulan, masing-masing sebanyak 13.1%, 41.6% dan 21.2% daripada jumlah deposit. Secara individu, kesemua institusi perbankan telah mengunjurkan lebihan, jauh lebih tinggi daripada keperluan pengawalseliaan dalam tempoh satu minggu dan satu bulan.

Risiko Kadar Faedah

Pendedahan sistem perbankan kepada risiko kadar faedah (termasuk risiko harga bagi pendedahan yang berlandaskan Islam) dinilai menggunakan pendekatan kedudukan bersih wajaran durasi (DWP). Pendekatan DWP menganggarkan kesan potensi atas nilai ekonomi sesebuah institusi perbankan dengan anjakan 100 mata asas pada kadar faedah. Walau bagaimanapun, pendekatan DWP sedia ada yang diterima pakai oleh Bank Negara Malaysia tidak menganalisis secara berasingan pendedahan yang timbul daripada portfolio berlandaskan Islam di mana kesan potensi atas nilai ekonomi portfolio tersebut boleh dikurangkan melalui liabiliti berasaskan mudharabah.

DWP sistem perbankan meningkat sebanyak 10.57% kepada RM4.2 bilion pada akhir Disember 2005, atau 5.1% jika dinyatakan sebagai peratusan daripada modal asas sistem perbankan. Pada tahun 2005, jumlah aset dalam sebutan ringgit yang sensitif kepada kadar faedah meningkat 9% berbanding dengan akhir tahun 2004.

Jadual 5.7
Sistem Perbankan: Kesan Kenaikan Kadar Faedah Sebanyak 1% ke atas Kekukuhan Modal

	Kedudukan bersih wajaran durasi					
	RM juta		Sebagai peratusan daripada modal asas (%)		Impak terhadap nisbah modal wajaran risiko (mata peratusan)	
	Pada akhir tahun					
	2004	2005	2004	2005	2004	2005
Bank perdagangan[1]	-3,399	-3,690	-4.8	-4.8	-1.0	-1.1
Bank saudagar	-366	-472	-7.3	-9.6	-3.9	-8.3
Sistem perbankan[2]	-3,764	-4,162	-5.0	-5.1	-1.1	-1.2

[1] Termasuk syarikat kewangan.
[2] Tidak termasuk bank-bank Islam tetapi termasuk risiko harga untuk pendedahan yang bercirikan Islam.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Pertumbuhan aset ini tertumpu pada jenis aset yang mempunyai tempoh matang satu hingga tiga bulan yang disebabkan sebahagian besarnya oleh pemberian pinjaman antara bank yang meningkat, dan pertumbuhan aset yang mempunyai tempoh matang tujuh hingga 10 tahun disebabkan oleh peningkatan pinjaman sewa beli kadar tetap. Peningkatan pada liabiliti dalam sebutan ringgit yang sensitif kepada kadar faedah adalah kecil pada kadar 8%, disebabkan terutamanya oleh terbitan sekuriti hutang dan dana daripada Cagamas yang mempunyai baki tempoh matang selama satu hingga tiga bulan dan empat hingga tujuh tahun.

Sebahagian besar risiko kadar faedah sistem perbankan tertumpu pada baki tempoh matang tiga hingga lima dan lima hingga 10 tahun, yang kedua-duanya mencakupi 70% daripada jumlah bersih DWP pada akhir Disember 2005. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pinjaman kadar tetap dengan baki tempoh matang melebihi lima hingga 10 tahun sebanyak 24% atau RM9.1 bilion. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan portfolio sewa beli di kalangan institusi perbankan yang mempunyai pendedahan kredit yang secara relatifnya lebih rendah dalam segmen runcit pada tahun 2005. Memandangkan pembiayaan sewa beli kadar boleh ubah baru sahaja diperkenalkan, sewa beli kadar tetap terus menjadi jenis pembiayaan utama yang telah mencatat peningkatan sebanyak RM21.5 bilion kepada RM95.5 bilion pada akhir tahun 2005.

Meskipun pinjaman kadar tetap meningkat pada tahun 2005, sebahagian daripada kesan nilai ekonomi yang berpunca daripada pinjaman kadar tetap secara Islam yang meningkat daripada RM9.2 bilion kepada

Graf 5.4
Sistem Perbankan[1]: Taburan Mengikut Kedudukan Bersih Wajaran Durasi sebagai Peratusan daripada Modal Asas pada 31 Disember 2005



[1] Tidak termasuk bank-bank Islam tetapi termasuk risiko harga untuk pendedahan yang bercirikan Islam.
[2] Termasuk syarikat kewangan.

Graf 5.5
Sistem Perbankan[1] : Ketakpadanan Kedudukan Kadar Faedah Bersih pada 31 Disember 2005



[1] Tidak termasuk bank-bank Islam tetapi termasuk risiko harga untuk pendedahan yang bercirikan Islam.
[2] Termasuk syarikat kewangan.

RM41 bilion pada tahun itu, mampu diserap oleh liabiliti berasaskan mudharabah yang berjumlah RM20.7 bilion pada akhir tahun 2005, sekiranya sifat penyerapan kerugian liabiliti seumpama itu dicerminkan oleh pendekatan DWP. Dalam jangka panjang, penggunaan pembiayaan kadar boleh ubah secara Islam yang mencakupi 13.5% daripada jumlah pinjaman secara Islam pada akhir tahun 2005 juga akan mengurangkan risiko yang timbul daripada produk kadar tetap yang merupakan kelaziman bagi pembiayaan secara Islam.

Sebagai satu kumpulan, DWP bank perdagangan mencatat peningkatan sebanyak 8.6% kepada RM3.7 bilion pada akhir bulan Disember 2005, disebabkan pinjaman kadar tetap yang lebih tinggi dengan baki tempoh matang melebihi lima hingga 10 tahun terutamanya dalam bentuk pembiayaan kenderaan bermotor. Bank saudagar juga mencatat peningkatan dalam DWP mereka daripada RM0.4 bilion kepada RM0.5 bilion pada akhir bulan Disember 2005 disebabkan pengembangan dalam pegangan sekuriti hutang dengan baki tempoh matang melebihi tujuh tahun dan mengambil kedudukan kadar faedah hadapan panjang bersih, perjanjian kadar hadapan dan kedudukan hadapan bagi tempoh matang melebihi lima tahun.

Jadual 5.8
Sistem Perbankan: Kesan Risiko Kadar Faedah Akaun Dagangan ke atas Kekukuhan Modal pada 31 Disember 2005

	RM juta		Jumlah risiko kadar faedah/Modal asas (%)	
	Risiko kadar faedah			
	2004	2005	2004	2005
Bank perdagangan[1]	906	1132	1.3	1.5
Bank saudagar	522	830	10.9	16.8
Sistem perbankan[2]	1,428	1,962	1.9	2.5

[1] Termasuk syarikat kewangan.
[2] Tidak termasuk institusi perbankan Islam tetapi termasuk risiko harga untuk pendedahan yang bercirikan Islam.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Kesan pegangan sekuriti hutang swasta yang lebih tinggi juga dicerminkan oleh peningkatan risiko kadar faedah sistem perbankan sebanyak 37.4% kepada RM2 bilion atau 2.45% daripada modal asas pada akhir Disember 2005, seperti yang dikira mengikut rangka kerja Kecukupan Modal Risiko Pasaran yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada September 2004.

Risiko Ekuiti

Pendedahan ekuiti masih melibatkan tahap risiko yang minimum kepada sistem perbankan. Jumlah pegangan ekuiti oleh institusi perbankan secara relatif, kekal tidak berubah pada RM3 bilion pada akhir tahun 2005 berbanding dengan RM3.1 bilion pada akhir tahun 2004. Jumlah tersebut hanya merupakan 0.3% daripada jumlah aset sistem perbankan pada akhir tahun 2005. Pergerakan yang sedikit dalam jumlah pegangan ekuiti mencerminkan aktiviti penyusunan semula yang diselesaikan oleh institusi perbankan telah berkurang, serta prestasi pasaran saham yang lebih sederhana pada tahun itu.

Pegangan saham tersenarai oleh sistem perbankan mencatat peningkatan sebanyak 3.5% pada tahun 2005, meskipun terdapat trend penurunan untuk sebahagian besar tahun itu. Saham tersenarai yang dipegang oleh sistem perbankan mencatat penurunan sebanyak 18.2% pada tiga suku pertama tahun itu kepada RM1.4 bilion pada akhir bulan September 2005. Ini mencerminkan sentimen berhati-hati dalam pasaran saham, yang dipengaruhi oleh prestasi kurang memuaskan oleh kaunter utama di Bursa Malaysia dan kebimbangan terhadap faktor luaran yang tidak menggalakkan seperti kenaikan harga minyak, yang mencetuskan aktiviti penjualan saham. Walau bagaimanapun, kesan penurunan dalam pegangan saham tersenarai oleh sistem perbankan dikurangkan oleh beberapa penukaran pinjaman kepada saham tersenarai melalui aktiviti penyusunan semula. Hasilnya, terdapat peningkatan dalam pegangan saham tersenarai pada suku keempat tahun 2005 sebanyak 26.6% kepada RM1.8 bilion pada akhir tahun 2005.

Graf 5.6
Sistem Perbankan[1]: Komposisi Pelaburan Ekuiti



[1] Termasuk bank-bank Islam.

Secara keseluruhan, pelaburan dalam saham tidak tersenarai oleh sistem perbankan mencatat penurunan sebanyak 11%, daripada RM1.3 bilion pada akhir tahun 2004 kepada RM1.2 bilion pada akhir tahun 2005. Sebahagian besar daripada penurunan ini berpunca daripada penurunan dalam pegangan saham tidak tersenarai di kalangan bank perdagangan sebanyak 12.2%, daripada RM1.2 bilion pada akhir tahun 2004 kepada RM1.1 bilion pada akhir tahun 2005, akibat daripada beberapa aktiviti penebusan saham oleh peminjam korporat yang sebelum ini terlibat dalam penyusunan semula hutang.

Graf 5.7
Sistem Perbankan: Taburan mengikut Ekuiti sebagai Peratusan daripada Modal Asas pada 31 Disember 2005



[1] Termasuk syarikat kewangan.

Jadual 5.9
Sistem Perbankan: Pendedahan kepada Ekuiti

	Pegangan ekuiti[1] (RM juta)		Ekuiti[1] / Modal asas (%)		Potensi kerugian ekuiti[1] / Modal asas (%)	
	Pada akhir tahun					
	2004	2005	2004	2005	2004	2005
Bank perdagangan[2]	1,409.3	1,449.5	1.9	1.9	0.1	0.1
Bank saudagar	320.8	351.2	6.4	7.1	0.5	0.3
Bank-bank Islam	34.8	26.5	1.8	0.8	0.1	0.0
Sistem perbankan	1,764.8	1,827.2	2.2	2.2	0.2	0.1

[1] Jumlah pelaburan dalam saham tersenarai.
[2] Termasuk syarikat kewangan.

Hanya bank saudagar sebagai satu kumpulan mencatat peningkatan dalam pegangan ekuiti sebanyak 9.1%, sebahagian besarnya daripada saham tersenarai yang diterima daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti. Oleh itu, nisbah saham tersenarai kepada modal asas meningkat daripada 6.4% pada akhir tahun 2004 kepada 7.1% pada akhir tahun 2005. Kebanyakan institusi perbankan mengekalkan pendedahan risiko ekuiti kurang daripada 2% daripada jumlah modal asas mereka pada akhir tahun 2005.

Berdasarkan kadar volatiliti Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) selama 10 hari pada akhir tahun 2005, potensi kerugian maksimum dalam nilai ekuiti sistem perbankan lebih rendah pada 4.5% atau 0.1% daripada jumlah modal asas, berbanding dengan 7.7% atau 0.2% daripada jumlah modal asas pada akhir tahun 2004. Ini mencerminkan volatiliti KLCI yang lebih rendah pada tahun 2005.

Risiko Pertukaran Asing

Pendedahan sistem perbankan kepada risiko pertukaran asing terus terkawal pada tahun 2005, dengan kedudukan mata wang asing terbuka bersih trend menurun terutamanya pada separuh kedua tahun itu. Liabiliti mata wang asing, yang sebahagian besarnya dalam bentuk pinjaman antara bank dalam mata wang asing meningkat pada tahun 2005 berikutan institusi perbankan menjalankan aktiviti arbitraj pertukaran hadapan dalam pasaran swap mata wang. Kedudukan mata wang asing terbuka bersih menurun daripada RM3 bilion kepada RM0.8 bilion pada tahun 2005, dengan penurunan yang amat ketara sebanyak RM2.9 bilion dicatat pada bulan November. Sebagai peratusan daripada modal asas sistem perbankan, kedudukan mata wang asing terbuka bersih menguncup daripada 3.7% pada tahun 2004 kepada 1% pada tahun 2005.

Jumlah aset mata wang asing sistem perbankan, yang sebahagian besarnya dalam bentuk penempatan mata wang asing antara bank adalah tinggi pada separuh

pertama tahun 2005, dengan jumlah terkumpul bersamaan RM61 bilion pada 30 Jun 2005. Ini terutamanya disebabkan oleh penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan, pelaburan langsung asing yang mapan dan aliran masuk pelaburan portfolio yang ketara. Peningkatan dalam penempatan mata wang asing antara bank yang mencapai jumlah terkumpul maksimum sebanyak RM43.1 bilion pada akhir bulan Mei juga disebabkan oleh peningkatan sebanyak RM3.7 bilion dalam deposit mata wang asing yang diterima oleh institusi perbankan berikutan pelabur domestik mengambil peluang untuk melabur dalam aset bukan ringgit selepas liberalisasi peraturan pertukaran asing pada bulan April 2005. Pada separuh kedua tahun 2005, trend aliran masuk dana jangka pendek bertukar arah. Ini mencerminkan penurunan dalam penempatan mata wang asing antara bank sebanyak RM2.7 bilion dan seterusnya penyusutan dalam jumlah aset mata wang asing sebanyak RM3 bilion.

Jumlah liabiliti mata wang asing yang secara relatif kekal stabil pada separuh pertama tahun 2005, meningkat pada separuh kedua tahun 2005 terutamanya disebabkan oleh kenaikan pinjaman antara bank dalam mata wang asing oleh institusi perbankan. Walaupun kadar faedah dolar AS terus meningkat pada separuh kedua tahun 2005, institusi perbankan masih lagi meminjam mata wang asing dalam pasaran wang antara bank bagi tujuan menjalankan urus niaga swap untuk melindung nilai aktiviti arbitraj mereka disebabkan jangkaan bahawa ringgit akan kukuh, seperti yang dicerminkan dalam diskaun hadapan. Pengembangan liabiliti mata wang asing sistem perbankan juga disebabkan oleh peningkatan dalam penempatan mata wang asing di dalam kumpulan institusi perbankan asing tertentu memandangkan tahap pendedahan risiko mata wang asing subsidiari mereka di Malaysia adalah secara relatif rendah. Akibatnya, kedudukan aset mata wang asing bersih yang mencapai tahap tertinggi sebanyak RM19.7 bilion pada bulan Mei berubah menjadi kedudukan liabiliti mata wang asing bersih sebanyak RM12.9 bilion pada akhir tahun 2005.

Dalam pasaran hadapan mata wang asing, premium hadapan bagi kadar USD/RM mengecil dengan ketara dan bertukar menjadi diskaun hadapan yang besar sebanyak 55 mata asas yang mencerminkan kebezaan kadar faedah yang semakin berpihak kepada dolar AS. Walau bagaimanapun, permintaan daripada pelanggan untuk menjual kontrak hadapan mata wang asing terus

Jadual 5.10
Sistem Perbankan: Pendedahan kepada Mata Wang Asing

	Kedudukan mata wang asing terbuka bersih (RM juta)		Kedudukan mata wang asing terbuka bersih/ Modal asas (%)	
	Pada akhir tahun			
	2004	2005	2004	2005
Bank perdagangan	2,904	571	4.2	0.8
Bank saudagar	48	88	1.0	1.8
Bank-bank Islam	54	125	2.8	2.2
Sistem perbankan	3,006	784	3.7	1.0

Graf 5.8
Sistem Perbankan[1]: Komponen Pendedahan kepada Mata Wang Asing



[1] Termasuk bank-bank Islam.

Graf 5.9
Sistem Perbankan: Taburan Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih pada 31 Disember 2005

kukuh terutamanya pada bulan Julai dan Ogos, sebelum menjadi lebih reda berikutan perubahan kepada rejim kadar pertukaran yang baru. Hasilnya, kontrak hadapan mata wang asing institusi perbankan yang diperoleh terutamanya daripada entiti bukan bank domestik meningkat daripada RM36.1 bilion pada akhir bulan Januari kepada RM42.9 bilion pada akhir bulan Ogos 2005. Bagi menguruskan kontrak hadapan mata wang asing yang telah diperoleh, institusi perbankan yang lantas menyebabkan peningkatan swap mata wang asing perlu dibayar sebanyak 39.8% kepada RM72.7 bilion pada bulan Julai 2005.

Kekukuhan Modal

Sepanjang tahun 2005, tahap permodalan sistem perbankan kekal kukuh. Perkembangan ini didorong oleh aktiviti pengurusan modal institusi perbankan yang berterusan untuk menurunkan kos modal dan memaksimumkan nilai kepada pemegang saham. Ini termasuklah pembayaran dividen dan pembelian balik syer yang lebih tinggi serta penerbitan modal kumpulan-2 dan instrumen modal kacukan. Kedudukan modal yang kukuh membolehkan institusi perbankan menyerap kesan daripada langkah berkaitan modal yang diperkenalkan pada tahun 2005 yang bertujuan untuk meningkatkan kesensitifan terhadap risiko rangka kerja modal. Berikutan dengan itu, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) kekal pada tahap melebihi 13% pada tahun itu. Pada akhir tahun 2005, RWCR berada pada tahap 13.1%, sementara nisbah modal teras pada 10.2%. Di tahap mikro pula, kesan pemasukan faktor risiko pasaran dalam pengiraan modal terlaras risiko atas bank saudagar adalah secara relatif ketara dan menghasilkan kesusutan RWCR sebanyak 5.4 mata peratusan kepada 17.5%.

Modal asas meningkat sebanyak RM2.3 bilion disebabkan terutamanya oleh modal kumpulan-2 yang lebih tinggi, mencakupi 83% daripada pertumbuhan jumlah modal. Namun begitu, modal kumpulan-1 masih merupakan komponen utama dan mencakupi 70.6% daripada jumlah modal. Peningkatan modal kumpulan-1 pada tahun 2005 berpunca terutamanya daripada pemasukan keuntungan yang telah diaudit sebanyak RM2.5 bilion dan pelaksanaan Skim Opsyen Syer Kakitangan (ESOS) berjumlah RM0.2 bilion. Modal kumpulan-2 menyaksikan tujuh terbitan hutang subordinat berjumlah RM3.9 bilion dengan RM2.2 bilion daripada jumlah itu dalam denominasi dolar Amerika Syarikat (USD). Hasilnya, para penerbit bukan sekadar mendapat manfaat daripada kadar faedah AS yang secara relatif lebih rendah bahkan meningkatkan kehadiran mereka dalam pasaran modal dan hutang antarabangsa.

Aset wajaran risiko mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.4% pada tahun itu. Pengembangan ini disebabkan oleh gabungan beberapa faktor, iaitu pengembangan dalam aktiviti pinjaman terutamanya dalam segmen PKS dan pengguna, pemasukan risiko pasaran dalam rangka kerja kecukupan modal dan caj modal yang lebih tinggi terhadap pinjaman tidak berbayar (NPL) gadai janji. (Sila rujuk seksyen mengenai Aktiviti Pemberian Pinjaman untuk butiran terperinci tentang prestasi operasi berasaskan dana sistem perbankan). Kenaikan wajaran risiko bagi NPL gadai janji kepada 100% semenjak bulan Mac 2005 hanya mengakibatkan penurunan kecil, iaitu sebanyak 0.1 mata peratusan dalam RWCR. Walau bagaimanapun, pelaksanaan rangka kerja risiko pasaran yang bermula pada bulan April 2005 menyebabkan penurunan RWCR yang lebih besar, iaitu sebanyak 0.8 mata peratusan. Dengan pemasukan risiko pasaran dalam rangka kerja modal terlaras risiko, tahap kedudukan modal institusi perbankan kini

Jadual 5.11
Sistem Perbankan: Komponen Modal

	Pada akhir tahun		Perubahan tahunan	
	2004	2005		
	RM juta		RM juta	(%)
Modal Kumpulan-1	64,920.4	65,685.0	764.6	1.2
Modal Kumpulan-2	23,611.6	27,338.6	3,727.0	15.8
Jumlah modal	88,532.0	93,023.5	4,491.6	5.1
Tolak:				
Pelaburan dalam anak-anak syarikat dan pegangan modal institusi perbankan lain	7,294.7	9,526.6	2,231.9	30.6
Modal asas	81,237.3	83,496.9	2,259.6	2.8
Aset berisiko:				
0%	210,391.3	210,324.5	-66.8	0.0
10%	14,669.8	8,226.9	-6,442.9	-43.9
20%	120,316.9	102,207.7	-18,109.2	-15.1
50%	136,487.1	145,916.2	9,429.2	6.9
100%	471,839.2	503,180.5	31,341.4	6.6
Jumlah aset wajaran risiko	565,613.1	635,610.9	69,997.8	12.4
Nisbah modal wajaran risiko (%)				
Sistem perbankan	**14.4**	**13.1**	**-1.3**	
Bank perdagangan[1]	14.1	12.9	-1.2	
Bank saudagar	22.9	17.5	-5.4	
Bank-bank Islam	12.3	14.2	1.9	

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
[1] Termasuk syarikat kewangan.

mencerminkan pelbagai risiko yang dihadapi oleh institusi perbankan berbanding hanya sekadar mencerminkan risiko kredit.

Mengikut kategori aset, pertumbuhan dalam kategori wajaran risiko 50% adalah konsisten dengan pengembangan yang berterusan dalam pembiayaan gadai janji, manakala kenaikan aset dalam kategori wajaran risiko 100% berpunca daripada aktiviti pemberian pinjaman lain sistem perbankan dan pengkategorian semula NPL gadai janji. Walau bagaimanapun, aset dalam kategori wajaran risiko 10% dan 20% menurun, sebahagiannya disebabkan masing-masing oleh kematangan sekuriti hutang Cagamas yang dipegang oleh institusi perbankan, dan tuntutan terkumpul terhadap bank OECD dan bank bukan OECD.

Program Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) di Malaysia

Tinjauan

Rejim pengawalseliaan Program Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) Malaysia di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA) terus berubah seiring dengan trend global baru dan piawaian yang diterima pakai di peringkat antarabangsa, iaitu Cadangan 40+9 Pasukan Petugas Tindakan Kewangan mengenai Pencegahan Pengubahan Wang Haram (FATF). Sama seperti negara-negara lain, pada tahun 2005, usaha Malaysia telah ditingkatkan lagi dengan perluasan jaringan pengawalseliaan AMLA kepada perniagaan dan profesion bukan kewangan, pengukuhan rangka kerja perundangan AML/CFT dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang sempurna.

Malaysia, sebagai ketua dalam usaha pencegahan pengubahan wang haram dalam Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), telah berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan yang terlibat dalam membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di peringkat kebangsaan dan serantau. Pelbagai bengkel latihan telah dianjurkan/dianjurkan bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT). Bengkel-bengkel latihan ini telah disertai oleh agensi-agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan. Selain bengkel latihan, dialog tetap dan program kesedaran telah diadakan untuk institusi pelaporan AMLA yang baru atau yang sedia ada di Malaysia. Interaksi bersemuka telah menghasilkan komitmen, pematuhan dan kerjasama sukarela daripada institusi pelaporan dalam memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT kebangsaan.

Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (NCC) yang terdiri daripada 13 Kementerian dan agensi kerajaan terus memainkan peranan mereka dalam menggerakkan dan menggabungkan kerja sama di kalangan agensi tempatan yang berkaitan. Antara lain, NCC telah mewujudkan Panduan Rujukan Penyiasatan AMLA dan kini dalam proses mewujudkan Program Akreditasi Penyiasat Kewangan. Kementerian Luar Negeri yang merupakan anggota NCC, telah mengagihkan Buku Kecil Maklumat AMLA kepada perwakilan Malaysia di luar negeri untuk memaklumkan usaha yang telah diambil oleh Malaysia bagi memperkukuh rejim AML/CFTnya.

Pada tahun 2005, pesalah pertama di bawah AMLA, seorang peragut, telah berjaya disabitkan kesalahan selepas beliau mengaku bersalah atas lima pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM83,216. Beliau telah dihukum penjara tiga tahun atas setiap lima pertuduhan. Enam orang lagi telah didakwa atas kesalahan pengubahan wang haram yang membabitkan 193 pertuduhan berjumlah RM71.3 juta.

Memandangkan usaha pembanterasan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan memerlukan kerjasama global, Malaysia mengambil bahagian secara aktif dalam inisiatif AML/CFT global. Di peringkat antarabangsa, Malaysia diberi pengiktirafan apabila dipilih sebagai wakil untuk rantau Asia Tenggara (bagi tempoh bulan Julai 2005 hingga bulan Julai 2006) dalam Kumpulan Pemandu Asia/Pasifik mengenai Pengubahan Wang Haram (APG) di Mesyuarat Tahunan APG Ke-8.

Kumpulan Pemandu APG diwujudkan semasa Mesyuarat Tahunan APG pada bulan September 2003. Anggota Kumpulan ini termasuk wakil daripada setiap lima kawasan geografi APG, iaitu Asia Utara, Kepulauan Pasifik, Asia Selatan, Asia Tenggara dan "Lain-lain". Matlamat Kumpulan Pemandu APG adalah untuk memberi pandangan strategik mengenai struktur, fungsi dan sokongan untuk APG kepada Pengerusi Bersama dan anggota APG. Antara peranan yang dimainkan oleh anggota Kumpulan Pemandu ini adalah untuk memberi pandangan mengenai isu kepentingan strategik, mendapatkan maklum balas daripada anggota rantau-kecil mengenai isu utama dan memberi galakan kepada anggota APG untuk turut serta dalam aktiviti APG.

Memperkukuh Rejim AML/CFT

Institusi Pelaporan Baru AMLA

Di bawah AMLA, institusi pelaporan perlu menghantar Laporan Transaksi Yang Mencurigakan (STR) terus kepada Bank Negara Malaysia jika mempunyai sebab untuk mengesyaki sebarang transaksi yang membabitkan hasil kegiatan daripada mana-mana aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti yang tersenarai dalam Jadual Kedua AMLA. Sejak penguatkuasaan AMLA pada 15 Januari 2002, institusi pelaporan AMLA telah merangkumi institusi kewangan daripada sektor konvensional, Islam dan luar pesisir serta perniagaan dan profesion bukan kewangan seperti peguam, akauntan, setiausaha syarikat dan juga kasino berlesen tunggal di Malaysia.

Pada tahun 2005, obligasi pelaporan AMLA digunakan terhadap pusat perjudian berlesen, Bank Pertanian Malaysia dan notari awam berkuat kuasa dari 31 Mac 2005 dan terhadap ejen perdagangan luar pesisir dan penaja yang tersenarai berkuat kuasa dari 20 Oktober 2005. Notari awam dikehendaki melapor kepada Bank Negara Malaysia sebarang transaksi yang mencurigakan ketika menjalankan aktiviti yang berikut untuk pelanggan mereka:

(i) membeli dan menjual harta tak alih;
(ii) menguruskan wang, sekuriti atau harta lain pelanggan;
(iii) menguruskan akaun termasuk akaun simpanan dan sekuriti;
(iv) mengelola sumbangan bagi penubuhan, pengendalian atau pengurusan syarikat; atau
(v) mewujudkan, mengendalikan atau menguruskan entiti atau pengaturan undang-undang dan membeli dan menjual entiti perniagaan.

Peningkatan Obligasi Pelaporan

Bank Negara Malaysia menerima pakai pendekatan secara berperingkat-peringkat dalam menguatkuasakan peruntukan AMLA terhadap institusi pelaporan. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan institusi pelaporan diberi masa yang secukupnya untuk menubuhkan satu sistem AML/CFT yang efektif dan efisien sebelum obligasi pelaporan yang lain digunakan sepenuhnya terhadap mereka. Dalam hal ini, keperluan undang-undang untuk melapor transaksi yang mencurigakan pada permulaannya telah digunakan terhadap Pos Malaysia Berhad berkuat kuasa dari 15 Januari 2003 dan terhadap broker saham dan broker niaga hadapan berkuat kuasa dari 31 Mac 2004. Kemudiannya, obligasi pelaporan yang lain di bawah Bahagian IV AMLA telah digunakan terhadap Pos Malaysia Berhad berkuat kuasa dari 31 Mac 2005 dan terhadap broker saham dan broker niaga hadapan berkuat kuasa dari 20 Oktober 2005. Obligasi pelaporan yang lain ini, antara lain termasuk, penyimpanan rekod untuk tempoh minimum selama enam tahun, menjalankan usaha wajar atas pelanggan serta mewujudkan program pelaporan dalaman dan program pematuhan yang dirangka untuk melindungi institusi daripada disalahgunakan oleh penjenayah.

Peningkatan Kesalahan Predikat

Pada tahun 2005, bilangan kesalahan predikat pengubahan wang haram di bawah Jadual Kedua AMLA telah ditambah daripada 168 kepada 185 jenayah berat daripada 27 perundangan. Kesalahan predikat baru ini adalah di bawah Akta Kastam 1967, Akta Bank Islam 1983, Akta Sistem Pembayaran 2003, Akta Takaful 1984, Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Pemantauan Pematuhan

Memandangkan kepelbagaian jenis institusi pelaporan AMLA dan bilangan perniagaan dan profesion bukan kewangan yang besar, Bank Negara Malaysia telah mewujudkan mekanisme yang sesuai untuk memantau pematuhan institusi pelaporan kepada obligasi pelaporan AMLA dan garis panduan AML/CFT yang berkaitan secara berkesan. Pemantauan pematuhan ini dilakukan sama ada dengan mengisi borang soal selidik penilaian kendiri Bank Negara Malaysia oleh institusi pelaporan atau audit dalaman berfokus AML/CFT.

Selaras dengan pendekatan bukan bersepadu, pihak berkuasa penyeliaan fungsian yang berkaitan menjalankan pemeriksaan pematuhan AMLA terhadap institusi pelaporan di bawah bidang kuasa masing-masing. Pemeriksaan AML/CFT dijalankan sebagai sebahagian daripada pemeriksaan keseluruhan pihak berkuasa penyeliaan fungsian atas institusi kewangan yang berkenaan. Bagi tujuan ini, satu rangka kerja penyeliaan AMLA yang komprehensif yang membekalkan penyelia perbankan dengan satu set dokumen proses yang seragam telah dirumus dan diwujudkan untuk membimbing mereka dalam pemeriksaan langkah-langkah AML/CFT institusi kewangan. Bidang-bidang utama pemeriksaan AML/CFT adalah seperti yang berikut:

(i) infrastruktur AML/CFT;
(ii) pematuhan institusi terhadap dasar dan prosedur dalaman AML/CFT;
(iii) pengenalpastian pemegang akaun;
(iv) pemantauan transaksi;
(v) penyimpanan rekod;
(vi) pengesanan dan pelaporan transaksi luar biasa dan mencurigakan;
(vii) program latihan dan kesedaran untuk kakitangan;
(viii) audit dalaman terhadap inisiatif AML/CFT; dan
(ix) peranan dan tanggungjawab pegawai pematuhan AML.

Laporan pemeriksaan AML/CFT akan diserahkan kepada Unit Perisikan Kewangan (UPW) dan dapatannya akan dimasukkan ke dalam pangkalan data pematuhan UPW bagi memastikan supaya pemantauan berterusan terhadap pematuhan institusi pelaporan adalah sejajar dengan keperluan AMLA. Bagi institusi pelaporan yang tergolong di bawah industri yang tidak tertakluk kepada pengawalan dan di bawah kategori industri yang pihak berkuasa pengawalseliaan tidak mempunyai kuasa untuk mengadakan pemeriksaan, Bank Negara Malaysia akan menyelia institusi-institusi ini dalam konteks pematuhan terhadap AMLA.

Perisikan Kewangan

Sejak bulan Mei 2004, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan Sistem Perisikan Kewangan (FINS) yang membolehkan institusi pelaporan menghantar laporan STR menerusi satu laman web terkawal dalam persekitaran dalam talian yang cekap dan selamat. Bank Negara Malaysia kini dalam proses meningkatkan FINS dengan perisian analisis perisikan yang lebih berkesan dan termaju. Fasa II FINS juga akan menggabungkan peralatan i-2 yang akan membantu penganalisis Bank Negara Malaysia untuk mewujudkan hubung kait kewangan antara STR. Berdasarkan analisis STR, Bank Negara Malaysia boleh membekalkan risikan kewangan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan. Risikan kewangan ini telah membolehkan agensi penguatkuasaan undang-undang untuk menjalankan penyiasatan kewangan terhadap pesalah-pesalah dengan berkesan dan untuk memastikan kesalahan predikat asas di samping kesalahan pengubahan wang haram. Oleh itu, Bank Negara Malaysia akan meningkatkan keberkesanan penganalisis kewangannya dengan menggunakan teknologi maklumat bagi mengesan kegiatan jenayah dengan lebih baik dan untuk membolehkan penyebaran risikan kewangan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang dilakukan tepat pada masanya.

Pembinaan Kapasiti

Program Kesedaran AMLA

Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia meneruskan program kesedarannya ke seluruh negara untuk memastikan institusi pelaporan melaksanakan langkah-langkah AML/CFT dengan berkesan. Beberapa siri taklimat

telah diadakan untuk pelbagai kategori institusi pelaporan, terutamanya institusi pelaporan yang baru serta pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkaitan untuk memaklumkan obligasi masing-masing di bawah AMLA.

Pada bulan Julai 2005, sebanyak 10 sesi taklimat AMLA ke seluruh negara telah diadakan untuk institusi perbankan dan pusat perjudian berlesen, iaitu syarikat-syarikat nombor ramalan. Sesi taklimat untuk institusi perbankan dianjurkan oleh Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM), sementara taklimat untuk pusat perjudian berlesen diadakan dengan kerjasama Unit Kawalan Perjudian, Kementerian Kewangan. Fokus utama sesi taklimat AMLA untuk institusi perbankan ialah mengenai "Dasar Kenali Pelanggan Anda" dan mengenai kepentingan menjalankan usaha wajar atas pelanggan apabila menjalinkan hubungan perniagaan, sementara sesi untuk pusat perjudian pula tertumpu pada penyerahan STR.

Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia telah juga diundang oleh Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia untuk mengendalikan sesi taklimat tentang AML/CFT untuk ahli-ahlinya. Secara keseluruhan, tiga sesi dikendalikan di Sabah dan satu lagi di Johor Bahru. Memandangkan bilangan setiausaha syarikat adalah ramai dan persatuan perdagangan mereka agak tidak padu, sesi-sesi taklimat ini terbukti menjadi satu saluran penyampaian yang berkesan kepada industri bagi memastikan ahli-ahli mereka benar-benar memahami peranan masing-masing dalam mencegah dan mengesan kegiatan jenayah.

Sesi Dialog

Bank Negara Malaysia terus mengendalikan sesi dialog tetap dengan institusi pelaporan. Sesi dialog ini berkesan dalam memberikan maklumat mengenai langkah-langkah AML/CFT terbaru kepada institusi pelaporan dan untuk mengumpul maklum balas mengenai keberkesanan langkah-langkah AML/CFT. Sesi dialog ini juga menyediakan platform kepada institusi pelaporan untuk menyuarakan kebimbangan mereka dan bertukar-tukar idea mengenai amalan terbaik dalam melaksanakan langkah-langkah AML/CFT dengan berkesan. Dengan pemahaman dan kerjasama daripada institusi pelaporan yang lebih baik, rejim AML/CFT Malaysia akan menjadi lebih efektif dan efisien.

Kumpulan Rangkaian Pegawai Pematuhan (CONG)

Institusi perbankan telah mewujudkan Kumpulan Rangkaian Pegawai Pematuhan (CONG), yang merupakan forum perundingan tidak formal untuk berbincang dan berkongsi isu dan permasalahan AML/CFT. Sejak penubuhannya pada tahun 2003, institusi perbankan telah mendapat faedah daripada perbincangan secara konsultatif pada mesyuarat pegawai pematuhan CONG. Ahli-ahli CONG terlibat dalam merumuskan piawaian industri, mengemukakan cadangan amalan terbaik, memperkukuh keperluan pematuhan dan kerjasama dengan pihak berkuasa dan sesama mereka untuk mengurangkan kemungkinan dieksploitasikan oleh pengubah wang haram dan pembiaya keganasan.

Sektor insurans juga memainkan peranan yang penting dalam rejim AML/CFT. Pemasukan produk pelaburan ke dalam portfolio biasa polisi insurans meningkatkan kemungkinan sektor insurans dieksploitasikan sebagai saluran pengubahan wang haram. Berikutan itu, persatuan insurans yang berkenaan mengikut jejak sektor perbankan dengan menubuhkan CONG mereka sendiri. Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), Persatuan Insurans Nyawa Malaysia (LIAM), Persatuan Broker-Broker Insurans Malaysia dan Persatuan Takaful Malaysia telah mencadangkan CONG yang berasingan diwujudkan untuk penanggung insurans am, penanggung insurans hayat, broker insurans dan pengendali takaful memandangkan isu-isu yang dibangkitkan berbeza mengikut jenis perniagaan insurans tertentu. PIAM telah mewujudkan CONG untuk penanggung insurans am pada tahun 2005 sementara LIAM telah mewujudkan CONG untuk penanggung insurans hayat pada bulan Januari 2006. Persatuan insurans yang lain akan mewujudkan CONG dalam tempoh terdekat ini.

Pusat Latihan Berasaskan Komputer

Bank Negara Malaysia telah bekerjasama dengan Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu bagi Dadah dan Jenayah (UNODC) untuk menubuhkan Pusat Latihan Berasaskan Komputer AML (CBTC) untuk agensi-agensi berkaitan di Malaysia. CBTC dilancarkan di UPW di Bank Negara Malaysia pada 30 Mei 2005. Program latihan berasaskan

komputer AML interaktif UNODC ini mengandungi 13 modul tentang langkah-langkah perundangan, pengawalseliaan dan penguatkuasaan AML. Peserta-peserta dinilai melalui satu siri kuiz, praujian dan pascaujian untuk menentukan pengetahuan mereka mengenai langkah-langkah AML/CFT. Inisiatif latihan e-pembelajaran ini membantu menambahkan pengetahuan kakitangan agensi penguatkuasaan dan memastikan saluran penyampaian yang lebih luas kepada sektor berkaitan yang terbabit dalam usaha membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Pada 31 Disember 2005, seramai 48 orang pegawai daripada pelbagai agensi NCC mendaftar untuk program Latihan Berasaskan Komputer AML dan seramai 22 orang berjaya menamatkan latihan, manakala bakinya masih berada di pelbagai tahap latihan.

Program AML/CFT E-Pembelajaran Bank Dunia

Selain program latihan berasaskan komputer UNODC, Bank Dunia juga mengendalikan program AML/CFT e-pembelajaran, yang kini boleh didapati di tujuh buah negara iaitu, Malaysia, Thailand, Vietnam, Indonesia, Filipina, Kemboja dan RDR Laos. Program e-pembelajaran ini mengandungi 7 modul merangkumi topik-topik berikut yang berkaitan dengan AML/CFT:

Modul 1 – Kesan terhadap Pembangunan Ekonomi dan Piawaian Antarabangsa;
Modul 2 – Keperluan Undang-undang untuk memenuhi Piawaian Antarabangsa;
Modul 3 – (a) Keperluan Pengawalseliaan dan Institusi;
(b) Keperluan Pematuhan untuk Institusi Kewangan;
Modul 4 – Menubuhkan Unit Perisikan Kewangan yang Berkesan;
Modul 5 – Kerjasama Domestik (antara agensi) dan Antarabangsa;
Modul 6 – Membanteras Pembiayaan Keganasan; dan
Modul 7 – Menyiasat Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan.

Bank Dunia membenarkan negara-negara pengguna program mengubah suai program e-pembelajaran ini untuk disesuaikan dengan rejim AML/CFT domestik mereka. Oleh itu, Bank Negara Malaysia sedang mengubah suai modul-modul tersebut dengan memasukkan undang-undang dan langkah-langkah AML/CFT Malaysia. Apabila siapnya kerja-kerja pengubahsuaian ini, versi Bahasa Melayu juga akan disediakan. Program e-pembelajaran Bank Dunia boleh didapati oleh sektor kerajaan dan swasta dalam format berikut:

(i) salinan cetak;
(ii) CD-ROM; atau
(iii) sistem pengurusan dalam talian.

Kefleksibelan yang diberikan oleh Bank Dunia juga membolehkan institusi-institusi latihan sektor kerajaan dan swasta mengubah modul untuk memenuhi keperluan latihan mereka.

Inisiatif-inisiatif Latihan

Dalam usaha membanteras pengubah wang haram yang semakin kreatif dalam menstruktur kegiatan mereka supaya tidak dapat dikesan oleh pegawai penguat kuasa undang-undang, Bank Negara Malaysia terus meningkatkan kepakaran kakitangan penguatkuasaan undang-undang menerusi bengkel dan seminar rasmi. Bengkel latihan dan seminar dikendalikan oleh penceramah dan tenaga pakar dalaman dan luaran.

Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia telah mengatur/mengatur bersama dan turut serta dalam inisiatif latihan berikut:

(i) Bengkel Lanjutan Analisis Nilai Bersih AMLA, Port Dickson, 20-24 Jun 2005;
(ii) Latihan Perisikan Kewangan, Kuala Lumpur, 5-9 September 2005;
(iii) Bengkel Tipologi Pembiayaan Keganasan, Kuala Lumpur, 14-17 November 2005; dan
(iv) Bengkel dan Seminar AML, Labuan, 23-24 November 2005.

Program Akreditasi Penyiasat Kewangan

Dalam Mesyuarat NCC ke-19 pada 9 November 2004, ahli-ahli telah bersetuju untuk mengadakan Program Akreditasi Penyiasat Kewangan untuk penyiasat AMLA. Objektif Program Akreditasi ini adalah untuk melengkapkan para penyiasat kewangan dengan kemahiran yang berkaitan dalam pengendalian penyiasatan kewangan. Program latihan akreditasi yang dicadangkan ini terdiri daripada 9 modul berikut:

(i) Latihan Berasaskan Komputer Pencegahan Pengubahan Wang Haram UNODC;
(ii) Aspek Undang-undang mengenai Penyiasatan Kewangan di bawah AMLA;
(iii) Penyiasatan AMLA : Proses & Prosedur;
(iv) Bengkel Asas Analisis Nilai Bersih;
(v) Bengkel Lanjutan Analisis Nilai Bersih;
(vi) Perakaunan Forensik;
(vii) Pengenalan kepada Forensik Komputer;
(viii) Penempatan di bank perdagangan dan syarikat insurans; dan
(ix) Latihan mengenai Perisian Analisis Siasatan Visual.

Kumpulan pertama penyiasat kewangan yang bertauliah dijangka akan menamatkan program tersebut pada akhir tahun 2006.

Cabaran Masa Hadapan

Tahun mendatang merupakan tahun yang mencabar bagi Malaysia memandangkan APG dan Kumpulan Penyelia-penyelia Perbankan Luar Pesisir (OGBS) dijadualkan akan membuat Penilaian Bersama terhadap Malaysia bagi kali kedua pada awal tahun 2007. OGBS akan menilai rejim AML/CFT sektor luar pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan. Kumpulan penilaian APG pula akan menilai keberkesanan sistem AML/CFT Malaysia dan pematuhannya dengan Cadangan 40+9 FATF, yang berasaskan Metodologi untuk Penilaian tahun 2004 yang telah disemak. Bagi melaksanakan usaha besar-besaran dan penting ini, pelbagai kumpulan kerja telah diwujudkan di bawah NCC untuk memberi tumpuan terhadap kesemua 250 kriteria penilaian. Langkah-langkah undang-undang, peraturan, garis panduan dan rangka kerja AML/CFT semasa Malaysia sedang dikaji semula untuk mengenal pasti jurang dan menggubal langkah-langkah yang perlu diambil bagi memenuhi piawaian antarabangsa.

Melangkah ke hadapan, Bank Negara Malaysia akan terus peka dan proaktif kepada ancaman-ancaman AML/CFT yang wujud di samping piawaian dan trend AML/CFT dengan memperhalus langkah undang-undang dan pengawalseliaan, termasuk penggunaan obligasi pelaporan AMLA terhadap kategori perniagaan dan profesion kewangan dan bukan kewangan lain sepertimana yang disarankan oleh pihak FATF.

Sistem Kewangan Islam

168-178 Pengurusan Sistem Perbankan Islam
171-173 *Rencana: Memaksimumkan Potensi Perniagaan Perbankan Islam*
175-177 *Rencana: Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF)*
178-183 Prestasi Sistem Perbankan Islam
183-185 Pasaran Antara Bank Secara Islam

Sistem Kewangan Islam

PENGURUSAN SISTEM PERBANKAN ISLAM

Sistem kewangan Islam di Malaysia menunjukkan kemajuan yang ketara dalam persekitaran yang semakin liberal dan berdaya saing, sejajar dengan peningkatan integrasi sistem kewangan Islam Malaysia ke dalam landskap kewangan Islam global. Liberalisasi pasaran perbankan Islam menyaksikan pembukaan bank Islam asing berlesen yang pertama di bawah Akta Bank Islam 1983 (ABI) pada bulan Ogos 2005. Berikutan liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing pada tahun 2004, pasaran kewangan Islam menunjukkan kedalaman yang lebih nyata pada tahun 2005, apabila instrumen kewangan berlandaskan Syariah dalam denominasi ringgit terus diterbit oleh entiti asing dalam pasaran bon domestik. Ia bukan sahaja meningkatkan keyakinan terhadap pasaran modal domestik bahkan turut menyumbang kepada pengukuhan pasaran secara lebih menyeluruh.

Kapasiti dan keupayaan keinstitusian peserta perbankan Islam, serta infrastruktur kewangan dan rangka kerja pengawalseliaan turut diperkasa untuk mencapai matlamat yang terkandung dalam fasa kedua Pelan Induk Sektor Kewangan. Pengukuhan tadbir urus korporat dan sistem pengurusan risiko institusi perbankan Islam terus menjadi agenda utama sepanjang tahun dalam usaha membina satu industri kewangan Islam yang kukuh, stabil dan berpandangan global bagi menghadapi cabaran yang semakin meningkat dalam persekitaran perbankan dan kewangan. Beberapa subsidiari Islam kumpulan perbankan domestik telah memulakan operasi bagi memanfaatkan sepenuhnya kefleksibelan beroperasi yang ditawarkan oleh lesen perbankan Islam. Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) akan beroperasi pada suku kedua tahun 2006 dengan menawarkan program pentauliahan profesional dan lepasan ijazah dalam usaha membina kepakaran dan kemahiran dalam kewangan Islam. Perkembangan ini merupakan antara asas penting dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka.

Pengukuhan tadbir urus korporat dan sistem pengurusan risiko institusi perbankan Islam terus menjadi agenda utama sepanjang tahun.

Bersempena Mesyuarat Lembaga Gabenor-Gabenor Bank Pembangunan Islam ke-30 yang diadakan di Malaysia, Seminar Pelan Induk 10-Tahun Industri Perkhidmatan Kewangan Islam telah berlangsung pada 22 Jun 2005 untuk menggariskan hala tuju industri perkhidmatan kewangan Islam sedunia. Ia merupakan platform untuk membincang dan menyediakan asas bagi pembangunan pelan induk yang akan menggariskan rangka tindakan dan arah tuju strategik bagi perkembangan berterusan industri perkhidmatan kewangan Islam sejagat.

Graf 6.1
Bahagian Pasaran Aset, Deposit dan Pembiayaan pada akhir tahun 2005



Dari segi prestasi kewangan, industri perbankan Islam secara keseluruhan mempamerkan prestasi cemerlang pada tahun 2005, dengan keuntungan dan aset masing-masing buat pertama kalinya melepasi RM1 bilion dan RM100 bilion. Aset meningkat kepada RM111.8 bilion, mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 17.7% dan mencakupi 11.3% daripada jumlah aset sistem perbankan. Bahagian pasaran bagi deposit dan pembiayaan berlandaskan Islam juga meningkat masing-masing kepada 11.7% dan 12.1% daripada jumlah industri. Jumlah pembiayaan terkumpul meningkat 16.5%, berikutan pertumbuhan dalam pembiayaan baru yang diluluskan dan dikeluarkan masing-masing sebanyak 55.1% dan 19.4%, sementara nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih terus menurun kepada 4.8% pada akhir tahun 2005. Pemodalan sektor perbankan Islam kekal kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) terus berada pada paras melebihi 12% sepanjang tahun.

Pengukuhan Infrastruktur Kewangan

Berikutan pengeluaran tiga lesen baru perbankan Islam kepada institusi kewangan Islam asing di bawah ABI, bank Islam asing yang pertama memulakan operasinya pada bulan Ogos 2005, sementara dua lagi bank Islam asing dijangka memulakan operasi pada tahun 2006. Kepakaran yang dibawa oleh bank-bank Islam asing ini, yang meliputi perbankan runcit hingga kepada perbankan yang lebih canggih seperti perbankan pelaburan, pengurusan kekayaan dan dana, pembangunan harta tanah dan perniagaan modal usaha niaga akan mempertingkatkan lagi daya saing industri perbankan Islam domestik, rangkaian global dan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Di samping itu, ia turut memberi cabaran pengawalseliaan yang baru kepada Bank Negara Malaysia memandangkan bank-bank Islam asing ini menggunakan model perniagaan yang berbeza.

Sejajar dengan liberalisasi industri perbankan Islam yang dijalankan secara berperingkat-peringkat, inisiatif strategik dilaksanakan bagi memperkasakan lagi kapasiti keinstitusian dan daya tahan kewangan institusi perbankan Islam domestik. Setakat ini, Bank Negara Malaysia telah meluluskan permohonan tujuh kumpulan perbankan domestik untuk mentransformasikan struktur keinstitusian perbankan Islam daripada "jendela Islam" kepada subsidiari Islam (SI) yang dilesenkan di bawah ABI dalam kumpulan perbankan masing-masing bagi menjalankan perniagaan perbankan Islam. Tiga SI telah memulakan operasi pada tahun 2005 sementara empat yang lain akan memulakan operasi pada tahun 2006. Struktur SI membolehkan kumpulan perbankan domestik memaksimumkan sepenuhnya potensi ciri universal yang terdapat dalam lesen perbankan Islam di bawah ABI yang menyediakan fokus strategik yang lebih meluas bagi institusi perbankan Islam untuk mempertingkatkan daya saing mereka menerusi penawaran produk yang pelbagai dan inovatif. Ini meliputi produk perbankan runcit hingga kepada produk kewangan korporat dan perbankan pelaburan, termasuk pengurusan kekayaan persendirian dan dana serta pelaburan ekuiti persendirian dan harta tanah.

Struktur SI membolehkan kumpulan perbankan domestik memaksimumkan sepenuhnya potensi yang diberikan oleh ciri universal lesen perbankan Islam di bawah ABI.

Berbeza dengan struktur "jendela Islam", yang mana operasi perbankan Islam berteduh di bawah entiti perbankan konvensional, penubuhan SI memberi peluang kepada pelabur institusi yang berpotensi di dalam dan luar negeri untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kewangan Islam melalui pemilikan ekuiti secara langsung. Kelonggaran dasar pegangan saham dalam SI yang membenarkan ekuiti SI dilupus kepada pelabur institusi asing sehingga 49% akan meningkatkan potensi untuk membina perkongsian strategik bagi menimba kepakaran baru, menarik kepakaran terbaik daripada pelbagai bidang dan membangunkan aktiviti nilai tambah yang baru untuk meningkatkan daya saing dan merangsang inovasi dalam industri perbankan Islam. Di samping itu, ia akan menyokong pelaksanaan pengembangan modal bagi SI, meningkatkan potensi untuk meneroka peluang perniagaan serantau dan antarabangsa serta memperkukuh integrasi global industri perbankan Islam domestik.

Meskipun struktur SI membolehkan beberapa fungsi dalam kumpulan dikongsi bersama, SI digalakkan untuk melabur dalam sistem pengurusan risiko dalaman sebagai sebahagian daripada langkah untuk memperkukuh daya tahan SI sejajar dengan piawaian pengawalseliaan kehematan yang dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB). Pada bulan Februari 2006, IFSB mengeluarkan dua piawaian, iaitu Piawaian Kecukupan Modal (CAS) dan Prinsip Panduan Pengurusan Risiko (Prinsip Panduan) untuk institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam. CAS

Pengiraan Nisbah Modal Wajaran Risiko



memberi panduan mengenai keperluan kecukupan modal minimum bagi menampung pendedahan kepada risiko kredit, pasaran dan operasi yang dihadapi oleh institusi perbankan Islam setara dengan Rangka Kerja Modal Basel II yang diguna pakai oleh institusi perbankan konvensional. Satu perbezaan yang ketara antara CAS dengan Basel II adalah dalam kaedah pengiraan RWCR. CAS membenarkan aset wajaran risiko (RWA) yang dibiayai oleh pemegang akaun pelaburan untung (PSIA) ditolak daripada jumlah RWA dalam pengiraan RWCR atas dasar bahawa modal institusi perbankan Islam tidak terdedah kepada risiko aset tersebut.

Prinsip Panduan pula memberi panduan khusus dalam penerapan dan pelaksanaan amalan pengurusan risiko yang berkesan bagi institusi kewangan Islam. Prinsip Panduan ini menggariskan 15 prinsip dalam mengurus enam kategori risiko, iaitu kredit, pelaburan ekuiti, pasaran, mudah tunai, kadar pulangan dan operasi yang berkaitan dengan ciri-ciri khusus kontrak berlandaskan Islam.

CAS dan Prinsip Panduan merupakan dua piawaian antarabangsa pertama yang dikeluarkan oleh IFSB bertujuan mengawal selia rangka kerja pengawalan dan penyeliaan kehematan bagi institusi perbankan Islam, dan Bank Negara Malaysia akan berkerjasama dengan institusi perbankan Islam bagi memastikan kejayaan pelaksanaan kedua-dua piawaian tersebut.

Pada bulan November 2005, Bank Negara Malaysia memperkenalkan langkah tambahan bagi memperkukuh pengurusan risiko institusi perbankan konvensional yang beroperasi di bawah struktur keinstitusian "jendela Islam". Langkah ini termasuk pematuhan berasingan berhubung dengan had kredit seorang pelanggan bagi kemudahan pembiayaan berasaskan dana modal portfolio perbankan Islam; pematuhan berasingan berhubung dengan rangka kerja mudah tunai baru dan keperluan rizab berkanun bagi portfolio perbankan Islam; dan pengagihan kos overhed dan perbelanjaan lain yang ditanggung dalam pengurusan portfolio perbankan Islam. Langkah baru ini adalah sebagai tambahan kepada pematuhan berasingan berhubung dengan rangka kerja RWCR minimum bagi portfolio perbankan Islam institusi kewangan konvensional yang telah dilaksanakan.

Beberapa pembaharuan juga dibuat kepada Garis Panduan Laporan Kewangan bagi Bank Islam Berlesen (GP8-i) pada bulan Jun 2005 berhubung dasar perakaunan untuk sekuriti, terutama pengklasifikasian dan sekuriti penilaian kewangan di bawah perakaunan nilai saksama. GP8-i yang telah disemak menghendaki bank-bank Islam mengklasifikasikan sekuriti mereka di bawah kategori "Dipegang untuk urus niaga" (Held for trading atau HFT), "Sedia untuk dijual" (Available for sale atau AFS) dan "Dipegang sehingga matang" (Held-to-maturity atau HTM). Bank-bank Islam dikehendaki mengukur nilaian sekuriti yang diklasifikasikan di bawah HFT dan AFS berdasarkan harga pasaran semasa atau menggunakan teknik penilaian "nilai menurut pasaran" (mark-to-market) sekiranya berniat untuk berurus niaga sekuriti kewangan ini dalam pasaran sekunder. Nilaian sekuriti dalam kategori HTM pula diukur berasaskan kos terlunas kerana niatnya ialah untuk memegang sekuriti ini sebagai pelaburan jangka panjang. GP8-i juga menetapkan peraturan mengenai pengklasifikasian semula sekuriti daripada satu kategori kepada kategori yang lain bagi menerapkan disiplin dalam memastikan amalan dasar perakaunan dalam pengklasifikasian dan penilaian sekuriti kewangan dilaksanakan secara konsisten.

Pembaharuan lain yang dibuat pada GP8-i ialah berhubung keperluan bagi pengemukaan dan

penerbitan laporan kewangan interim dan tahunan. Penambahbaikan dalam penzahiran rizab penyamaan keuntungan dan maklumat berhubung pengagihan keuntungan atau kerugian belum terealisasi atas sekuriti AFS di antara pendeposit dengan bank-bank Islam juga diterapkan dalam GP8-i. Semakan GP8-i akan meningkatkan lagi ketelusan, kebolehbandingan dan maklumat mengenai kedudukan kewangan terkini bank-bank Islam kepada pelbagai pihak yang berkepentingan.

Pada tahun 2005, beberapa produk kewangan Islam baru diperkenalkan, termasuk sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman, pembiayaan berasaskan komoditi di samping produk pelaburan dan produk berkaitan-ekuiti berdasarkan konsep *murabahah*, *musyarakah* dan *mudharabah*. Komoditi-*murabahah*, antara lain, merupakan ciri baru dalam perbankan Islam di Malaysia walaupun ianya telah digunakan secara meluas di Timur Tengah. Ia melibatkan pengaturan sandar menyandar selari antara institusi kewangan dengan pelanggannya untuk membeli dan menjual komoditi tertentu seperti aluminium, keluli, tembaga dan nikel yang tersenarai di bursa komoditi utama, mengikut asas kos tambah keuntungan. Ia distrukturkan sedemikian rupa supaya komoditi ditukar pada asas semerta (spot) dan pengaturan penjelasan akan distrukturkan menurut cara yang memenuhi pelbagai keperluan. Bagi pengaturan pengambilan deposit, jualan pertama daripada bank kepada pelanggan akan dijelaskan secara tunai (jumlah deposit) manakala jualan kedua daripada pelanggan kepada bank dibuat berdasarkan bayaran tertangguh pada tarikh matang yang ditetapkan sebelumnya.

Begitu juga dalam pengaturan pembiayaan, jualan pertama daripada pelanggan kepada bank akan dijelaskan secara tunai (jumlah pengeluaran) manakala jualan kedua daripada bank kepada pelanggan berdasarkan bayaran tertunda pada tarikh penjelasan. Urus niaga sandar menyandar selari yang melibatkan komoditi berlaku dengan serentak dan yang demikian, tidak mendedahkan pihak yang terlibat kepada risiko harga yang berkaitan dengan komoditi asas tersebut.

Pengemukaan permohonan kepada Bank Negara Malaysia secara automatik bagi produk kewangan Islam yang baru berjaya dilaksanakan berikutan pelaksanaan Sistem Kelulusan dan Wadah Penyimpanan Produk (Product Approval and Repository System atau PARS) pada bulan Februari 2006, untuk mempercepat pemprosesan produk baru bagi kelulusan dan menyediakan satu wadah penyimpanan produk perbankan Islam. Sistem permohonan dalam talian yang baru dan selamat ini akan menyelaraskan pengemukaan permohonan produk baru daripada institusi kewangan Islam dan membantu pengguna bagi menyediakan kemampuan untuk menyerahkan data bagi permohonan produk baru; mengkaji semula sejarah permohonan; mengemas kini produk sedia ada yang telah diluluskan dan berinteraksi dengan pihak luar bagi mendapatkan maklum balas mengenai produk yang telah dikemukakan.

Dalam bidang pengurusan mudah tunai, Bank Negara Malaysia memperkenalkan instrumen monetari Islam baru, Sukuk Ijarah Bank Negara Malaysia. Sukuk Ijarah Bank Negara Malaysia diterbitkan pada bulan Februari

Memaksimumkan Potensi Perniagaan Perbankan Islam

Akta Bank Islam 1983 (ABI) memperuntukkan bank-bank Islam berlesen taraf perbankan universal. Di bawah ABI, bank-bank Islam dibenarkan menjalankan perniagaan perbankan yang menyeluruh berlandaskan prinsip Syariah, daripada perniagaan perbankan perdagangan berasaskan runcit sehinggalah kepada perniagaan perbankan pelaburan yang lebih canggih merangkumi antara lain, aktiviti kewangan korporat, ekuiti swasta dan pengurusan kekayaan. Sehingga kini, sebahagian besar aktiviti perniagaan perbankan yang dijalankan oleh bank-bank Islam adalah berasaskan model perniagaan perbankan tradisional. Senario yang serupa juga wujud dalam aktiviti perbankan Islam yang dijalankan oleh institusi perbankan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam. Lebih kurang 70% daripada pembiayaan yang dikeluarkan oleh Institusi-institusi Perbankan Islam (IPI) adalah dalam mod pembiayaan berasaskan jualan dan pajakan, terutamanya kepada sektor runcit untuk membiayai pembelian harta kediaman dan kereta penumpang.

Ciri universal perniagaan perbankan Islam terutamanya dalam bidang perbankan pelaburan masih belum diterokai sepenuhnya. Walaupun nisbah pendapatan berasaskan fi daripada aktiviti berkaitan perbankan pelaburan kepada jumlah pendapatan IPI semakin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pendapatan berasaskan fi hanya merangkumi sebahagian kecil daripada keseluruhan pendapatan IPI. Dalam pasaran modal Islam, potensi besar penerbitan bon Islam juga masih belum diterokai.

Graf 1
Nisbah Pendapatan Berasaskan Fi kepada Jumlah Pendapatan



Graf 2
Penyertaan Institusi Perbankan Islam dalam Terbitan Bon Islam



Dalam suasana persaingan yang semakin hebat dalam pasaran perbankan runcit berikutan liberalisasi sektor kewangan secara berperingkat-peringkat, IPI perlu mengambil langkah strategik ke arah mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan bagi memperluas skop perniagaan perbankan tradisional dan memanfaatkan sepenuhnya potensi universal yang ditawarkan oleh lesen perbankan Islam. Ini termasuk usaha menerokai bidang pertumbuhan baru seperti perniagaan pelaburan ekuiti swasta, pelaburan harta tanah, perbankan swasta, pengurusan dana dan kekayaan. Langkah sedemikian akan mempelbagai sumber perolehan IPI, mempertingkat pulangan untuk pemegang saham dan pendeposit di samping memperkukuh keupayaan untuk mengekalkan prestasi kewangan yang teguh.

Selain itu, lesen perbankan Islam membenarkan IPI mempelbagai sumber pendanaan IPI daripada produk deposit tradisional bagi memanfaatkan sepenuhnya akaun pelaburan perkongsian untung (PSIA). PSIA menyediakan peluang bagi menyesuaikan profil risiko dan ganjaran aktiviti pembiayaan dan pelaburan dalam lajur aset, selari dengan pilihan pelaburan yang unik dan selera risiko pemegang PSIA dalam lajur liabiliti. Di bawah piawaian kecukupan modal yang diterbitkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, aset wajaran risiko yang dibiayai PSIA tidak akan dikenakan caj modal, justeru memberi kelebihan tambahan kepada IPI.

Dengan penerokaan melangkaui sektor tradisional, IPI akan turut memperkaya kepelbagaian kelas aset baru bagi pelaburan berlandaskan Islam dan seterusnya memperdalam pasaran kewangan Islam. Ini bukan sahaja menambahkan keberkesanan proses pengantaraan dalam sistem kewangan Islam, malah akan turut mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang menarik.

Di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan, infrastruktur kewangan Islam dibangunkan secara berperingkat-peringkat untuk membina kapasiti IPI bagi memanfaatkan taraf universal perniagaan perbankan Islam. Antara lain termasuk transformasi jendela Islam kepada subsidiari Islam, pelesenan peserta perbankan Islam asing yang mempunyai kemampuan terserlah dalam aktiviti perbankan pelaburan Islam, dan penjualan sehingga 49% kepentingan ekuiti dalam IPI kepada pelabur keinstitusian tempatan dan asing yang strategik. Sehubungan ini, IPI dapat memanfaatkan dasar liberalisasi secara berperingkat-peringkat ini bagi menjalin pakatan strategik, di samping menimba kepakaran baru dan meraih peluang pertumbuhan dalam persekitaran dalam dan luar negeri bagi memaksimumkan potensi perniagaan perbankan Islam.

2006 melalui badan tujuan khas (special purpose vehicle), iaitu BNM Sukuk Berhad dengan saiz terbitan sebanyak RM400 juta. Perolehan daripada terbitan sukuk ini digunakan untuk membeli aset Bank Negara Malaysia yang kemudiannya dipajakkan semula kepada Bank Negara Malaysia, dan perolehan daripada sewa pajakan ini akan diagihkan kepada pelabur sebagai keuntungan pada setiap setengah tahunan. Apabila sukuk ini matang yang serentak dengan tarikh akhir tempoh pajakan, BNM Sukuk Berhad akan menjual balik aset ini kepada Bank Negara Malaysia pada satu harga yang telah ditetapkan sebelumnya. Sukuk Ijarah Bank Negara Malaysia akan diterbitkan dari semasa ke semasa dengan saiz antara RM100 juta hingga RM200 juta untuk terbitan seterusnya. Sukuk Ijarah Bank Negara Malaysia akan menambah kepelbagaian instrumen mudah tunai yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengurus mudah tunai dalam pasaran wang secara Islam di samping berperanan sebagai tanda aras bagi bon Islam berjangka sederhana dan pendek yang lain.

Mengukuhkan Rangka Kerja Syariah

Bank Negara Malaysia terus memantau pelaksanaan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah berikutan pengeluaran Garis Panduan Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (GPS1) yang mula berkuat kuasa pada 1 April 2005. Ekoran pengeluaran Garis Panduan ini, bilangan ahli penasihat Syariah yang menganggotai jawatankuasa Syariah di institusi kewangan Islam dan syarikat takaful telah bertambah dengan ketara, dan akan menjadi asas bagi meningkatkan bilangan ahli Syariah yang berwibawa di negara ini. Meskipun sebilangan besar anggota penasihat Syariah terdiri daripada ahli akademik dalam bidang *Fiqh Muamalat*, jawatankuasa ini turut dianggotai oleh mantan hakim, pengamal undang-undang dan ahli ekonomi. Dengan wujudnya gabungan pelbagai latar belakang dan kepakaran ahli-ahli yang menganggotai jawatankuasa Syariah, diharapkan perbincangan mengenai Syariah bukan sahaja mendalam dan menyeluruh, malah dapat memberi nilai tambah kepada perkembangan industri tersebut.

Dari segi pengawalseliaan Syariah, Bank Negara Malaysia terus menilai pematuhan institusi kewangan Islam terhadap prinsip dan proses tadbir urus Syariah. Bank Negara Malaysia memastikan bahawa jawatankuasa Syariah memainkan peranannya dengan berkesan dalam memberikan nasihat yang wajar dan mengesahkan pematuhan Syariah dalam hal-hal operasi harian, seperti mematuhi kecukupan dinding pemisah (firewall) bagi memastikan pengasingan yang jelas antara dana Islam dengan dana konvensional dalam operasi "jendela Islam". Di samping itu, juruaudit dalaman juga perlu peka dalam peranan mereka bagi memastikan institusi perbankan Islam mematuhi prinsip Syariah dengan merangka program audit yang komprehensif bagi pematuhan Syariah di samping melengkapi diri mereka dengan pengetahuan yang diperlukan dalam melaksanakan tugas ini.

Dalam membangun dan menggalakkan dinamisme dan penyatuan Syariah di peringkat antarabangsa, Bank Negara Malaysia melaksanakan dua inisiatif penting pada tahun 2005. Inisiatif pertama ialah Dialog Cendekiawan Syariah yang berlangsung pada 22-23 Jun 2005 di Kuala Lumpur. Objektif utama Dialog ini adalah untuk menggalakkan penyatuan dan pengharmonian dalam penafsiran Syariah dan memupuk kesedaran di kalangan cendekiawan Syariah mengenai perkembangan perbankan Islam dan kewangan di peringkat global. Dialog ini menghimpunkan lebih 40 ahli Syariah yang terkemuka

dari pelbagai negara termasuk Arab Saudi, Tunisia, Iran, Bahrain, Pakistan, Bangladesh, Indonesia dan Brunei Darussalam. Dialog ini menyediakan platform rangkaian hubungan yang baik untuk merapatkan jurang di kalangan ahli Syariah dari segi memupuk kefahaman dan kesedaran terhadap pelaksanaan Syariah dalam pelbagai negara serta membantu integrasi sistem kewangan Islam domestik dengan sistem kewangan Islam global.

Inisiatif kedua yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia ialah penubuhan Dana Cendekiawan Syariah dalam Kewangan Islam berjumlah RM200 juta. Dana Syariah ini memperuntukkan sumber biaya untuk aktiviti penyelidikan Syariah, biasiswa untuk pengajian Syariah, di samping menganjurkan dialog tahunan cendekiawan Syariah antarabangsa. Dana Syariah ini akan membantu usaha melahir dan membangunkan cendekiawan Syariah berwibawa yang dilengkapi dengan ilmu yang mantap dan mempunyai kepakaran dalam undang-undang Islam dan *Fiqh Muamalat* bagi menghadapi industri kewangan Islam yang sentiasa berubah dan dinamik.

Pada tahun 2005, Majlis Penasihat Syariah (MPS) telah membincangkan beberapa isu berkaitan kewangan Islam dan antara keputusan utama yang dibuat oleh MPS adalah:

a) **Meluluskan Mekanisme Tukaran Asing Hadapan**
MPS meluluskan mekanisme urus niaga tukaran asing hadapan berasaskan janji sebelah pihak yang mengikat selagi tidak dianggap sebagai kontrak sebelum tarikh penyelesaian. Sekiranya berlaku kemungkiran dalam janji mengikat ini, caj pampasan boleh dikenakan terhadap pihak yang mungkir tersebut.

b) **Pengenaan Caj Pampasan bagi Hutang Penghakiman Lambat Bayar**
Mahkamah boleh membenarkan caj pampasan ke atas hutang penghakiman yang lambat bayar dalam kes pembiayaan Islam berasaskan kadar purata pasaran wang Islam atau 8% setahun, yang mana lebih rendah, dan ia tidak boleh dikompaunkan.

c) **Mengkaji Semula Penggunaan *Qardh Hasan* dalam Urus Niaga Perbankan Islam**
Memandangkan perniagaan perbankan melibatkan urus niaga komersial bertujuan untuk memperoleh keuntungan, prinsip *qardh hasan* tidak sesuai digunakan sebagai kontrak utama pembiayaan. *Qardh hasan* lebih wajar digunakan untuk tujuan amal kebajikan kerana ia merupakan kontrak pinjaman ihsan yang mana amaun pokok boleh terhakis. Sebagai alternatif, prinsip *qardh* (pinjaman tanpa faedah) boleh digunakan sebagai kontrak sekunder atau kontrak pelengkap mengikut keperluan.

d) **Penggunaan Kontrak *Kafalah* bagi Skim Jaminan dalam Perbankan Islam**
MPS meluluskan skim jaminan Islam berasaskan kontrak *kafalah* bagi menambahbaik kredit perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pada asalnya, *kafalah* dianggap sebagai kontrak *tabarru'* yang mana jaminan diberi berdasarkan semangat persaudaraan tanpa sebarang nilai balasan. Walau bagaimanapun, urus niaga perbankan dan kewangan semasa menjadikan jaminan sebagai kontrak komersial yang dikenakan fi. Pengenaan fi bagi *kafalah* adalah dibenarkan atas dasar keperluan (*hajah*) bagi PKS untuk mendapatkan pembiayaan.

Mengukuhkan Rangka Kerja Undang-Undang
Di dalam suasana industri perbankan dan kewangan Islam yang semakin sengit persaingannya, perhatian khusus terhadap usaha menyelaras undang-undang dan peraturan-peraturan adalah penting bagi memastikan keperluan Syariah memberi kesan sewajarnya, memandangkan terdapat perbezaan di antara prinsip Syariah dengan sistem perundangan konvensional. Pada 5 Disember 2005, Jabatan Peguam Negara melancarkan Komuniti Syariah, platform rangkaian pintar yang mana matlamat utamanya ialah untuk menangani isu-isu Syariah dan cabaran-cabaran dalam konteks rangka kerja pengawalseliaan dan perundangan Malaysia. Kewangan Islam dan takaful dikenal pasti sebagai dua bidang yang sedang dikaji dengan kerjasama Bank Negara Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah untuk terus memastikan konsistensi dengan keperluan Syariah dan menangani isu-isu yang menghalang inovasi produk-produk berlandaskan Syariah di samping menggalakkan permintaan instrumen berlandaskan Syariah, Akta Sewa Beli 1967 kini dalam proses semakan semula untuk meliputi sewa beli berlandaskan Islam manakala perundangan berkaitan yang lain termasuk Kanun Tanah Negara, Akta Syarikat 1965, Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan Akta Kontrak 1950 sedang dikaji bagi memenuhi perkembangan yang berterusan dalam perbankan dan kewangan Islam. Kajian ini adalah di samping kajian semula perundangan perbankan Islam dan takaful yang sedang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia. Sebagai usaha untuk terus

mempromosi dasar percukaian neutral, pindaan kepada Akta Setem 1949 baru-baru ini yang berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005 turut meliputi peruntukan baru di mana instrumen pembelian barangan dalam Akta Sewa Beli 1967 di bawah konsep *bai' bithaman ajil* dikenakan duti setem yang sama seperti instrumen untuk produk konvensional yang serupa dengannya.

Berikutan perkembangan pesat industri kewangan Islam yang turut meningkatkan permintaan bagi instrumen kewangan Islam, Akta Pelaburan Kerajaan 1983 dipinda pada bulan Jun 2005 untuk membenarkan Kerajaan menerbitkan lebih banyak jenis sekuriti Islam. Perundangan itu, yang dinamakan semula sebagai Akta Pendanaan Kerajaan 1983, memberi Kerajaan fleksibiliti untuk mendapatkan sumber dana daripada pasaran modal melalui terbitan instrumen kewangan Islam berasaskan sewaan dan aset. Selain Terbitan Pelaburan Kerajaan tradisional, Kerajaan telah menerbitkan Bil Perbendaharaan Islam iaitu satu sekuriti jangka pendek Islam dengan tempoh pemegangan kurang daripada satu tahun berdasarkan urus niaga jual dan beli balik aset.

Mempertingkatkan Pembangunan Modal Intelek
Satu peristiwa penting yang berlaku pada tahun 2005 dalam pembangunan modal insan adalah penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) yang akan memulakan operasinya pada tahun 2006.

Penubuhan INCEIF adalah sebagai pemangkin dalam mewujudkan kumpulan pakar bertaraf dunia dan para profesional yang berwibawa dalam bidang perbankan dan kewangan Islam, bagi memenuhi keperluan industri di peringkat domestik dan antarabangsa.

Penubuhan INCEIF adalah sebagai pemangkin untuk mewujudkan kumpulan pakar bertaraf dunia dan para profesional yang berwibawa dalam bidang perbankan dan kewangan Islam bagi memenuhi keperluan industri di peringkat domestik dan antarabangsa.

Pendidikan Pengguna
Pada tahun 2005, usaha bersepadu terus dilaksanakan bagi memperkasakan lagi tahap pendidikan dan kesedaran pengguna mengenai kewangan dan perbankan

Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF)

Salah satu prasyarat utama dalam menyokong pembangunan kewangan Islam yang progresif adalah dengan membina kumpulan tenaga kerja mahir. Modal intelek insan ialah aset penting yang amat diperlukan bagi memacu inovasi dan mengekalkan daya saing pasaran dalam menghadapi cabaran dalam industri kewangan Islam. Dengan perkembangan sistem kewangan Islam yang pesat, Bank Negara Malaysia mengambil langkah strategik dengan menubuhkan sebuah pusat pendidikan kewangan Islam antarabangsa bagi melahirkan kumpulan profesional dan pakar yang diperlukan di bidang kewangan Islam bagi pasaran domestik dan global. Penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) akan menggalakkan rangkaian yang lebih luas antara sistem kewangan Islam dalam negeri dan antarabangsa serta menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan kewangan Islam yang unggul.

Penubuhan INCEIF diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia di Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN ke-3 pada bulan Disember 2005. Usaha kini sedang giat dijalankan sebagai persediaan bagi INCEIF memulakan operasinya pada suku kedua tahun 2006. Bagi menyokong inisiatif ini, Bank Negara Malaysia menubuhkan dana endowmen berjumlah RM500 juta.

INCEIF bermatlamat menjadi peneraju pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa di bidang kewangan Islam dengan objektif bagi:

- memudahkan penyelarasan, perancangan dan pelaksanaan inisiatif modal insan bagi industri kewangan Islam global;
- membangunkan kepakaran bagi sistem kewangan Islam global;

- menawarkan pentauliahan profesional dan program ijazah lanjutan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa; dan
- menyediakan tenaga insan yang berwibawa sebagai penyelidik dan pendidik di bidang kewangan Islam.

Program

Program INCEIF dirangka bagi menyediakan teknik pembelajaran terkini dalam kelas dan menerusi talian elektronik yang mempunyai elemen nilai yang unik. INCEIF juga akan menjalin ikatan strategik dengan institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa yang tersohor bagi menyediakan program pendidikan bersama melalui skim profesor pelawat dan cendekiawan bermastautin.

Program INCEIF dikategorikan dalam tiga bidang utama:

1. Program pentauliahan profesional

   INCEIF akan menganugerahkan pentauliahan profesional, iaitu Profesional Kewangan Islam Bertauliah, kepada pengamal kewangan Islam yang berkelayakan. Program pentauliahan ini akan bermula pada bulan Jun 2006, merangkumi tiga bahagian:

   - *Bahagian I: Membina pengetahuan*
     Para pelatih akan memperoleh pengetahuan yang diperlukan di bidang kewangan Islam daripada teori dan etika hingga ke perancangan dan pengurusan kekayaan. Pengiktirafan sebagai Ahli Bersekutu dianugerahkan kepada para pelatih setelah berjaya dalam peperiksaan, kajian kes bertulis dan kertas projek.

   - *Bahagian II: Membina kemahiran*
     Para pelatih akan memperoleh kemahiran dalam mengendalikan isu operasi dan transaksi kewangan Islam seperti penstrukturan pembiayaan korporat dan terbitan sekuriti Islam. Para pelatih mempunyai pilihan untuk membuat pengkhususan tertentu dalam bidang perbankan Islam dan/atau takaful. Bagi mendapatkan taraf Ahli Berkemahiran, para pelatih perlu lulus peperiksaan, membuat kertas projek, mencipta produk baru dan menyediakan dokumentasi transaksi.

   - *Bahagian III: Membina kecekapan dan pengalaman*
     Bahagian terakhir dirangka dengan menyediakan program *articleship* yang merangkumi pelbagai aktiviti bagi memberi pendedahan praktikal di dalam industri perkhidmatan kewangan Islam kepada para pelatih. Ini termasuk program *mentor-mentee* di institusi kewangan Islam yang diluluskan penyertaannya, serta program pengendalian bank simulasi melalui makmal kewangan. Para pelatih akan melalui proses pengesahan seperti menyelesaikan masalah, latihan penstrukturan semula, program simulasi dan pengurusan, latihan pengubahsuaian produk, pematuhan Syariah dan audit, serta menjalani temu duga sebelum disahkan sebagai Ahli Pengamal.

2. Program ijazah lanjutan

   INCEIF akan memulakan program Sarjana dan Doktor Falsafahnya sendiri bagi melahirkan graduan yang mempunyai asas kukuh dalam kewangan Islam, di samping keupayaan yang tinggi dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Program Sarjana INCEIF akan menjurus kepada pengkhususan tertentu dalam bidang kewangan Islam, seperti Pengurusan Kekayaan Islam. Para pelatih juga akan menyertai program latihan amali. Program ini akan bermula selewat-lewatnya pada akhir tahun 2006.

3. Program penyelidikan dan penerbitan

   INCEIF akan mewujudkan pusat sumber bertaraf dunia dan akan terbabit dalam projek penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kewangan Islam secara intensif di samping penerbitan buku, jurnal dan kertas kerja. Program pentauliahan dan ijazah lanjutan akan memudahcara dan mempertingkatkan program ini dengan membekalkan bahan penyelidikan dan penerbitan yang relevan bagi rujukan para akademik. Kolokium Pendidikan INCEIF yang akan diadakan pada bulan April 2006 merupakan platform bagi menilai bahan kajian yang relevan bagi program penyelidikannya. INCEIF juga akan membangunkan pangkalan data kewangan domestik dan antarabangsa yang komprehensif.

Tadbir Urus
INCEIF akan diterajui oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah (LP). Majlis Tadbir Urus INCEIF, yang terdiri daripada mereka yang berwibawa dari dalam dan luar negeri, ditubuhkan bagi memberi nasihat kepada LP dalam memacu hala tuju strategik INCEIF serta memberikan kefahaman mendalam berhubung visi global mengenai keperluan pembelajaran dalam industri perkhidmatan kewangan Islam bagi menyerlahkan keunggulan INCEIF. Panel Pembangunan Profesional juga ditubuhkan sebagai pihak berkuasa tertinggi dalam perihal akademik serta bertanggungjawab mengkaji semula dan meluluskan modul program peringkat pentauliahan dan ijazah lanjutan. Ia juga memastikan INCEIF menawarkan kandungan dan piawaian modul berkualiti tinggi bagi kesemua programnya.

Penubuhan INCEIF melengkapkan infrastruktur pembangunan tenaga kerja mahir dalam industri kewangan Islam Malaysia. Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) milik industri dan Pusat Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC) menumpukan program latihan mereka bagi memenuhi keperluan industri di peringkat teknikal manakala INCEIF menyediakan pengetahuan dan kemahiran peringkat pertengahan dan lanjutan dalam bidang kewangan Islam. Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) menyediakan program kepimpinan kepada pihak pengurusan atasan yang merangkumi pengurusan atasan institusi kewangan Islam. Kesemua ini membolehkan Malaysia menawarkan rangkaian program pembangunan tenaga kerja mahir dalam kewangan Islam bagi keperluan global industri perkhidmatan kewangan Islam.

INCEIF mencerminkan usaha dan komitmen Malaysia yang berterusan ke arah pembangunan progresif industri kewangan Islam dengan membangun dan mempertingkatkan modal intelek insan dalam kewangan Islam. Adalah dijangka penubuhan INCEIF akan menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan sistem kewangan Islam global.

Islam. Bank Negara Malaysia mengambil bahagian secara aktif dalam Program Jelajah Perbankan Islam dan Takaful 2005 (IBTR) yang dianjurkan oleh Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM). Bank Negara Malaysia turut terlibat dalam enam IBTR, iaitu di Shah Alam, Ipoh, Alor Setar, Johor Bahru, Putrajaya dan Pulau Pinang, yang berjaya menarik purata 20,000 orang pengunjung bagi setiap IBTR. Bank Negara Malaysia juga menyertai pameran perbankan dan kewangan Islam di Pameran Perdagangan OIC anjuran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang diadakan dari 20 hingga 24 Jun 2005 dan pameran sempena Persidangan Pelabur dari 22 hingga 23 Jun 2005. Bagi dua tahun berturut-turut, Bank Negara Malaysia menyertai Pameran Halal Antarabangsa Malaysia anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia yang diadakan dari 28 hingga 31 Julai 2005.

Mengorak Langkah ke Hadapan
Berikutan pembangunan sistem kewangan Islam yang komprehensif serta yang semakin liberal dan bersepadu dengan sistem kewangan antarabangsa, Malaysia berada pada kedudukan terbaik untuk muncul sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Bagi menghadapi cabaran yang semakin meningkat, tumpuan akan diberi kepada peningkatan daya inovatif dan persaingan

Berikutan pembangunan sistem kewangan Islam yang komprehensif serta yang semakin liberal dan bersepadu dengan sistem kewangan antarabangsa, Malaysia berada pada kedudukan terbaik untuk muncul sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

industri perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia, disokong oleh tenaga kerja berkaliber, infrastruktur bertaraf dunia dan piawaian antarabangsa terbaik. Malaysia bersedia untuk bertindak sebagai pintu masuk utama bagi pelabur institusi dan pelabur bernilai tinggi untuk meneroka peluang pelaburan serantau yang pesat membangun di rantau ini.

Inisiatif juga sedang dilaksanakan bagi mengukuhkan kekuatan Malaysia dalam originasi, penerbitan dan jual beli instrumen pasaran modal dan perbendaharaan

Islam, pengurusan dana dan kekayaan Islam, pasaran perkhidmatan kewangan Islam luar pesisir, serta aktiviti takaful dan takaful semula. Bagi melengkapi usaha-usaha tersebut, langkah sedang diambil untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan perbankan dan kewangan, latihan, khidmat runding dan penyelidikan dalam perbankan dan kewangan Islam. Ini memandangkan bakat kemahiran dan inovasi produk merupakan faktor utama dalam memacu pembangunan global kewangan Islam. Selain itu, adalah menjadi hasrat supaya institusi perbankan Islam domestik akan terus berkembang ke luar negara sebagai peserta kewangan Islam serantau dan seterusnya sebagai peserta global bagi matlamat jangka panjang. Hala tuju dasar dalam hubungan ini adalah untuk mempertingkatkan ketahanan, kecekapan dan kapasiti institusi kewangan Islam domestik dan infrastruktur kewangan Islam bagi mempertingkatkan kemantapan dan kestabilan sistem kewangan Islam.

PRESTASI SISTEM PERBANKAN ISLAM

Sistem perbankan Islam terus menunjukkan prestasi yang kukuh pada tahun 2005, dengan keuntungan yang lebih tinggi dan arah aliran yang positif dalam kesemua penunjuk keutuhan kewangan utama. Pada masa yang sama, tahap pemodalan sistem perbankan Islam semakin kukuh melalui suntikan modal baru, yang membolehkan industri berkembang dengan lebih cergas dan berdaya tahan bagi menghadapi kejutan yang tidak dijangka pada masa hadapan. Sorotan utama prestasi sistem perbankan Islam adalah seperti berikut:

- Keuntungan lebih tinggi yang menyumbang pada peningkatan pulangan atas aset dan ekuiti;
- Aktiviti pembiayaan yang aktif berikutan permintaan yang lebih tinggi daripada sektor isi rumah untuk membeli harta kediaman dan kereta penumpang;
- Nisbah pembiayaan tidak berbayar terus menunjukkan arah aliran menurun, yang membawa kepada kualiti aset yang bertambah baik;
- Mudah tunai terus mencukupi dengan nisbah pembiayaan-deposit sekitar 80%;
- Kadar pulangan atas deposit pelaburan am *mudharabah* menurun sedikit; dan
- Nisbah kecukupan modal yang tinggi disebabkan oleh tahap pemodalan yang kukuh.

Keuntungan

Keuntungan sebelum cukai dan zakat yang dicatat oleh sektor perbankan Islam terus meningkat berikutan pendapatan yang lebih tinggi dan peruntukan pembiayaan tidak berbayar yang lebih rendah, meskipun terdapat peningkatan dalam overhed dan kos kakitangan. Pada tahun kalendar 2005, sektor perbankan Islam mencatat peningkatan sebanyak RM712.5 juta atau 28.7% dalam pendapatan bersih daripada aktiviti pembiayaan dan sekuriti (2004: RM307 juta atau 14.1%), sementara pendapatan lain meningkat RM47.4 juta atau 12.9% (2004: RM88 juta atau 11.8%). Pada masa yang sama, overhed meningkat RM259.3 juta atau 61.5% (2004: RM37 juta atau 9.6%), manakala kos kakitangan meningkat RM164.8 juta atau 61.7% (2004: RM38 juta atau 16.6%). Selepas mengambil kira peruntukan kerugian pembiayaan dan peruntukan lain sebanyak RM0.9 bilion (2004: RM1.2 bilion), sektor perbankan Islam mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM1.6 bilion bagi tahun kalendar 2005 (RM988.1 juta pada tahun 2004). Keuntungan yang lebih baik ini menambahkan pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti masing-masing kepada 1.5% dan 21% (2004: 1.1% dan 15.7%), meskipun dengan peningkatan saiz aset dan dana modal.

Jadual 6.1
Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar		Perubahan tahunan	
	2004	2005*a*		
	RM juta			%
Pendapatan[1] selepas ditolak pendapatan tergantung	4,298.6	5,220.2	921.6	21.4
(Pendapatan tergantung)	*306.2*	*234.5*	*-71.7*	*-23.4*
Tolak: Perbelanjaan[1]	1,813.9	2,023.0	209.1	11.5
Pendapatan bersih	2,484.7	3,197.2	712.5	28.7
Campur: Pendapatan lain	368.1	415.5	47.4	12.9
Tolak: Kos kakitangan	267.0	431.8	164.8	61.7
Kos overhed	421.5	680.8	259.3	61.5
Keuntungan sebelum peruntukan	2,164.3	2,500.1	335.8	15.5
Tolak: Peruntukan kerugian dan peruntukan lain	1,176.2	945.3	-230.9	-19.6
Keuntungan sebelum cukai	988.1	1,554.8	566.7	57.4
Pulangan atas aset (%)	1.1	1.5		
Pulangan atas ekuiti (%)	15.7	21.0		

[1] Daripada aktiviti pembiayaan dan sekuriti
a Awalan

Aset

Pada tahun 2005, jumlah aset sektor perbankan Islam bertambah dengan ketara sebanyak RM16.8 bilion atau 17.7% kepada RM111.8 bilion, dengan lebih separuh daripada peningkatan aset disebabkan oleh pertumbuhan dalam jumlah pembiayaan sebanyak 16.5% (RM9.5 bilion). Pada akhir tahun 2005, jumlah pembiayaan terkumpul adalah sebanyak RM67.4 bilion

Jadual 6.2
Sistem Perbankan Islam: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2005*a*
	2004	2005*a*	
	RM juta		
Sumber			
Modal dan rizab	1,137.4	2,615.2	10,051.7
Deposit	16,907.1	11,047.9	83,874.8
Dana daripada institusi kewangan lain	-2,902.9	429.5	4,459.1
Liabiliti lain	2,542.4	2,697.0	13,437.9
Jumlah	**17,684.0**	**16,789.6**	**111,823.5**
Kegunaan			
Wang tunai	15.9	58.6	329.2
Rizab dengan Bank Negara Malaysia	-158.3	567.5	1,925.9
Deposit dengan institusi kewangan lain	7,239.7	4,314.8	20,374.9
Pembiayaan	9,227.5	9,523.2	67,364.6
Sekuriti	-1,776.2	4,600.7	20,800.9
Aset lain	3,135.4	-2,275.2	1,028.0

a Awalan

(2004: RM57.8 bilion) atau 60.2% daripada jumlah keseluruhan aset perbankan Islam. Pelaburan dalam sekuriti bertambah sebanyak 28.4% (RM4.6 bilion) pada tahun 2005, mencakupi RM20.8 bilion atau 18.6% daripada jumlah aset. Pada masa yang sama, deposit yang disimpan dalam institusi lain turut meningkat 26.9% (RM4.3 bilion), mencakupi RM20.4 bilion lagi atau 18.2% daripada jumlah aset perbankan Islam. Dari segi bahagian pasaran, bahagian terbesar aset perbankan Islam masih dikuasai oleh bank perdagangan dalam Skim Perbankan Islam (SPI) dengan bahagian pasaran sebanyak 53.4%, diikuti oleh bank-bank Islam (38.8%) dan syarikat diskaun SPI (5.3%). Dari segi pertumbuhan aset, bank-bank Islam mencatat pertumbuhan tertinggi sebanyak 74.7%, hasil transformasi tiga "jendela Islam" kepada bank Islam, diikuti oleh bank perdagangan SPI (10.7%) dan syarikat diskaun SPI (0.5%).

Aktiviti Pembiayaan

Sepanjang tahun 2005, bilangan dan jumlah permohonan pembiayaan yang diterima oleh institusi perbankan Islam adalah lebih tinggi. Sejajar dengan peningkatan dalam kelulusan pembiayaan sebanyak 55.1%, pengeluaran pembiayaan bertambah 19.4%. Pembayaran balik pembiayaan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 25.3% dalam keadaan ekonomi keseluruhan yang bertambah baik.

Jumlah pembiayaan berkembang 16.5% atau RM9.5 bilion pada tahun 2005 (19% atau RM9.2 bilion pada tahun 2004) ekoran aktiviti pembiayaan yang aktif. Pembiayaan pengguna kekal sebagai komponen

Jadual 6.3
Sistem Perbankan Islam: Aktiviti Pembiayaan

	Bagi tahun		Perubahan tahunan (%)
	2004	2005*a*	
	RM juta		
Kelulusan pembiayaan	17,273.0	26,789.2	55.1
Pengeluaran pembiayaan	41,088.6	49,058.7	19.4
Pembayaran balik pembiayaan	33,679.0	42,207.5	25.3
	Pada akhir tahun		Perubahan tahunan (%)
	2004	2005*a*	
	RM juta		
Pembiayaan terkumpul	57,841.3	67,364.6	16.5

a Awalan

terbesar pembiayaan (36.2%) yang dikeluarkan oleh institusi perbankan Islam didorong oleh perbelanjaan penguna yang tinggi, terutamanya untuk pembelian kereta penumpang. Sementara itu, sektor harta tanah secara umum mencatat komponen pembiayaan yang kedua terbesar, mencakupi 34% daripada jumlah pembiayaan, yang dikeluarkan terutamanya kepada subsektor harta kediaman. Pada tahun 2005, pembiayaan untuk pembelian kereta penumpang mencakupi 29.9% daripada jumlah pembiayaan, sementara pembiayaan bagi pembelian harta kediaman mencakupi 23.8%. Permintaan isi rumah yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh pakej pembiayaan yang menarik dan kompetitif yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam. Dalam sektor perniagaan, pembiayaan yang disalurkan kepada sektor perkilangan mencakupi 11.2% daripada jumlah pembiayaan pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: 10.6%). Dari segi konsep pembiayaan, pembiayaan berasaskan konsep *bai' bithaman ajil* kekal dominan, mencakupi 40.7% daripada jumlah pembiayaan, meskipun pada peratusan yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya (49.9% pada tahun 2004). Sebaliknya, pembiayaan berasaskan *ijarah* meningkat kepada 31.6% daripada jumlah pembiayaan (2004: 24%) sejajar dengan peningkatan sebanyak RM5.8 bilion dalam pembiayaan kereta penumpang.

Sektor perbankan Islam terus menyokong pengembangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pada tahun 2005, kelulusan dan pengeluaran pembiayaan kepada PKS, masing-masing meningkat sebanyak 32.7% dan 19.7%. Pada akhir tahun 2005, jumlah pembiayaan kepada PKS yang disediakan oleh institusi perbankan Islam bertambah 7.7% untuk mencapai RM8.6 bilion (akhir tahun 2004: RM8 bilion) mencakupi 33.6% daripada

Jadual 6.4
Sistem Perbankan Islam: Haluan Pembiayaan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2005*a*
	2004	2005*a*	
	RM juta		
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	466.9	40.8	2,369.3
Perkilangan	1,725.8	1,406.9	7,519.5
Perlombongan dan kuari	13.1	28.3	104.9
Bekalan elektrik, gas dan air	470.3	-300.2	419.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	1,273.9	317.1	3,388.0
Perdagangan borong	*1,141.3*	*148.9*	*2,392.2*
Perdagangan runcit	*126.5*	*167.1*	*905.0*
Restoran dan hotel	*6.1*	*1.1*	*90.8*
Sektor harta benda yang luas	1,926.2	512.4	22,923.1
Harta tanah	*94.5*	*66.3*	*972.7*
Pembinaan	*597.4*	*-199.3*	*3,331.6*
Pembelian harta kediaman	*1,047.0*	*581.7*	*15,974.7*
Pembelian harta bukan kediaman	*187.3*	*63.6*	*2,644.1*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	152.2	111.0	1,287.5
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	172.0	22.0	1,999.0
Perkhidmatan kewangan	*-37.8*	*178.7*	*1,376.3*
Insurans	*-0.4*	*-1.7*	*1.4*
Perkhidmatan perniagaan	*210.2*	*-154.9*	*621.3*
Kredit penggunaan	3,458.9	7,255.1	24,376.1
Kegunaan persendirian	*811.3*	*1,289.9*	*3,738.2*
Kad kredit	*155.8*	*155.1*	*467.1*
Pembelian barangan pengguna tahan lama	*-10.5*	*-5.6*	*38.0*
Pembelian kereta penumpang	*2,502.3*	*5,815.8*	*20,132.8*
Pembelian sekuriti	-43.0	42.4	920.3
Pembelian kenderaan pengangkutan	-525.2	25.1	706.6
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	115.2	216.7	635.2
Lain-lain	22.0	-154.4	716.0

a Awalan

jumlah pembiayaan perniagaan secara Islam pada penghujung tahun 2005.

Kualiti Aset

Kualiti aset sektor perbankan Islam terus bertambah baik pada tahun 2005. Nisbah pembiayaan tidak berbayar (NPF) kasar dan bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan pada akhir tahun 2005, masing-masing berada pada tahap 7.7% (2004: 8.1%) dan 4.8% (2004: 5.2%). Nisbah NPF bersih bagi institusi perbankan Islam kekal dalam lingkungan 4.7% hingga 5.3% sepanjang tahun 2005. Perlindungan kerugian pembiayaan kekal tinggi pada paras 58.7% daripada jumlah NPF pada akhir tahun 2005 (2004: 61.6%). Dari segi amaun

Graf 6.2
Sistem Perbankan Islam:
Konsep Pembiayaan Utama pada akhir tahun 2005



sebenar, perlindungan kerugian pembiayaan bertambah kepada RM3.5 bilion pada akhir tahun 2005 daripada RM3.1 bilion pada akhir tahun 2004. Peruntukan am dan peruntukan khas oleh institusi perbankan Islam masing-masing meningkat 16.7% dan 27% pada tahun 2005, manakala pendapatan tergantung berkurang 11.1%. Peruntukan am bagi sektor perbankan Islam kekal pada paras 2.2% daripada jumlah pembiayaan bersih, mencerminkan langkah berhemat institusi perbankan Islam.

Sektor harta tanah secara umum terus mencatat bahagian terbesar sebanyak 60.6% daripada NPF (66.7% pada tahun 2004). NPF yang tinggi dalam sektor itu dicatatkan dalam sektor harta kediaman, yang meningkat RM383.9 juta (21.4%). Paras NPF bagi harta kediaman bertambah daripada 36% pada akhir tahun 2004 kepada 36.3% pada akhir tahun 2005. Selain daripada sektor harta tanah secara umum, terdapat juga pertambahan NPF sebanyak RM258.1 juta dalam pembiayaan untuk pembelian kenderaan pengangkutan.

Mudah Tunai

Terdapat mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan Islam sepanjang tahun 2005. Jumlah deposit mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 15.1% atau RM11 bilion bagi mencapai RM83.9 bilion pada akhir tahun 2005. Bank perdagangan SPI menyumbang kepada bahagian terbesar (51%) daripada jumlah deposit dalam sektor perbankan Islam (54.6% pada tahun 2004), diikuti oleh bank-bank Islam sebanyak 42.5% (28.5% pada tahun 2004). Di kalangan peserta perbankan Islam, bank-bank Islam mencatat kadar pertumbuhan deposit tertinggi sebanyak 71.7% disebabkan terutamanya oleh

Jadual 6.5
Sistem Perbankan Islam: Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Kerugian

	Pada akhir tahun					
	2004			2005*a*		
	Sebenar[1]	Klasifikasi		Sebenar[1]	Klasifikasi	
		3 bulan	6 bulan		3 bulan	6 bulan
	RM juta					
Sistem perbankan Islam						
Jumlah pembiayaan	57,841.3			67,364.6		
Peruntukan am	1,236.5	1,236.1	858.9	1,443.0	1,443.4	1,053.0
Pendapatan tergantung	640.5	661.2	633.8	569.5	582.6	554.6
Peruntukan khas	1,183.2	1,239.4	1,170.6	1,502.5	1,547.2	1,461.6
Pembiayaan tidak berbayar	4,968.2	6,313.4	4,710.5	5,991.8	6,653.1	5,167.3
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[2]	5.6	7.9	5.2	6.0	6.9	4.8
Jumlah peruntukan/pembiayaan tidak berbayar (%)	61.6	49.7	56.5	58.7	53.7	59.4
Bank-bank Islam						
Jumlah pembiayaan	11,423.1			20,627.1		
Peruntukan am	163.4	163.4	163.4	353.0	353.0	353.0
Pendapatan tergantung	204.1	215.3	204.1	278.7	291.8	276.3
Peruntukan khas	468.1	501.7	468.1	626.8	661.5	621.6
Pembiayaan tidak berbayar	1,668.7	2,152.7	1,668.7	2,399.6	2,957.1	2,320.5
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[2]	9.3	13.4	9.3	7.6	10.2	7.2
Jumlah peruntukan/pembiayaan tidak berbayar (%)	50.1	40.9	50.1	52.4	44.2	53.9
Bank perdagangan[3]						
Jumlah pembiayaan	38,802.1			45,398.5		
Peruntukan am	930.6	930.2	553.0	1,056.8	1,057.2	666.8
Pendapatan tergantung	328.3	330.4	321.6	260.2	260.2	247.7
Peruntukan khas	558.0	565.6	545.4	797.0	803.5	761.3
Pembiayaan tidak berbayar	2,800.1	3,411.7	2,542.4	3,422.0	3,445.6	2,676.6
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[2]	5.0	6.6	4.4	5.3	5.4	3.8
Jumlah peruntukan/pembiayaan tidak berbayar (%)	64.9	53.5	55.9	61.8	61.6	62.6
Syarikat kewangan[3]						
Jumlah pembiayaan	6,823.4			1,070.9		
Peruntukan am	129.6	129.6	129.6	26.8	26.8	26.8
Pendapatan tergantung	100.5	107.9	100.5	22.7	22.7	22.7
Peruntukan khas	138.6	153.6	138.6	49.2	52.7	49.2
Pembiayaan tidak berbayar	389.6	639.2	389.6	122.9	203.1	122.9
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[2]	2.3	5.8	2.3	5.1	12.8	5.1
Jumlah peruntukan/pembiayaan tidak berbayar (%)	94.7	61.2	94.7	80.3	50.3	80.3
Bank saudagar[3]						
Jumlah pembiayaan	792.7			268.1		
Peruntukan am	12.9	12.9	12.9	6.4	6.4	6.4
Pendapatan tergantung	7.6	7.6	7.6	7.9	7.9	7.9
Peruntukan khas	18.5	18.5	18.5	29.5	29.5	29.5
Pembiayaan tidak berbayar	109.8	109.8	109.8	47.3	47.3	47.3
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[2]	10.9	10.9	10.9	4.3	4.3	4.3
Jumlah peruntukan/pembiayaan tidak berbayar (%)	35.5	35.5	35.5	92.3	92.3	92.3

[1] Pembiayaan yang diklasifikasikan sebagai pembiayaan tidak berbayar mengikut dasar pengelasan institusi perbankan masing-masing iaitu 3 bulan atau 6 bulan

[2] Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih = (Pembiayaan tidak berbayar selepas ditolak pendapatan tergantung selepas ditolak peruntukan khas) / (Jumlah pembiayaan selepas ditolak pendapatan tergantung selepas ditolak peruntukan khas) x 100%

[3] Merujuk kepada portfolio perbankan Islam bagi institusi perbankan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam dan merupakan subset kepada jumlah yang dilaporkan untuk keseluruhan sistem perbankan bagi bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan

a Awalan

transformasi tiga "jendela Islam" kepada bank Islam, diikuti oleh bank perdagangan SPI yang mencatat pertumbuhan sebanyak 7.5%.

Deposit pelaburan (am dan khas) kekal sebagai penyumbang utama deposit perbankan Islam, mencakupi 53.2% (2004: 57.6%) daripada jumlah keseluruhan deposit perbankan Islam. Namun begitu, deposit pelaburan hanya meningkat 6.2%, sementara deposit tabungan dan permintaan, masing-masing meningkat 12.7% dan 14.5%, disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam bilangan pelanggan runcit dalam perbankan Islam. Dari segi profil kematangan deposit pelaburan am, 96.2% daripada jumlah deposit pelaburan am terus tertumpu pada tempoh matang jangka pendek,

Graf 6.3
Sistem Perbankan Islam:
Nisbah Pembiayaan Tidak Berbayar Bersih[1]



[1] Berdasarkan klasifikasi sebenar

a Awalan

terutamanya antara tempoh matang satu hingga tiga bulan, ekoran peningkatan yang kecil dalam kadar pulangan pelaburan jangka panjang berbanding dengan pulangan kadar pelaburan jangka pendek. Kadar pulangan purata bagi deposit kekal stabil pada tahun 2005.

Nisbah pembiayaan kepada deposit bagi institusi perbankan Islam menunjukkan arah aliran yang menggalakkan. Nisbah ini meningkat daripada 79.4% pada akhir tahun 2004 kepada 80.3% pada akhir tahun 2005, disebabkan kenaikan peratusan yang lebih tinggi dalam jumlah pembiayaan (16.5%) berbanding dengan deposit (15.1%) dalam tempoh tersebut.

Kadar Pulangan

Kadar pulangan yang diagihkan kepada deposit pelaburan am (DPA) *mudharabah* bagi deposit pelbagai tempoh oleh institusi perbankan Islam terus menurun pada tahun 2005. Kadar pulangan purata bagi 1 bulan dalam julat antara 2.40% hingga 2.63% (2004: 2.63% hingga 2.87%) dan DPA 3 bulan dalam julat antara 2.57% hingga 2.76% (2004: 2.73% hingga 2.93%). Arah aliran yang menurun bagi kadar pulangan disebabkan oleh peningkatan yang kecil dalam pendapatan boleh agih bersih bulanan purata, yang tidak seimbang dengan peningkatan dalam DPA bulanan purata yang lebih tinggi. Sepanjang tahun 2005, pendapatan boleh agih purata bersih meningkat RM30 juta, menyumbang kepada peningkatan yang kecil sebanyak 0.01 kali keuntungan perlu dibayar kepada DPA terkumpul meliputi semua tempoh. Walau bagaimanapun, purata DPA terkumpul bulanan meningkat sebanyak 13.6% atau berjumlah RM34.5 bilion pada tahun 2005.

Jumlah urus niaga keseluruhan dalam pembelian dan penjualan langsung instrumen lebih rendah berbanding dengan tahun 2004, terutamanya kerana urus niaga langsung MGS yang lebih rendah, berjumlah RM179.4 bilion pada tahun 2005 (2004: RM193.3 bilion). Ini adalah hasil daripada terbitan bersih MGS oleh Kerajaan yang lebih rendah sebanyak RM12.5 bilion pada tahun 2005,

Graf 9.3
Instrumen Pasaran Wang



iaitu hanya separuh daripada tahun sebelumnya (RM25 bilion pada tahun 2004). Di samping itu, urus niaga langsung dalam pasaran MGS turut dipengaruhi oleh jangkaan terhadap arah kadar faedah. Pada suku terakhir tahun 2005, permintaan telah terjejas oleh ketidaktentuan penawaran MGS. Walaupun aktiviti bukan pemastautin dalam urus niaga MGS meningkat pada tahun 2005, aktiviti mereka hanya memberikan kesan minimum atas jumlah urus niaga dan hasil MGS, kerana permintaan MGS oleh pelabur dalam negeri kekal kukuh. Ini jelas terutamanya pada suku keempat, apabila permintaan yang kukuh oleh pelabur dalam negeri mengurangkan tekanan atas harga MGS untuk berubah dengan ketara akibat jualan oleh pelabur bukan pemastautin.

Pada tahun 2005, permintaan terhadap bon berlandaskan prinsip Islam dalam pasaran langsung terus meningkat. Ini jelas kelihatan pada jumlah urus niaga Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) dan Bon Khazanah yang lebih tinggi, yang masing-masing meningkat kepada RM43.2 bilion dan RM20.0 bilion (2004: masing-masing RM35.9 bilion dan RM17.6 bilion). Pada tahun 2005, GII baru yang berasaskan keuntungan dengan tempoh matang 10 tahun, telah diperkenalkan sebagai instrumen tambahan kepada GII

Graf 9.4
Urus Niaga MGS



Graf 9.5
Kadar Hasil Instrumen Pasaran Wang Jangka Panjang



berasaskan diskaun sedia ada. Terbitan GII yang berasaskan keuntungan bertujuan memenuhi permintaan terhadap sekuriti yang mematuhi Syariah yang semakin meningkat.

Dari segi bon dan nota Cagamas, termasuk kertas Cagamas berlandaskan prinsip Islam, jumlah urus niaga merosot kepada RM18.1 bilion pada tahun 2005 (2004: RM45.1 bilion) disebabkan terutamanya oleh terbitan yang lebih rendah sebanyak RM2.5 bilion pada tahun itu (2004: RM9.3 bilion).

Urus niaga instrumen pasaran wang dengan tempoh matang kurang dari satu tahun adalah bercampur-campur. Pada tahun 2005, deposit sistem perbankan yang lebih tinggi mendorong institusi perbankan untuk meningkatkan pewujudan dan urus niaga Instrument Deposit Boleh Niaga (NID). Sementara itu, jumlah urus niaga Bil Perbendaharaan Malaysia lebih rendah memandangkan jumlah terbitan yang lebih kecil dan kadar hasil yang rendah. Jumlah urus niaga Bil Bank Negara hanya merosot sedikit pada tahun 2005 kepada RM72.8 bilion (2004: RM74.1 bilion), mencerminkan permintaan lebih kukuh oleh pelabur bukan pemastautin.

Graf 9.6
Kadar Hasil Kertas Pasaran Wang & Deposit Jangka Pendek



Sebaliknya, jumlah urus niaga Nota Boleh Niaga Bank Negara (BNNN) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) lebih tinggi, iaitu masing-masing pada RM36.1 bilion dan RM4.5 bilion (2004: masing-masing pada RM21.2 bilion dan RM1.2 bilion). Perkembangan ini mencerminkan sebahagiannya peningkatan dalam penawaran instrumen ini dalam suasana permintaan daripada peserta pasaran wang terhadap aset mudah tunai yang mematuhi Syariah yang semakin bertambah, dan juga daripada jumlah aktiviti urus niaga bukan pemastautin yang ketara.

Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing

Dalam pasaran pertukaran mata wang asing antara bank Kuala Lumpur, jumlah purata harian bagi urus niaga pertukaran mata wang asing antara bank semerta dan swap meningkat 40% pada tahun 2005. Urus niaga semerta meningkat 45%, sementara swap mencatat peningkatan sebanyak 36%. Peningkatan dalam jumlah urus niaga disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan aktiviti perlindungan nilai bagi tujuan perdagangan dan pelaburan, yang timbul akibat volatiliti dalam kadar pertukaran mata wang utama pada tahun itu. Peserta pasaran juga berusaha untuk mengurus pendedahan mereka terhadap risiko mata wang secara aktif, sebelum dan juga selepas peralihan daripada kadar pertukaran tetap ringgit kepada apung terurus ringgit berbanding dengan

Graf 9.7
Jumlah Urus Niaga Antara Bank dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur



Nota: Data dari tahun 2002 dan seterusnya adalah berdasarkan Sistem Pemantauan Operasi Ringgit (ROMS) yang baru, manakala data bagi tahun-tahun sebelumnya adalah berdasarkan urus niaga lapan Peniaga yang Dibenarkan.

Graf 9.8
Urus niaga dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur mengikut Mata Wang



sekumpulan mata wang. Pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur turut mengalami aliran portfolio yang lebih besar pada tahun itu, yang menyumbang kepada peningkatan aktiviti pasaran. Peningkatan jumlah ini lebih ketara dalam tempoh selepas perubahan rejim kadar pertukaran mata wang pada 21 Julai 2005. Oleh itu, jumlah urus niaga lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2005 dan menyumbang kepada 57% daripada jumlah urus niaga pada tahun itu.

Dari segi komposisi, urus niaga dalam pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur terutamanya melibatkan ringgit, yen, euro, dolar Singapura dan paun sterling berbanding dengan dolar AS. Dolar AS terus digunakan sebagai mata wang pilihan dalam penyelesaian urus niaga perdagangan dan akaun modal. Oleh itu, urus niaga dolar AS berbanding dengan ringgit menguasai pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur. Bahagian urus niaga dolar AS - ringgit daripada jumlah urus niaga dalam pasaran pertukaran mata wang asing terus meningkat sebanyak 66% pada tahun 2005 berbanding dengan tahun 2004. Hasilnya, bahagian urus niaga dolar AS - ringgit terus menunjukkan trend meningkat, dan pada tahun 2005 mencakupi sebanyak 93.3% daripada jumlah urus niaga dalam pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur. Berikutan pembebasan tambatan ringgit, bahagian urus niaga dolar AS - ringgit berbanding dengan jumlah urus niaga meningkat daripada 91.8% pada tempoh 1 Januari – 21 Julai 2005 kepada 94.8% pada tempoh 22 Julai – 31 Disember. Sebaliknya, bahagian urus niaga yang melibatkan pasangan mata wang lain berkurangan. Bahagian urus niaga yang melibatkan yen dan euro, masing-masing menurun daripada 8.4% dan 4.2% pada tahun 2004 kepada 3.6% dan 1.7%, pada tahun 2005. Selain itu, terdapat pengurangan dalam urus niaga yang melibatkan dolar Singapura dan paun sterling, masing-masing menurun daripada 2.6% dan 6.3% daripada jumlah urus niaga pada tahun 2004 kepada 0.8% dan 0.6% pada tahun 2005.

Pasaran Ekuiti

Sepanjang tahun 2005, pasaran ekuiti terjejas oleh kebimbangan berkaitan implikasi perkembangan global terutamanya harga minyak yang tinggi terhadap inflasi dalam negeri dan prospek pertumbuhan. Tahun 2005 bermula dengan optimistik apabila Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), yang merupakan tanda aras, mencecah 930.6 mata pada 11 Januari dan merupakan paras tertinggi dalam tempoh empat setengah tahun. Selepas itu, perkembangan seperti kenaikan harga minyak yang berterusan, kadar faedah global yang meningkat, dan kesan langsung perkembangan itu terhadap ekonomi, telah menjejaskan sentimen pasaran. Di samping itu, beberapa perkembangan korporat tempatan terutamanya perolehan yang lebih rendah daripada jangkaan pasaran telah menyebabkan kesan negatif kepada prestasi KLCI pada tahun 2005. Namun begitu, Bursa Malaysia kekal sebagai saluran penting bagi pembiayaan seperti yang ditunjukkan oleh pertambahan dalam bilangan syarikat baru yang memohon untuk disenaraikan.

Prestasi KLCI pada tahun 2005 ketinggalan di belakang indeks utama dunia dan serantau yang lain. KLCI mengakhiri tahun 2005 pada paras 899.79 mata atau penurunan sebanyak 0.8%, berbanding dengan prestasi pada tahun 2004. Permodalan pasaran pula merosot

Graf 9.9
Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), Indeks Papan Kedua, Indeks Komposit Pasaran MESDAQ (MCI) dan Jumlah Urus Niaga Bursa Malaysia



Sumber: Bursa Malaysia

Jadual 9.3
Bursa Malaysia: Prestasi Indeks-Indeks Sektor

	2004	2005
	Perubahan tahunan (%)	
Indeks Komposit Kuala Lumpur	14.3	-0.8
EMAS	9.6	-4.9
Papan Kedua	-21.2	-27.4
Indeks Komposit MESDAQ	-19.3	-29.1
Perladangan	9.4	15.8
Perusahaan	10.9	3.8
Perdagangan/Perkhidmatan	14.3	-1.7
Kewangan	15.3	-3.5
Barangan pengguna	7.3	-5.0
Syariah	8.9	-5.0
Barangan perusahaan	4.6	-12.3
Perlombongan	6.7	-12.8
Pembinaan	-8.9	-25.9
Harta benda	-4.5	-26.8
Teknologi	-28.5	-37.8

Sumber: Bursa Malaysia

3.7% kepada RM695.27 bilion. Aktiviti pasaran kurang cergas, dengan urus niaga pasaran tahunan berjumlah 102.3 bilion unit, bernilai RM177.1 bilion (2004: 108 bilion unit; RM216.7 bilion). Mudah tunai pasaran, dalam bentuk urus niaga harian purata, menurun kepada 414 juta unit (2004: 435 juta unit).

Jadual 9.4
Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih

	2004	2005
Indeks Harga:		
Komposit	907.43	899.79
EMAS	214.26	203.85
Papan Kedua	110.87	80.44
MESDAQ	122.84	87.09
Jumlah Urus Niaga:		
Jumlah (bilion unit)	108.0	102.3
Nilai (RM bilion)	216.7	177.1
Urus Niaga Harian Purata:		
Jumlah (juta unit)	435.5	414.3
Nilai (RM juta)	873.7	716.9
Permodalan Pasaran (RM bilion)	722.0	695.3
Permodalan Pasaran / KDNK (%)	160.6	140.6
Jumlah Syarikat yang Disenaraikan:	963	1,021
Papan Utama	622	646
Papan Kedua	278	268
MESDAQ	63	107
Mudah Tunai Pasaran:		
Nilai Urus Niaga / Permodalan Pasaran Purata (%)	31.9	25.2
Jumlah Urus Niaga / Bilangan Sekuriti yang Disenaraikan (%)	36.4	31.4
Penumpuan Pasaran:		
*10 Saham dengan Nilai Permodalan Tertinggi / Permodalan Pasaran (%)	34.4	36.1
Modal Berbayar Purata Syarikat Broker Saham (RM juta)	167.0	152.5

* Mengikut urus niaga pasaran sahaja.

Sumber: Bursa Malaysia

Prestasi kewangan syarikat awam tersenarai (PLC) yang lebih lemah menjejaskan sentimen pasaran. Berdasarkan sampel sebanyak 351 syarikat bukan kewangan yang tersenarai (mewakili hampir 84.4% daripada jumlah permodalan pasaran Bursa Malaysia), prestasi PLC Malaysia merosot pada tahun 2005. Penurunan keuntungan bersih kumulatif sebanyak 10.5% dicatat pada tiga suku pertama tahun 2005, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2004. Pulangan atas ekuiti bagi sampel ini pada asas tahunan juga menurun kepada 8.3% pada suku ketiga tahun 2005 (S3 2004: 9.7%) terutamanya disebabkan oleh penurunan margin keuntungan operasi kepada 11.8% (S3 2004:13.4%). Perolehan korporat yang lebih rendah khususnya ketara dalam sektor pembinaan, harta tanah, perkilangan dan pertanian. Permintaan global yang lebih rendah terhadap keluaran elektrik dan elektronik, serta persaingan yang meningkat telah menyumbang dengan ketara kepada angka-angka yang lebih rendah yang dilaporkan.

Terdapat sedikit penurunan dalam keupayaan membayar khidmat hutang. Nisbah perlindungan faedah pada suku ketiga tahun 2005 ialah 3.93 kali (2004:4.69 kali). Langkah sektor korporat menghapuskan hutang lama dan mengambil kesempatan kadar baru dengan pembiayaan hutang baru menyebabkan nisbah hutang kepada ekuiti pada tempoh yang sama menurun sedikit kepada 0.60 kali (2004: 0.63 kali). Oleh itu, paras keberhutangan sektor korporat masih boleh ditampung kerana nisbah hutang kepada ekuiti pada suku ketiga tahun 2005 bertambah baik sedikit daripada nisbah purata 0.61 selepas Krisis.

Graf 9.10
Prestasi Indeks Pasaran Saham Terpilih (% perubahan dari akhir tahun 2004 ke akhir tahun 2005)



Sumber: Bursa Malaysia

Meskipun prestasinya lembap, Bursa Malaysia kekal sebagai sumber penting pembiayaan ekuiti sektor korporat di Malaysia, terutamanya syarikat bersaiz kecil dan sederhana. Sebanyak 79 syarikat memohon untuk disenaraikan dalam pasaran ekuiti Malaysia, bilangan paling tinggi sejak tahun 1998.

Dari segi jumlah bilangan penyenaraian baru, pasaran ekuiti Malaysia kekal sebagai sumber modal penting bagi sektor korporat di Malaysia pada tahun 2005. Bursa Malaysia menarik 79 Tawaran Awam Awal (IPO), iaitu bilangan penyenaraian tertinggi sejak tahun 1998. Penyenaraian baru di Papan Utama kekal teguh dengan peningkatan tahunan sebanyak 6.7% (2004:-6.7%), manakala penyenaraian baru di Papan Kedua menurun 34.6% (2004:+18.2%). Semenjak beberapa tahun yang lalu, lebih banyak syarikat bermodal kecil dan sederhana mendapatkan pembiayaan daripada Bursa Malaysia. Pada tahun 2005, lebih sedikit daripada satu pertiga jumlah IPO telah ditawarkan oleh syarikat daripada sektor teknologi. Pasaran MESDAQ kekal berkesan sebagai platform kepada syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi untuk mendapatkan pembiayaan dan pelabur baru. IPO dalam sektor perdagangan/perkhidmatan dan produk perindustrian masing-masing mencakupi 22.8% dan 24.1% daripada jumlah saham baru yang disenaraikan pada tahun 2005. Sungguhpun IPO terdiri terutamanya daripada syarikat bermodal kecil dan sederhana, tujuh syarikat besar dan dana besar memohon penyenaraian di Bursa Malaysia. Pada akhir tahun 2005, jumlah bilangan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia ialah 1,021 (2004: 963).

Sungguhpun jumlah bilangan IPO meningkat pada tahun 2005 pada asas tahunan, jumlah dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti menurun sedikit, iaitu sebanyak 3.1% kepada RM6.3 bilion, berbanding dengan RM6.5 bilion pada tahun 2004. Seperti pada tahun-tahun yang lepas, sebahagian besar daripada dana diperoleh melalui IPO dan berjumlah RM5.3 bilion, manakala terbitan hak berjumlah RM1 billion (2004: masing-masing RM4 bilion

Graf 9.11: Prestasi Indeks Komposit Kuala Lumpur pada Tahun 2005



Graf 9.12
Bursa Malaysia:
Jumlah Penyenaraian Baru



Sumber: Bursa Malaysia

Graf 9.13
Dana Bersih yang Diperoleh oleh Sektor Swasta daripada Pasaran Modal



dan RM1.5 bilion). Kebanyakan daripada IPO telah terlebih langganan. Ini menunjukkan minat pelabur terhadap penyenaraian baru masih lagi tinggi. Sebanyak 39.5% daripada dana yang diperoleh melalui IPO adalah daripada sektor produk perindustrian. Sektor harta tanah dan kewangan masing-masing meraih sebanyak 24.7% dan 20.6% daripada dana yang diperoleh. Dana bersih yang diperoleh di pasaran ekuiti mencakupi kira-kira 24.4% daripada jumlah dana bersih yang diperoleh sektor swasta di pasaran modal pada tahun 2005 (2004: 40.5%).

Seiring dengan usaha berterusan untuk mempertingkatkan kepelbagaian dan inovasi produk dalam sistem kewangan Malaysia, tahun 2005 menyaksikan peluasan pasaran ekuiti Malaysia dari segi produk baru. Berikutan kejayaan Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) di negara serantau lain dan usaha Kerajaan untuk mempercepat pembangunan instrumen pelaburan sedemikian, Garis Panduan REIT dikeluarkan pada bulan Januari 2005. Pada tahun 2005, tiga REIT disenaraikan di Bursa Malaysia. Berikutan pengeluaran Garis Panduan Dana Didagangkan di Bursa (ETF) pada bulan Jun, ETF yang pertama, iaitu Dana Indeks Bon Malaysia ABF, disenaraikan di Bursa Malaysia pada bulan Julai 2005.

Pada tahun 2005, inisiatif dan langkah baru yang diperkenalkan bagi pasaran ekuiti bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan, mudah tunai dan integriti pasaran. Ringkasan mengenai langkah-langkah yang diperkenalkan pada tahun 2005 terkandung dalam rencana **Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada Tahun 2005.**

Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada Tahun 2005

Langkah pasaran modal yang diperkenalkan pada tahun 2005 tertumpu pada pengukuhan lebih lanjut pasaran modal dengan meningkatkan mudah tunai, kecekapan, pengurusan risiko, integriti, di samping menggalakkan dan mempercepat pertumbuhan pasaran modal berlandaskan Islam. Langkah-langkah utama yang diperkenalkan pada tahun 2005 diringkaskan seperti yang berikut:

Meningkatkan Mudah Tunai dalam Pasaran Bon Ringgit

- Pada 7 Januari, Bank Negara Malaysia memperkenalkan beberapa langkah untuk terus meningkatkan kecekapan pasaran bon domestik dengan menambah mudah tunai dalam pasaran bon dan memperbaiki proses penentuan harga. Langkah-langkah tersebut ialah:
  i. **Perjanjian pembelian balik (repo) akan giat digunakan sebagai instrumen monetari** untuk mengurus mudah tunai dalam sistem perbankan.
  ii. Bank Negara Malaysia melalui ***Institutional Securities Custodian Programme (ISCAP)***, akan meminjam sekuriti, terutamanya Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) daripada pelabur institusi utama untuk melaksanakan operasi repo.
  iii. **Kemudahan pinjaman sekuriti untuk peniaga utama** telah dipertingkatkan untuk memudahkan aktiviti penggerakan pasaran.

- Pada 31 Mac, **bon dalam denominasi ringgit yang diterbitkan oleh Bank Pembangunan Pelbagai Hala dan Institusi Kewangan Pelbagai Hala telah dimasukkan sebagai sekuriti layak** untuk diniagakan dalam operasi repo dengan Bank Negara Malaysia.

Peningkatan Alat Pengurusan Risiko dalam Pasaran Bon

- Dengan pengumuman liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing oleh Bank Negara Malaysia pada 1 April, **pemastautin dan bukan pemastautin dibenarkan memasuki pengaturan lindung nilai** dengan bank berlesen tempatan untuk aliran keluar dan masuk dana terikat.
- Pada 7 Oktober, Bank Negara Malaysia mengeluarkan **Garis Panduan Jualan Singkat Sekuriti Terkawal**. Rangka kerja jualan singkat terkawal untuk MGS dalam pasaran borong telah diberikan kepada peniaga utama, peserta antara bank dan broker universal.

Pemansuhan Sekatan Penggunaan Perolehan daripada Terbitan Bon

- Berkuat kuasa 28 Mac, **Senarai Negatif Jawatankuasa Pasaran Bon Kebangsaan telah dimansuhkan** dan sekatan yang dikenakan terhadap penggunaan perolehan daripada terbitan bon telah ditarik balik. Walau bagaimanapun, sekatan yang dikenakan oleh Garis Panduan Kawalan Pertukaran terhadap Sekuriti Hutang Swasta untuk Pengatur Utama dikekalkan.

Pembangunan Infrastruktur dan Sistem Maklumat Lebih Baik untuk Pasaran Bon

- Pada 4 Julai, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan versi baru **Sistem Terbitan/Penawaran Automatik Sepenuhnya (FAST)**. Versi baru itu dibangunkan sebagai aplikasi berasaskan web yang tersedia untuk ahli FAST dan juga orang ramai. Versi baru itu juga menyediakan kawalan lebih baik di samping kefleksibelan lebih tinggi dalam melaksanakan aktiviti pasaran utama.
- Sejak 25 Julai, **maklumat tentang hasil indikatif hingga kematangan sekuriti Kerajaan (konvensional dan berlandaskan Islam) telah diterbitkan secara harian** untuk memberikan maklumat tentang nilai pasaran sekuriti Kerajaan kepada peserta pasaran.
- Pada 5 Disember, Suruhanjaya Sekuriti (SC) **membenarkan kumpulan pelabur yang lebih besar untuk mengakses pangkalan data Memoranda Maklumat dan Surat Ikatan Amanah terbitan bon dalam denominasi ringgit**, yang dapat membantu pelabur membuat keputusan pelaburan berpandukan maklumat. Sebelum ini, pangkalan data tersebut hanya untuk pelanggan utama bon.

Menggalakkan Pembangunan Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT)

- Pada 3 Januari, SC mengeluarkan **Garis Panduan REIT** dalam usaha mempercepat pertumbuhan pasaran modal dan mewujudkan industri REIT yang mantap dan kompetitif di Malaysia. Ciri utama termasuk melonggarkan sekatan terhadap REIT bagi urus niaga yang berikut:
  - Had peminjaman;
  - Pemerolehan harta tanah pegangan pajak; dan
  - Pemerolehan harta tanah yang dibebani caj kewangan.

- Untuk menggalakkan pembangunan REIT atau Dana Amanah Harta (PTF), REIT atau PTF yang diluluskan oleh SC diberi peruntukan cukai berikut:
  - Pendapatan tercukai yang diagihkan kepada pemegang unit dikecualikan daripada cukai pendapatan; dan
  - Pendapatan terkumpul yang telah dikenakan cukai dan seterusnya diagihkan adalah layak untuk kredit cukai oleh pemegang unit.

Menggalakkan Pertumbuhan Pasaran Modal Berlandaskan Islam

- Pada 21 November, SC telah mengeluarkan **Garis Panduan REIT Berlandaskan Islam** untuk memudahkan lagi pembangunan produk baru pasaran modal berlandaskan Islam dan dengan demikian menjadikan Malaysia sebagai negara pertama dalam sektor kewangan global yang berlandaskan Islam yang mengeluarkan garis panduan sedemikian. Garis panduan ini dijangka berperanan sebagai tanda aras global bagi pembangunan REIT berlandaskan Islam.

- Satu **Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) berasaskan keuntungan yang baru** telah diperkenalkan sebagai instrumen tambahan kepada GII berasaskan diskaun sedia ada. GII berasaskan keuntungan itu akan diterbitkan pada tara melalui konsep Islam *bai' bithaman ajil* dan akan mempunyai unsur keuntungan dan dibayar setiap setengah tahun sehingga tempoh matang. Instrumen ini sedia untuk menjadi tanda aras baru kepada terbitan bon jangka panjang berlandaskan Islam dan seterusnya menggalakkan mudah tunai pasaran.

Meningkatkan Mudah Tunai dalam Produk Bursa Dagangan

- Pada 28 Jun, SC telah menyiarkan garis panduan untuk memudahkan **pengenalan Dana Dagangan Bursa**, iaitu dana pelaburan terbuka yang menjejak indeks tertentu, dalam usaha mewujudkan mudah tunai lebih besar dalam pasaran ekuiti.
- Pada 28 Oktober, SC menerbitkan **Garis Panduan tambahan untuk memudahkan terbitan waran berstruktur** bertujuan untuk membangunkan pasaran derivatif ekuiti, menambah dengan lebih besar mudah tunai pasaran dan memelihara keutuhan pasaran. Selain itu, SC juga membenarkan **pengenalan Struktur Berkaitan Ekuiti Bull**, iaitu satu instrumen perolehan pelaburan yang berkait dengan saham terpilih, yang menyediakan pulangan kepada pelabur bergantung pada harga penutup saham asas sewaktu matang.

Menggalakkan Kualiti Syarikat MESDAQ

- Untuk menggalakkan kualiti dan kebolehlaburan syarikat MESDAQ, **garis panduan baru Pasaran MESDAQ mengenai keperluan kemasukan** telah dikeluarkan pada 29 November. Fokus garis panduan ini adalah untuk memastikan syarikat-syarikat yang hendak disenaraikan terdiri daripada syarikat yang berkualiti tinggi, menggalakkan kecekapan dan keberkesanan proses penemuan harga, meningkatkan kaedah pengagihan sekuriti dan meningkatkan tadbir urus korporat.

Liberalisasi Keperluan Akaun Sistem Depositori Pusat (CDS)

- Berkuat kuasa 21 Oktober, SC telah mengumumkan **liberalisasi keperluan akaun CDS** bagi membolehkan kumpulan individu lebih besar untuk memegang sekuriti bagi pihak orang lain.

Lebih Fleksibiliti Diberikan kepada Broker Saham yang Bergabung

- **Syarikat broker saham yang telah melaksanakan penggabungan 1+1 dibenarkan menjalankan kegiatan perniagaan tambahan**, seperti yang berikut:
  - Dibenar menjalankan pelbagai khidmat nasihat korporat, menurut kriteria tertentu, seperti mempunyai dana pemegang saham sekurang-kurangnya RM100 juta;
  - Dibenarkan menjalankan aktiviti broker hadapan dalam lingkungan entiti broker saham; dan
  - Dibenarkan membuka cawangan tanpa sekatan mulai tahun 2006.

Meningkatkan Perlindungan Pelabur

- Pada 15 Mac, SC memperkenalkan pematuhan **garis panduan bagi pengurus dana untuk terus mengukuhkan tahap perlindungan pelabur**, yang menghendaki pengurus dana berpegang teguh pada amalan terbaik bagi operasi berikut:
  - Perdagangan dan pengurusan portfolio;
  - Memenuhi kewajipan 'kenali pelanggan anda';
  - Pelaksanaan peranan dan tanggungjawab yang lebih wajar bagi Lembaga Pengarah dan Pegawai Pematuhan;
  - Memelihara aset pelanggan; dan
  - Mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001.

Liberalisasi Seterusnya dalam Pasaran Modal

- Pada 15 September, SC telah memperkenalkan beberapa langkah untuk memudahkan mempelbagaikan pelaburan oleh pelabur domestik dan meningkatkan lagi kecekapan pasaran modal Malaysia. Langkah-langkah ini termasuk:

i. Rangka kerja mengenai pelaburan dalam sekuriti asing telah disemak untuk **membolehkan para pelabur melabur dalam sekuriti asing yang tersenarai di bursa asing yang diiktiraf;**
ii. Peraturan mengenai perdagangan pasaran sekunder bon bukan ringgit telah dilonggarkan untuk membolehkan 'pelabur sofistikated' (iaitu bank perdagangan, bank-bank Islam, broker universal atau broker tergabung) **melaksanakan dagangan sekunder bon bukan ringgit tanpa perlu mendapat kelulusan daripada SC;**
iii. Rangka kerja untuk tawaran utama bon bukan ringgit telah disemak untuk memberi **fleksibiliti bagi terbitan bon dalam mata wang asing kepada 'pelabur sofistikated'**; dan
iv. **Tawaran saham asing di Malaysia** dibenarkan tertakluk kepada kelulusan SC.

Langkah-langkah di atas melengkapkan liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing oleh Bank Negara Malaysia pada 1 April.

Meningkatkan Kecekapan melalui Kaedah Elektronik

- Pada 17 Februari, SC telah melancarkan **Sistem Permohonan Pelesenan Elektronik** untuk memudahkan penyerahan dan pengambilan maklumat dalam talian antara SC dengan peserta pasaran. Usaha ini telah disusuli oleh pengenalan **Sistem Penjejak Pendidikan Profesional Berterusan** pada 25 Februari.
- Pada 28 April, SC mengeluarkan **garis panduan nota kontrak elektronik** dalam usaha menyediakan perkhidmatan nilai ditambah kepada para pelabur.

Memudahkan Pembangunan Sektor Korporat

- Untuk memudahkan lagi pelaksanaan cadangan korporat yang memerlukan kelulusan SC dengan lebih cepat (seperti pembelian balik saham, penggabungan dan pelaksanaan, dan sebagainya), semua prospektus yang diterima oleh SC akan **dikaji semula berdasarkan pasca penelitian** mulai 3 Oktober. Justeru, syarikat-syarikat boleh menerbitkan prospektus dalam tempoh dua minggu setelah mengemukakannya kepada SC. Selain itu, untuk mengurangkan masa memasuki pasaran, syarikat yang terlibat dalam pengambilalihan dikehendaki menerbitkan dokumen tawaran yang mengandungi syarat terperinci dalam tempoh 21 hari dari tarikh notis pengambilalihan, berbanding dengan 35 hari sebelum ini.
- Untuk menggalakkan syarikat awam tersenarai berkembang dan bersaing secara global, **pengecualian diberi atas duti stem dan cukai untung harta tanah bagi penggabungan dan pengambilalihan (M&A)** yang dilaksanakan oleh syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Pengecualian ini diberi kepada M&A yang diluluskan oleh SC dari 1 Oktober 2005 hingga 31 Disember 2007. M&A sedemikian perlu disempurnakan tidak lewat dari 31 Disember 2008.

Menyediakan Rangka Kerja yang Memudahkan untuk Kelulusan Instrumen Deposit Boleh Niaga

- SC telah menerbitkan Nota Amalan 3 bagi Garis Panduan Sekuriti Hutang Swasta (PDS) dan Nota Amalan 3 bagi Garis Panduan Sekuriti Berlandaskan Islam (IS) masing-masing pada 6 April dan 12 Disember, untuk menyediakan **rangka kerja yang memudahkan kelulusan instrumen deposit boleh niaga (NID) dan NID Berlandaskan Islam** dengan tempoh pemegangan lebih dari lima tahun. Garis Panduan PDS dan Garis Panduan IS tidak lagi menentukan proses kelulusan untuk penerbitan NID dan NID Berlandaskan Islam oleh institusi berlesen atau bank-bank Islam. Rangka kerja baru itu akan mempercepatkan proses kelulusan.

Pasaran Bon

Pasaran bon terus menjadi sumber dana yang penting dan menggembleng dana bersih sebanyak RM35.4 bilion pada tahun 2005 (2004: RM36.2 bilion). Berikutan itu, saiz pasaran bon ringgit meningkat 9.5%, dengan jumlah bon terkumpul sebanyak RM397.6 bilion (80.4% daripada KDNK) pada akhir tahun 2005. Yang penting ialah nilai terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) sebanyak RM19.6 bilion pada tahun 2005 merupakan jumlah terbitan tertinggi sejak tahun 2000. Dengan itu, PDS mencakupi bahagian lebih besar daripada jumlah dana bersih yang diperoleh, iaitu 55.3% (2004: 26.3%).

Konsolidasi fiskal Kerajaan Persekutuan telah menyebabkan jumlah dana yang diperoleh yang lebih rendah sebanyak RM13.5 bilion (2004: RM26.4 bilion). Kerajaan Persekutuan menerbitkan dan membuka semula 13 terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan dua Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII). Lelongan sekuriti Kerajaan dirancang dengan penuh teliti untuk memastikan pasaran dapat berfungsi dengan lancar dan

Jadual 9.5
Dana yang Diperoleh Daripada Pasaran Bon

	2004	2005*a*
	RM juta	
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan (kasar)	43,173	28,276
Tolak Penebusan	18,200	15,800
Bersamaan Penerimaan Bersih Persekutuan	24,973	12,476
Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih)	1,423	1,000
Bon Khazanah (bersih)	-1,198	833
Bon Simpanan Malaysia (bersih)	1,474	1,516
Dana Bersih yang Diperoleh	**26,671**	**15,825**
Oleh Sektor Swasta		
Sekuriti Hutang Swasta (kasar)	36,340	38,196
Bon Biasa	4,313	3,869
Bon dengan Waran	60	0
Bon Boleh Tukar	4,301	3,745
Bon berasaskan Prinsip Islam	9,104	9,537
Bon yang Disokong Aset	2,958	6,210
Nota Jangka Pertengahan	7,315	12,296
Bon Cagamas	8,290	2,540
Tolak Penebusan	26,814	18,617
Sekuriti Hutang Swasta	19,648	13,432
Bon Cagamas	7,166	5,185
Dana Bersih yang Diperoleh	**9,526**	**19,579**
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Bon	**36,197**	**35,404**
Sekuriti Hutang Swasta, tidak termasuk Cagamas (kasar)	*28,050*	*35,656*
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Bon, tidak termasuk Cagamas	*8,402*	*22,224*
Terbitan Bersih Sekuriti Jangka Pendek, Kertas Perdagangan[1]	-3,208	1,579
Jumlah	**32,990**	**36,982**

[1] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan.
a Awalan

Graf 9.14
Jumlah Bon Terkumpul



Graf 9.15
Penggunaan Dana yang Diperoleh[1]



[1] Tidak termasuk Cagamas

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran bon oleh sektor swasta meningkat, didorong kadar hasil semasa yang rendah.

kos pembiayaan Kerajaan dapat dikurangkan. Pada tahun 2005, Kerajaan meneruskan usaha untuk memanjangkan tempoh keluk kadar hasil tanda aras melalui terbitan sulung MGS bertempoh matang 20 tahun. Tempoh matang GII turut dilanjutkan kepada 10 tahun daripada 7 tahun, untuk membina keluk kadar hasil tanda aras secara Islam, iaitu komponen kritikal untuk pembangunan pasaran bon Islam. Di samping itu, Kerajaan juga memperkenalkan GII baru berasaskan keuntungan yang berlandaskan konsep *bai' bithaman ajil*, sebagai instrumen tambahan kepada GII berasaskan diskaun yang sedia ada. GII baru ini sedia untuk dijadikan tanda aras baru bagi penerbitan bon Islam jangka panjang dan seterusnya akan meningkatkan mudah tunai pasaran bagi instrumen berlandaskan Islam. Sementara itu, Bank Negara Malaysia terus menerbitkan Bon Simpanan Merdeka secara suku tahunan lantas menyediakan instrumen pelaburan tambahan kepada warga emas, pesara Angkatan Tentera Malaysia dan warganegara Malaysia yang bersara atas sebab kesihatan. Dengan mengambil kira terbitan bon Khazanah, sektor awam memperoleh dana sebanyak RM15.8 bilion (2004: RM26.7 bilion).

Dalam sektor swasta, syarikat menambah terbitan PDS bagi meraih manfaat daripada keluk kadar hasil jangka panjang yang semakin mendatar dan menurun dalam persekitaran mudah tunai yang mencukupi dan permintaan pelabur yang tinggi terhadap sekuriti jangka

Jadual 9.6
Terbitan Baru Sekuriti Hutang Swasta mengikut Sektor[1]

Sektor	2004		2005[a]	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Pertanian, perhutanan dan perikanan	0.0	0.0	892.8	2.5
Perlombongan dan kuari	0.0	0.0	630.0	1.8
Perkilangan	3,264.5	11.6	2,796.3	7.8
Pembinaan	8,844.9	31.5	6,356.1	17.8
Bekalan elektrik, gas dan air	7,840.2	28.0	6,976.2	19.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	796.0	2.8	2,623.3	7.4
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	4,767.8	17.0	13,122.7	36.8
Kerajaan dan lain-lain	1,315.4	4.7	1,126.7	3.2
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	1,221.1	4.4	1,132.0	3.2
Jumlah	**28,049.9**	**100.0**	**35,656.1**	**100.0**

[1] Tidak termasuk Cagamas.
a Awalan

panjang. Pengukuhan pertumbuhan ekonomi yang diterajui sektor swasta telah menyumbang kepada pengembangan pasaran PDS. Pada akhir tahun 2005, pasaran PDS mencakupi 24% daripada jumlah pembiayaan hutang kepada sektor swasta lantas melengkapi sistem perbankan dalam menawarkan peluang kepada syarikat untuk menyusun kedudukan kewangan mereka supaya sejajar dengan keperluan perniagaan mereka.

Terbitan PDS dibuat oleh 95 syarikat dan secara keseluruhan, syarikat-syarikat tersebut memperoleh sebanyak RM35.7 bilion dana kasar (2004: RM28 bilion), sementara Cagamas Berhad pula memperoleh RM2.5 bilion (2004: RM8.3 bilion). Sama seperti trend pada tahun 2004, terbitan PDS yang sebahagian besarnya adalah untuk membiayai aktiviti perniagaan baru, mencakupi 49.5% daripada jumlah terbitan, diikuti pembiayaan semula hutang sedia ada. Sementara itu, bon yang diterbitkan oleh Cagamas Berhad berkurang dengan ketara disebabkan oleh mudah tunai dalam sistem perbankan yang mencukupi. Setelah mengambil kira penebusan pada tahun 2005, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM19.6 bilion, jumlah tertinggi sejak tahun 2000. Tanpa mengambil kira bon Cagamas, terbitan PDS bersih berjumlah RM22.2 bilion, jumlah tertinggi pernah dicatat oleh pasaran PDS.

Syarikat dalam sektor kewangan, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan merupakan para penerbit utama, diikuti syarikat dalam sektor utiliti dan pembinaan dengan masing-masing menyumbang 36.8%, 19.6% dan 17.8% daripada jumlah PDS yang diterbitkan. Terbitan yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan perniagaan sebahagiannya mencerminkan terbitan sekuriti baru bersandarkan aset (ABS) daripada institusi kewangan dan sekuriti bersandarkan gadaijanji kediaman yang diterbitkan Cagamas MBS Berhad. Dalam sektor utiliti

Graf 9.16
Terbitan PDS mengikut Tempoh Matang (tidak termasuk Cagamas)



Graf 9.17
Terbitan PDS mengikut Jenis Instrumen (tidak termasuk Cagamas)



dan pembinaan, penerbit utama ialah syarikat yang terbabit dalam projek air dan penjana kuasa bebas, yang terus mendapatkan pembiayaan daripada pasaran modal untuk membiayai keperluan pembiayaan jangka panjang mereka.

Pada tahun 2005, profil tempoh matang pasaran PDS bertambah luas dengan terbitan bon bertempoh matang 33 tahun oleh sebuah syarikat yang terlibat dalam projek infrastruktur. Tempoh matang PDS yang diterbitkan pada tahun 2005 juga berubah kepada melebihi 10 tahun, mencerminkan keputusan penerbit untuk menutup urusan pada kadar hasil semasa yang rendah serta melindung nilai daripada kemungkinan kenaikan kadar faedah pada masa hadapan. Sebahagian besar penerbit ialah syarikat yang terlibat dalam projek penjanaan kuasa dan infrastruktur yang mempunyai tempoh pembinaan yang panjang, dan dengan itu mendapat manfaat daripada pembiayaan jangka panjang yang berpadanan dengan unjuran aliran tunainya. Peratusan sekuriti jangka pendek hingga sederhana dengan tempoh matang antara satu dengan lima tahun, menurun kepada 34.5%, berbanding dengan 45.6% pada tahun 2004. Sementara itu, Cagamas MBS melanjutkan tempoh Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman (RMBS) Islam kepada 20 tahun, justeru memanjangkan keluk hasil tanda aras bagi kelas aset ABS dan membolehkan peserta pasaran meletakkan harga bon dengan tempoh matang yang lebih kurang sama.

Dari segi jenis instrumen, sekuriti Islam (termasuk Nota Jangka Sederhana Islam) kekal sebagai instrumen pembiayaan sekuriti hutang yang paling digemari, dan menyumbang lebih sedikit daripada separuh kepada jumlah terbitan PDS. Perlaksanaan insentif cukai bagi produk Islam di samping langkah yang diambil sejak tahun 2004 untuk membangunkan pasaran modal Islam yang lebih inovatif dan sofistikated telah menghasilkan lebih banyak terbitan produk Islam pada tahun 2005. Satu lagi perkembangan yang menggalakkan ialah terbitan sekuriti hutang Islam bersandarkan kutipan cukai taksiran harta oleh satu pihak berkuasa tempatan. Bon ini diterbitkan berlandaskan konsep *mudharabah* (perkongsian keuntungan), yang sebelum ini tidak digunakan secara meluas. Terbitan bon ini mempromosikan skop dan kedalaman pasaran bon Islam. Pada tahun 2005, Cagamas MBS Berhad menerbitkan Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman (RMBS) Islam yang pertama.

Dalam persekitaran lebihan mudah tunai yang berterusan dalam sistem kewangan, bon yang diterbitkan oleh Cagamas Berhad berkurang, dengan 12 terbitan sekuriti hutang (termasuk dua proses pembukaan semula) berjumlah RM2.5 bilion (2004: 18 terbitan berjumlah RM9.3 bilion). Daripada 12 terbitan itu, tujuh diterbitkan dalam bentuk bon kadar tetap, manakala selebihnya dalam bentuk sekuriti berlandaskan Islam. Sekuriti Islam Cagamas yang sebelum ini dikenali sebagai Sanadat Cagamas, kini dinamakan semula sebagai Cagamas BAIS (*bai' bithaman ajil* Islamic Securities).

Dalam pasaran pensekuritian, Cagamas MBS Berhad menerbitkan dua terbitan Sekuriti Bersandarkan Gadaijanji Kediaman (RMBS), yang disokong oleh pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan pada bulan Ogos dan Disember. Terbitan pertama melibatkan RM2.05 bilion

Graf 9.18
Jumlah Terkumpul Sekuriti yang Disokong Aset: Jenis Aset Asas (Pada akhir Disember 2005)



Graf 9.19
Pengagihan Penarafan Sekuriti Hutang Swasta Terkumpul (Pada akhir Disember 2005)



Sumber: RAM dan MARC

RMBS Islam berdasarkan prinsip *musyarakah*, sementara terbitan kedua pula melibatkan RM2.06 bilion RMBS konvensional. Bon berlandaskan prinsip *musyarakah* Islam merupakan RMBS Islam yang pertama diberi taraf di dunia. Di samping itu, enam sekuriti yang disokong oleh aset (ABS) (termasuk ABS MTN) diterbitkan pada tahun 2005 disokong oleh aset asas seperti perolehan penerimaan sewa-beli, tanah dan perolehan penerimaan lain. Secara keseluruhan, terbitan baru sekuriti ABS bernilai RM7 bilion dan mencakupi 19.6% daripada jumlah kasar PDS yang diterbitkan pada tahun 2005.

Aktiviti penarafan pada tahun 2005 terus pesat dengan 156 terbitan baru PDS jangka panjang bernilai RM42.3 bilion diberi penarafan oleh Rating Agency Malaysia (RAM) dan Malaysia Rating Corporation Berhad (MARC). Terbitan jangka panjang mencakupi 79% daripada jumlah nilai kasar yang diberi penarafan. Dari segi kelas penarafan, kebanyakan PDS dikelaskan dalam kategori AAA, AA dan A . Sepanjang tahun 2005, 330 penarafan atas sekuriti hutang jangka panjang dikaji semula oleh kedua-dua agensi, dengan 276 disahkan semula, 31 dinaikkan taraf dan 23 diturunkan taraf. Berbanding dengan tahun 2004, bahagian yang dinaik taraf meningkat daripada 7.2% kepada 9.5% daripada jumlah kajian semula, sementara peratusan penurunan taraf juga lebih tinggi pada 7% daripada jumlah kajian semula, berbanding dengan 3% pada tahun 2004.

Keluk kadar hasil bon ringgit mendatar dengan agak ketara sepanjang tiga suku pertama tahun 2005, mencerminkan fenomena pendataran serupa yang dialami di seluruh dunia. Sepanjang tempoh itu, keluk kadar hasil bagi MGS jangka pendek secara relatif kekal mantap, namun keluk kadar hasil bagi MGS 10 tahun turun 78 mata asas, didorong keadaan mudah tunai yang mencukupi, di samping permintaan yang tinggi terhadap bon dalam keadaan terbitan MGS yang lebih rendah. Kadar hasil yang berkurang juga disebabkan oleh jumlah aliran modal asing ke dalam aset ringgit yang semakin meningkat memandangkan pelabur mencari pulangan yang lebih tinggi. Suasana dalam pasaran sekunder juga dipengaruhi kebimbangan berhubung impak kenaikan harga minyak atas inflasi dan prospek ekonomi. Keluk kadar hasil kekal stabil setelah pemansuhan tambatan ringgit pada bulan Julai, berikutan permintaan terhadap bon jangka panjang yang kekal tinggi dan ketahanan yang dibuktikan oleh pasaran terhadap aliran keluar modal.

Menjelang awal bulan September, keluk kadar hasil sekuriti jangka pendek meningkat, jelas menunjukkan bahawa pasaran mula mengambil kira prospek kenaikan kadar faedah. Ini berikutan tanda-tanda bahawa aktiviti ekonomi bertambah baik dan kadar inflasi semakin tinggi. Namun begitu, para pelabur mengambil langkah berjaga-jaga dalam urus niaga selepas mengambil kira kemungkinan berlaku perubahan pada kadar faedah domestik, di samping saiz terbitan MGS pada suku itu. Kadar hasil MGS bagi pelbagai tempoh matang semakin mantap menjelang akhir tahun 2005, berikutan peningkatan 30 mata asas pada kadar dasar wang semalaman pada 30 November. Pada seluruh tahun 2005, kadar hasil MGS jangka pendek satu tahun meningkat 106 mata asas, manakala kadar hasil MGS 10 tahun turun 50 mata asas. Perkembangan ini mengakibatkan pendataran keluk kadar hasil pada tahun 2005. Sementara itu, spread bon korporat kekal stabil, dengan ini memberi gambaran bahawa tiada perubahan ketara dalam persepsi peserta pasaran mengenai risiko kredit korporat.

Graf 9.20
Kadar Hasil MGS



Graf 9.21
Urus Niaga Sekuriti Hutang Terpilih (Jan-Dis 2005)



Urus niaga dalam pasaran bon ringgit mencatat purata RM1.4 bilion sehari, dan berjumlah RM355.7 bilion pada tahun 2005 (2004: RM355.9 bilion), dengan urus niaga MGS mencakupi 50.4% daripada jumlah urus niaga. Aktiviti urus niaga dalam bon korporat meningkat dan mencakupi 26.6% daripada jumlah (2004: 18.1%), disebabkan para pelabur mencari kadar hasil yang lebih tinggi daripada pasaran PDS. Aktiviti urus niaga dalam instrumen Cagamas berkurang dengan nyata berikutan terbitan instrumen Cagamas yang lebih rendah pada tahun itu. Mudah tunai, seperti yang diukur oleh nisbah jumlah urus niaga berbanding jumlah bon terkumpul, adalah paling tinggi bagi bon GII dan Khazanah, masing-masing 4.28 kali dan 1.84 kali. Walau bagaimanapun, mudah tunai bon korporat pula paling rendah, iaitu 0.5 kali jumlah terkumpul.

Pengenalan ISCAP *(Institutional Securities Custodian Programme)*, yang melibatkan penggunaan repo secara aktif dalam operasi monetari, digabungkan dengan kemudahan pinjaman MGS yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia kepada peniaga utama sejak awal tahun 2005, membantu dalam memperbaiki prestasi pasaran repo. Transaksi repo meningkat 88.2% kepada RM347.8 bilion (2004: RM184.8 bilion), dengan 76% daripada jumlah itu tertumpu dalam pasaran MGS.

Di peringkat antarabangsa, spread kredit bagi bon berdaulat Malaysia semakin mengecil pada tiga suku pertama, berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadap kredit dolar Asia memandangkan asas ekonomi bertambah baik dan para pelabur mencari pulangan yang lebih baik. Spread kredit melebar pada suku keempat, sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan kadar faedah dalam pasaran utama, di samping kebimbangan terhadap tekanan inflasi yang lebih tinggi berikutan harga minyak yang tinggi.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk melebarkan dan memperdalam pasaran bon domestik dan serantau di rantau Asia Pasifik Timur, kumpulan EMEAP melancarkan dana bon serantau yang pertama atau Dana Bon Asia 1 (ABF1) pada bulan Jun 2003. Berikutan kejayaan ABF1 dolar Amerika, Bank Pusat EMEAP melancarkan Dana Bon Asia 2 (ABF2) pada bulan Disember 2005, yang diberi mandat untuk melabur dalam bon dalam denominasi mata wang tempatan negara anggota terpilih, antaranya RR China, Hong Kong China, Indonesia, Korea, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. ABF2 dilancarkan dengan objektif untuk mempromosikan pasaran bon mata wang tempatan dan memperkenalkan bon dalam satu kumpulan pelbagai mata wang sebagai satu kelas aset baru bagi pelabur. Pelancaran ABF2 juga membawa kepada penyenaraian sulung dana kecil negara ABF Malaysia atau Dana Indeks Bon Malaysia ABF di Bursa Malaysia, yang terdiri daripada pelaburan dalam sekuriti Kerajaan dan separa Kerajaan dalam denominasi ringgit. Penyenaraian Dana Indeks Bon Malaysia ABF (Dana Didagangkan di Bursa yang

Jadual 9.7
Terbitan Berdaulat Berbanding Tanda Aras Perbendaharaan AS (UST)

	Tanda aras	Dis-04	Mac-05	Jun-05	Sep-05	Dis-05
MALAYSIA 09	UST 5 tahun	47	65	58	45	55
MALAYSIA 11	UST 5 tahun	92	88	68	54	60
CHINA 11	UST 5 tahun	85	66	75	52	61
INDONESIA 06	UST 2 tahun	65	108	49	75	52
KOREA 08	UST 2 tahun	56	68	44	10	3
FILIPINA 10	UST 5 tahun	377	253	236	119	97
THAILAND 07	UST 2 tahun	54	64	64	40	65
PETRONAS 06	UST 2 tahun	49	45	44	37	39

Sumber: Bloomberg.

pertama di Malaysia) akan menambah kepelbagaian penyenaraian di Bursa Malaysia dan akhirnya mudah tunai yang lebih besar dalam pasaran bon domestik.

Beberapa langkah diperkenalkan pada tahun 2005 untuk mengukuhkan lagi pasaran bon. Langkah-langkah pasaran bon diperincikan dalam rencana **Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada tahun 2005**.

Pasaran Bursa Dagangan Derivatif

Walaupun jumlah dagangan menurun, pasaran bursa dagangan derivatif di Malaysia terus aktif sepanjang tahun 2005. Jumlah urus niaga di Bursa Malaysia Derivatives menurun 6.6% (2004: +32%). Sungguhpun jumlah urus niaga tahunan menurun sedikit kepada 2.5 juta kontrak (2004: 2.6 juta), prestasi dagangan kekal tinggi untuk tiga tahun berturut-turut semenjak tahun 2003. Dari segi jumlah harian purata urus niaga, kontrak niaga hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) dan kontrak niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3 bulan, terus meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya. Walaupun secara relatif kecil, pertumbuhan yang dicatat pada tahun 2005

Graf 9.22
Bursa Malaysia Derivatives: Jumlah Dagangan Bulanan dan Kedudukan Terbuka pada Akhir Bulan



Sumber: Bursa Malaysia Derivatives

Jadual 9.8
Prestasi Produk Bursa Malaysia Derivatives

Produk	Urus Niaga						Bahagian daripada jumlah urus niaga Bursa Malaysia Derivatives (%)	
	2004			2005				
	Bilangan lot	Perubahan tahunan (%)	Urus niaga harian purata	Bilangan lot	Perubahan tahunan (%)	Urus niaga harian purata	2004	2005
Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah	1,378,334	-3.6	5,603	1,158,510	-15.9	4,709	52.3	47.1
Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)	28,314			28,918				
Kontrak Niaga Hadapan Minyak Isirong Sawit	449	t.d.	2	-	-100	-	0.02	-
Kontrak Niaga Hadapan KLCI	1,088,419	228.6	4,424	1,111,575	2.1	4,519	41.3	45.2
Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)	*10,092*			*17,814*				
Opsyen KLCI	-	-	-	-	-	-	-	-
Kontrak Niaga Hadapan KLIBOR 3 bulan	141,969	18.6	577	162,592	14.5	661	5.4	6.6
Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)	27,418			37,966				
Kontrak Niaga Hadapan MGS 3 tahun	4,327	454	18	9,753	125.4	40	0.2	0.4
Kontrak Niaga Hadapan MGS 5 tahun	19,494	-83.6	79	17,215	-11.7	70	0.7	0.7
Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)	-			150				
Kontrak Niaga Hadapan MGS 10 tahun	-	-100	-	100	100	0.4	-	-

t.d. Tidak diperoleh

Sumber: Bursa Malaysia Derivatives Berhad

dalam pasaran kontrak niaga hadapan kewangan berpunca terutamanya daripada peningkatan minat oleh institusi kewangan dalam mengambil kedudukan lindung nilai bagi menghadapi jangkaan kenaikan kadar faedah.

Pasaran kontrak niaga hadapan Minyak Sawit Mentah (CPO) terus menjadi pasaran paling aktif dalam Bursa Malaysia Derivatives pada tahun 2005, mencakupi sebanyak 47% daripada jumlah dagangan pada tahun itu. Walau bagaimanapun, jumlah kontrak yang diselesaikan menurun 15.9% kepada 1.16 juta kontrak (2004:1.38 juta kontrak), mewakili nilai nosional sebanyak 28.96 juta tan minyak sawit mentah. Penurunan berpunca daripada julat harga yang berkurang dengan ketara sebanyak RM252 (2004: RM621) bagi kontrak tanda aras CPO 3 bulan. Ini menunjukkan terdapatnya pengurangan volatiliti dalam pasaran. Sementara itu, tiada kontrak diniagakan dalam pasaran kontrak niaga hadapan Minyak Isirong Sawit (CPKO) pada tahun 2005.

Urus niaga kontrak niaga hadapan CPO 3 bulan bermula pada aras RM1,378 setan pada tahun 2005, dan pada awalnya harga dagangan harian menurun pada paras terendah sebanyak RM1,252 setan pada 2 Februari. Penurunan harga ini disebabkan keluaran CPO yang lebih tinggi yang dicatat pada bulan Januari. Walau bagaimanapun, harga pulih dengan segera untuk mencatat harga dagangan harian tertinggi sebanyak RM1,504 setan pada 16 Mac. Seterusnya, harga menurun kepada julat yang kecil antara RM1,380 hingga RM1,430 setan sehingga akhir tahun. Momentum harga yang meningkat dihadkan dengan peningkatan kukuh dalam pengeluaran CPO secara keseluruhan, dan stok minyak sawit yang meningkat di Malaysia, di samping hasil tuaian pesaing utama minyak sawit, iaitu kacang soya yang lebih tinggi, di Amerika Syarikat (AS), Brazil dan Argentina. Sebaliknya, jumlah eksport yang memberangsangkan serta jangkaan peserta pasaran yang menggalakkan atas permintaan masa depan bagi biodiesel berasaskan minyak sawit, mewujudkan had lantai atas harga CPO yang menyumbang kepada penurunan volatiliti pasaran niaga hadapan CPO pada tahun 2005. Kontrak niaga hadapan CPO 3 bulan berada pada paras harga RM1,397 setan pada akhir tahun 2005, iaitu 1.4% lebih tinggi daripada paras harga pada permulaan tahun.

Pasaran kontrak niaga hadapan KLCI mencatat sedikit peningkatan dalam aktiviti dagangan sebanyak 2.1%

Graf 9.23
Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah



Sumber: Bursa Malaysia Derivatives

pada tahun 2005 (2004: 229%), dengan harian purata bagi urus niaga lebih tinggi daripada tahun sebelumnya. Nisbah mudah tunai derivatif, yang merupakan nisbah antara nilai urus niaga kontrak hadapan berbanding dengan nilai urus niaga komponen asas saham KLCI meningkat kepada 48.9% pada tahun 2005 (2004: 46.9%). Sejajar dengan prestasi KLCI yang agak lembap, pertumbuhan jumlah urus niaga kontrak niaga hadapan KLCI dipengaruhi oleh sentimen pasaran yang lebih lemah dari jangkaan, berikutan kebimbangan mengenai implikasi harga minyak yang tinggi.

Kad kredit masih menjadi kad pembayaran yang paling popular di Malaysia dengan nilai urus niaga RM40.9 bilion pada tahun 2005 dan pertumbuhan tahunan purata bagi jumlah dan nilai urus niaga masing-masing sebanyak 13.3% dan 17.4% setahun sepanjang tiga tahun yang lepas. Di samping menawarkan putaran kredit kepada pemegang kad, secara purata, lebih kurang 60% daripada jumlah nilai urus niaga kad kredit dibayar sepenuhnya. Ini menggambarkan bahawa majoriti pemegang kad kredit menggunakan kad tersebut sebagai instrumen yang mudah untuk membuat pembayaran. Dengan kad kredit menjadi semakin popular, bilangan kad caj di pasaran menurun pada kadar purata 10.9% dan jumlah urus niaganya menurun pada kadar 5.8% sepanjang tempoh yang sama. Kad debit mempunyai pangkalan yang besar bernilai 14.3 juta, yang terutamanya terdiri daripada aplikasi e-Debit yang telah dimasukkan ke dalam 12 juta kad ATM cip dan 2.3 juta kad debit berjenama antarabangsa. Walaupun urus niaga kad debit masing-masing meningkat pada kadar tahunan 24.6% dan 49.8% setahun dari segi jumlah dan nilai, ia masih tidak setanding dengan kad kredit. Dua skim dompet elektronik utama ialah skim MEPS Cash, iaitu dompet elektronik yang digunakan dalam sektor runcit dan skim Touch 'n Go, iaitu dompet elektronik tanpa sentuh yang digunakan dalam sektor pengangkutan. Seperti yang dialami oleh kebanyakan negara, penggunaan dompet elektronik dalam sektor runcit adalah rendah, manakala ia mewakili instrumen pembayaran yang popular dalam sektor pengangkutan.

Perkhidmatan Perbankan dan Pembayaran Mudah Alih

Penggunaan telefon bimbit yang lebih meluas telah menggalakkan penerimaan dan pertumbuhan perkhidmatan perbankan dan pembayaran mudah alih di negara ini. Kini, lima institusi perbankan menawarkan perkhidmatan perbankan menggunakan Perkhidmatan Mesej Singkat (SMS) melalui telefon bimbit dan barisan perkhidmatannya merangkumi pemindahan dana akaun sendiri, pembayaran bil dan pinjaman, penambahan nilai masa bercakap prabayar telefon bimbit dan pertanyaan baki. Untuk memudahkan pembayaran mudah alih, institusi-institusi perbankan bekerjasama

Jadual 10.4
Urus Niaga Kad Pembayaran

	2003			2004			2005		
	Bilangan kad	Nilai (RM juta)	Jumlah (juta)	Bilangan kad	Nilai (RM juta)	Jumlah (juta)	Bilangan kad	Nilai (RM juta)	Jumlah (juta)
Kad kredit	5.10	29,359.9	146.3	6.58	34,874.3	164.5	7.84	40,892.5	184.5
Kad caj	0.31	1,895.7	7.5	0.28	2,037.6	6.6	0.24	2,074.8	6.2
Kad debit	3.15	87.4	1.2	7.71	143.1	1.4	14.32[1]	240.1	1.9
Dompet elektronik - pembayaran tol	2.98	566.3	192.4	4.23	733.7	279.3	5.66	972.1	364.5
Dompet elektronik - runcit	10.47	0.1	0.02	21.13	0.3	0.09	30.27	0.10	0.02

[1] Angka merangkumi Bank Simpanan Nasional

dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk membenarkan pelanggan membeli barangan dan perkhidmatan atau membuat bayaran menggunakan telefon bimbitnya sama ada dengan mengenakan caj berkenaan ke kad kreditnya, atau mendebitkan akaun simpanan atau akaun semasanya. Sejumlah 391,773 urus niaga dijalankan pada tahun 2005 dengan nilai agregat RM4.4 juta, kebanyakannya bagi urus niaga pembayaran bil dan pemindahan dana akaun sendiri. Bilangan pelanggan perbankan mudah alih bertambah lebih empat kali ganda kepada 127,566 pada akhir tahun 2005 berbanding dengan 25,734 pada akhir tahun 2004. Ini adalah disebabkan tawaran perbankan atau pembayaran mudah alih yang baru pada tahun 2005, selain bilangan pengguna telefon bimbit yang besar iaitu 19.5 juta pada akhir tahun 2005.

Perbankan Internet

Perkhidmatan perbankan Internet yang disediakan oleh 14 institusi perbankan terus memberikan keselesaan dan kos akses yang rendah kepada perkhidmatan perbankan, terutamanya untuk membuat pemindahan dana, pembayaran bil dan pinjaman, penambahan nilai masa bercakap prabayar telefon bimbit, dan pertanyaan baki akaun dan pertanyaan lain. Perkhidmatan baru yang disediakan melalui saluran ini termasuklah perkhidmatan permohonan saham dalam talian bagi tawaran awam awal di Bursa Malaysia. Saluran perbankan Internet kini semakin popular dan para pelanggannya bertambah dua kali ganda dalam masa dua tahun yang lepas, dengan jumlah 2.6 juta pelanggan atau 70.4% daripada pelanggan Internet di negara ini pada bulan Disember 2005. Di samping itu, nilai urus niaga perbankan dalam talian tahunan juga bertambah sebanyak 69.6% daripada RM11 bilion pada tahun 2004 kepada RM18.6 bilion pada tahun 2005. Pertambahan penggunaan bagi saluran ini kebanyakannya adalah hasil daripada peningkatan pemindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga dan pembayaran baki kad kredit.

Perkhidmatan ATM Berkongsi

Pada akhir tahun 2005, terdapat 5,871 ATM di Malaysia, dengan 5,490 daripadanya dimiliki oleh 12 bank tempatan dan tiga institusi kewangan pembangunan yang saling

Graf 10.5
Perbankan Internet: Pertumbuhan dan Penembusan



terhubung melalui suis ATM MEPS. Pada akhir tahun 2005, kira-kira 15.1 juta kad ATM berasaskan cip telah dikeluarkan oleh bank ahli yang turut serta dalam rangkaian perkongsian ATM ini. Rangkaian ini memudahkan penjimatan kos infrastruktur bagi setiap institusi kewangan di samping menyediakan akses yang lebih luas kepada pengguna bagi perkhidmatan ATM melalui jalinan ATM yang lebih banyak. Perkhidmatan ATM menyediakan beberapa fungsi yang lain seperti pertanyaan baki, pemindahan dana antara bank, pembayaran bil, permohonan saham dan penambahan nilai aplikasi dompet elektronik. Walau bagaimanapun, pengeluaran wang kekal sebagai urus niaga yang paling popular dengan jumlah RM156.5 bilion atau 99.8% daripada urus niaga kewangan yang dilaksanakan melalui ATM pada tahun 2005. MEPS dan institusi-institusi kewangan sedang merancang untuk memperkenalkan fungsi pemindahan dana antara bank dan fungsi pembayaran lain seperti penambahan nilai telefon bimbit prabayar dalam masa terdekat ini. Sementara itu, pautan serantau melintasi sempadan antara MEPS dengan Artajasa di Indonesia mencatat jumlah dan nilai urus niaga masing-masing sebanyak 376 dan RM0.13 juta dalam masa enam bulan beroperasi pada tahun 2005.

Hubungan Luar Negara

246 Pengawasan Ekonomi
247-248 Hubungan Pelbagai Hala
248-249 Rundingan Perkhidmatan Kewangan
249 Perbankan Islam
249-251 Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan
251-255 Kerjasama Ekonomi dan Kewangan
255-257 *Rencana: Acara Utama Peringkat Antarabangsa yang Dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia pada Tahun 2005*

Hubungan Luar Negara

Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia terus mengukuhkan hubungan luarnya di peringkat antarabangsa dan serantau untuk memupuk kerjasama kewangan yang lebih rapat. Di peringkat serantau, dengan proses pengawasan ekonomi kekal sebagai tonggak agenda antarabangsa, langkah yang penting telah diambil untuk mempertingkatkan kerjasama ekonomi dan kewangan. Usaha ini tertumpu pada pengukuhan pembangunan institusi dan infrastruktur dan pembinaan kapasiti dalam perkhidmatan kewangan Islam, pasaran bon dan pengaturan pembiayaan. Inisiatif juga diambil untuk mempertingkatkan hubungan dua hala dan membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Melalui peningkatan kerjasama serantau dalam pelbagai bidang ini, ia akan membentuk asas untuk merealisasikan potensi yang boleh terhasil daripada integrasi ekonomi dan kewangan yang lebih rapat di rantau ini. Di peringkat pelbagai hala, saranan dibuat agar Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia menangani isu kepimpinan dan struktur tadbir urus dan keperluan untuk kajian semula kuota supaya mencerminkan dengan wajar sumbangan ekonomi dan suara negara Asia dalam sistem kewangan antarabangsa.

Pengawasan Ekonomi

Bank Negara Malaysia secara aktif menyertai proses pengawasan ekonomi dalam berbagai-bagai forum pelbagai hala dan serantau pada tahun 2005. Dalam forum pelbagai hala, isu pengawasan diperbincangkan pada mesyuarat IMF, Bank Dunia dan Bank for International Settlements (BIS). Pertimbangan dasar ditumpukan terhadap peranan rantau masing-masing dalam memastikan penyelesaian secara teratur bagi ketidakseimbangan global dan dalam mengurus risiko yang mungkin timbul akibat harga minyak yang tinggi. Adalah diakui bahawa semua negara anggota bertanggungjawab secara kolektif dalam memastikan pertumbuhan ekonomi global yang stabil dan lebih seimbang. IMF dan Bank Dunia akan memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan kepaduan dan ketekalan sistem monetari, kewangan, dan perdagangan antarabangsa, dan dalam memupuk kerjasama antarabangsa bagi menangani cabaran ekonomi.

Di peringkat serantau, Bank turut menyertai pelbagai inisiatif untuk membangunkan keupayaan pengawasan serantau yang berkesan yang melengkapi sistem yang sudah diterima pakai oleh institusi kewangan antarabangsa. Pengawasan ekonomi yang dijalankan di peringkat serantau merangkumi perkara yang diliputi pada Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP), Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN), Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), ASEAN bersama Republik Rakyat China (RR China), Jepun dan Korea (ASEAN+3), dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC). Antara inisiatif itu termasuk peningkatan dan integrasi mekanisme pengawasan ekonomi ASEAN+3 ke dalam rangka kerja Inisiatif Chiang Mai (CMI). Ini akan membolehkan pengesanan segera terhadap sebarang perkara yang luar daripada kebiasaan dan tindakan dasar pemulihan yang pantas. Ia juga untuk memudahkan pengaktifan peraturan swap dua hala (BSA) di bawah CMI, sambil pada masa yang sama mengelakkan sebarang bahaya moral.

Satu lagi bidang yang diberi keutamaan ialah pemantauan aliran rentas sempadan. Melalui Kumpulan Pakar SEACEN (KPS) mengenai Aliran Modal, Bank Negara Malaysia telah menyertai pertukaran maklumat mengenai aliran modal di kalangan anggota SEACEN. Semasa Mesyuarat Kelima KPS mengenai Aliran Modal yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Mac 2005, pembinaan model sistem amaran awal serantau bagi pertukaran arah aliran modal telah dibincangkan, bertujuan untuk menerima pakai model itu sebagai satu alat tambahan bagi kerja analisis data untuk Pusat SEACEN. Pembentukan sistem amaran awal pada tahun 2006 akan melengkapkan lagi aktiviti pemantauan yang bakal menjuruskan langkah penting ke hadapan dalam membuat penilaian mengenai perkembangan aliran modal serantau yang lebih baik.

Melalui forum EMEAP dan SEACEN, Bank Negara Malaysia meneruskan penyertaan aktifnya dalam perbincangan isu pengawasan ekonomi, inisiatif bagi pembinaan kapasiti dan latihan warga bank pusat. Memandangkan aliran modal adalah besar dan tidak menentu, liberalisasi kewangan dan peningkatan integrasi dengan pasaran global merupakan agenda terpenting dalam rangka kerja bagi kestabilan kewangan. Satu lagi bidang keutamaan ialah pembangunan sektor kewangan, terutamanya pelaksanaan dan impak rangka kerja kecukupan modal Basel II yang baru. Ini perlu diperkukuh dengan memantapkan kapasiti bank pusat dan bank perdagangan demi pelaksanaan Basel II secara berkesan. Untuk tujuan ini, Pusat SEACEN perlu memainkan peranan penting dalam menyediakan latihan untuk memudahkan pelaksanaan Basel II.

Hubungan Pelbagai Hala

Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia terus menekankan tentang perlunya IMF dan Bank Dunia mencerminkan pandangan semua negara anggota. Antara isu yang ditekankan oleh Malaysia pada Mesyuarat Tahunan IMF/Bank Dunia pada bulan September 2005, termasuk keperluan suara yang lebih besar dan penyertaan negara sedang berkembang dan membangun dalam IMF dan Bank Dunia, setara dengan kekuatan mereka dalam ekonomi global yang sedang berubah. Malaysia menyatakan bahawa penekanan IMF dan Bank Dunia pada pembaharuan pada peringkat negara dan serantau perlu juga diiringi pembaharuan di peringkat antarabangsa. Berikutan itu, kemampuan menyediakan kepimpinan yang boleh mengimbangi secukupnya kepentingan negara maju dan membangun di peringkat global akan menentukan keberkesanan dan kerelevanan institusi kewangan antarabangsa. Pada masa yang sama, usaha pengawasan IMF perlu merangkumi inisiatif yang akan meningkatkan kapasiti institusi negara membangun dalam mengurus risiko dan keterdedahan mereka sambil mengekalkan kapasiti mereka sendiri untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan. Penekanan lanjut diberikan terhadap kepentingan meningkatkan perkongsian dan pembiayaan pembangunan untuk mencapai Matlamat Pembangunan Milenium (MPM).

Untuk mencapai matlamat ini, Malaysia, sebagai penyumbang kepada Kemudahan Amanah Pengurangan Kemiskinan dan Pertumbuhan IMF, menyokong cadangan yang diperlukan untuk melancarkan Inisiatif Bantuan Hutang Pelbagai Hala (MDRI) dan Kemudahan Kejutan Luaran IMF. Objektif MDRI adalah untuk membantu melegakan bebanan hutang anggota IMF yang berpendapatan rendah yang layak, dan dengan itu membantu mereka mencapai MPM, sementara Kemudahan Kejutan Luaran akan membolehkan IMF menyediakan bantuan kewangan tepat pada waktunya kepada anggota berpendapatan rendah yang terjejas teruk oleh kejutan luaran.

Malaysia terus mengekalkan statusnya sebagai pemiutang bersih dalam IMF. Pada tahun 2005, Malaysia terus termasuk dalam Pelan Transaksi Kewangan (PTK) IMF bagi tempoh suku tahunan sehingga bulan Februari 2006. Di bawah PTK, anggota IMF terpilih (sehingga kini 47) yang mempunyai imbangan pembayaran dan kedudukan rizab yang kukuh mungkin dipanggil untuk menyediakan sumber pertukaran asing untuk menyokong operasi kewangan IMF. Malaysia menyambung semula status PTK IMF sejak bulan September 2002, selepas tidak berstatus PTK sejak tahun 1997.

Pada bulan November, Misi Artikel IV IMF melawat Malaysia untuk membincangkan dan menilai prestasi makroekonomi Malaysia dan isu dasar bagi tahun 2005 dan prospek bagi tahun 2006. Penilaian mereka mendapati bahawa daya tahan Malaysia untuk menghadapi kejutan terus bertambah baik. Mereka merujuk kepada pendekatan pragmatik yang diterima pakai oleh pihak berkuasa Malaysia dalam perumusan dasar makroekonomi dan kemajuan mantap dalam pelaksanaan pembaharuan struktur.

Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia juga giat menyertai mesyuarat yang dianjurkan oleh BIS. Isu penting yang dibincangkan pada mesyuarat itu termasuk reka bentuk dan operasi pembuatan keputusan dasar monetari, kerjasama bank pusat di rantau Asia-Pasifik, penyeliaan aktiviti kewangan, isu berkaitan ketidakseimbangan global dan kenaikan harga minyak yang ketara, dan implikasi keberhutangan sektor isi rumah. Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia membeli 220 saham daripada 35,933 saham tambahan yang ditawarkan untuk jualan pada bulan Januari 2005 oleh BIS kepada pemegang saham yang sedia ada. Dengan langganan ini, pemegangan saham Bank dalam BIS bertambah kepada 3,220 saham untuk mencakupi 0.6% daripada modal BIS yang bertambah.

Bank Negara Malaysia juga melangkah maju dalam kerjasamanya dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara Malaysia dengan IDB pada bulan Jun 2004. Dua Mesyuarat Peringkat Tinggi diadakan pada tahun 2005 untuk membincangkan bidang kerjasama di bawah MoU itu. Bidang kerjasama ini termasuk mengukuhkan intraperdagangan dan pembangunan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) antara negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC). Bidang kerjasama baru terus diterokai oleh pelbagai kumpulan kerja dan pasukan petugas yang ditubuhkan di bawah MoU itu. Kemajuan yang penting telah dicapai dengan pemeteraian Perjanjian Kemudahan Insurans Semula pada bulan Jun 2005 antara Perbadanan Islam bagi Insurans Pelaburan dan Kredit Eksport (ICIEC) dan Malaysia Export Credit Insurance Berhad (MECIB) yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan lebih banyak perdagangan dan pelaburan di kalangan negara anggota OIC. Di samping itu, pada bulan September 2005, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) menandatangani satu MoU dengan ICIEC untuk bekerjasama dalam membangunkan program untuk menggalakkan peluang pelaburan di negara anggota OIC.

Bank Negara Malaysia juga merupakan anggota Suruhanjaya Visi 1440H IDB. Peranan Suruhanjaya ini adalah untuk merubah IDB menjadi bank pembangunan unggul dan proaktif yang memiliki pengetahuan yang luas dan kecekapan dalam kesemua bidang terasnya, di samping responsif terhadap pelbagai keperluan rakyat negara anggota dan negara bukan anggota. Suruhanjaya ini menjadualkan pelancaran dokumen Visi 1440H IDB di Kuala Lumpur pada 23 Mac 2006.

Rundingan Perkhidmatan Kewangan

Pertubuhan Perdagangan Sedunia

Bank Negara Malaysia memainkan peranan aktif dalam rundingan perkhidmatan di Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan menjadi agensi peneraju yang melaksanakan rundingan berhubung perdagangan dalam perkhidmatan kewangan. Persidangan Menteri-Menteri WTO Keenam (MC ke-6) yang diadakan pada 13-18 Disember 2005 di Hong Kong mengisytihar pembentukan prosedur untuk menyimpulkan rundingan di bawah Agenda Pembangunan Doha pada tahun 2006. Prosedur ini, antara lain, merangkumi butiran yang diperlukan untuk memuktamadkan rundingan dalam bidang pertanian, barangan perindustrian dan perkhidmatan. Ini termasuk menetapkan tarikh akhir pada tahun 2013 bagi pemansuhan semua subsidi eksport dalam pertanian dengan fleksibiliti untuk tempoh masa yang lebih lanjut bagi negara membangun, dan menyediakan akses bebas duti dan kuota bagi barangan yang dieksport oleh 32 negara paling mundur.

Berhubung dengan rundingan perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, MC ke-6 bersetuju bahawa negara anggota WTO akan menyerahkan komitmen muktamad mereka berhubung dengan pembukaan pasaran selanjutnya, menjelang 31 Oktober 2006. Adalah juga dipersetujui bahawa negara anggota akan berusaha untuk mencapai tahap liberalisasi perdagangan dalam sektor perkhidmatan yang lebih tinggi, dengan kefleksibelan yang bersesuaian bagi negara membangun, dengan mengambil kira beberapa faktor termasuk saiz ekonomi masing-masing; tahap kesediaan untuk liberalisasi; dan keperluan untuk mencapai keseimbangan dengan pertimbangan domestik mereka.

Graf 11.1
Penyertaan Asing dalam Sektor Perbankan Perdagangan di Malaysia



Graf 11.2
Penyertaan Asing dalam Industri Insurans di Malaysia



Prosedur dan tarikh akhir yang dipersetujui oleh MC ke-6 dijangka memperhebatkan rundingan ke arah meliberalisasikan lagi perdagangan dalam perkhidmatan di WTO. Ini selaras dengan objektif WTO untuk memastikan aliran perdagangan terus berjalan lancar, secara yang boleh dijangka dan sebebas yang mungkin. Sejajar dengan komitmen untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan kewangan secara beransur-ansur, Bank Negara Malaysia mengambil langkah[1] untuk memberi lebih fleksibiliti pada bank asing yang diperbadankan dalam negeri untuk menubuhkan cawangan tambahan, dan membenarkan pemegangan saham oleh pihak asing yang lebih tinggi dalam pengendali takaful, bank pelaburan dan bank-bank Islam. Langkah ini konsisten dengan objektif keseluruhan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK), iaitu untuk mewujudkan sektor kewangan yang efektif, efisien dan dinamik yang menyokong keperluan ekonomi yang pelbagai.

Perjanjian Perdagangan Bebas Serantau dan Dua Hala

Rundingan perkhidmatan kewangan pusingan ketiga di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (AFAS) selesai dengan pemeteraian 'Protokol untuk Melaksanakan Komitmen Pakej Ketiga mengenai Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan' oleh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN di mesyuarat pada 6 April 2005 di Vientiane, Laos. Protokol itu menguatkuasakan komitmen liberalisasi yang dibuat oleh Negara Anggota ASEAN di bawah rundingan pusingan ketiga yang bermula pada tahun 2002. Komitmen itu melebihi jangkauan komitmen yang dibuat oleh Negara Anggota di WTO di bawah Perjanjian Am mengenai Perdagangan dalam Perkhidmatan (GATS), juga dikenali sebagai 'komitmen *GATS-plus*'. Malaysia membuat komitmen *GATS-plus* dalam bidang khidmat nasihat pelaburan. Rundingan perkhidmatan kewangan pusingan keempat juga dilancarkan oleh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN di mesyuarat mereka pada 6 April 2005. Pusingan itu dijangka selesai dalam tempoh tiga tahun.

Bank Negara Malaysia turut menyertai rundingan perkhidmatan yang sedang berjalan, antara lain, di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN-China, FTA Malaysia-Australia dan FTA Malaysia-New Zealand. FTA dua hala Malaysia yang pertama ditandatangani dengan Jepun pada 13 Disember 2005 dan dikenali secara rasmi sebagai 'Perjanjian Perkongsian Ekonomi Jepun – Malaysia'. FTA itu adalah komprehensif, merangkumi langkah-langkah liberalisasi, kerjasama dan kemudahan perdagangan dalam bidang barangan, perkhidmatan dan pelaburan. Malaysia dan Jepun bersetuju untuk menubuhkan 'Kumpulan Kerja mengenai Perkhidmatan Kewangan' di bawah FTA tersebut. Kumpulan Kerja ini akan menyediakan forum bagi pihak berkuasa pengawalseliaan kewangan di kedua-dua negara untuk bertukar-tukar pendapat mengenai isu kepentingan bersama yang berhubung dengan perkhidmatan kewangan.

Perbankan Islam

Sebagai ahli pengasas dan tuan rumah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB), Bank Negara Malaysia terus bergerak cergas dalam IFSB selaku ahli Majlis IFSB dan Jawatankuasa Teknikalnya. Pada tahun 2005, IFSB mengeluarkan dua piawaian kehematan bagi institusi kewangan Islam, iaitu Prinsip Panduan Pengurusan Risiko dan Piawaian Kecukupan Modal. Prinsip Panduan Pengurusan Risiko melengkapi prinsip pengurusan risiko semasa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel dan badan penetap piawaian antarabangsa yang lain, dengan menyediakan satu set garis panduan untuk menerapkan dan melaksanakan amalan pengurusan risiko yang efektif dalam institusi kewangan Islam. Piawaian Kecukupan Modal memberi tumpuan pada pendekatan khusus dalam mengenal pasti dan mengukur risiko produk dan perkhidmatan yang mematuhi kehendak Syariah yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam yang tidak ditangani secara khusus oleh Basel II. Kedua-dua piawaian ini akan dilaksanakan berkuat kuasa pada tahun 2007.

Pada tahun 2005, Majlis IFSB meluluskan draf pendedahan Piawaian Tadbir Urus Korporat dan memulakan usaha menyediakan dua piawaian baru iaitu ketelusan dan disiplin pasaran, dan proses pengawasan penyeliaan. Di samping itu, IFSB melancarkan projek untuk membangunkan pangkalan data kehematan bagi statistik perkhidmatan kewangan Islam dan menjalankan kajian mengenai instrumen kewangan bagi pengurusan monetari, dan pengawalseliaan pasaran wang Islam.

Pada tahun 2005, IFSB menerima kemasukan Monetary Authority of Singapore sebagai ahli penuh dan Banque Du Liban sebagai ahli bersekutu. Pada akhir tahun 2005, jumlah keahlian IFSB bertambah kepada 84 ahli (16 ahli penuh, tujuh ahli bersekutu dan 61 ahli pemerhati) daripada 65 ahli pada akhir tahun 2004.

Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, komuniti antarabangsa telah mencapai kemajuan yang pesat dalam membangunkan mekanisme bagi kerjasama

[1] Maklumat lanjut mengenai langkah yang diambil boleh dirujuk dalam Bab 5: Sistem Perbankan dan Bab 6: Sistem Kewangan Islam.

antarabangsa yang bersifat pelbagai dan meluas dalam mencegah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Negara-negara di seluruh dunia memberi respons terhadap Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Menyekat Pembiayaan Keganasan dan sembilan cadangan khas mengenai pembiayaan keganasan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan mengenai Pengubahan Wang Haram (FATF). Kesemua negara mengalu-alukan insentif yang positif bagi pelaksanaan cadangan FATF dan sistem AML/CFT[2] untuk manfaat masyarakat, perusahaan perniagaan dan sektor kewangan masing-masing.

ASEAN

Malaysia telah mengambil bahagian dalam Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN mengenai Jenayah Transnasional (SOMTC) tahunan secara aktif. Pada SOMTC ASEAN ke-5 & Rundingan dengan Australia, China, Jepun, India, Korea dan Amerika Syarikat, negara anggota ASEAN bersetuju untuk memberi keutamaan pada empat bidang jenayah transnasional, iaitu keganasan, pengedaran dadah berbahaya, perdagangan manusia dan pengubahan wang haram. Sebagai ketua dalam usaha mencegah pengubahan wang haram, Malaysia menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah bagi lawatan sambil belajar ke Unit Perisikan Kewangan (UPW) di Bank Negara Malaysia dan bagi Bengkel Analisis Nilai Bersih Asas dan Lanjutan bagi anggota ASEAN, sebagai sebahagian daripada inisiatif ASEAN+3.

Kumpulan Asia/Pasifik mengenai Pengubahan Wang Haram

Sejak tahun 2000, Malaysia telah menjadi anggota Kumpulan Asia/Pasifik mengenai Pengubahan Wang Haram (APG). Pada Mesyuarat Tahunan APG Kelapan pada bulan Julai 2005, Malaysia dicalonkan sebagai wakil bagi rantau Asia Tenggara dalam Kumpulan Pemandu APG bagi tempoh satu tahun dari bulan Julai 2005. Sebagai anggota Kumpulan Pemandu APG, Malaysia telah menyertai perbincangan mengenai struktur, fungsi dan sokongan bagi APG. Malaysia menyokong keanggotaan Myanmar dalam APG kerana ia sejajar dengan mandat APG sebagai platform bagi kerjasama praktikal dan teknikal yang sepatutnya bebas daripada pengaruh politik.

Malaysia juga menyertai program APG untuk mengkaji semula sektor pertubuhan sukarela dalam negeri (NPO) dan peraturan yang berkaitan dengannya. Kajian semula NPO penting untuk mengenal pasti kelemahan yang akan menambahkan potensi bagi NPO dieksploitasi sebagai saluran bagi pengubahan wang haram. Kajian semula itu akan membolehkan langkah-langkah berasaskan risiko dirangka dan diwujudkan untuk menghalang dan mengesan sebarang eksploitasi NPO sebagai saluran bagi aktiviti haram. Bank Negara Malaysia sedang mengendalikan kajian semula ini dengan kerjasama Pendaftar Pertubuhan dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Malaysia menyokong permohonan APG untuk menjadi ahli sekutu FATF, memandangkan ini akan mempertingkatkan peluang kerjasama praktikal dengan FATF dalam bidang seperti penyelidikan trend pengubahan wang haram, bantuan teknikal, dan panduan pelaksanaan di peringkat antarabangsa.

Kumpulan Unit Perisikan Kewangan Egmont (Kumpulan Egmont)

Bank Negara Malaysia telah menganggotai Kumpulan Egmont sejak bulan Julai 2003. Kumpulan Egmont ialah pertubuhan tidak formal yang ditubuhkan untuk menggalakkan kerjasama antarabangsa melalui pertukaran maklumat, latihan dan perkongsian kepakaran. Pertukaran maklumat daripada dan kepada 100 UPW lain di seluruh dunia dilaksanakan melalui *Egmont Secure Web*. Sebarang maklumat yang diberi tidak boleh dikongsi dengan pihak ketiga atau digunakan untuk tujuan pentadbiran, penyiasatan, pendakwaan, atau penghakiman tanpa persetujuan pihak UPW terlebih dahulu untuk mendedahkan maklumat itu.

Kerjasama Rentas Sempadan mengenai Pertukaran Maklumat

Menurut Seksyen 10 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA), Bank Negara Malaysia dibenarkan berkomunikasi dengan pihak berkuasa yang

Bank Negara Malaysia terus meningkatkan rejim AML/CFT dengan mengukuhkan usaha kerjasama antarabangsa melalui penandatanganan MoU dengan pihak luar negara untuk pertukaran maklumat, menyertai program bantuan teknikal dan memainkan peranan aktif dalam forum antarabangsa.

[2] 'AML/CFT' merujuk pada 'Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan'.

sama dengannya dari negara luar, berhubung sebarang maklumat, jika wujud perjanjian antara Malaysia dengan negara luar itu. Bank Negara Malaysia menandatangani MoU bagi pertukaran risikan kewangan dengan Pejabat Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Thailand pada bulan April 2005. MoU ini akan memudahkan kerjasama antara kedua-dua pihak untuk mengumpul dan menganalisis maklumat mengenai transaksi kewangan yang disyaki berkaitan dengan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan atau jenayah lain yang serius untuk membantu penyiasatan dan pendakwaan terhadap mereka yang disyaki melakukan jenayah itu. Setakat ini, Bank Negara Malaysia telah memeterai beberapa MoU yang serupa dengan UPW dari Australia, Indonesia dan Filipina. Bank Negara Malaysia telah memuktamadkan perundingan atas MoU yang serupa dengan *People's Bank of China* dan akan menandatangani MoU ini dalam tahun 2006. Buat masa ini, Bank Negara Malaysia di pelbagai peringkat rundingan dengan pihak luar negara untuk melaksanakan MoU yang serupa.

Penyertaan dalam Penilaian Bersama AML/CFT

Sebagai sebahagian daripada penyertaan dalam inisiatif AML/CFT, Malaysia menyediakan seorang pakar undang-undang bagi penilaian bersama APG mengenai Brunei pada bulan Januari/Februari 2005 dan seorang pakar kewangan bagi penilaian bersama FATF/APG mengenai Amerika Syarikat pada bulan Disember 2005/Januari 2006. Penilaian bersama sebegini menilai keberkesanan sistem AML/CFT sesebuah negara dan pematuhannya terhadap piawaian antarabangsa AML/CFT. Pengiktirafan yang sewajarnya diberi apabila piawaian dipenuhi dan apabila kelemahan dikenal pasti, saranan yang sewajarnya dikemukakan dengan tujuan untuk pembetulan dan penambahbaikan.

Bantuan Teknikal

Pendekatan Malaysia melaksanakan rejim AML/CFT nasional yang mengambil kira persekitaran tempatan telah diterima sebagai model oleh negara-negara jiran. Bank Negara Malaysia menyediakan bantuan teknikal kepada RDR Laos mengenai pembentukan dasar dan prosedur AML/CFT bagi dua bank perdagangan milik kerajaan pada bulan Februari 2006, di bawah tajaan Bank Pembangunan Asia. Bantuan teknikal ini adalah sama seperti bantuan yang diberikan pada tahun 2004 kepada *National Bank of Cambodia*. Bank Negara Malaysia berkongsi pengalamannya mengenai penubuhan UPW di Seminar Antarabangsa mengenai Pengubahan Wang Haram di Islamabad, Pakistan pada bulan Mac 2005 dan di Bengkel IMF di Singapura pada bulan November 2005. Malaysia juga menyediakan kepakaran teknikal di Bengkel 'Latih Pelatih' Bank Dunia di Bangkok pada bulan Mei 2005 dan di Simposium AML/CFT di China pada bulan September 2005.

Pembinaan Kapasiti

Memandangkan sistem kewangan tempatan semakin bersepadu dengan sektor antarabangsa di samping rangkaian antarabangsa yang lebih meluas, ia memerlukan pendekatan yang lebih canggih dalam pengendalian pengawasan mengenai transaksi kewangan dan mengesan sebarang potensi pembiaya haram. Juga penting adalah untuk membangunkan kepakaran kakitangan yang terbabit dalam penyiasatan mengenai pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan bagi menangani perubahan yang wujud dalam persekitaran antarabangsa dengan berkesan. Sehubungan itu, Malaysia akan terus mempertingkatkan rejim AML/CFT untuk memastikan supaya ia terus berkesan dalam mengesan dan menghalang aktiviti jenayah.

Kerjasama Ekonomi dan Kewangan

Kerjasama kewangan serantau dalam bidang sokongan mudah tunai jangka pendek dan dalam pembangunan selanjutnya pasaran bon serantau telah mencapai kejayaan penting pada tahun 2005. Bank Negara Malaysia menyertai pelbagai forum untuk terus menggalakkan kerjasama ekonomi dan kewangan, di samping bekerjasama merumuskan perjanjian am mengenai isu kepentingan bersama rantau ini.

Inisiatif Chiang Mai (CMI) yang terdiri daripada dua komponen, iaitu Peraturan Swap ASEAN (ASA) di kalangan negara ASEAN dan rangkaian peraturan

Pengukuhan kerjasama kewangan serantau dicerminkan melalui pengembangan dalam Pengaturan Swap ASEAN, usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan rangkaian pengaturan swap dua hala di bawah Inisiatif Chiang Mai dan kemajuan pesat dalam pembangunan Inisiatif Pasaran Bon Asia dan Dana Bon Asia.

swap dua hala (BSA) di kalangan negara ASEAN+3 mencapai kemajuan dalam pengaturan bagi meningkatkan keberkesanan CMI untuk menangani masalah mudah tunai jangka pendek serantau dan untuk melengkapi kemudahan kewangan antarabangsa yang sedia ada. Langkah ini termasuk menggandakan saiz ASA kepada USD2 bilion dengan sumbangan oleh negara anggota pada bahagian masa itu. Keputusan yang dicapai mencerminkan motivasi yang kukuh di kalangan negara ASEAN untuk mempertingkatkan pengaturan kendiri dan menunjukkan hala tuju ke arah kerjasama pembiayaan yang lebih erat untuk menangani risiko yang meningkat akibat aliran modal global spekulatif yang besar. Hasilnya, komitmen kewangan Malaysia bertambah dua kali ganda kepada USD300 juta (lihat Jadual 11.1). MoU yang baru berkaitan ASA yang diperluaskan berkuat kuasa pada 17 November 2005.

Pada bulan Mei 2005, para Menteri Kewangan ASEAN+3 bersetuju dengan beberapa langkah khusus untuk mempertingkatkan tahap keberkesanan rangkaian BSA. Langkah ini merangkumi usaha untuk menyepadukan dan mempertingkatkan pengawasan ekonomi ASEAN+3 ke dalam CMI; menerangkan dengan jelas proses pengaktifan swap dan menerima pakai mekanisme perumusan keputusan secara kolektif yang lebih berkesan; menambah saiz swap dua hala dengan lebih ketara; dan memperbaiki mekanisme bagi pengambilan pinjaman yang lebih pantas. Bank Negara Malaysia kekal aktif dalam Kumpulan Kerja mengenai Kajian Semula CMI. Kesemua cadangan kumpulan itu diluluskan oleh Menteri-Menteri Kewangan. Malaysia dan RR China juga dilantik sebagai negara peneraju kajian bersama mengenai laluan dan langkah progresif yang mungkin diambil dalam mempelbagaikan CMI ke arah pengumpulan dan penggunaan sokongan mudah tunai di kalangan negara anggota secara lebih efektif.

Jadual 11.1
Komitmen Kewangan Negara ASEAN di bawah Peraturan Swap ASEAN (ASA) yang diperluas

Negara	Komitmen Baru dengan peningkatan saiz ASA kepada USD2 bilion (USD juta)	% daripada saiz keseluruhan ASA
Brunei	300	15.0
Indonesia	300	15.0
Malaysia	300	15.0
Filipina	300	15.0
Singapura	300	15.0
Thailand	300	15.0
Kemboja	30	1.5
Republik Demokratik Rakyat Lao	10	0.5
Myanmar	40	2.0
Vietnam	120	6.0
Jumlah	**2,000**	**100.0**

Di bawah CMI, Malaysia telah menandatangani tiga perjanjian BSA, iaitu dengan Jepun, Korea dan RR China. Pada bulan Oktober 2005, perjanjian BSA Malaysia dengan Korea diperbaharui untuk tiga tahun lagi sebaik sahaja tempohnya tamat. Sejajar dengan keputusan yang diambil oleh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 pada bulan Mei 2005, rundingan dua hala antara Malaysia dengan Korea menghasilkan perjanjian menambah saiz swap BSA daripada USD1 bilion kepada USD1.5 bilion. Di samping itu, amaun permulaan yang boleh dikeluarkan tanpa tertakluk kepada syarat IMF ditambah daripada 10% kepada 20% daripada saiz swap itu. Bagi perjanjian BSA antara Malaysia dengan RR China, Bank Negara Malaysia telah mengadakan rundingan dengan RR China untuk memperbaharui perjanjian itu. Perjanjian baru ini dijangka berkuat kuasa pada tahun 2006. Secara kolektif, pada akhir tahun 2005, rangkaian BSA yang merangkumi 16 perjanjian antara lapan negara ASEAN+3 bernilai USD58.5 bilion, meningkat daripada USD36.5 bilion pada akhir tahun 2004.

Dari segi usaha kerjasama untuk terus membangunkan pasaran bon serantau, kemajuan dalam menggalakkan pengantaraan kewangan yang lebih meluas dan cekap dicerminkan oleh usaha baru untuk mempercepat pembangunan pasaran modal dalam Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI) di bawah forum ASEAN+3 dan Dana Bon Asia (ABF) di bawah EMEAP. Di bawah ABMI, negara anggota ASEAN+3 terus mencapai kemajuan yang ketara dalam sumbangan mereka terhadap pembangunan pasaran bon yang lebih dalam dan cair. Di peringkat kumpulan kerja, untuk mempertingkatkan kecekapan, enam kumpulan kerja perintis[3] yang ditubuhkan pada tahun 2003 disusun semula menjadi empat kumpulan kerja pada bulan Mei 2005, masing-masing memberi tumpuan terhadap mencipta instrumen hutang bersekuriti baru, mekanisme jaminan kredit dan pelaburan, isu-isu berkaitan transaksi pertukaran asing dan penjelasan pembayaran dan sistem penarafan. Pada masa yang sama, untuk memudahkan penyelarasan yang lebih berkesan bagi Kumpulan Tumpuan (Focal Group) mengenai ABMI, satu Pasukan Sokongan Ad-hoc dan satu Pasukan Penyelaras Bantuan Teknikal ditubuhkan

[3] Enam kumpulan kerja tersebut ialah 'Instrumen Hutang Bersekuriti Baru', 'Mekanisme Jaminan Kredit dan Pelaburan', 'Isu-isu Berkaitan Transaksi Pertukaran Asing dan Penjelasan Pembayaran', 'Terbitan Bon Berdenominasi Mata Wang Tempatan oleh Bank Pembangunan Pelbagai Hala, Agensi Kerajaan Asing dan Syarikat Multinasional Asia', 'Sistem Penarafan dan Penyebaran Maklumat mengenai Pasaran Bon Asia', dan 'Penyelarasan Bantuan Teknikal'.

Perjanjian Peraturan Swap Dua Hala di bawah Inisiatif Chiang Mai pada akhir tahun 2005



Tarikh menunjukkan tarikh perjanjian ditandatangani dan angka dalam kurungan menunjukkan jumlah maksimum pengeluaran bagi setiap perjanjian.

1 Peraturan swap sehala ialah peraturan yang membolehkan negara pemohon swap di bawah perjanjian memohon daripada negara pembekal swap untuk berurusan dalam transaksi swap.

2 Peraturan swap dua hala ialah peraturan yang membolehkan salah satu pihak memohon pihak yang satu lagi supaya berurusan dengannya dalam transaksi swap.

* Ketiga-tiga Perjanjian Peraturan Swap Dua Hala Malaysia adalah untuk jangka masa tiga tahun.

Perjanjian yang telah ditandatangani antara negara "Plus Three" (Republik Rakyat China, Jepun dan Korea) dan negara ASEAN.

Perjanjian yang telah ditandatangani di kalangan negara "Plus Three".

menurut Pelan Pelaksanaan ABMI yang diluluskan oleh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 pada bulan Mei 2005.

Pencapaian kumpulan kerja pada tahun 2005 antara lain termasuk penyempurnaan kajian mengenai pembentukan mekanisme jaminan kredit dan pelaburan untuk menyokong terbitan bon di rantau ini, olahan cukai pegangan, dan kemungkinan terbitan bon pelbagai mata wang serantau. Di bawah Kumpulan Kerja mengenai Isu-isu berkaitan Transaksi Pertukaran Asing dan Penjelasan Pembayaran yang dipengerusikan oleh Bank Negara Malaysia, dua kajian telah disempurnakan, iaitu kajian rintangan terhadap pelaburan dan terbitan rentas sempadan di negara-negara Asia, dan kajian mengenai kemungkinan menubuhkan hubungan penjelasan serantau untuk menangani kelemahan dalam pengaturan penjelasan yang ada bagi bon di kalangan negara anggota. Berikutan siapnya kajian yang pertama, negara anggota bersetuju untuk menyediakan maklumat relevan yang minimum mengenai peraturan yang melibatkan pelaburan dan terbitan bon rentas sempadan. Maklumat yang disediakan oleh negara anggota akan dikemaskinikan secara berkala pada laman web Bon Asia Dalam Talian[4]. Berhubung dengan kajian yang kedua, negara anggota bersetuju untuk menjalankan fasa kedua kajian itu pada tahun 2006, dengan memberi tumpuan pada pengurangan pelbagai risiko, khususnya risiko penjelasan pembayaran pertukaran asing dalam sistem pembayaran dan penjelasan rentas sempadan.

Sementara itu, antara kejayaan kukuh yang dicapai oleh negara ASEAN+3 secara individu termasuk terbitan bon mata wang tempatan oleh bank pembangunan pelbagai hala di Malaysia, Thailand, China dan Filipina, dan pengenalan instrumen baru seperti pinjaman pelajar yang disekuritikan di Korea.

Dalam melengkapi ABMI, Kumpulan EMEAP bertindak untuk melaksanakan inisiatif fasa kedua Dana Bon Asia (ABF2), yang merangkumi penyertaan orang ramai dalam dana ini. ABF2 terdiri daripada sembilan dana, lapan daripadanya merupakan dana mata wang tempatan pasaran tunggal yang melabur dalam bon berdaulat dan kuasi-berdaulat yang diterbitkan masing-masing di China, Hong Kong, Indonesia, Korea, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Sementara itu, Dana Indeks Bon Pan-Asia (PAIF) pula ialah dana bon tunggal yang melabur dalam komposit bon berdaulat dan kuasi-berdaulat yang diterbitkan dalam mata wang tempatan kelapan-lapan negara

[4] www.asianbondsonline.adb.org

anggota EMEAP. PAIF yang disenaraikan pada bulan Julai 2005 di Hong Kong, berkembang 10.2% sejak penyenaraiannya ke paras USD1.1 bilion pada akhir tahun 2005. Pada tahun 2005, tiga daripada lapan dana pasaran tunggal berjaya disenaraikan di bursa saham masing-masing. Ini terdiri daripada Dana Indeks Bon Hong Kong ABF, Dana Indeks Bon Malaysia ABF, dan Dana Indeks Bon Singapura ABF, yang masing-masing disenaraikan pada bulan Jun, Julai dan Ogos.

Penyenaraian Dana Indeks Bon Malaysia ABF yang merupakan Dana Didagangkan di Bursa (ETF) yang pertama di Malaysia, menambahkan kepelbagaian penyenaraian di Bursa Malaysia di samping turut merintis jalan untuk meningkatkan pengenalan produk lebih inovatif yang lain. Penyenaraian ETF juga mempertingkatkan kesedaran dan menjana minat di kalangan pelabur domestik dan antarabangsa terhadap pasaran bon Malaysia, justeru menyumbang kepada pembangunan pasaran bon yang lebih besar dan meluas di Malaysia. Sejak pelancarannya, ETF kos rendah mencapai pertumbuhan sebanyak 27% pada akhir tahun 2005.

Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia meneruskan usaha mempromosikan Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) sebagai sebahagian daripada usaha Malaysia untuk meningkatkan kerjasama perdagangan dengan pasaran bukan tradisional. Bank Negara Malaysia sebagai agensi pelaksana bagi skim Peraturan Kredit dan Pembayaran Minyak Sawit (POCPA) meneruskan kerjasama dengan Kerajaan untuk membiayai eksport minyak sawit Malaysia ke pasaran yang mempunyai potensi untuk berkembang dari segi permintaan dan penggunaan minyak. Melangkah ke hadapan, Bank Negara Malaysia akan terus mempertingkatkan keberkesanan skim BPA dan juga menerokai kemungkinan menambah bilangan negara terutamanya di kalangan anggota OIC. Sehingga kini, Bank Negara Malaysia telah menandatangani BPA dengan 24 negara, sembilan daripadanya merupakan negara anggota OIC, sementara lima daripada 10 negara yang mendapat manfaat daripada skim POCPA ialah negara anggota OIC.

Bank Negara Malaysia terus meletakkan keutamaan yang tinggi terhadap kerjasama serantau dalam pengurusan modal insan untuk mengukuhkan kemampuan domestik dalam sektor kewangan dan pengurusan makroekonomi. Sehubungan dengan ini, Bank Negara Malaysia menyokong kuat aktiviti latihan Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN, dengan memberi tumpuan pada topik berkaitan dengan fungsi teras perbankan pusat, terutamanya penyeliaan perbankan, pembaharuan sektor kewangan dan perumusan dasar monetari. Pada tahun

Ahli serantau telah menerajui inisiatif baru untuk mengubah Pusat SEACEN supaya menjadi sebuah institusi serantau yang cemerlang dan menjadi pilihan bagi latihan oleh bank-bank pusat di rantau ini.

2005, selain memberi latihan kepada negara anggota yang telah bertambah bilangannya kepada 14 dengan kemasukan Bank of Papua New Guinea pada bulan Jun, Pusat SEACEN turut memberikan perkhidmatan latihannya kepada 22 negara bukan anggota. Dalam menjalankan aktiviti latihannya, Pusat ini bekerjasama dengan institusi latihan antarabangsa, termasuk Toronto International Leadership Centre, Institut IMF, Financial Stability Institute, Institut Bank Dunia dan Institut ADB. Pada masa yang sama, kerjasama juga dijalin dengan bank pusat negara maju, seperti Federal Reserve System Amerika Syarikat dan Bank of Japan. Pada tahun 2005, buat julung-julung kalinya, Pusat ini bekerjasama dengan Majlis Penasihat Perniagaan APEC, Persatuan Pengurus Bank dan Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik untuk menganjurkan Dialog sektor awam-swasta mengenai 'Pelaksanaan Rentas Sempadan Basel II dan Isu-Isu Baru Pengawalseliaan Penyeliaan Perbankan'. Kerjasama ini akan dipertingkatkan bagi penggarapan perspektif perniagaan ke dalam latihan yang dijalankan oleh Pusat ini.

Memandangkan cabaran yang dihadapi oleh Pusat ini dalam melaksanakan fungsinya dalam persekitaran global yang dinamik, anggota serantau telah menerajui inisiatif baru untuk mengubah Pusat SEACEN agar menjadi sebuah institusi serantau yang cemerlang dan menjadi pilihan bagi latihan oleh bank pusat di rantau ini. Hasilnya, haluan strategik umum yang menjadi panduan bagi Pusat ini dalam menjalankan aktiviti latihan dan penyelidikannya diformalkan pada tahun 2005. Haluan strategik mengenai latihan membabitkan pembentukan modul latihan dan memanfaatkan teknologi, membina perkongsian strategik, dan juga memperkukuh kerjasama yang sedia terjalin dengan institusi latihan antarabangsa yang terkemuka dalam mereka bentuk dan membangunkan program latihan berkualiti tinggi. Sebagai permulaan, satu kursus induk (flagship) akan dibangunkan bagi pelbagai peringkat kakitangan bank pusat dengan tahap perincian dan kompleksiti yang berbeza. Ini akan membolehkan anggota SEACEN memilih aktiviti latihan mengikut keperluan masing-masing. Berhubung dengan haluan strategik mengenai

penyelidikan, Pusat ini akan menambahbaikan aktiviti penyelidikannya, terutamanya mengenai isu-isu serantau yang penting bagi bank pusat, yang menyokong dan relevan kepada aktiviti latihan.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Bank Negara Malaysia dalam menyumbang kepada pembinaan kapasiti rantau ini untuk pertumbuhan jangka panjang, Bank menganjurkan program latihan dan penempatan, di samping memberikan bantuan dalam bentuk lawatan sambil belajar dan taklimat untuk berkongsi pengalaman dengan pihak lain. Di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia, Bank Negara Malaysia menawarkan tempat kepada peserta luar negara dalam dua program tahunan, iaitu Kursus Perbankan Pusat (sejak tahun 1984) dan Kursus Asas Penyeliaan Perbankan (sejak tahun 2002). Setakat ini, Bank Negara Malaysia menerima sebanyak 253 peserta asing sejak kursus-kursus itu dimulakan. Pada tahun 2005, sebanyak 19 pegawai daripada 14 negara menyertai program latihan ini.

Acara Utama Peringkat Antarabangsa yang Dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia pada Tahun 2005

JUN 2005

22hb

Seminar Pelan Induk 10 Tahun bagi Industri Perkhidmatan Kewangan Islam

IDB dan IFSB dengan kerjasama Bank Negara Malaysia telah menganjurkan Seminar Pelan Induk 10 Tahun bagi Industri Perkhidmatan Kewangan Islam. Seminar ini diadakan sempena Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenor-Gabenor IDB yang ke-30. Objektif seminar adalah untuk membincangkan isu-isu dan perkara-perkara penting dalam perumusan pelan induk bagi pembangunan perbankan dan kewangan Islam secara progresif dan berstruktur. Pelan induk ini menjelaskan rangka tindakan dan menyediakan wawasan dan templat yang seragam, serta langkah-langkah pelaksanaan bagi negara-negara yang ingin membuat perancangan masa depan industri perkhidmatan kewangan Islam. Seminar ini dihadiri oleh lebih 700 wakil terdiri daripada pengawalselia, peserta pasaran dan ahli korporat dari serata dunia.

22hb-23hb

Persidangan Pelabur mengenai 'Malaysia: Destinasi Pelaburan'

Persidangan ini telah diadakan sempena Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenor-Gabenor IDB yang ke-30. Ia menekankan peluang pelaburan secara konvensional dan Islam di Malaysia dalam suasana landskap kewangan yang pesat berubah, liberalisasi kewangan dan transformasi ekonomi. Persidangan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan, dengan penyertaan daripada 100 buah institusi global dari 30 buah negara. Pada penutup persidangan ini, dua indeks, iaitu Indeks Sekuriti Kerajaan Malaysia Citigroup dan Indeks Islam Malaysia Dow Jones-RHB telah dilancarkan, menandakan satu lagi pencapaian penting dalam pembangunan pasaran modal Malaysia.

22hb-23hb

Dialog Cendekiawan Syariah

Bank Negara Malaysia telah menganjurkan satu dialog tertutup bagi memperkasa dan memupuk persefahaman di kalangan para cendekiawan Syariah dalam kewangan Islam. Dialog ini dihadiri oleh lebih 40 cendekiawan Syariah, termasuk cendekiawan terkemuka dari Arab Saudi, Tunisia, Iran, Bahrain, Pakistan, Bangladesh, Indonesia, Brunei dan Malaysia. Menyedari pentingnya peranan cendekiawan Syariah dalam pembangunan perbankan Islam dan dalam integrasi sektor kewangan Islam yang progresif ke pasaran global, sebuah dana endowmen berjumlah RM200 juta telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan keperluan pembiayaan bagi penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan modal insan dalam bidang Syariah dan fiqah mualamat.

24hb

Seminar 'Derivatif dalam Kewangan Islam'

Bank Negara Malaysia dan Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia telah menjadi tuan rumah bersama pada Seminar 'Derivatif dalam Kewangan Islam' sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mempercepat

pertumbuhan pasaran kewangan Islam dengan mengukuhkan rantaian antara komponennya. Langkah ini memerlukan pembangunan instrumen kewangan Islam yang lebih pelbagai termasuk alat untuk melindung nilai atau menguruskan risiko.

Seminar ini dihadiri oleh peserta daripada institusi tempatan dan asing untuk membincangkan idea-idea baru dalam pengurusan risiko dari perspektif Islam dengan memberi perhatian khusus kepada peluang dan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan teknik-teknik pengurangan risiko yang mematuhi Syariah seperti Swap Kadar Keuntungan Islam dan Kontrak Hadapan Kadar Pertukaran Asing Islam. Seminar ini akan merangsang usaha bersama yang lebih erat di kalangan pengawalselia, cendekiawan Syariah, pakar kewangan Islam, penyelidik dan pengamal untuk menukar idea-idea konseptual menjadi teknik-teknik pengurangan risiko dan produk-produk bagi merintis jalan ke arah sistem Kewangan Islam yang lebih memberangsangkan dan dinamik.

JULAI 2005

13hb-15hb
Persidangan Euro

Persidangan Euro telah dianjurkan bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Eropah. Persidangan peringkat tinggi yang bertemakan 'Memperluas Hubungan Ekonomi ASEAN-EU – Peranan Euro' bertujuan membincang isu-isu dalam mengukuhkan lagi hubungan ekonomi ASEAN-EU dalam keadaan peranan euro yang semakin meningkat dalam sistem kewangan antarabangsa. Persidangan itu menyediakan platform untuk bertukar-tukar pandangan tentang pembangunan dan prospek pasaran kewangan di ASEAN dan EU, integrasi kewangan dan ekonomi, dan peluang untuk meningkatkan rantaian perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua kumpulan serantau itu.

Secara keseluruhan, perbincangan di Persidangan ini menegaskan lagi bahawa semangat kerjasama dua hala antara ASEAN dengan EU adalah utuh dan semakin berkembang. Namun demikian, ia masih perlu dipertingkatkan supaya kedua-dua kumpulan serantau itu boleh memperkukuh lagi kerjasama positif untuk mengekalkan kemakmuran bersama secara berterusan. Sememangnya diakui bahawa masa depan hubungan ASEAN-EU bergantung kepada perubahan landskap strategik dalam senario globalisasi, hasrat ASEAN dan EU untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam ekonomi global dan hal ehwal antarabangsa, keupayaan EU dalam menguruskan proses pembesarannya, dan komitmen ASEAN untuk memupuk integrasi serantau yang lebih luas.

NOVEMBER 2005

21hb-23hb
Persidangan Serantau mengenai Iklim Pelaburan dan Daya Saing di Asia Timur

Persidangan Serantau mengenai Iklim Pelaburan dan Daya Saing di Asia Timur telah diadakan di Kuala Lumpur dengan anjuran bersama Unit Perancang Ekonomi Malaysia, Bank Dunia dan Bank Negara Malaysia. Matlamat Persidangan ini adalah untuk menyediakan platform bagi pakar antarabangsa, wakil sektor swasta, dan penggubal dasar dari rantau Asia Timur berkongsi pengalaman dalam merangka dan melaksanakan dasar-dasar bagi mewujudkan iklim pelaburan yang baik yang boleh menyumbang kepada kemajuan ekonomi dan sosial melalui peningkatan produktiviti dan daya saing. Ini akan dapat menggalakkan pertumbuhan dan tahap kemewahan yang lebih tinggi.

Persidangan ini, yang dihadiri oleh pegawai kanan dan peserta sektor swasta dari 10 buah negara, iaitu Brunei, Kemboja, China, Indonesia, RDR Laos, Malaysia, Mongolia, Filipina, Thailand dan Vietnam, membincangkan isu-isu seperti yang berikut:

- Pelbagai bentuk kekangan iklim pelaburan. Ini termasuk ketidakpastian mengenai dasar-dasar kerajaan; infrastruktur, modal insan dan akses kepada pembiayaan yang tidak mencukupi; tadbir urus yang lemah dan rangka kerja pengawalseliaan yang terlalu terhad;

- Kesan kekangan iklim pelaburan atas prestasi firma;
- Program dan dasar untuk menangani kekangan dalam meningkatkan produktiviti firma; dan
- Pengalaman negara-negara yang menjadi tanda aras.

Persidangan ini menghasilkan tahap kesedaran yang lebih tinggi di kalangan negara peserta terhadap tekanan dan cabaran daripada persekitaran ekonomi dan kewangan yang pesat berubah dan pelbagai pendekatan yang boleh diambil untuk menarik pelaburan dan meningkatkan potensi pertumbuhan.

DISEMBER 2005

14hb-16hb

Forum Antarabangsa mengenai Perlindungan dan Pendidikan Pengguna Kewangan yang Ketiga

Bank Negara Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada Forum Antarabangsa mengenai Perlindungan dan Pendidikan Pengguna Kewangan yang bertemakan 'Menggalakkan Peningkatan dalam Perlindungan dan Pendidikan Pengguna'. Forum ini menyediakan platform bagi pengawalselia kewangan di seluruh dunia untuk membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan perlindungan dan pendidikan pengguna serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam bidang ini.

Seramai 60 peserta dari 30 buah negara, yang terdiri daripada pegawai kanan pihak berkuasa pengawalseliaan telah menghadiri Forum ini. Forum ini meneliti pendekatan bagi menggalakkan amalan pasaran yang adil dan layanan saksama kepada pengguna serta piawaian pendedahan dan ketelusan produk yang berkesan. Forum ini juga menyaksikan pertukaran pandangan tentang pengukuran keberkesanan pendekatan-pendekatan ini dan masa depan atau hala tuju perlindungan dan pendidikan pengguna kewangan. Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam merangsang hubungan kerja yang rapat di kalangan pengawalselia dan menyediakan asas bagi pembangunan piawaian amalan terbaik berhubung dengan isu perlindungan dan pendidikan pengguna.

Organisasi dan Sumber Manusia

260-265 Pembangunan Organisasi
265-267 Pengurusan Risiko di Bank Negara Malaysia
268 Struktur Organisasi

Organisasi dan Sumber Manusia

PEMBANGUNAN ORGANISASI

Tinjauan

Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia telah mempertingkatkan usaha menambah keupayaan dan kapasiti organisasi bagi mencapai tahap kecekapan dan keberkesanan yang lebih tinggi dalam menjalankan peranannya. Inisiatif untuk mengubah Bank menjadi sebuah organisasi yang berasaskan pengetahuan menjadi semakin giat pada tahun 2004 dan diteruskan pada tahun 2005. Program-program yang dilaksanakan serta usaha-usaha yang dijalankan lebih terancang dan fokus dalam bidang pengurusan modal insan, latihan dan pembelajaran, teknologi maklumat dan komunikasi, pengurusan pengetahuan, pengurusan tempat kerja dan ruang, keselamatan maklumat dan tadbir urus korporat.

Sepanjang tahun 2005, inisiatif pembangunan organisasi Bank menekankan dua bidang utama:

- Membentuk organisasi yang dipacu oleh prestasi dan fokus kepada strategi; dan
- Menyokong pembangunan pekerja berpengetahuan dan menerap budaya kerja berprestasi cemerlang dan terbilang.

Keutamaan pertama menyorot hasrat Bank untuk memberi tumpuan kepada prestasi dan hasil. Pada peringkat strategik, matriks prestasi Bank mentakrifkan empat elemen penting, iaitu hasil yang dihasratkan, orientasi pihak berkepentingan, kecekapan proses dan pembangunan keupayaan, yang kesemuanya merupakan dimensi prestasi yang kritikal untuk mencapai mandat Bank. Seperti kebanyakan bank pusat yang lain dalam ekonomi pasaran yang berkembang, mandat utama Bank Negara Malaysia adalah untuk menggalakkan dan memastikan kestabilan monetari dan kewangan negara bagi menyokong pertumbuhan. Walau bagaimanapun, mandat ini dilaksanakan dalam konteks yang lebih luas selaras dengan peranan Bank sebagai pengawal, penyelia, pembentuk persekitaran, pemacu perubahan dan sebagai pengendali sistem dan institusi yang dibentuk khusus untuk memenuhi keperluan ekonomi.

Kepimpinan Bank Negara Malaysia telah menerajui orientasi strategik organisasi dengan mengendalikan beberapa siri program sepanjang tahun. Ini adalah bertujuan memantapkan kejelasan berhubung hasil yang dihasratkan oleh Bank di kalangan kakitangan Bank. Usaha juga tertumpu ke arah menterjemahkan strategi kepada operasi, menjadikan strategi sebagai tanggungjawab semua, menjajarkan organisasi, dan menjadikan perumusan dan pelaksanaan strategi sebagai satu proses yang berterusan di Bank.

Keutamaan kedua mencerminkan cabaran yang dihadapi oleh organisasi dalam ekonomi ilmu, iaitu cara untuk menarik, membangun, mengekalkan dan mendorong pekerja berpengetahuan untuk memacu prestasi organisasi. Pada tahun 2005, Bank telah meningkatkan usahanya untuk memenangi "perebutan bakat" dengan memodenkan dan mempertingkatkan dasar dan amalannya dalam pengurusan bakat. Ini merangkumi kajian semula besar-besaran dan rekayasa semula proses dalam permintaan dan penawaran bakat, dan pengurusan prestasi. Penekanan Bank terhadap budaya prestasi gemilang dan terbilang telah membawa kepada perubahan besar dalam amalan yang mengaitkan prestasi kakitangan secara lebih tepat dan langsung kepada pencapaian matlamat prestasi organisasi, dan kepada pemberian ganjaran dan pengiktirafan. Pada tahun 2005, pihak pengurusan telah menunjukkan komitmennya terhadap piawaian prestasi yang lebih tinggi dengan menjalankan penilaian yang ketat dalam membuat keputusan berkaitan pemberian ganjaran termasuk kenaikan pangkat, kenaikan gred kerja, kenaikan gaji dan pembayaran bonus.

Bank Negara Malaysia juga meneruskan pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar pembelajaran kendiri terarah yang berterusan untuk terus menyemai dan menggalakkan kakitangan supaya berkebolehan mengaitkan matlamat pembelajaran mereka dengan matlamat prestasi. Inisiatif pembelajaran pedagogi dan sistem sokongan baru yang telah diperkenalkan sejak tahun 2003 untuk memenuhi pilihan dan keperluan berbeza pelajar dewasa, membantu mewujudkan persekitaran yang membolehkan budaya pembelajaran berterusan sepanjang hayat. Sistem ICT Bank Negara Malaysia terus kekal terkini, dengan banyak pelaburan dibuat pada tahun 2005 dalam memenuhi permintaan lebih banyak jalur lebar, penyelesaian berasaskan protokol internet (IP), teknologi tanpa wayar dan telefon mudah alih oleh pekerja berpengetahuan. Peningkatan ICT ini menawarkan kakitangan tahap perhubungan yang lebih baik dan lebih fleksibel dalam berkomunikasi dan membuat keputusan yang pantas. Semuanya ini dijangka dapat menggalakkan kerjasama yang lebih baik, akses yang lebih mudah kepada maklumat, perkongsian pengetahuan dan rangkaian di kalangan pihak berkepentingan.

Peningkatan seterusnya dalam amalan pengurusan pengetahuan juga menyokong keperluan pekerja berpengetahuan di Bank Negara Malaysia. Kejayaan penyiapan projek taksanomi korporat Bank pada tahun 2005 adalah hasil kerja bersungguh-sungguh untuk membangunkan hab pengetahuan Bank, iaitu satu sistem yang membolehkan akses mudah dan pantas kepada tempat penyimpanan aset pengetahuan strategik Bank. Tahun itu menyaksikan peningkatan ketara penggunaan kemudahan dan perkhidmatan pusat pengurusan pengetahuan. Amalan pengurusan pengetahuan yang lebih baik dapat menyumbang kepada inisiatif peningkatan prestasi melalui : kemudahan perolehan pengetahuan, penggunaan semula pengetahuan, perkongsian pengetahuan dan penciptaan pengetahuan, pengurangan masa bagi mencapai kecekapan, peningkatan putaran mencapai keputusan dan dengan kemudahan persekitaran kerja secara usaha sama.

Reka bentuk pejabat baru yang diperkenalkan pada tahun 2004 terbukti diminati di kalangan pekerja berpengetahuan, sebahagiannya kerana bersesuaian dengan persekitaran kerja yang dipilih mereka, lantas meningkatkan prestasi mereka. Dasar dan prosedur keselamatan maklumat yang dilaksanakan pada tahun 2005 telah membentuk persekitaran bagi kakitangan berkongsi pengetahuan dan maklumat dengan yakin. Inisiatif tadbir urus korporat pada tahun 2005 memberi lebih penekanan untuk pembaikan seterusnya dalam amalan pelaporan dan pemantauan prestasi sedia ada. Ini telah menghasilkan perubahan ketara dalam orientasi jabatan operasi terhadap akauntabiliti, pemilikan hasil dan keputusan, dan penjajaran matlamat prestasi jabatan yang lebih baik kepada pencapaian objektif strategik Bank.

Proses dan Keupayaan Pengurusan Strategik

Bank Negara Malaysia telah menggunakan Balanced Scorecard (BSC) pada tahun 2004 sebagai salah satu cara untuk meningkatkan amalan pengurusan prestasi strategiknya. Pada tahun 2005, lebih banyak program dilaksanakan untuk terus memanfaatkan keupayaan pengurusan strategik Bank, dengan mensasarkan kakitangan pengurusan kanan terutamanya pengarah dan timbalan pengarah jabatan. Kepimpinan atasan telah menjalankan beberapa sesi bersama kumpulan sasaran ini dan melibatkan mereka dalam perbincangan strategik peringkat tinggi untuk membantu membentuk kejelasan, penjajaran dan konsensus yang lebih baik mengenai matlamat strategik, fokus dan tugasan jabatan dalam konteks sasaran organisasi Bank. Ini juga telah membentuk kesedaran yang lebih tinggi mengenai saling pergantungan dan peluang untuk meningkatkan kerjasama antara jabatan.

Program-program yang dilaksanakan berkaitan dengan keupayaan dan proses pengurusan strategik termasuk penyataan hasil strategik yang lebih khusus serta strategi dan inisiatif yang perlu diambil, penyediaan penunjuk prestasi dan pewujudan proses yang lebih sistematik untuk kajian semula strategi dan prestasi organisasi. Maklumat mengenai strategi dan prestasi organisasi yang mengambil kira pelbagai dimensi dan prestasi memberikan gambaran akan kapasiti dan keupayaan dalaman yang diperlukan oleh Bank untuk meningkatkan prestasi. Satu unit khas – Pejabat Pengurusan Strategik – telah ditubuhkan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan strategik Bank dan membantu Bank dalam usahanya untuk menjadi sebuah organisasi yang lebih fokus kepada strategi.

Pengurusan Modal Insan

Tahun 2005 menyaksikan tumpuan penilaian semula dan pembaikan proses pengurusan modal insan yang penting, merangkumi bidang utama termasuk permintaan bakat, penawaran bakat, pengurusan prestasi, pembangunan kakitangan dan pengurusan ganjaran. Pada tahun itu, satu Jawatankuasa Pengurusan Modal Insan yang baru telah dibentuk untuk menggantikan Kumpulan Dasar Pentadbiran Sumber Manusia yang lama, selaras dengan komitmen Bank untuk mengangkat isu pengurusan modal insan ke tahap yang paling tinggi dan untuk menggalakkan kemasukan dan penyertaan meluas dan berkesan kakitangan kanan dalam proses pengurusan modal insan. Jawatankuasa itu menyelia proses untuk menjajar semula penetapan keperluan bakat Bank kepada matlamat strategik dan proses utamanya. Ini telah membawa kepada pembangunan dan penggunaan model kompetensi yang baru dan penyediaan profil peranan semula para pengarah jabatan di Bank. Ini diikuti dengan usaha untuk melaksanakan penilaian menyeluruh atas kesediaan kumpulan pengarah jabatan untuk memainkan peranan tugas yang baru. Usaha selari telah dijalankan untuk mengenal pasti dan mengukur keperluan pembangunan 70 orang pengurus kanan Bank di bawah rancangan pengurusan penggantian Bank dengan menggunakan pendekatan pusat penilaian yang komprehensif.

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia telah menjalani program transformasi besar-besaran pada tahun 2005, dengan fokus kepada pembentukan semula struktur, peningkatan kapasiti dan proses pengambilan bakat teras yang terpilih. Bakat baru dibawa masuk untuk mengukuhkan prestasi dan keberkesanan jabatan. Pencapaian penting lain yang diperoleh pada tahun itu termasuk: penggunaan rangka kerja untuk mewujudkan kedudukan pakar teknikal dalam Bank bagi menarik dan

mengekalkan bakat yang sesuai dalam bidang operasi yang memberi kesan atas keupayaan mengunggulkan Bank, dan penggunaan set peralatan dan kaedah yang boleh diharapkan untuk menilai dan mengenal pasti keperluan bakat yang kritikal di Bank. Pada tahun 2005, Bank mendapatkan bakat yang berkaliber tinggi untuk program pembangunan di bawah skim biasiswanya mengenalpasti mereka terus di institusi pengajian utama dalam negara.

Jumlah kakitangan Bank pada akhir tahun 2005 secara relatif tidak berubah pada 2,345. Pada tahun itu, 48 orang kakitangan (2.0%) telah meletakkan jawatan sementara 15 orang lagi telah bersara. Sepanjang tempoh lima tahun (2000-2005), bakat Bank telah meningkat sebanyak 25% - daripada 1,876 kepada 2,345 kakitangan – untuk memberi sokongan kepada pertambahan bidang tanggungjawab Bank. Sepanjang lima tahun itu, terdapat peningkatan yang ketara dalam pengambilan baru di peringkat eksekutif (graduan ijazah; seramai 235 atau peningkatan sebanyak 25.6%), dan peningkatan dalam pengambilan baru dan kenaikan pangkat di peringkat pengurusan pertengahan (123 atau peningkatan sebanyak 45.0%). Kakitangan bukan eksekutif merupakan 32.0% daripada jumlah kakitangan Bank. Profil kakitangan Bank telah berubah ke arah lebih ramai bilangan kakitangan pengurusan pertengahan, manakala peratus kakitangan bukan eksekutif semakin berkurang. Demografi kakitangan juga telah berubah, dengan 63% daripada jumlah kakitangan kini di bawah umur 40 tahun, dengan latar belakang dan pengalaman akademik dan profesional yang lebih pelbagai.

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan terus menjadi antara bidang tumpuan pada tahun 2005. Bank Negara Malaysia memberi penekanan dalam menggalakkan kehidupan sihat di kalangan pekerja, dengan meningkatkan tahap kesedaran kesihatan dan kesejahteraan individu melalui beberapa siri program pendidikan yang dikendalikan oleh ahli profesional dalam bidang kesihatan dan perubatan. Usaha ini dapat menggalakkan kehidupan yang lebih seimbang dalam jangkamasa panjang sekaligus menyumbang kepada prestasi kakitangan.

Pengurusan Latihan dan Pembelajaran

Bank Negara Malaysia mengukuhkan keupayaannya untuk memberikan perkhidmatan sebagai Universiti Korporat menjelang tahun 2006. Perunding pembelajaran dalaman bertindak sebagai rakan kongsi dengan jabatan untuk menentukan program pembelajaran yang berkait secara langsung dengan keutamaan strategik Bank serta keperluan pembelajaran individu. Langkah-langkah telah diambil untuk memformalkan pembelajaran melalui tindakan, pembelajaran berasaskan projek dan bimbingan, dengan Pusat Pembangunan Sumber Manusia bekerjasama rapat dengan Jabatan Pengurusan Sumber Manusia.

Sebagai respons kepada keutamaan Bank ke arah menjadi sebuah organisasi yang lebih berteraskan prestasi dan pengetahuan, keupayaan dalaman dalam bidang seperti peningkatan prestasi manusia, penilaian keberkesanan pembelajaran dan reka bentuk pendidikan telah dipertingkatkan. Penggunaan Sistem Pengurusan Pembelajaran dan rumusan pembelajaran dalam talian untuk kursus-kursus pengurusan dan kewangan merupakan pencapaian tambahan dalam menuju ke arah Universiti Korporat. Pakatan strategik dengan pembekal latihan terkenal seperti *Centre for Creative Leadership* dan *Toronto Centre for Leadership* telah dipertingkatkan secara berterusan untuk menyediakan rumusan pembelajaran berkualiti tinggi daripada pemimpin pemikiran.

Sebagai sebahagian daripada usaha Bank untuk membentuk pemimpin dari kalangan warga Bank sendiri, Program Pembangunan Kepimpinan yang pertama yang direka khusus untuk pengurusan kanan telah berjaya dilaksanakan secara kerjasama dengan *Centre for Creative Leadership*. Program selama satu setengah tahun ini disertai 70 bakal pemimpin yang telah berinteraksi secara mendalam dengan pihak pengurusan kanan bagi tujuan penjajaran strategik dan penerapan nilai. Teknik maklum balas secara penilaian 360 darjah menyediakan tahap kesedaran yang lebih tinggi terhadap cara kepimpinan dan rancangan pembangunan diri yang fokus. Program ini telah direka untuk memberi peluang kepada peserta mengadakan wacana strategik dengan pihak pengurusan kanan Bank mengenai isu-isu kepimpinan strategik, dialog dengan pemimpin industri terkemuka dalam bidang menerajui dan mengurus perubahan, serta tokoh akademik yang terkenal dalam bidang kepimpinan. Bank Negara Malaysia juga telah melaksanakan program kepimpinan penyeliaan kewangan bagi para penyelia Bank dengan kerjasama *Toronto Centre for Leadership*.

Pada tahun 2005, Pusat Pembangunan Sumber Manusia telah mengadakan 65 program latihan yang merangkumi 120 sesi, dengan latihan selama enam hari bagi setiap kakitangan. Secara keseluruhan, sebanyak 65 program latihan telah dianjurkan, merangkumi 20 sesi, dengan jumlah hari latihan purata bagi setiap kakitangan ialah 6 hari.

Lebih banyak program akan ditawarkan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia pada tahun 2006. Sebagai tambahan kepada kursus-kursus Perbankan Pusat dan Penyeliaan Perbankan Asas peringkat pertengahan, program-program seperti Kursus Perbankan dan Kewangan Islam untuk Pengawai Bank Pusat, Kursus Perbankan Pusat Asas, dan kursus-kursus Pengawalan dan Penyeliaan Insurans akan diperkenalkan untuk menambah pengetahuan dan kepakaran jabatan masing-masing. Dengan pengenalan kursus-kursus baru itu, inisiatif telah dipergiatkan untuk membentuk lebih banyak kurikulum berstruktur dalam perbankan pusat, teknologi maklumat untuk pengurusan, dan kepimpinan. Kurikulum tersebut akan dibentuk berasaskan keperluan kompetensi yang dikenal pasti oleh Bank, dengan itu menekankan hubungan antara pembelajaran dengan prestasi.

Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Bank Negara Malaysia terus menitikberatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sebagai satu pemboleh penting dalam mewujudkan tenaga kerja berprestasi tinggi. Secara khusus, pengurusan ICT menekankan pencapaian kecekapan perniagaan dengan memastikan maklumat yang betul dapat diperoleh tepat pada masanya. Untuk mencapai ini, peranan ICT sentiasa ditambah baik bagi meningkatkan integrasi dengan proses perniagaan.

Oleh itu, selaras dengan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) untuk meningkatkan kecekapan infrastruktur pembayaran, gerbang penyelesaian pembayaran telah dipermodenkan. Bank juga telah menambahbaikkan sistem penjelasan cek untuk memperbaiki pemprosesan cek-cek yang belum dijelaskan di bank perdagangan. Sistem penukaran imejan cek dan pemangkasan sedang dirancang untuk jangka masa terdekat.

Cabaran utama pada tahun 2006 ialah pelaksanaan Portal Enterpris, iaitu satu langkah evolusi kepada Portal Korporat yang sedia ada. Ini akan menaik taraf keupayaan infrastruktur ICT Bank dan terus meningkatkan penghantaran perkhidmatan kepada pihak berkepentingan. Portal Enterpris dijangka dapat membawa Bank ke fasa transformasi KBO seterusnya melalui suasana kerja yang bersepadu melalui integrasi kakitangan, proses dan maklumat.

Dalam usaha menggalakkan kerjasama, Bank telah menaik taraf infrastruktur extranet untuk meningkatkan fleksibiliti dalam pertukaran data antara Bank dengan institusi kewangan. Penggunaan peranti mudah alih dengan akses kepada e-mel telah membuka peluang baru dalam mendapatkan akses kepada maklumat asas dari jarak jauh. Ini merupakan langkah awal ke arah menjadi organisasi yang meluas dengan menerima kerjasama jarak jauh untuk mengurangkan masa membuat keputusan, sekaligus meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

Sejajar dengan harapan yang meningkat, Bank Negara Malaysia bertanggungjawab mengekalkan penyediaan perkhidmatan yang terjamin, teguh dan berkualiti kepada pihak yang berkepentingan. Usaha berterusan dijalankan pada tahun 2005 untuk meningkatkan Pengurusan Infrastruktur dan Perkhidmatan ICT Bank. Pelbagai inisiatif dalaman, terutamanya menaik taraf Pusat Data, telah dilaksanakan untuk membolehkan tadbir urus ICT yang lebih berhemat melalui pengoptimuman peranan, proses dan persekitaran teknologi yang berterusan. Bidang yang telah dipertingkatkan termasuk kesediaan perkhidmatan, kapasiti, keselamatan dan kesinambungan pengurusan. Tahun akan datang memberikan cabaran baru dengan penggunaan amalan terbaik Perpustakaan Infrastruktur Teknologi Maklumat dan penubuhan Pusat Data di luar lokasi yang baru yang akan beralih daripada peringkat rekaan kepada peringkat pelaksanaan.

Pengurusan Pengetahuan

Strategi menerapkan amalan Pengurusan Pengetahuan (KM) dalam proses pekerjaan diteruskan pada tahun 2005. Ini telah menyumbang kepada pewujudan persekitaran yang lebih sesuai bagi pekerja pengetahuan di Bank. Satu pencapaian utama ialah kejayaan menyiapkan projek taksonomi korporat Bank Negara Malaysia. Taksonomi merupakan rangka kerja klasifikasi maklumat yang telah digunakan sebagai asas untuk membentuk sistem pengurusan simpanan pengetahuan yang dikenali sebagai Hab Pengetahuan Bank. Dengan disokong oleh enjin carian dan dasar keselamatan maklumat, Hab Pengetahuan menunjukkan dengan jelas pengetahuan yang ada dan akses kepada pengetahuan. Ini sekaligus memudahkan lagi proses mendapatkan, penggunaan semula, perkongsian dan penciptaan pengetahuan.

Satu lagi trend yang memberangsangkan ialah peningkatan dalam penggunaan infrastruktur pengurusan pengetahuan. Sebagai contoh, jumlah pengguna yang hadir ke Pusat Pengurusan

Pengetahuan (KMC) Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 2004, telah meningkat 92% daripada 8,386 kepada 16,126. Bilangan simpanan subjek khusus yang dibentuk pada tahun 2005 oleh KMC meningkat daripada 32 kepada 42 (25%), yang merupakan sebahagian ukuran pertumbuhan modal intelek Bank. Trend lain yang agak nyata ialah kekerapan penggunaan portal Perpustakaan KMC yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 13% daripada 31,969 kepada 35,990 serta peningkatan 10% dalam akses kepada maklumat dalam talian daripada 14,010 kepada 15,440.

Bank Negara Malaysia menganjurkan Pameran Pengurusan Pengetahuan pada tahun itu untuk meningkatkan tahap kesedaran di kalangan kakitangan mengenai teknik dan amalan terbaru dalam pengurusan pengetahuan, serta kepentingan pengurusan keselamatan maklumat. Aktiviti pembelajaran dan pameran disediakan untuk memperkenalkan pelbagai rumusan pengurusan pengetahuan yang telah diperkenalkan di Bank. Pameran ini juga menampilkan beberapa amalan yang biasa digunakan dalam pengurusan pengetahuan, seperti bercerita dan hubungan sosial melalui amalan komuniti.

Penyusunan semula ruang dalam bangunan Bank telah menghasilkan ruang yang lebih terbuka dan fleksibel, termasuk jalinan hubungan kepada sistem maklumat, lantas membolehkan kakitangan daripada pelbagai jabatan bertemu untuk berbincang dan bekerja dalam keadaan bekerja yang lebih cekap dan kondusif. Ini terbukti amat berguna bagi pekerja berpengetahuan yang bekerja secara individu, sebagai pasukan jabatan dan dalam projek antara jabatan.

Tadbir Urus Korporat

Sepanjang tahun 2005, Lembaga Pengarah telah mengadakan dua belas mesyuarat, selain daripada mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga suku tahunan. Jawatankuasa Pengurusan yang merupakan teras dan pihak pembuat keputusan pengurusan peringkat tertinggi Bank telah mengadakan tiga puluh lapan mesyuarat untuk membincangkan hal-hal berkaitan silang fungsian peringkat tinggi. Selain itu, empat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Rizab, sebelas Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari, empat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko, sebelas Mesyuarat Jawatankuasa Kestabilan Kewangan, dan tiga Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Pembayaran telah diadakan pada tahun 2005.

Pada tahun itu, satu taklimat kepada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah diadakan bagi membentangkan penilaian Bank mengenai ekonomi dan sektor kewangan, isu kewangan dan ekonomi yang penting dan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia, dan cadangan dasar untuk menangani isu dan cabaran itu. Dalam memenuhi kehendak pihak berkepentingan yang lain, termasuk orang ramai, sektor perniagaan, para pelabur dan penganalisis domestik dan antarabangsa, Bank telah mengadakan jerayawara dan sesi kesedaran untuk menyampaikan dasar Bank dan juga untuk memberikan maklumat mengenai hal-hal perbankan dan insurans.

Anugerah

Sekalung tahniah daripada pihak Bank Negara Malaysia kepada kakitangan berikut yang telah dikurniai anugerah oleh Ketua Kerajaan Negeri masing-masing.

Sebagai sebahagian daripada program pengiktirafan dalaman, pihak Bank telah mengiktiraf 19 orang kakitangan bagi kecemerlangan prestasi dan pencapaian akademik mereka di bawah anugerah Prestasi Cemerlang dan Pencapaian Akademik. Selain anugerah individu, tiga pasukan telah diberi Anugerah Perkhidmatan Berkualiti, Inovasi dan Prestasi Pasukan Cemerlang. Anugerah tersebut telah diberikan semasa Jamuan Makan Malam Bank yang diadakan pada 3 September 2005.

Persaraan

Lembaga Pengarah merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada 15 orang pesara atas dedikasi dan komitmen mereka semasa berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia. Kakitangan yang bersara daripada perkhidmatan pada tahun 2005 tersenarai di Jadual 1.

No.	Nama	Anugerah	Negeri
1	Puan Azalina binti Omar	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)	Penang
2	Encik Saari bin Rajap	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)	Pahang
3	Puan Annie Tan	Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat (PMC)	Negeri Sembilan

Jadual 12.1
Senarai Pesara

No	Nama	Jabatan/Cawangan
1	Rahim bin Idris	Jabatan Penyeliaan Insurans
2	Indralingam a/l Subramaniam	Jabatan Penyeliaan Perbankan 1
3	Chan Tsoon Hean	Jabatan Pengurusan dan Operasi Matawang
4	Rosli bin Sulong	Jabatan Pengurusan dan Operasi Matawang
5	Hasnah binti Omar	Jabatan Perkhidmatan Korporat
6	Yaakop bin Yahaya	Jabatan Sistem Pembayaran
7	Samsudin bin Na'Am	Jabatan Harta dan Perkhidmatan
8	Hasikin bin Jasman	Jabatan Harta dan Perkhidmatan
9	Ismail bin Hashim	Jabatan Perkhidmatan IT
10	Abdul Latif bin Adlin	Pejabat Gabenor
11	Khairani bte Rejab	Jabatan Penyeliaan Perbankan II
12	Rohana binti Yusuf	Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
13	Helen Jeniffer Buma	Jabatan Pengawalan Bank
14	Kunchi Raman a/l C V Kluva Chary	Jabatan Kewangan Pembangunan dan Enterpris
15	Mohamed Sapian bin Kamaruddin	Pusat Pengedaran dan Pemprosesan Matawang Shah Alam

Takziah
Pihak Lembaga Pengarah merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Dato' Seri Dr. Mohd. Noordin bin Md. Sopiee yang telah kembali ke rahmahtullah pada 29 Disember 2005. Allahyarham yang juga Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia sejak tahun 1995 dan telah banyak memberi sumbangan kepada Lembaga dalam perbincangan dasar Bank.

PENGURUSAN RISIKO DI BANK NEGARA MALAYSIA

Pada tahun 2005, Unit Pengurusan Risiko memberi tumpuan terhadap pelaksanaan metodologi baru dan pendekatan yang diubah suai yang diwujudkan pada tahun 2004. Pelaksanaan ini berjaya dan diterima dengan baik oleh jabatan-jabatan dengan pelarasan operasi yang sedikit, yang telah melancarkan pelaksanaannya sepanjang tahun. Kerjasama antara Unit Pengurusan Risiko dan jabatan-jabatan juga terus bertambah baik, sekali gus memastikan budaya pengurusan yang sentiasa diterapkan dalam semua aspek usaha-usaha operasi serta strategik.

Struktur Pengurusan Risiko
Tiada perubahan dibuat terhadap struktur Pengurusan Risiko Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko, badan tertinggi dalam struktur tadbir urus pengurusan risiko Bank Negara Malaysia, terus menjadi forum utama bagi perbincangan yang berfokus dan kerap diadakan mengenai isu-isu risiko. Jawatankuasa ini memainkan peranan sebagai penggerak utama pengurusan risiko di Bank. Keperluan untuk membuat laporan oleh jabatan-jabatan dan Unit Pengurusan Risiko kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko dikekalkan bagi membolehkan pihak Jawatankuasa terus memberi hala untuk menangani serta menguruskan risiko yang mungkin wujud dalam Bank.

Amalan Pengurusan Risiko
Dalam menyediakan pengawasan terhadap pengurusan risiko, Jawatankuasa Pengurusan Risiko menentukan piawai dan keperluan untuk memastikan langkah-langkah pengurusan risiko strategik dan operasi yang sesuai diterapkan dalam kesemua program, projek dan penggubalan dasar. Pada tahun 2005, Jawatankuasa meneruskan penilaian terhadap risiko, kawalan dan isu risiko yang muncul di jabatan-jabatan dalam rancangan kerja mereka bagi melaksanakan pengawasan yang berterusan terhadap profil risiko Bank secara keseluruhan. Jawatankuasa juga turut berbincang dengan jabatan-jabatan mengenai fokus dasar, hala tuju strategik dan pendekatan terbaik masing-masing untuk menangani risiko sedia ada dan risiko yang mungkin wujud. Bagi menyokong usaha ini, jabatan terus diperlukan untuk membuat penilaian kendiri bagi profil risiko operasi masing-masing serta membuat penilaian

sama ada pengurusan risiko mencukupi melalui deklarasi tahunan kepada pihak Pengurusan. Walau bagaimanapun, kandungan deklarasi tahunan mengandungi tumpuan yang lebih terhadap risiko peringkat strategik. Unit Pengurusan Risiko menyediakan sokongan teknikal dan memainkan peranan penyelarasan dan pengawasan dengan membantu jabatan-jabatan dalam menyediakan laporan kepada pihak Pengurusan. Penekanan juga diberikan terhadap usaha membentuk kesedaran yang lebih kukuh tentang pengurusan risiko dalam Bank melalui bengkel untuk melibatkan kakitangan dan membiasakan mereka dengan metodologi dan amalan pengurusan risiko.

Pada tahun 2005, Unit Pengurusan Risiko telah melaksanakan penilaian bebas secara berterusan sebagai melengkapi amalan penilaian kendiri yang dijalankan melalui deklarasi tahunan. Penilaian ini bukan sahaja memberi perspektif baru dalam pengenalpastian risiko utama di jabatan tetapi juga memberi jaminan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko bahawa proses tersebut telah dijalankan dengan rapi. Seterusnya, penilaian ini meliputi risiko yang mungkin tidak ketara disebabkan kebiasaan diri dengan fungsi atau operasi, yang ternyata menjadi kelemahan dalam semua pendekatan penilaian kendiri. Di samping itu, Unit Pengurusan Risiko juga menilai risiko organisasi, iaitu, dengan penekanan terhadap risiko yang menjangkau merentasi jabatan bagi menangani isu yang timbul daripada kebergantungan yang boleh menjejaskan pencapaian tujuan dan objektif strategik Bank. Hasil penilaian ini juga dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko pada tahun 2005. Pendekatan tiga serampang itu, iaitu, penilaian kendiri, penilaian bebas dan risiko organisasi bertujuan untuk menyediakan pandangan yang lebih menyeluruh mengenai risiko. Ini akan meningkatkan penjajaran organisasi untuk mencapai hasil strategik Bank.

Risiko Dasar

Mekanisme penggubalan dasar di Bank Negara Malaysia dirangka dengan objektif untuk mencapai matlamat dasar yang dihasratkan. Tiada perubahan ketara terhadap rangka kerja bagi menguruskan risiko dasar di Bank. Seperti sebelumnya, rangka kerja ini merangkumi proses untuk perbincangan dan pertimbangan semua isu yang berkaitan dengan dasar, dari tahap pembentukan konsep, hingga ke tahap pembangunan dan pelaksanaan dasar. Jawatankuasa di peringkat tinggi yang menerajui penggubalan dasar ialah Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Dasar Monetari dan Jawatankuasa Kestabilan Kewangan. Objektif bersama jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Gabenor ini adalah untuk membolehkan dan menyediakan platform bagi perbincangan dan perundingan di peringkat tinggi yang melibatkan pelbagai jabatan bagi memastikan keteguhan dalam membuat keputusan dasar dan keberkesanan pelaksanaan. Komponen lain yang terdapat dalam rangka kerja dasar ialah Kumpulan Kerja Dasar yang dipengerusikan oleh Penolong Gabenor dan dianggotai oleh pengarah jabatan yang berkenaan. Kumpulan ini mewakili perbincangan di peringkat kerja mengenai isu-isu berkaitan dasar.

Risiko Kewangan

Pihak Middle Office bertanggungjawab dalam mengurus risiko kewangan Bank Negara Malaysia yang timbul daripada pengurusan rizab antarabangsa. Semasa operasi biasa, Middle Office bekerjasama rapat dengan Jabatan Audit Dalam dan Unit Pengurusan Risiko untuk memastikan garis panduan pelaburan, dasar dan prosedur operasi dipatuhi.

Pengurusan risiko kewangan terus berkembang selaras dengan perkembangan dan trend dalam aktiviti pengurusan rizab dan pasaran kewangan domestik dengan meningkatnya kecanggihan dan pencapaian teknologi pasaran kewangan. Sepanjang tahun 2005, inisiatif diambil untuk meningkatkan metodologi dan mempertingkatkan infrastruktur sistem demi menyokong penilaian risiko kewangan yang lebih mantap dan komprehensif. Ini diperkukuh lagi dengan peningkatan dalam pengkhususan, penumpuan yang lebih terhadap bidang risiko utama dan program latihan untuk kakitangan penting yang bertujuan meningkatkan pemahaman yang lebih mantap mengenai kerumitan pelbagai instrumen, strategi dan metodologi.

Risiko Operasi

Dalam mengurus risiko operasi, unsur penting yang termasuk pertanggungjawaban terhadap risiko, penilaian kendiri, kajian semula yang berterusan, pengemukaan isu risiko yang penting dan akauntabiliti untuk meningkatkan kawalan dan penyelesaian isu dikekalkan. Di peringkat operasi, Ketua-ketua Jabatan terus memikul tanggungjawab langsung untuk memastikan bahawa amalan pengurusan risiko menjadi sebahagian daripada operasi harian dan semua risiko ditangani dengan sewajarnya. Dengan itu, jabatan-jabatan perlu menjalankan analisis dan semakan proses kerana ini penting untuk menilai proses-proses teras bagi risiko operasi yang timbul akibat perubahan dalam persekitaran kerja.

Langkah-langkah utama bagi menangani risiko operasi termasuk fungsi Audit Dalaman yang memainkan

peranan penting dalam mengawasi risiko operasi. Pengurangan campur tangan manusia dalam pemprosesan melalui penggunaan sistem komputer dapat mengurangkan sebahagian besar risiko operasi yang berkaitan dengan manusia. Walau bagaimanapun, kewaspadaan sentiasa perlu untuk mengawasi ketersediaan dan kebolehpercayaan sistem. Di samping itu, demi meningkatkan keyakinan dalam projek utama, kakitangan Unit Pengurusan Risiko menyertai pasukan projek itu untuk memastikan risiko yang wajar dikawal.

Melalui semua langkah ini, matlamat utama pengurusan risiko masih sama, iaitu, untuk memastikan pengawasan sentiasa dijalankan bagi membolehkan langkah-langkah pencegahan yang lebih awal dan, jika perlu, tindakan pembetulan yang segera dalam semua bidang risiko dilaksanakan.

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

Tahun 2005 menyaksikan pelbagai usaha penambahbaikan terhadap Pengurusan Kesinambungan Perniagaan dijalankan di Bank Negara Malaysia untuk memastikan kemampuan Bank untuk bersiap sedia, bertindak balas dan berhadapan dengan sebarang krisis atau kejadian yang tidak dijangka, secara berkesan, terus teguh dan kukuh. Kajian semula tahunan kesan bagi sebarang gangguan terhadap jabatan-jabatan dalam Bank dijalankan bagi mengesahkan bahawa pengurusan krisis sedia ada terus berkesan. Melalui contoh yang dipelajari daripada latihan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan lain, serta penyelenggaraan kemudahan sokongan Bank yang diperlukan, kajian semula itu menyumbang kepada pelaksanaan usaha menaik taraf kemudahan alternatif ini. Ini dilakukan untuk memastikan bahawa kemudahan itu dikemas kini secara berterusan dengan teknologi yang diperlukan terjamin ia berfungsi ketika berlaku krisis.

Dalam rangka kerja Kesinambungan Perniagaan, terdapat dua komponen di peringkat tinggi iaitu Jawatankuasa Pengurusan Krisis dan Kumpulan Pengurusan Krisis. Jawatankuasa Pengurusan Krisis, yang bertanggungjawab kepada Gabenor dan dipengerusikan oleh Timbalan Gabenor melambangkan pengiktirafan peringkat tinggi terhadap program Kesinambungan Perniagaan yang dijalankan dalam Bank. Kumpulan Pengurusan Krisis dianggotai oleh semua pengarah daripada jabatan yang dikenal pasti sebagai penting serta kumpulan sokongan.

Pada tahun 2005, unit Pengurusan Kesinambungan Perniagaan, yang bertanggungjawab memantau fungsi Pengurusan Kesinambungan Perniagaan di Bank, dan merupakan sebahagian daripada Unit Pengurusan Risiko, menjadikan Jawatankuasa Pengurusan Risiko sebagai forum untuk memperoleh pengiktirafan dan hala tuju utama bagi latihan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan yang dijalankan. Ini memandangkan keahlian selari antara Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pengurusan Krisis, badan tertinggi bagi rangka kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan di Bank.

Pada tahun 2005, laman web Pengurusan Kesinambungan Perniagaan telah dilancarkan untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran kakitangan terhadap program Pengurusan Kesinambungan Perniagaan di Bank dan menyampaikan dasar Pengurusan Kesinambungan Perniagaan yang diiktiraf oleh pihak Pengurusan. Pengetahuan yang bertambah mengenai perkara ini dijangka dapat membantu menggalakkan dan mengukuhkan penglibatan semua kakitangan dalam program Pengurusan Kesinambungan Perniagaan di Bank. Akhirnya, ini akan membolehkan semua kakitangan untuk bertindak secara spontan dengan cepat dan wajar ketika berlaku sebarang krisis.

Akhir sekali, seperti juga pada tahun-tahun sebelum ini, penilaian berkala terhadap kemampuan Bank untuk bertindak terhadap risiko juga telah dilaksanakan. Ini dicapai melalui mekanisme latihan secara langsung, serta mesyuarat yang dijalankan oleh Kumpulan Pengurusan Krisis dua kali setahun yang membincangkan isu Kesinambungan Perniagaan yang muncul, seperti jerebu yang menjejaskan negara pada tahun 2005. Kerjasama terancang yang dikehendaki di kalangan jabatan penting untuk mewujudkan pengurusan yang bersepadu dan terselaras di seluruh Bank telah diuji dalam latihan tersebut.

BANK NEGARA MALAYSIA
Struktur Organisasi



Akaun Tahunan

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2005

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

Saya telah mengaudit penyata kewangan Bank Negara Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2005. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2005 dan hasil operasi untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
15 FEBRUARI 2006

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Zeti Akhtar Aziz dan Oh Siew Nam, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2005 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

ZETI AKHTAR AZIZ

PENGERUSI

15 FEBRUARI 2006
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,

OH SIEW NAM

PENGARAH

15 FEBRUARI 2006
KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Abdul Aziz Abdul Manaf, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 15 Februari 2006.)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W397
Name: KADARIAH BTE ABDUL KARIM
MALAYSIA

Suite 6.08C, 6th Floor, (Box No. 368)
Wisma Central, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Bank Negara Malaysia

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2005

		2005 RM	2004 RM
ASET	**Nota**		
Emas dan Pertukaran Asing	3	264,421,558,175	249,704,108,859
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa		1,186,337,566	3,068,374,430
Milikan Hak Pengeluaran Khas		748,345,706	765,326,109
Kertas Kerajaan Malaysia	4	961,013,021	221,100,747
Deposit dengan Institusi Kewangan		2,878,873,387	2,887,524,750
Pinjaman dan Pendahuluan	5	10,295,735,304	10,637,048,634
Aset-aset Lain	6	14,940,995,292	17,570,435,602
Jumlah Aset		**295,432,858,451**	**284,853,919,131**
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		34,396,746,453	32,353,945,724
Deposit: Bank Perdagangan, Syarikat Kewangan dan Bank Saudagar		140,606,624,541	124,709,136,071
Kerajaan Persekutuan		27,273,933,343	25,704,665,762
Deposit-deposit Lain	7	4,297,159,874	4,884,385,498
Kertas Bank Negara		20,347,587,398	16,877,443,819
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	8	751,127,007	820,579,258
Liabiliti-liabiliti Lain	9	29,551,916,821	27,843,305,494
Jumlah Liabiliti		257,225,095,437	233,193,461,626
Modal Dibenar RM200,000,000			
Modal Dibayar	10	100,000,000	100,000,000
Kumpulan Wang Rizab Am	11	8,103,080,465	6,742,117,315
Rizab-rizab Lain	12	30,004,682,549	44,818,340,190
Jumlah Modal		38,207,763,014	51,660,457,505
Jumlah Liabiliti dan Modal		**295,432,858,451**	**284,853,919,131**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Untung Rugi bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2005

	Nota	2005 RM	2004 RM
Jumlah Pendapatan	13	**4,989,023,000**	**3,427,026,087**
Tolak:			
Perbelanjaan Berulang	14	809,055,659	504,604,402
Perbelanjaan Pembangunan	15	619,004,191	145,180,660
Jumlah Perbelanjaan		**1,428,059,850**	**649,785,062**
Keuntungan Bersih		**3,560,963,150**	**2,777,241,025**

Penyata Pengagihan Untung Rugi bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2005

		2005 RM	2004 RM
Keuntungan Bersih		**3,560,963,150**	**2,777,241,025**
Pindahan kepada Rizab-rizab Lain	16	1,000,000,000	700,000,000
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am		1,360,963,150	877,241,025
Amaun akan dibayar kepada Kerajaan Persekutuan		1,200,000,000	1,200,000,000
		3,560,963,150	**2,777,241,025**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan - 31 Disember 2005

1. **Aktiviti Utama Bank**

Peranan dan tanggungjawab utama Bank adalah seperti yang berikut:

(a) mencapai kestabilan monetari;
(b) menggalakkan sebuah sistem kewangan yang stabil;
(c) memastikan sebuah sistem pembayaran yang efisien;
(d) mengeluarkan mata wang dalam Malaysia; dan
(e) bertindak sebagai jurubank dan penasihat kewangan kepada Kerajaan Persekutuan.

2. **Dasar Perakaunan**

(a) **Emas, Sekuriti dan Pelaburan**

Emas, sekuriti dan pelaburan dinyatakan pada kos dan peruntukan telah dibuat untuk penyusutan nilai pada 31 Disember 2005.

(b) **Pertukaran Mata Wang Asing**

Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira. Urus niaga dalam mata wang asing pada sepanjang tahun telah ditukarkan kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh nilai.

Rizab Antarabangsa yang terdiri daripada Emas dan Pertukaran Asing, Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa dan Milikan Hak Pengeluaran Khas pada 31 Disember 2005 berjumlah RM266,356.2 juta bersamaan dengan USD70,489.3 juta.

(c) **Perjanjian Repo dan Repo Berbalik**

Amaun yang dipinjam di bawah perjanjian repo dilaporkan di bawah 'Liabiliti-liabiliti Lain'. Amaun yang dipinjamkan di bawah perjanjian repo berbalik dilaporkan di bawah 'Aset-aset Lain'. Perbezaan antara amaun diterima dengan dibayar di bawah perjanjian repo dan repo berbalik, masing-masing diiktiraf sebagai perbelanjaan dan pendapatan faedah mengikut kaedah garis lurus.

3. **Emas dan Pertukaran Asing**

	2005 RM	2004 RM
Sekuriti Asing	214,223,340,658	172,451,464,614
Deposit Asing	30,954,385,954	55,869,780,871
Baki di Bank Pusat Asing, Bank for International Settlements (BIS) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)	5,043,988,892	6,307,319,881
Lain-lain	14,199,842,671	15,075,543,493
	264,421,558,175	249,704,108,859

4. **Kertas Kerajaan Malaysia**

	2005 RM	2004 RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia	961,013,021	221,100,747

5. **Pinjaman dan Pendahuluan**
Sebahagian besar daripada pinjaman dan pendahuluan ini terdiri daripada amaun yang didahulukan oleh Bank kepada institusi pelaksana di bawah seksyen 30(1) Akta Bank Negara Malaysia 1958.

6. **Aset-aset Lain**
Aset-aset lain termasuk pelaburan dalam saham dan bon berjumlah RM14,421,797,503 yang dibeli di bawah seksyen 30(1)(j) dan seksyen 30(1)(oo)(i) Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan RM200 juta untuk penubuhan Dana bagi Sarjana Syariah dalam Kewangan Islam.

7. **Deposit-deposit Lain**
Sebahagian besar daripada deposit ini ialah deposit daripada Badan Berkanun Persekutuan.

8. **Peruntukan Hak Pengeluaran Khas**
Negara-negara ahli IMF diperuntukkan Hak Pengeluaran Khas (SDR) berasaskan kepada yuran mereka kepada IMF. Peruntukan ini merupakan satu liabiliti Bank yang tidak aktif terhadap IMF, dengan aset diterima dalam bentuk SDR daripada IMF. Jumlah bersih terkumpul peruntukan ini berjumlah RM751,127,007 bersamaan dengan SDR139,048,000.

9. **Liabiliti-liabiliti Lain**
Sebahagian besar liabiliti-liabiliti lain terdiri daripada amaun yang dipinjam daripada institusi perbankan berlesen di bawah perjanjian repo dan akaun belum bayar.

10. **Modal Dibayar**
Kesemua modal yang dikeluarkan dan dibayar penuh berjumlah RM100 juta dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

11. **Kumpulan Wang Rizab Am**

	2005 RM	2004 RM
Pada 1 Januari	6,742,117,315	5,864,876,290
Pindahan daripada Keuntungan Bersih	1,360,963,150	877,241,025
Pada 31 Disember	8,103,080,465	6,742,117,315

12. **Rizab-rizab Lain**
Rizab-rizab lain terdiri daripada Rizab Turun Naik Kadar Pertukaran dan Rizab Luar Jangka.

13. **Jumlah Pendapatan**
Jumlah pendapatan terdiri daripada hasil pengurusan rizab asing termasuk faedah dan dividen, pendapatan bukan perbendaharaan dan dinyatakan pada nilai bersih setelah perlunasan/akretan atas premium/diskaun dan kos dasar monetari.

14. **Perbelanjaan Berulang**
Perbelanjaan berulang ialah perbelanjaan yang terlibat dalam mengurus dan mentadbir operasi harian Bank. Ini termasuk kos yang berkaitan dengan mata wang dan staf. Kos berkaitan dengan mata wang akibat daripada jumlah cetakan wang kertas dan tempaan syiling yang lebih besar telah menyumbang dengan ketara kepada peningkatan perbelanjaan berulang bagi tahun 2005.

15. **Perbelanjaan Pembangunan**

Perbelanjaan pembangunan ialah perbelanjaan yang terlibat terutamanya untuk membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dijalankan oleh Bank, selaras dengan strategi, peranan dan tanggungjawab utama Bank. Perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi bagi tahun 2005 disebabkan terutamanya oleh sumbangan permulaan sebanyak RM250 juta untuk penubuhan Dana Perubatan BNM dan RM200 juta untuk penubuhan Dana Amanah INCEIF bagi menyokong peranan pusat antarabangsa ini dalam pendidikan kewangan Islam.

16. **Pindahan kepada Rizab-rizab Lain**

Pindahan ini dibuat selaras dengan seksyen 7(2) Akta Bank Negara Malaysia 1958.

17. **Liabiliti Luar Jangka**

Jumlah liabiliti luar jangka pada 31 Disember 2005 ialah RM7,042,957,192. Ia terdiri daripada:

(a) amaun RM6,977,728,936 yang merupakan kewajipan Bank untuk membayar dengan sepenuhnya jumlah kuota Malaysia dalam IMF di bawah Artikel Persetujuan dalam SDR atau mata wang lain yang boleh ditukarkan; dan

(b) amaun RM65,228,256 yang merupakan kewajipan Bank untuk membayar bahagian yang belum dipanggil terhadap 3,220 unit saham yang dipegang dalam BIS. Jumlah tersebut berdasarkan kepada nilai nominal (SDR5,000) bahagian yang belum dipanggil dan kadar pertukaran SDR pada tarikh kunci kira-kira.

18. **Cukai Pendapatan**

Bank dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang dihuraikan dalam Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) Perintah 1989.

Tambahan

Kandungan

1. Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing MS1
2. Tabung-Tabung yang Diuruskan/Dibiayai oleh Bank Negara Malaysia: Penggunaan Dana MS11
3. Pelan Induk Sektor Kewangan MS12
4. Institusi Perbankan Berlesen (pada 31 Disember 2005) MS17
5. Institusi Kewangan yang Menawarkan Perkhidmatan Perbankan Islam (pada 31 Disember 2005) MS19
6. Ahli Majlis Penasihat Syariah MS21

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Bab 1: Ekonomi Malaysia pada Tahun 2005

A.1 Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 1987 MS25
A.2 Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2000=100) MS26
A.3 Pengeluaran Komoditi Utama MS27
A.4 KNK mengikut Agregat Permintaan MS28
A.5 Jurang Tabungan-Pelaburan MS29
A.6 Imbangan Pembayaran MS30
A.7 Pasaran Utama Eksport Barangan Perkilangan MS32
A.8 Pasaran Utama Eksport Elektronik MS33
A.9 Pasaran Utama Eksport Barangan Elektrik MS33
A.10 Pasaran Utama Eksport Bahan Kimia dan Keluaran Kimia MS34
A.11 Pasaran Utama Eksport Keluaran Logam MS34
A.12 Pasaran Utama Eksport Peralatan Optikal dan Saintifik MS35
A.13 Pasaran Utama Eksport Keluaran Petroleum MS35
A.14 Harga Eksport Komoditi Utama MS36
A.15 Pasaran Utama Eksport Minyak Sawit MS36
A.16 Pasaran Utama Eksport Getah MS37
A.17 Pasaran Utama Eksport Kayu Balak MS37
A.18 Pasaran Utama Eksport Kayu Siap Digergaji MS38
A.19 Pasaran Utama Eksport Minyak Mentah MS39
A.20 Pasaran Utama Eksport Gas Asli Cecair MS39
A.21 Hutang Luar Negeri dan Khidmat Bayaran Hutang MS40
A.22 Indeks Harga Pengguna (2000=100) Subkumpulan bagi Makanan MS41
A.23 Indeks Harga Pengeluar (1989=100) MS41
A.24 Pasaran Pekerja: Penunjuk Terpilih MS42
A.25 Bekalan Baru Ruang Pejabat Dibina Khas dan Ruang Perniagaan di Malaysia MS43
A.26 Sewa Bulanan Purata Ruang Pejabat dan Perniagaan Utama di Lembah Klang MS43

Bab 2: Perkembangan Kewangan dan Fiskal

A.27 Wang Secara Luas (M3) MS44
A.28 Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan Tahunan MS45
A.29 Kadar Faedah (%) MS46
A.30 Kewangan Sektor Awam Disatukan MS47

Bab 3: Prospek dan Dasar

A.31 Negara Perindustrian Utama: Penunjuk Ekonomi Utama MS48
A.32 Asia Timur: Penunjuk Ekonomi Utama MS49

Bab 4: Sistem Kewangan

A.33 Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan MS50

Bab 5: Sistem Perbankan

A.34 Bank Perdagangan: Komitmen dan Kontingensi MS51
A.35 Bank Saudagar: Komitmen dan Kontingensi MS52
A.36 Bank Perdagangan: Pendapatan dan Perbelanjaan MS53
A.37 Bank Saudagar: Pendapatan dan Perbelanjaan MS53
A.38 Bank Perdagangan: Haluan Pemberian Pinjaman MS54
A.39 Bank Saudagar: Haluan Pemberian Pinjaman MS55
A.40 Bank Perdagangan: Pinjaman Tidak Berbayar mengikut Sektor MS56
A.41 Bank Saudagar: Pinjaman Tidak Berbayar mengikut Sektor MS57
A.42 Sistem Perbankan: Penunjuk Terpilih MS58
A.43 Sistem Perbankan: Data Utama MS60
A.44 Institusi Kredit Perumahan MS61
A.45 Pinjaman Perumahan Terkumpul MS62
A.46 Pinjaman Perumahan yang Diluluskan MS62

Bab 6: Sistem Kewangan Islam

A.47 Sistem Perbankan Islam: Data Utama MS63
A.48 Sistem Perbankan Islam: Sumber dan Kegunaan Dana MS64
A.49 Sistem Perbankan Islam: Komitmen dan Kontingensi MS64
A.50 Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan MS65
A.51 Sistem Perbankan Islam: Aktiviti Pembiayaan MS66
A.52 Sistem Perbankan Islam: Pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana MS66
A.53 Sistem Perbankan Islam: Haluan Pembiayaan MS67
A.54 Sistem Perbankan Islam: Pembiayaan Tidak Berbayar mengikut Sektor MS68
A.55 Sistem Perbankan Islam: Deposit mengikut Jenis dan Institusi MS69

Bab 7: Institusi Kewangan Pembangunan

A.56 Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana MS70
A.57 Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Sumber dan Kegunaan Dana MS71
A.58 Institusi Kewangan Pembangunan: Haluan Pinjaman MS72
A.59 Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Haluan Pinjaman MS73
A.60 Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) MS74
A.61 Export-Import Bank of Malaysia Berhad MS75
A.62 Bank Simpanan Nasional MS76
A.63 Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad MS77
A.64 Bank Pembangunan Malaysia Berhad MS78
A.65 Bank Pertanian Malaysia MS79
A.66 Institusi Kewangan Pembangunan Lain: Aktiviti Utama MS80
A.67 Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih MS81
A.68a Institusi Kewangan Pembangunan: Dana Khas Kerajaan MS82
A.68b Institusi Kewangan Pembangunan: Dana Khas Kerajaan MS83
A.69a Institusi Kewangan Pembangunan: Dana Bank Negara Malaysia MS84
A.69b Institusi Kewangan Pembangunan: Dana Bank Negara Malaysia MS85
A.70a Institusi Kewangan Pembangunan: Dana daripada Institusi Pelbagai Hala dan Antarabangsa MS86
A.70b Institusi Kewangan Pembangunan: Dana daripada Institusi Pelbagai Hala dan Antarabangsa MS87

Bab 8: Institusi-institusi Kewangan yang Lain

A.71 Syarikat Pemajakan: Sumber dan Kegunaan Dana MS88
A.72 Syarikat Pemajakan: Pendapatan dan Perbelanjaan MS89
A.73 Syarikat Pemajakan: Pembiayaan mengikut Sektor MS89
A.74 Syarikat Pemfaktoran: Sumber dan Kegunaan Dana MS90
A.75 Syarikat Pemfaktoran: Pendapatan dan Perbelanjaan MS90
A.76 Syarikat Pemfaktoran: Pembiayaan mengikut Sektor MS91

Bab 9: Pasaran Kewangan

A.77 Sekuriti Hutang Pasaran Modal: Jumlah Terkumpul MS92

Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing

Malaysia sememangnya sentiasa mengekalkan rejim pentadbiran pertukaran asing yang liberal. Di Malaysia, pelaksanaan peraturan pentadbiran pertukaran asing menyokong pemantauan aliran masuk dan keluar modal dari negara untuk memastikan kestabilan kewangan dan ekonomi terpelihara.

Secara beransur-ansur, peraturan pentadbiran pertukaran asing diliberalisasikan dan dipermudahkan sebagai sebahagian daripada usaha Malaysia yang berterusan untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos pengendalian perniagaan.

A. PEMASTAUTIN

Untuk mendorong aktiviti pengurusan risiko yang lebih baik, menggalakkan daya saing kos dan penggunaan penyedia perkhidmatan dalam negara, para pemastautin[i] diberi kefleksibelan untuk menguruskan dana mereka sendiri di dalam negara atau di luar pesisir. Pemastautin boleh memeterai pengaturan pengurusan risiko dengan bank tempatan berlesen (bank perdagangan dan bank-bank Islam yang berlesen) di Malaysia. Perincian berkenaan tersenarai di bawah ini:

I Import dan Eksport Barangan dan Perkhidmatan

(a) Pembayaran bagi Barangan dan Perkhidmatan

Pemastautin boleh membayar kepada bukan pemastautin sebarang amaun dalam mata wang asing kecuali dalam mata wang negara Israel, bagi import barangan dan perkhidmatan.

Pemastautin mesti menerima pembayaran untuk eksport barangan dan perkhidmatan dalam mata wang asing kecuali dalam mata wang negara Israel daripada bukan pemastautin.

Perolehan yang dihasilkan daripada eksport barangan mesti diterima dan dihantar balik oleh pemastautin sebagaimana yang tercatat dalam kontrak jualan yang tidak boleh melebihi enam bulan dari tarikh eksport. Pembayaran oleh pemastautin kepada pemastautin lain bagi barangan dan perkhidmatan mestilah dibuat dalam ringgit.

(b) Perlindungan nilai Pembayaran atau Penerimaan

Pemastautin boleh melindung nilai pendedahan pertukaran asing yang berpunca daripada:

- Pembayaran yang perlu dibayar kepada bukan pemastautin bagi import barangan dan perkhidmatan;
- Penerimaan yang akan diterima daripada bukan pemastautin bagi eksport barangan dan perkhidmatan; atau
- Jangkaan pembayaran atau penerimaan bagi import atau eksport barangan dan perkhidmatan yang disediakan kepada bukan pemastautin.

Semua aktiviti perlindungan nilai oleh pemastautin hanya boleh dilakukan dengan bank tempatan berlesen atau bank saudagar yang diluluskan di Malaysia.

(c) Penyimpanan Perolehan Mata Wang Asing

Sebaik sahaja menerima perolehan daripada eksport barangan dan perkhidmatan, pemastautin boleh menjual mata wang asing untuk memperoleh ringgit atau mata wang asing yang lain atau menyimpan dalam akaun mata wang asing yang terselenggara dengan bank tempatan berlesen atau bank saudagar yang diluluskan. Tidak ada had yang dikenakan atas akaun mata wang asing itu.

(d) Pelaporan Import atau Eksport Barangan

Tidak ada keperluan untuk melaporkan sebarang import barangan daripada bukan pemastautin kepada Pengawal Pertukaran Asing (Pengawal).

Hanya pengeksport pemastautin dengan perolehan eksport kasar tahunan melebihi nilai bersamaan RM50 juta perlu mengemukakan laporan suku tahunan kepada Pengawal.

II Pelaburan dalam Aset Mata Wang Asing[ii]

(a) Pembayaran bagi Pelaburan dalam Aset Mata Wang Asing

Pemastautin, individu atau syarikat, tanpa kemudahan kredit ringgit domestik[iii], bebas untuk melabur dalam sebarang aset mata wang asing. Pelaburan ini boleh dibiayai dengan:

- Sebarang amaun dana mata wang asing yang ditukar daripada dana ringgit pemastautin sendiri.
- Sebarang amaun dana mata wang asing tersimpan oleh pemastautin sendiri dalam akaun di Malaysia atau di luar negara.
- Sehingga sejumlah agregat bersamaan RM10 juta daripada kemudahan kredit dalam mata wang asing.

Pemastautin, individu atau syarikat, yang ada kemudahan kredit ringgit domestik boleh melabur sebarang amaun dalam aset mata wang asing menggunakan dana mata wang asing yang terselenggara di Malaysia atau di luar pesisir Malaysia. Pemastautin juga boleh menukar dana ringgit kepada mata wang asing sehingga had yang berikut untuk tujuan ini:

- Sehingga nilai agregat bersamaan RM10 juta setiap tahun kalendar oleh sesebuah syarikat berdasarkan kumpulan korporat.
- Sehingga nilai agregat bersamaan RM100,000 setiap tahun kalendar oleh individu.

Bagi syarikat pemastautin yang berhasrat melabur dalam aset mata wang asing, dana pemegang saham syarikat itu mestilah sekurang-kurangnya sebanyak RM100,000 dan syarikat hendaklah telah beroperasi sekurang-kurangnya selama setahun. Ini tanpa mengira sama ada syarikat itu mempunyai atau tidak mempunyai kemudahan kredit ringgit domestik.

Pemastautin individu juga boleh menukar ringgit kepada mata wang asing untuk pelaburan dalam sekuriti mata wang asing di bawah Skim Opsyen/Pembelian Saham Pekerja yang ditawarkan oleh syarikat induk majikannya atau syarikat berkaitan di luar negara.

Selain itu, pelabur institusi pemastautin boleh melabur dalam aset mata wang asing bagi pelanggan pemastautin atau bukan pemastautin seperti yang berikut:

- Syarikat pengurusan amanah saham:
  - (i) Amaun keseluruhan nilai aset bersih (NAV) yang dilanggan oleh bukan pemastautin.
  - (ii) 30% daripada NAV yang dilanggan oleh pemastautin.
- Syarikat pengurusan aset/dana untuk:
  - (i) Amaun keseluruhan dana simpanan pelanggan bukan pemastautin.
  - (ii) Amaun keseluruhan dana simpanan pelanggan pemastautin yang tidak mempunyai kemudahan kredit ringgit domestik.
  - (iii) 30% daripada dana simpanan pelanggan pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit ringgit domestik.

Dana daripada syarikat pengurusan amanah saham dan pengurus dana yang berbeza boleh dikumpulkan untuk memperoleh manfaat ekonomi ikut bidangan apabila membeli aset mata wang asing.

Sesebuah syarikat insurans pemastautin boleh melabur dalam aset mata wang asing sehingga 5% daripada margin kesolvenan syarikat dan 30% daripada NAV dana berkaitan pelaburan yang dipasarkan.

Sesebuah pengendali takaful pemastautin boleh melabur dalam aset mata wang asing sehingga 5% daripada jumlah aset pengendali takaful itu.

(b) Perlindungan Nilai Pelaburan Aset Mata Wang Asing

Pemastautin boleh melindung nilai risiko pertukaran asing yang berpunca daripada pembayaran terhadap pelaburan yang dibenarkan dan nilai aset mata wang asing sedia ada. Perlindungan nilai sedemikian boleh dibuat dengan bank tempatan berlesen atau bank saudagar yang diluluskan di Malaysia.

(c) Pendaftaran dan Pelaporan Pelaburan Luar Negeri dalam Aset Mata Wang Asing

Semua pembayaran bagi pelaburan luar negeri melebihi nilai bersamaan RM50,000 mesti didaftarkan dengan Pengawal sekurang-kurangnya dalam tempoh tujuh hari bekerja sebelum membuat pembayaran.

Pemastautin dengan pelaburan luar negeri terkumpul melebihi nilai bersamaan RM1 juta dikehendaki mengemukakan laporan suku tahunan atas pelaburan luar negeri kepada Pengawal.

(d) Pendaftaran dan Pelaporan Pelaburan Dalam Negeri dalam Aset Mata Wang Asing

Tiada keperluan bagi pendaftaran atau laporan oleh pemastautin yang melabur dalam aset mata wang asing yang ditawarkan oleh entiti tempatan yang diluluskan.

III Kemudahan Kredit Yang Diperoleh Pemastautin

(a) Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing

Pemastautin bebas memperoleh sebarang amaun kemudahan pembiayaan perdagangan dalam mata wang asing daripada bank tempatan berlesen.

Sesebuah syarikat pemastautin boleh memperoleh kemudahan kredit mata wang asing sehingga nilai agregat bersamaan RM50 juta berdasarkan kumpulan daripada bank tempatan berlesen, bank saudagar berlesen dan daripada bukan pemastautin.

Individu pemastautin juga boleh memperoleh kemudahan kredit mata wang asing sehingga nilai agregat bersamaan RM10 juta daripada bank tempatan berlesen, bank saudagar berlesen dan daripada bukan pemastautin.

Sebarang amaun melebihi had yang dibenarkan di atas memerlukan kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal. Bagi amaun agregat melebihi nilai bersamaan RM1 juta dan sehingga had yang dibenarkan, pemastautin (syarikat atau individu) dikehendaki mendaftar kemudahan kredit itu dengan Pengawal, sebelum pinjaman dikeluarkan.

Pemastautin individu atau syarikat boleh membiayai pelaburan dalam aset mata wang asing sehingga nilai agregat bersamaan RM10 juta daripada kemudahan kredit mata wang asing.

Tiada sekatan bagi pemastautin untuk membayar balik atau membuat prabayar terhadap kemudahan kredit yang dibenarkan. Mana-mana prapembayaran melebihi nilai bersamaan USD10 juta perlu didaftarkan dengan Pengawal sebelum melakukan prapembayaran.

(b) Kemudahan Kredit Ringgit

Pemastautin dikehendaki meminta kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal sebelum memperoleh sebarang amaun kemudahan kredit ringgit daripada bukan pemastautin, termasuk daripada pemegang saham atau pengarah bukan pemastautin.

IV Kontrak Pertukaran Asing Hadapan

(a) Kontrak Pertukaran Asing Hadapan Dibenarkan

Pemastautin bebas mengikat kontrak pertukaran asing hadapan dengan bank tempatan berlesen dan bank saudagar yang diluluskan bagi tujuan berikut:

- Perlindungan nilai untuk sebarang pembayaran atau perolehan bagi import atau eksport barangan dan perkhidmatan serta pendapatan. Kontrak boleh berdasarkan komitmen yang sah atau berdasarkan jangkaan.

- Perlindungan nilai bagi sebarang aliran masuk atau keluar dana yang terikat, termasuk:

  (i) Pengeluaran kemudahan kredit mata wang asing yang dibenarkan

  (ii) Pembayaran balik kemudahan kredit mata wang asing sehingga ke amaun kena bayar balik dalam tempoh 24 bulan

  (iii) Pembayaran terhadap pelaburan yang dibenarkan dalam aset mata wang asing, termasuk pemberian kemudahan kredit kepada bukan pemastautin

- Perlindungan nilai pelaburan sedia ada dalam aset mata wang asing

(b) Tarikh Matang Kontrak

Tarikh matang kontrak pertukaran asing hadapan ialah tarikh jangkaan penerimaan atau pembayaran urus niaga asas. Dalam hal mata wang asing yang belum terima diperoleh lebih awal, pemastautin boleh menjual perolehan mata wang asing untuk memperoleh ringgit pada asas semerta (spot) atau menyimpan perolehan itu dengan sementara dalam akaun mata wang asing tempatan, sehingga kematangan kontrak pertukaran asing hadapan.

Bagi penjualan hadapan perolehan eksport, tarikh matang kontrak pertukaran mata wang asing hadapan hendaklah tidak melebihi tempoh enam bulan selepas tarikh jangkaan eksport.

Bagi kontrak pertukaran asing hadapan melibatkan dua mata wang asing yang berlainan, penggunaan atau penyimpanan mata wang asing yang dibeli oleh pemastautin hendaklah atas tujuan yang dibenarkan.

(c) Swap Kadar Faedah

Pemastautin dengan komitmen asas yang sah boleh melakukan swap kadar faedah dengan bank tempatan berlesen, bank saudagar yang diluluskan dan bank luar pesisir berlesen di Labuan.

V Terbitan Sekuriti Hutang Swasta dalam Ringgit

Sesebuah syarikat pemastautin bebas menerbitkan sebarang amaun Sekuriti Hutang Swasta dalam ringgit.

Perolehan daripada terbitan itu boleh digunakan untuk sebarang tujuan termasuk pembelian aset mata wang asing tidak melebihi RM10 juta dalam satu tahun kalendar.

VI Akaun Mata Wang Asing (FCA)

Pemastautin, individu atau syarikat, yang mempunyai atau tidak mempunyai sebarang kemudahan kredit domestik bebas untuk membuka FCA bagi menyimpan sebarang amaun penerimaan mata wang asing, selain perolehan hasil daripada eksport barangan dari Malaysia, dengan:

- bank tempatan berlesen;

- bank saudagar yang diluluskan;

- bank luar pesisir berlesen di Labuan; dan

- bank luar negara.

Pengeksport pemastautin boleh membuka FCA dengan bank tempatan berlesen untuk menyimpan sebarang amaun perolehan eksport mata wang asing.

Pemastautin individu atau syarikat boleh menukar ringgit kepada mata wang asing dan dikreditkan ke FCA tempatan dan luar pesisir. Penukaran dana ringgit mesti mematuhi keperluan pelaburan aset mata wang asing.

Syarikat pemastautin yang menyelenggarakan FCA dengan bank luar pesisir berlesen di Labuan atau bank luar negara dikehendaki mengemukakan penyata bulanan (Penyata OA) kepada Pengawal.

B. BUKAN PEMASTAUTIN

Bukan pemastautin bebas melabur dalam sebarang bentuk di Malaysia. Tiada sebarang sekatan atas penghantaran balik modal, keuntungan dan pendapatan yang diperoleh dari Malaysia, termasuk gaji, upah, royalti, komisen, fi, sewa, keuntungan, faedah atau dividen. Untuk melengkapkan strategi pelaburan bukan pemastautin, bukan pemastautin boleh memperoleh pembiayaan daripada bank tempatan berlesen dalam ringgit dan mata wang asing serta mengikat kontrak dengan bank tempatan berlesen untuk mengurus risiko mata wang secara aktif berikutan pelaburan dalam aset ringgit. Bukan pemastautin juga bebas menukar mata wang asing kepada ringgit dan sebaliknya. Perincian berkenaannya seperti berikut:

I Pelaburan di Malaysia

(a) Pelaburan Langsung Asing

Bukan pemastautin boleh menubuhkan sebuah syarikat, mendaftar sebuah cawangan, dan/atau menubuhkan syarikat keempunyaan tunggal atau perkongsian di Malaysia dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk laman web http://www.ssm.com.my/.

Di Malaysia, perniagaan sedemikian adalah entiti pemastautin tanpa mengira sama ada perniagaan itu dikuasai oleh pemastautin atau bukan pemastautin.

Bukan pemastautin bebas membeli sebarang ekuiti ringgit tanpa mengira sama ada ia tersenarai atau tidak tersenarai di Bursa Malaysia.

(b) Pelaburan Portfolio

Bukan pemastautin bebas membuat sebarang pelaburan portfolio, termasuk membeli sebarang sekuriti hutang dalam ringgit terbitan bukan pemastautin di Malaysia.

(c) Pelaburan dalam Harta Tidak Alih

Bukan pemastautin bebas membeli harta tidak alih (kediaman dan komersial) di Malaysia. Pembelian sedemikian perlu mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Untuk keterangan lanjut, sila rujuk laman web http://www.epu.jpm.my/.

Bukan pemastautin bebas memperoleh sehingga tiga pinjaman daripada pemastautin untuk membiayai pembelian harta tidak alih di Malaysia.

Bukan pemastautin dikehendaki mendapatkan kelulusan Pengawal terlebih dahulu bagi pembiayaan pembelian tanah sahaja.

Pinjaman daripada institusi kewangan domestik ditentukan oleh dasar institusi kewangan itu sendiri dan garis panduan FIC.

(d) Pembukaan Akaun dalam Ringgit (Akaun Luaran)

Akaun Luaran ialah akaun ringgit milik bukan pemastautin atau akaun yang benefisiari dana akaun tersebut ialah bukan pemastautin.

Bukan pemastautin boleh membuka dan menyelenggarakan seberapa banyak Akaun Luaran dengan mana-mana institusi kewangan tempatan.

Tiada sekatan atas amaun dana dalam ringgit yang boleh disimpan dalam Akaun Luaran.

Dana ringgit dalam Akaun Luaran boleh digunakan bagi tujuan berikut:

- Pembelian mata wang asing, kecuali mata wang negara Israel.
- Pembelian aset ringgit di Malaysia.
- Pembayaran bagi barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian di Malaysia.
- Pembayaran bagi perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia.
- Pembayaran di bawah jaminan bukan kewangan kepada pemastautin.
- Pemberian kemudahan kredit ringgit kepada pekerja di Malaysia mengikut terma dan syarat pekerjaan.
- Pemindahan kepada:
  - (i) Akaun Luaran lain kepunyaan pemegang akaun yang sama.
  - (ii) Akaun Luaran lain kepunyaan pemegang akaun yang berbeza atau Akaun Pemastautin melalui:
    - Pemindahan melalui Mesin Teler Automatik (ATM) sehingga RM5,000 bagi setiap individu, setiap hari, bagi setiap bank untuk apa-apa tujuan.
    - Pemindahan bank melalui Internet sehingga RM5,000 bagi setiap individu, setiap hari, bagi setiap bank untuk apa-apa tujuan.
- Pembayaran kepada pemastautin bagi apa-apa tujuan selain berikut:
  - (i) Pembayaran bagi import barangan dan perkhidmatan
  - (ii) Pemberian kemudahan kredit ringgit kepada pemastautin selain daripada yang dibenarkan oleh Pengawal.
  - (iii) Penjelasan di bawah jaminan kewangan.
  - (iv) Pembayaran bagi mewakili pihak ketiga.

Dana ringgit dalam Akaun Luaran boleh didapati daripada:

- Penjualan mata wang asing, kecuali mata wang negara Israel, untuk ringgit dengan bank tempatan berlesen.
- Penjualan aset dalam ringgit.
- Semua pendapatan diperoleh di Malaysia termasuk gaji, upah, royalti, komisen, fi, sewaan, faedah, keuntungan atau dividen.
- Perolehan daripada kemudahan kredit ringgit yang dibenarkan oleh Pengawal.
- Perolehan daripada pembayaran balik kemudahan kredit ringgit yang dibenarkan oleh Pengawal.
- Pemindahan daripada:
  - (i) Akaun Luaran lain kepunyaan pemegang akaun yang sama.
  - (ii) Akaun Luaran lain kepunyaan pemegang akaun yang berbeza atau Akaun Pemastautin melalui:

- Pemindahan melalui Mesin Teler Automatik (ATM) sehingga RM5,000 bagi setiap individu, setiap hari, setiap bank untuk apa-apa tujuan.
- Pemindahan bank melalui Internet sehingga RM5,000 bagi setiap individu, setiap hari, setiap bank untuk apa-apa tujuan.
- Deposit wang kertas ringgit yang tidak melebihi RM10,000 sehari.
- Deposit cek sehingga RM5,000 setiap cek untuk apa-apa tujuan.

Tiada sekatan atas operasi Akaun Luaran milik:

- Bukan pemastautin yang bekerja atau menuntut di Malaysia (termasuk pasangan, anak dan/atau ibu bapa yang kini tinggal di Malaysia).
- Peserta bukan pemastautin di bawah program Malaysia Rumah Keduaku.
- Bank-bank Pusat, Kedutaan, Konsulat, Suruhanjaya Tinggi dan organisasi supranasional atau antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Individu atau organisasi tersebut boleh menggunakan dana dalam Akaun Luaran bagi semua tujuan, termasuk tujuan yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di atas.

(e) Pembukaan Akaun dalam Mata Wang Asing

Tiada sekatan atas bukan pemastautin untuk membuka dan menyelenggara sebarang bilangan akaun mata wang asing dengan bank tempatan berlesen dan bank saudagar berlesen di Malaysia. Tiada sekatan juga atas amaun yang boleh disimpan dalam akaun ini.

Tiada sekatan dikenakan atas penggunaan dana mata wang asing dalam akaun itu. Dana dalam akaun sedemikian boleh ditukar kepada ringgit dengan bank tempatan berlesen atau boleh dihantar balik pada bila-bila masa.

(f) Pemberian Pinjaman kepada Pemastautin dalam Ringgit

Bukan pemastautin boleh memberi pinjaman dalam ringgit kepada pemastautin yang terlebih dahulu telah mendapat kebenaran Pengawal.

(g) Pemberian Pinjaman kepada Pemastautin dalam Mata Wang Asing

Bukan pemastautin boleh memberi pinjaman dalam mata wang asing kepada pemastautin selagi jumlah kemudahan kredit mata wang asing pemastautin itu masih dalam lingkungan had yang dibenarkan.

II Pembayaran bagi Pelaburan

Bukan pemastautin boleh membayar dalam mata wang asing atau dalam ringgit daripada Akaun Luaran mereka sendiri bagi pelaburan di Malaysia.

III Peminjaman dalam Ringgit daripada Pemastautin

Bukan pemastautin bebas memperoleh kemudahan kredit ringgit seperti yang berikut:

- Daripada institusi perbankan berlesen di Malaysia sehingga nilai agregat RM10 juta bagi kegunaan di Malaysia oleh bukan pemastautin yang bukan bank koresponden bukan pemastautin atau syarikat broker saham bukan pemastautin.
- Daripada bank tempatan berlesen sehingga RM200 juta atas asas seharian dan semalaman oleh syarikat broker saham bukan pemastautin atau bank kustodian. Kemudahan ini hanya terhad untuk membiayai jurang pendanaan disebabkan oleh ketidakpadanan masa penjelasan, kesilapan teknikal pentadbiran yang tidak

dijangka atau tidak sengaja atau kelewatan kerana zon masa yang berlainan berhubung dengan penyelesaian urus niaga di Bursa Malaysia (bursa saham di Malaysia).

- Daripada syarikat broker saham pemastautin dalam bentuk pembiayaan margin oleh bukan pemastautin yang bukan bank koresponden bukan pemastautin atau syarikat broker saham bukan pemastautin.

- Daripada penanggung insurans pemastautin sehingga jumlah nilai serahan tunai polisi insurans yang dibeli oleh bukan pemastautin.

- Daripada pemastautin bukan bank sehingga RM10,000.

- Daripada pemastautin, termasuk institusi kewangan, sehingga tiga pinjaman untuk pembiayaan pembelian harta tidak alih di Malaysia.

- Daripada pemastautin dan bukan pemastautin melalui terbitan Sekuriti Hutang Swasta dalam ringgit di Malaysia oleh Bank Pembangunan Pelbagai Hala atau syarikat multinasional asing.

IV Peminjaman dalam Mata Wang Asing daripada Pemastautin

Bukan pemastautin boleh memperoleh sebarang amaun kemudahan kredit mata wang asing daripada bank tempatan berlesen, bank saudagar yang diluluskan dan pemastautin bukan bank yang tidak mempunyai kemudahan kredit ringgit domestik.

V Perlindungan Nilai Pelaburan

Bukan pemastautin bebas mengikat kontrak pertukaran asing pada asas semerta atau hadapan dengan bank tempatan berlesen bagi tujuan berikut:

- Untuk membeli ringgit bagi membuat pembayaran kepada pemastautin.

- Untuk menjual dana ringgit hasil daripada urus niaga terikat di Malaysia.

Tarikh matang kontrak pertukaran asing hendaklah merupakan tarikh jangkaan pembayaran atau penerimaan hasil urus niaga terikat yang mendasarinya.

Jumlah amaun kontrak pertukaran asing hendaklah tidak melebihi amaun jangkaan atau penerimaan hasil urus niaga terikat yang mendasarinya.

VI Penjualan Pelaburan

Bukan pemastautin boleh menjual mana-mana pelaburan di Malaysia, termasuk sekuriti yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia, kepada pemastautin atau bukan pemastautin.

Pemastautin boleh membayar atau melunaskan pembelian aset ringgit daripada penjual bukan pemastautin dalam ringgit atau mata wang asing.

Pembeli bukan pemastautin juga boleh membayar atau melunaskan pembelian aset ringgit daripada penjual bukan pemastautin dalam mata wang asing atau ringgit daripada Akaun Luaran sendiri.

VII Penghantaran Balik Dana

Bukan pemastautin bebas menghantar balik sebarang amaun dana miliknya di Malaysia pada bila-bila masa, termasuk modal, perolehan daripada penjualan penamatan pelaburan, keuntungan, dividen, sewa, fi dan faedah hasil daripada pelaburan di Malaysia.

C. SYARIKAT YANG DIANUGERAH STATUS KHAS

I Entiti Luar Pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan

Entiti luar pesisir yang diperbadankan atau terdaftar di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 diisytiharkan sebagai bukan pemastautin bagi tujuan pentadbiran pertukaran asing.

Sebagai bukan pemastautin, entiti luar pesisir bebas menjalankan aktiviti berikut:

- Memperoleh sebarang amaun kemudahan kredit mata wang asing.
- Melabur sebarang amaun dalam aset mata wang asing.
- Mengikat kontrak pertukaran asing melibatkan mata wang asing dengan bank tempatan berlesen, bank saudagar yang diluluskan, bank luar pesisir berlesen di Labuan dan mana-mana pihak luar negara yang berkenaan.
- Membeli atau menjual mata wang asing (kecuali mata wang negara Israel) terhadap ringgit dengan bank tempatan berlesen bagi tujuan yang dibenarkan.
- Menyelenggarakan Akaun Luaran dengan bank tempatan berlesen untuk memudahkan pembayaran perbelanjaan berkanun dan pentadbiran di Malaysia.
- Menerima pembayaran daripada pemastautin dalam ringgit hasil daripada fi, komisen, dividen atau faedah daripada dana yang didepositkan dalam institusi kewangan tempatan.
- Melabur dalam aset ringgit yang diurus niaga secara terus dengan institusi perbankan tempatan atau broker pemastautin bagi akaun sendiri.

Selain itu, sesebuah entiti insurans luar pesisir di Labuan dibenarkan menerima premium insurans semula dan membayar tuntutan yang berpunca daripada insurans semula perniagaan insurans domestik dalam ringgit.

II Syarikat Koridor Raya Multimedia

Sesebuah syarikat yang berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) dikecualikan daripada peraturan pentadbiran pertukaran asing bagi urus niaga yang dibuat untuk akaun sendiri.

III Ibu Pejabat Operasi yang Diluluskan

Sesebuah Ibu Pejabat Operasi yang Diluluskan (OHQ) adalah tertakluk pada dasar yang dikenakan atas pemastautin. Selain itu, sesebuah OHQ dibenarkan untuk:

- Memperoleh sebarang amaun kemudahan kredit mata wang asing daripada bank tempatan berlesen dan bank saudagar berlesen di Malaysia, dan daripada mana-mana bukan pemastautin, dengan syarat OHQ tidak meminjam kepada, atau memperoleh dana bagi pihak, mana-mana pemastautin.
- Melabur sebarang amaun dalam aset mata wang asing yang dibiayai dengan dana mata wang asing atau pinjaman.

IV Pusat Pengagihan Serantau dan Pusat Pemerolehan Antarabangsa

Pusat Pengagihan Serantau dan Pusat Pemerolehan Antarabangsa juga tertakluk pada dasar yang dikenakan atas pemastautin.

D. PELAPORAN STATISTIK

Untuk membantu Pengawal mengumpul statistik imbangan pembayaran, pemastautin yang berurus niaga dengan bukan pemastautin atau mempunyai aset mata wang asing atau liabiliti di luar negara, dikehendaki mengemukakan borang statistik/laporan/pernyataan kepada Pengawal, mana-mana yang relevan. Maklumat mengenai keperluan statistik boleh didapati di laman web Bank Negara Malaysia, http://www.bnm.gov.my/fxadmin.

---

[i] Pemastautin:
(a) Warganegara Malaysia (tidak termasuk orang yang telah memperoleh status pemastautin tetap bagi wilayah di luar Malaysia dan di luar negara)
(b) Bukan warganegara yang telah memperoleh status pemastautin tetap di Malaysia dan tinggal secara tetap di Malaysia
(c) Orang, sama ada badan korporat atau tidak diperbadankan, berdaftar atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia

Bukan Pemastautin:
(a) Orang selain daripada pemastautin
(b) Cawangan luar negara, subsidiari luar negara, pejabat serantau luar negara, pejabat jualan, pejabat wakil bagi syarikat pemastautin
(c) Kedutaan, Konsulat, Suruhanjaya Tinggi dan organisasi supranasional atau antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia
(d) Warganegara Malaysia yang mendapat taraf pemastautin tetap di wilayah di luar Malaysia dan menetap di luar Malaysia

[ii] Aset mata wang asing termasuk pinjaman kepada bukan pemastautin, penempatan deposit dengan institusi bank tempatan berlesen, bank saudagar yang diluluskan atau bank luar pesisir, dan produk mata wang asing yang ditawarkan oleh bank tempatan berlesen, bank saudagar yang diluluskan dan entiti lain yang diluluskan oleh Pengawal.

[iii] Kemudahan kredit ringgit domestik bermaksud sebarang pendahuluan ringgit, pinjaman, pembiayaan perdagangan, sewa beli, pemfaktoran, kemudahan pajakan, saham pilihan yang boleh ditebus kembali atau kemudahan yang serupa dalam nama atau bentuk, selain yang berikut:
(a) Syarat kredit perdagangan yang diberikan oleh pembekal untuk semua jenis barangan dan perkhidmatan
(b) Kontrak pertukaran hadapan yang diikat dengan peniaga yang dibenarkan
(c) Satu pinjaman perumahan persendirian dan satu pinjaman kenderaan yang diperoleh daripada pemastautin
(d) Kemudahan kad kredit dan kad caj
(e) Peminjaman antara syarikat dalam satu kumpulan korporat di Malaysia

Tabung-Tabung yang Diuruskan/Dibiayai oleh Bank Negara Malaysia: Penggunaan Dana

Tabung	Tarikh ditubuhkan	Peruntukan dana (RM juta)	Bilangan permohonan yang diluluskan			Jumlah yang diluluskan (RM juta)			Jumlah pengeluaran setakat akhir tahun 2005 (RM juta)	Baki setakat akhir tahun 2005[6] (RM juta)
			Jumlah setakat akhir tahun		Perubahan tahunan	Jumlah setakat akhir tahun		Perubahan tahunan		
			2004	2005		2004	2005			
Kemudahan Pembiayaan Perkapalan	30-Okt-92	600	38	38	0	577	577	0	543	0
Tabung untuk Makanan	04-Jan-93	1,300[3]	8,829	9,611	782	1,528	1,624	96	1,535	706
Tabung Projek Usahawan Bumiputera	10-Feb-00	300[3]	1,079	1,181	102	499	533	34	448	54
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	15-Apr-00	4,750[1,3]	6,239	9,631	3,392	4,172	6,349	2,177	5,403	4,377
Tabung Usahawan Baru 2	15-Jul-01	2,350[2,3]	2,948	4,045	1,097	1,886	2,698	812	2,270	1,967
Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil	01-Nov-03	200[8]	23	35	12	11	16	5	9	8

Tabung-Tabung yang Ditamatkan	Tarikh ditubuhkan	Tarikh ditamatkan	Peruntukan dana (RM juta)	Bilangan permohonan diluluskan			Jumlah diluluskan (RM juta)			Jumlah pengeluaran setakat akhir tahun 2005 (RM juta)	Baki setakat akhir tahun 2005[6] (RM juta)
				Jumlah setakat akhir tahun		Perubahan tahunan	Jumlah setakat akhir tahun		Perubahan tahunan		
				2004	2005		2004	2005			
Tabung Pemulihan Usahawan	06-Feb-88	01-Jan-91	500[3]	764	764	0	896	896	0	850	89
Tabung Projek Perumahan Terbengkalai	18-Jun-90	29-Feb-92	600	74	74	0	331	331	0	346	9
Tabung untuk Menyegerakan Pembinaan Rumah Kos Rendah	29-Okt-93	31-Okt-95	500	54	54	0	297	297	0	297	0
Tabung Khas Pelancongan	10-Mac-90	31-Dis-97	200[3]	194	194	0	203	203	0	203	16
Tabung Penyusunan Semula Industri	05-Feb-91	04-Ogos-99	100	25	25	0	95	95	0	95	0
Skim Khas Perumahan Kos Rendah dan Sederhana	01-Mei-98	04-Ogos-99	1,000	96	96	0	609	609	0	585	12
Tabung Industri Bumiputera	04-Jan-93	03-Apr-00	100	99	99	0	95	95	0	91	17
Tabung Industri Kecil dan Sederhana	02-Jan-98	03-Apr-00	1,850[3]	5,420	5,420	0	3,774	3,774	0	3,726	0
Tabung Usahawan Baru	12-Dis-89	15-Jul-01	1,250[3]	3,126	3,126	0	1,420	1,420	0	1,398	291
Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana	23-Nov-98	01-Nov-03	330[3,4]	317	313	-4[5]	344	340	-4[5]	328	204
Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan	03-Jul-01	01-Nov-03	10[4]	33	33	0	3	3	0	2	1
Kemudahan Jaminan Khas[7]	21-Mei-01	10-Jul-04	1,000	85	85	0	49	49	0	0	0

[1] Peruntukan telah ditambah daripada RM4,500 juta kepada RM4,750 juta pada tahun 2005
[2] Peruntukan telah ditambah daripada RM2,000 juta kepada RM2,350 juta pada tahun 2005
[3] Tabung pusingan
[4] Peruntukan belum guna dipindahkan kepada Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil
[5] Kelulusan ditarik balik oleh bank/peminjam dan/atau jumlah pinjaman yang diperlukan dikurangkan oleh bank/peminjam
[6] Baki pinjaman terkumpul peminjam kepada institusi pemberi pinjaman
[7] Skim jaminan melalui Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad yang dibiayai oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu perniagaan yang terjejas akibat wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS)
[8] Pemindahan dana belum guna sebanyak RM600 juta daripada Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil kepada Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (RM 250 juta) dan Tabung Usahawan Baru 2 (RM350 juta)

Pelan Induk Sektor Kewangan

Senarai Saranan yang Telah Selesai dan Saranan yang Dilaksanakan Secara Progresif

Sektor Perbankan

Saranan yang telah selesai dilaksanakan

S3.4	Melonggarkan sekatan gaji dan mobiliti pekerja dalam industri perbankan bagi membolehkan industri menarik bakat terbaik dan memberikan mereka ganjaran yang setimpal.
S3.5	Menarik balik sekatan ke atas penggajian ekspatriat untuk menarik bakat antarabangsa terbaik bagi memenuhi keperluan kepakaran dalam bidang-bidang perbankan yang spesifik.
S3.6	Menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, iaitu Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi mempertingkatkan lagi tahap urus tadbir korporat.
S3.7	Membenarkan rasionalisasi kumpulan melalui jualan silang produk dan pelarasan proses dalaman serta membenarkan penggabungan bank perdagangan dan syarikat kewangan bagi mempertingkatkan lagi tahap kecekapan dan daya saing.
S3.9	Menyelaraskan pengawalseliaan ke atas syarikat diskaun dan bank saudagar untuk meningkatkan dan membenarkan persaingan saksama antara peserta pasaran.
S3.10*	Menubuhkan bank pelaburan melalui penggabungan bank saudagar dan syarikat broker saham atau syarikat diskaun untuk mengurangkan pertindihan fungsi, mempertingkatkan tahap daya saing dan memperkukuhkan potensi bagi mengambil kesempatan daripada peluang perniagaan yang diperluas dan seterusnya menyumbang ke arah proses transformasi ekonomi.
S3.12	Menggalakkan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga untuk fungsi bukan teras bagi meningkatkan tumpuan strategik dan kecekapan.
S3.14	Menggalakkan penawaran saluran penghantaran baru untuk menambah akses kepada rangkaian produk dan perkhidmatan perbankan bagi meningkatkan daya saing.
S3.15.1 dan S3.15.2	Memudahkan proses notifikasi produk sebagai insentif bagi pembangunan produk baru dan inovatif serta menyediakan garis panduan yang jelas mengenai kriteria notifikasi produk dan keperluan kelulusan bagi produk tertentu.
S3.16a	Memperkenalkan Rangka Kerja Faedah Baru bagi memberi lebih fleksibiliti kepada institusi perbankan, seterusnya menggalakkan penentuan harga produk yang lebih berkesan.
S3.18	Menggalakkan penglibatan institusi perbankan dalam bidang-bidang yang kini disediakan oleh institusi pinggiran bagi menggalakkan persaingan yang saksama dan memelihara perlindungan pengguna dan kepentingan pelabur.
S3.21	Melaksanakan penyeliaan berasaskan risiko dengan fokus penyeliaan terhadap bidang yang berisiko tinggi dan tumpuan yang lebih terhadap institusi-institusi yang lemah.
S3.22a	Mengambil kira risiko pasaran dalam rangka kerja kecukupan modal bagi mempertingkatkan kepekaan terhadap risiko dalam keperluan modal pengawalseliaan yang sedia ada.
S3.23	Membentuk rangka kerja tindakan penguatkuasaan secara formal dan tidak formal bagi memastikan institusi perbankan mengambil tindakan pemulihan ke atas kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan.
S3.26f*	Mempertingkatkan tahap urus tadbir korporat institusi berlesen menerusi penetapan prinsip asas dan standard minimum serta keperluan-keperluan khusus bagi menjamin keselamatan dan keutuhan institusi berlesen.
S3.27	Meningkatkan keberkesanan dan daya saing dalam sistem pembayaran bagi menyokong keperluan ekonomi di samping mengekalkan ciri-ciri keselamatan dan integriti.
S3.28	Membenarkan kuasa pasaran membentuk pembangunan sistem pembayaran bagi meningkatkan persaingan dan inovasi sistem pembayaran.
S3.30*	Membenarkan syarikat pembrokeran wang melengkapkan perkhidmatan pembrokeran melalui telefon dengan menawarkan sistem pembrokeran elektronik kepada pelanggan mereka.

S3.33	Membenarkan institusi perbankan merasionalisasikan rangkaian cawangan bagi memperbaiki taburan cawangan dalam negara.
S3.37	Memperluaskan peranan Biro Pengantaraan Perbankan dengan penubuhan Biro Pengantaraan Kewangan bagi memperkukuh rangka kerja perlindungan pengguna dan memperkembangkan saluran untuk pengguna mendapatkan pembelaan.
S3.39*	Menubuhkan sistem deposit insurans bagi menyediakan tahap perlindungan yang berpatutan kepada pendeposit di samping menggalakkan pengurusan berhemat oleh institusi perbankan.
Saranan yang dilaksanakan secara progresif	
S3.1	Membangunkan dan menyebar luas penanda-penanda aras meliputi seluruh industri bagi membolehkan institusi perbankan domestik menilai prestasi secara relatifnya berbanding peneraju pasaran dan mengenal pasti jurang prestasi. Dengan demikian, institusi perbankan domestik akan peka dengan kekuatan dan kelemahan bandingan masing-masing bagi membangunkan strategi yang sesuai untuk kekal berdaya saing.
S3.2	Mempertingkatkan kesedaran mengenai amalan terbaik melalui pengelolaan latihan-latihan terfokus dan rangkaian seminar untuk pihak pengurusan kanan bagi mempertingkatkan tahap kesedaran mengenai trend dan isu-isu yang dihadapi oleh industri perbankan.
S3.3	Meningkatkan kemahiran kredit para pegawai dan pengurus kredit dengan tujuan menggalakkan keputusan pemberian pinjaman dan amalan kredit yang baik serta memantau keperluan pentauliahan.
S3.8	Menggalakkan institusi perbankan domestik membentuk pakatan strategik dengan institusi perbankan lain atau institusi bukan perbankan agar dapat memberikan pengguna lebih akses terhadap produk dan perkhidmatan bertaraf dunia serta ke arah mencapai standard amalan terbaik antarabangsa.
S3.13	Menghendaki pihak pengurusan institusi perbankan supaya memberi perhatian yang lebih kepada pembangunan informasi dan teknologi komunikasi (ICT) untuk memastikan strategi ICT yang sesuai digunakan sebagai kaedah strategik ke arah penambahbaikan secara menyeluruh dalam institusi perbankan.
S3.15	Menerima pakai falsafah pengawalseliaan 'apa yang tidak dilarang dibenarkan' dan memansuhkan secara berperingkat keperluan untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu bagi penawaran produk baru untuk menggalakkan inovasi.
S3.19	Memudahkan pembentukan sebuah rejim cukai yang kondusif sebagai insentif untuk menggalakkan inovasi melalui penyelidikan dan pembangunan.
S3.24	Melaksanakan sistem amaran awal yang telus dan berstruktur di samping mengadakan langkah-langkah pembetulan segera terhadap institusi perbankan yang lemah bagi menjamin sistem perbankan yang kukuh dan stabil.
S3.32	Menghendaki institusi perbankan untuk menyediakan khidmat nasihat mengenai perancangan kewangan dan pengurusan kepada industri kecil dan sederhana serta peminjam-peminjam kecil bagi membolehkan peminjam-peminjam ini membuat keputusan yang bijak serta memahami aspek perancangan kewangan dan pengurusan secara lebih mendalam.
S3.34	Pembentukan sebuah program pendidikan pengguna yang aktif dan terancang untuk menggalakkan pengetahuan mengenai kewangan dan menggalakkan konsumerisme yang aktif.
S3.36	Menggalakkan para pengguna mencari penyelesaian secara formal melalui pendekatan pentadbiran dan perundangan untuk melindungi para pengguna daripada amalan institusi perbankan yang tidak adil.
Sektor Insurans	
Saranan yang telah selesai dilaksanakan	
S4.1	Menghapuskan sekatan ke atas penggunaan perkhidmatan pihak ketiga bagi membolehkan penanggung insurans meningkatkan lagi kompetensi teras mereka dan mengatur strategi perniagaan yang berkesan.

S4.2	Membenarkan penanggung insurans yang layak untuk menggunakan internet sebagai saluran pengagihan bagi meningkatkan daya saing dan kecekapan industri insurans.
S4.3	Menggalakkan pertumbuhan bankasurans sebagai saluran hantaran alternatif berkos efektif melalui pelaksanaan rangka kerja kawal selia yang lebih fleksibel dalam struktur ganjaran berkaitan urusan bankasurans.
S4.6	Melonggarkan sekatan ke atas penggajian ekspatriat bagi mempercepatkan pembangunan kemahiran dan kepakaran dalam industri.
S4.9*	Memperkenalkan rangka kerja pengawalseliaan dalam pemberian lesen kepada penasihat kewangan bagi meningkatkan standard perkhidmatan kewangan dan membolehkan pengguna mendapatkan khidmat nasihat profesional berhubung dengan produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih meluas.
S4.16	Menaikkan modal berbayar berkanun minimum bagi penanggung insurans untuk meningkatkan daya tahan kedudukan kewangan dan keupayaan untuk bersaing secara berkesan dalam pasaran yang lebih dinyahkawal selia dan liberal.
S4.17	Mengukuhkan peraturan 'layak dan sesuai' bagi ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan penanggung insurans, termasuk standard kelayakan minimum dan keperluan latihan bagi pengarah untuk menggalakkan urus tadbir korporat yang kukuh.
S4.18	Menubuhkan jawatankuasa lembaga dengan tanggungjawab spesifik dan mempertingkatkan standard pendedahan tentang pampasan kepada pengarah dan pihak pengurusan kanan bagi memperkukuh struktur dan proses urus tadbir serta menggalakkan ketelusan.
S4.19	Meningkatkan syarat pengambilan ejen untuk memastikan tahap profesionalisme dan kecekapan yang tinggi di kalangan pengantara insurans.
